

HADITH *AL-DAYN* DALAM *AL-KUTUB AL-SITTAH*: KAJIAN
KEFAHAMAN DAN AMALAN DALAM KALANGAN
KAKITANGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
KUALA LUMPUR

NIK MOHD ZAIM BIN AB RAHIM

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2019

**HADITH *AL-DAYN* DALAM *AL-KUTUB AL-SITTAH*: KAJIAN
KEFAHAMAN DAN AMALAN DALAM KALANGAN
KAKITANGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI
MALAYSIA KUALA LUMPUR**

NIK MOHD ZAIM BIN AB RAHIM

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH
DOKTOR FALFASAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: NIK MOHD ZAIM BIN AB RAHIM

No. Pendaftaran / Matrik: IHA090027

Nama Ijazah: IJAZAH DOKTOR FALSFAH (PhD)

Tajuk ~~Kertas Projek / Laporan Penyelidikan / Disertasi /~~ Tesis (Hasil Kerja):

“Hadith *al-Dayn* Dalam *al-Kutub al-Sittah*: Kajian Kefahaman dan Amalan Dalam Kalangan Kakitangan Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.”

Bidang Penyelidikan: Hadith Muamalat

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa:

1. Saya adalah satu-satunya pengarang / penulis hasil kerja ini;
2. Hasil kerja ini adalah asli;
3. Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang / penulisnya telah dilakukan dalam hasil kerja ini;
4. Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan hasil kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
5. Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta hasil kerja kepada Universiti Malaya (UM) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam hasil kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
6. Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan hasil kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calo

Tarikh: 25/1/2019

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan;

Tandatangan

Tarikh: 27/1/2019

Nama: _____

Jawatan: _____

HADITH *AL-DAYN* DALAM *AL-KUTUB AL-SITTAH*: KAJIAN KEFAHAMAN DAN AMALAN DALAM KALANGAN KAKITANGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA KUALA LUMPUR

ABSTRAK

Kajian ini melibatkan penelitian terhadap hadith-hadith tematik dalam *al-Kutub al-Sittah* dengan tumpuan kepada dua tema iaitu *al-Wafā' bi al-Dayn* dan *Ādab al-Dā'in wa al-Madīn*. Objektif umum kajian ini untuk mengenal pasti hadith-hadith *Dayn* dengan makna hutang. Manakala objektif khusus pula untuk mengenal pasti hadith-hadith mengenai pelunasan hutang dan adab-adab penghutang dan pemiutang serta menganalisis fiqh al-hadith. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman terhadap konsep berhutang menerusi tiga aspek iaitu hukum berhutang, proses dan tanggungjawab terhadap hutang. Kajian juga akan mengukur tahap amalan kakitangan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur terhadap amalan berhutang dari aspek keprihatinan terhadap hutang, pemilihan produk patuh syariah dan sikap bersegera melunaskan hutang. Kajian ini dilaksanakan dalam dua cara iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Bagi kajian kepustakaan, metode analisis kandungan digunakan untuk mendapatkan data interim untuk pengkaji menganalisis melalui metode induktif, deduktif dan komparatif. Dapatan kajian kepustakaan menunjukkan 95 hadith menyokong dua tema yang dikaji iaitu kefahaman dan amalan terhadap hutang dengan masing-masing 50 dan 45 hadith. Bagi kajian lapangan, satu soal selidik dijalankan untuk mengukur tahap kefahaman dan amalan berhutang. Satu ratus enam puluh sembilan kakitangan dari UTM terlibat di dalam kajian ini. Dapatan kajian dari soal selidik mendapati tahap kefahaman responden adalah tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan wujud hubungan positif antara kefahaman dan amalan mengenai hutang dalam kalangan responden. Semakin tinggi tahap kefahaman terhadap hutang, semakin tinggi juga amalan terhadap pelunasan hutang.

HADITH *AL-DAYN* DALAM *AL-KUTUB AL-SITTAH*: KAJIAN KEFAHAMAN DAN AMALAN DALAM KALANGAN KAKITANGAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA KUALA LUMPUR

ABSTRACT

This study involved thorough analysis of thematic hadith in *al-Kutub al-Sittah* with the focus on two themes, namely *al-Wafa' bi al-Dayn* and *Adab al-Da'in wa al-Madin*. The general objective of the study is to identify *Dayn* hadith in relation to the meaning of debt. On the other hand, the specific objectives are to identify the hadith related to debt settlement, the debtor's and creditor's etiquettes and analyse *fiqh al-hadith*. This study also aims to identify the level of understanding in of the concept of debt in three aspects which are the law of debt, processes and responsibility towards the debt. This study also measured the level of practice in debt borrowing etiquettes from the aspects of level of concern of the debt, selection of *shari'ah* compliance scheme and the level of urgency in debt settlement. This study was conducted in two ways which are through literature search and field study. For literature review, documentation method was used to obtain interim data for the researcher to analyse through thematic, inductive and deductive analyses. The findings of the literature search found that a total of 95 hadith support the two themes of the study which are the understanding of debt and the practice in debt settlement with 50 and 45 respectively. For the field study, a survey questionnaire was conducted to measure the level of understanding and practices in debt. Hundred sixty-nine staff from University Teknologi Malaysia participated in the study. The findings of the survey questionnaire found that the level respondents' understanding of debt settlement was high. The findings also show that there is a positive relationship between understanding and practice of debt among respondents. The higher the level of understanding of debt, the higher the practice of debt repayment.

PENGHARGAAN

Bismillāh al-Rahmān al-Rahīm

Syukur alhamdulillah, ke hadrat Allah SWT kerana hidayah-Nya penyusunan tesis ini dapat diselesaikan dan selawat beriringan salam kepada Nabi Besar Muhammad SAW yang telah menghantar manusia dari alam kegelapan ke alam yang penuh dengan ilmu pengetahuan. Tesis yang bertajuk “Hadith *Al-Dayn* Dalam *al-Kutub al-Sittah*: Kajian Kefahaman dan Amalan Dalam Kalangan Kakitangan Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur” telah pengkaji sediakan untuk memenuhi keperluan bagi ijazah Doktor Falsafah Usuluddin Jabatan al-Qur’an dan al-Hadith, APIUM.

Kelancaran penulisan tesis ini tidak terlepas daripada bimbingan para pensyarah dan bantuan daripada pelbagai pihak. Untuk itu diucapkan jutaan terima kasih kepada Prof Madya Dr. Ishak bin Hj Suliaman sebagai penyelia atas tunjuk ajar, keikhlasan dan kesabaran dalam menyelia sehingga mampu menyelesaikan tesis ini. Terima kasih juga kepada Dr. Monika @ Munirah binti Abd Razzak selaku mantan Ketua Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Dr Khadher bin Ahmad Ketua Jabatan al-Quran dan al-Hadith, para pensyarah dan Puan Norlina Mohamad Istar di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur yang telah banyak membantu dan mempermudah segala urusan selama pengkaji menimba ilmu di Jabatan al-Quran dan al-Hadith.

Terima kasih dan penghargaan juga buat semua staf di Bahagian Ijazah Tinggi APIUM termasuk Timbalan Pengarah Ijazah Tinggi, Prof Madya Dr. Mohd Fauzi bin Hamat yang banyak membantu pengkaji dalam pengurusan tesis. Tidak lupa juga kepada En. Abdul Jalil dan para pustakawan lain di APIUM yang dengan senang hati melayan keperluan data pengkaji selama menulis tesis ini.

Penghargaan khas dan ingatan setulus hati kepada bonda tercinta Engku Zaharah Tengku Abdul Rahman atas segala kesabaran, doa dan nasihatnya, semoga Allah SWT selalu memberikan kesihatan dan limpahan rahmat-Nya. Penghargaan juga kepada isteri tercinta, Munirah Abd Razzak dan anak-anak, Nik Muhammad Adib Zakwan, Nik Hannan Danisha dan Nik Nuha Imani yang banyak bersabar, tabah, sentiasa berdoa, berkorban dan sentiasa memberikan sokongan serta menguatkan semangat pengkaji bagi

menyelesaikan tesis ini. Semoga Allah SWT memberikan kebaikan, limpahan rahmat dan hidayah kepada kita semua, Amin.

Terima kasih juga kepada rakan-rakan siswazah Jabatan al-Quran dan al-Hadith dan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan rakan sekerja di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur atas sokongan dan kritikan dalam penyusunan tesis ini. Tidak lupa juga Encik Nawi Abdullah daripada Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya yang banyak membantu pengkaji menyemak data statistik kajian ini. Semoga kalian juga mendapat ganjaran daripada kajian dan penulisan ini seterusnya menyumbang kepada khazanah ilmu ummah, khususnya yang berkaitan dengan al-Quran dan al-Hadith.

Nik Mohd Zaim bin Ab Rahim
Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

No. 24 Jalan Kesuma 5/11
Bandar Tasik Kesuma
43700 Beranang
Selangor Darul Ehsan

Email: nmzaim.kl@utm.my / nikmohdzaim@yahoo.com

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN PENULISAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAAN	v
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xiv
PANDUAN TRANSLITERASI	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xix

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	2
1.3	Pernyataan Masalah	13
1.4	Persoalan Kajian	20
1.5	Objektif Kajian	21
1.6	Kepentingan Kajian	21
1.7	Skop Kajian	22
1.8	Definisi Istilah	23
1.9	Kajian Literatur	26
1.9.1.	Kajian Tentang Hadith Pelunasan Hutang dan Adab-Adab Berhutang	26
1.9.2	Kajian Tentang Kefahaman Masyarakat Terhadap Pelunasan Hutang dan Adab-Adab Berhutang	30
1.9.3	Kajian Terhadap Kefahaman dan Amalan Berhutang Dalam Kalangan Penjawat Awam Di Malaysia	37
1.10	Metodologi Kajian	39
1.10.1	Metodologi Pengumpulan Data	39
1.10.1.1	Metode Kajian Kepustakaan	39
1.10.1.2	Metode Dokumentasi	41

1.10.1.3	Metode Soal Selidik	41
1.10.2.1	Metodologi Analisis Data	52
1.10.2.1	Metode Induktif	52
1.10.2.2	Metode Deduktif	52
1.10.2.3	Metode Perbandingan	53
1.10.2.4	Metode Kuantitatif	53
1.10.2.5	Metode Kualitatif	54
1.11	Sistematika Penulisan	55

BAB 2 : KONSEP *AL-DAYN* MENURUT ISLAM

2.1	Pendahuluan	56
2.2	Pengertian <i>al-Dayn</i>	56
2.3	Pengertian <i>al-Qard</i>	69
2.4	Perkataan <i>al-Dayn</i> Menurut al-Quran	72
2.5	Pensyariatan <i>al-Dayn</i> dan Hukumnya	92
2.6	Sebab-sebab Kewujudan <i>al-Dayn</i>	99
2.6.1	Sebab Secara Langsung	99
2.6.2	Sebab Secara Tidak Langsung	100
2.7	Pembahagian <i>al-Dayn</i>	102
2.8	Rukun <i>al-Dayn</i>	106
2.9	<i>Al-Dayn</i> dan Pandangan Alam	111
2.9.1	Pandangan Alam Islam	112
2.9.2	Pengaruh Pandangan Alam Terhadap Cara Perbelanjaan	114
2.9.3	Konsep Maslahah dan Kepenggunaan Islam	115
2.10	Kesimpulan	116

BAB 3: ANALISIS HADITH *AL-DAYN* DALAM *AL-KUTUB AL-SITTAH*

3.1	Pendahuluan	117
3.2	Kaedah Pemilihan Hadith-hadith <i>al-Dayn</i>	117
3.3	Hadith-hadith Mengenai Pelunasan Hutang	118

3.4	Hadith-hadith Adab Penghutang dan Pemiutang	178
3.4.1	Adab Pemiutang	179
3.4.2	Adab Penghutang	194
3.5	Analisis Taburan Hadith <i>al-Dayn</i>	206
3.5.1	Taburan Hadith Pelunasan Hutang	206
3.5.2	Taburan Hadith Adab Penghutang dan Pemiutang	207
3.6	Status Hadith <i>al-Dayn</i>	209
3.7	Kesimpulan	212

BAB 4: AMALAN BERHUTANG DALAM KALANGAN MASYARAKAT MALAYSIA

4.1	Pendahuluan	214
4.2	Amalan Hutang Masyarakat Malaysia Sebelum dan Selepas Merdeka	215
4.2.1	Amalan Berhutang Masyarakat Malaysia Sebelum Merdeka	215
4.2.2	Amalan Berhutang Masyarakat Malaysia Selepas Merdeka	221
4.3	Instrumen Pembiayaan Hutang Pengguna	223
4.4	Pola Hutang Isi Rumah Malaysia	225
4.5	Amalan Hutang Dalam Kalangan Penjawat Awam	230
4.6	UTM dan Kemudahan Pinjaman Kepada Staf	234
4.6.1	Skim Pinjaman Kenderaan	234
4.6.2	Pinjaman Perumahan Kerajaan	236
4.6.3	Skim Pinjaman Komputer	240
4.7	Koperasi UTM Berhad (KUTMB)	242
4.8	Pinjaman Menerusi Institusi Kewangan	245
4.9	Kesimpulan	246

**BAB 5: ANALISIS KEFAHAMAN DAN AMALAN KAKITANGAN UTM KL
TERHADAP KONSEP HUTANG**

5.1	Pendahuluan	247
5.2	Demografi Responden	248
5.3	Analisis Kefahaman Terhadap Hutang	253
	5.3.1 Analisis Kefahaman Terhadap Hutang Keseluruhan	254
	5.3.2 Analisis Kefahaman Terhadap Konstruk	254
5.4	Analisis Kefahaman Terhadap Hutang	259
5.5	Analisis Terhadap Amalan Pelunasan Hutang	270
5.6	Analisis Tahap Perbezaan Kefahaman Terhadap Hutang Dengan Tahap Amalan Peluasan Hutang	286
5.7	Hubungan Kefahaman Dengan Amalan Kakitangan	287
5.8	Kesimpulan	290

BAB 6: PENUTUP

6.1	Pendahuluan	292
6.2	Pencapaian Kajian	293
6.3	Cadangan dan Saranan Berdasarkan Hasil Kajian	297
6.4	Implikasi Kajian Lanjutan	300
6.5	Penutup	300

BIBLIOGRAFI	302
--------------------	-----

SENARAI LAMPIRAN	322
-------------------------	-----

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1: Pemboleh Ubah Soal Selidik

45

University of Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1: Nama Kitab, Bab dan Bilangan Hadith <i>al-Wafā' bi al-Dayn</i>	119
Jadual 3.2: Nama Kitab, Bab dan Bilangan Hadith <i>Ādāb al-Dā'in</i>	178
Jadual 3.3: Nama Kitab, Bab dan Bilangan Hadith <i>Ādāb al-Madīn</i>	195
Jadual 3.4: Taburan Hadith <i>al-Wafā' bi al-Dayn</i>	207
Jadual 3.5: Taburan Hadith Taburan Hadith <i>Ādāb al-Dā'in</i>	208
Jadual 3.6: Taburan Hadith Taburan Hadith <i>Ādāb al-Madīn</i>	209
Jadual 3.7: Taburan Status Hadith bagi Tema <i>al-Wafā' bi al-Dayn</i>	210
Jadual 3.8: Taburan Status Hadith Bagi Tema <i>Ādāb al-Dā'in</i>	211
Jadual 3.9: Taburan Status Hadith bagi Tema <i>Ādāb al-Madīn</i>	212
Jadual 5.1: Demografi Responden	250
Jadual 5.2: Kefahaman Terhadap Hutang	255
Jadual 5.3: Kefahaman Terhadap Hutang Mengikut Konstruk Hukum Berhutang	256
Jadual 5.4: Kefahaman Terhadap Hutang Mengikut Konstruk Proses Berhutang	257
Jadual 5.5: Kefahaman Terhadap Hutang Mengikut Konstruk Tanggungjawab Terhadap Hutang	258
Jadual 5.6: Kefahaman Konsep Hutang Mengikut Jantina	259
Jadual 5.7: Kefahaman Konsep Hutang Mengikut Umur	260
Jadual 5.8: Kefahaman Konsep Hutang Mengikut Kumpulan Jawatan	261
Jadual 5.9: Kefahaman Konsep Hutang Mengikut Status Perkahwinan	261
Jadual 5.10: Kefahaman Konsep Hutang Mengikut Gred Jawatan	262
Jadual 5.11: Kefahaman Konsep Hutang Mengikut Bilangan Isi Rumah	264
Jadual 5.12: Kefahaman Konsep Hutang Mengikut Taraf Pendidikan	265
Jadual 5.13: Kefahaman Konsep Hutang Mengikut Aliran Pendidikan	266
Jadual 5.14: Analisis Perbezaan Tahap Kefahaman Terhadap Konsep Hutang Mengikut Pendapatan	268
Jadual 5.15: Kefahaman Konsep Hutang Mengikut Pendapatan Bulanan	268
Jadual 5.16: Kefahaman Konsep Hutang Mengikut Pendapatan Bulanan Pasangan	269
Jadual 5.17: Amalan Terhadap Pelunasan Hutang	272
Jadual 5.18: Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Jantina	273
Jadual 5.19: Analisis Perbezaan Tahap Amalan Mengikut Jantina	274
Jadual 5.20: Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Umur	275
Jadual 5.21: Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Kumpulan Jawatan	277

Jadual 5.22: Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Status Perkahwinan	278
Jadual 5.23: Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Gred Jawatan	279
Jadual 5.24: Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Bilangan Isi Rumah	280
Jadual 5.25: Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Taraf Pendidikan	282
Jadual 5.26: Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Aliran Pendidikan	283
Jadual 5.27: Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Pendapatan Bulanan Responden	284
Jadual 5.28: Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Pendapatan Bulanan Pasangan	285
Jadual 5.29: Perbandingan Antara Kefahaman dan Amalan Hutang	287
Jadual 5.30 Hubungan Kefahaman Dengan Amalan Kakitangan UTM Kuala Lumpur	288

PANDUAN TRANSLITERASI

1. Huruf

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ء	'	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamal
ح	ḥ	حديث	ḥadīth
خ	kh	خالد	kḥālīḍ
د	d	ديوان	dīwān
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	raḥmān
ز	z	زمام	zamzam
س	s	سراب	ṣārāb
ش	sh	شمس	shams
ص	s	صبر	sabr
ض	ḍ	ضمير	ḍamīr
ط	ṭ	طاهر	ṭāhir
ظ	ẓ	ظهر	ẓuhr
ع	'	عبد	'abd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qāḍī
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لبن	laban

PANDUAN TRANSLITERASI

1. Huruf

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
م	m	مزمار	mizmār
ن	n	نوم	nawm
هـ	h	هبط	habaṭa
و	w	وصل	wasal
س	y	يسار	yasār

2. Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ا	a	فعل	fa'ala
ي	i	حسب	ḥasiba
و	u	كتب	kutiba

3. Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
آ, ع	ā	كاتب	kātaba
ي	ī	كريم	karīm
و	ū	حروف	hurūf

3. Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
و	aw	قول	qawl
ي	ayy	سيف	sayf
إي	iyy	رجعي	raj' iyy/raj' ī
ؤ	uww	عدو	'aduww/ 'adū

Perkecualian

1. Huruf Arab (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada (a) bukan (‘).
Contoh: Transliterasi: (akbar) bukan (‘akbar).

2. Huruf Arab ةـ (ta’ marbutah) pada perkataan tanpa (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada (t). Contoh: وزارة التعليم.
Transliterasi: wizārat al-Ta‘līm. Tetapi sekiranya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, ta’ marbutah ditransliterasikan kepada (h).

Contoh:	Transliterasi:
المكتبة الأهلية	al-maktabah al-ahliyyah
قلعة	qal‘ah
دار وبعثة	Dār Wahbah

SENARAI SINGKATAN

APIUM	:	Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
Bhd.	:	Berhad
bil.	:	bilangan
BIMB	:	Bank Islam Malaysia Berhad
BPP	:	Bahagian Pinjaman Perbendaharaan
c.	:	cetakan
CIMB	:	Commerce International Merchant Bankers
Dr.	:	Doktor
DYMM	:	Duli Yang Maha Mulia
H.	:	Hijriyyah
HEMA	:	Hal Ehwal Mahasiswa
Ibid.	:	<i>ibidem</i> , iaitu rujukan pada tempat, kitab, buku, fasal atau halaman yang sama dengan sebelumnya
IJN	:	Institut Jantung Negara
IKIM	:	Institut Kefahaman Islam Malaysia
IPTA	:	Institut Pengajian Tinggi Awam
JKR	:	Jabatan Kerja Raya
JUSA	:	Jawatan Utama Sektor Awam
KUTMB	:	Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad
LPPKN	:	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
Ltd.	:	Limited
KWSP	:	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
M.	:	Masihi
no.	:	Nombor
PSZ	:	Perpustakaan Sultanah Zanariah
PTj	:	Pusat Tanggungjawab
r.a.	:	raḍiya Allāh ‘anhu
RMK	:	Rancangan Malaysia Ke-
SAW	:	Ṣalla Allāh ‘alayhi wa sallam
Sdn.	:	Sendirian
SWT	:	Subḥānu wa Ta‘ālā
t.pt.	:	tanpa penerbit

t.t.	:	tanpa tahun
t.tpt.	:	tanpa tempat terbit
terj.	:	Terjemahan
UKM	:	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	:	Universiti Malaya
UTMKL	:	Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur
UTM	:	Universiti Teknologi Malaysia
Y.A.B	:	Yang Amat Berhormat

University of Malaya

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A : Borang Soal Selidik
Lampiran B : Surat Pengesahan Semakan Soal Selidik
Lampiran C : Penulisan dan Penerbitan

University of Malaya

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pengajian hadith merupakan salah satu bidang pengajian yang amat penting dan berpengaruh dalam dunia Islam. Hadith-hadith Nabi SAW telah mengalami proses pengumpulan dan pembukuan (*tadwīn*) sejak kurun kedua Hijrah lagi. Hari ini hadith-hadith Nabi SAW termasuklah *al-Kutub al-Sittah* telah diterbitkan sama ada menerusi media cetak atau media elektronik, dan sebahagiannya telah diterjemah dan diterbitkan menerusi pelbagai bahasa dunia untuk keperluan masyarakat pengguna meneliti dan memahaminya.

Sumbangan para ulama hadith seperti penyusun *al-Kutub al-Sittah* yang terdiri daripada Imām al-Bukhārī, Imām Muslim, Imām Abū Dāwūd, Imām al-Tirmidhī, Imām al-Nasā'ī dan Imām Ibn Mājah cukup besar dan amat bermakna kepada dunia keilmuan Islam seluruhnya. *Al-Kutub al-Sittah* sehingga hari ini masih dijadikan sumber rujukan utama untuk mendapatkan hadith-hadith Nabi SAW secara tematik kerana penyusunannya adalah berdasarkan tajuk-tajuk fiqh (*abwāb al-fiqh*).

Justeru, kajian ini secara umum bertujuan meneliti hadith-hadith Nabi SAW dengan tema hutang atau dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-Dayn* dalam *al-Kutub al-Sittah*. Manakala secara lebih khusus pula, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan

mengumpulkan hadith-hadith bertemakan hutang atau *al-Dayn* dengan subtema *al-Wafā' bi al-Dayn* dan *Ādāb al-Dā'in wa al-Madīn* iaitu pelunasan hutang dan adab-adab berhutang dalam kalangan penghutang dan pemiutang dalam *al-Kutub al-Sittah*.

Kajian ini merupakan gabungan antara kajian kepustakaan dan kajian lapangan yang mana ia juga bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman dan amalan masyarakat pengguna terhadap konsep hutang dan pelunasannya serta mengenal pasti tahap perbezaan kefahaman dan amalan berhutang dalam kalangan masyarakat. Ia juga bertujuan untuk menilai hubungan tahap kefahaman berhutang dengan tahap amalan berhutang dalam kalangan masyarakat.

Menyedari akan pentingnya hadith-hadith tematik seperti tema hutang atau *al-Dayn* ini dihimpunkan dalam satu kajian ilmiah, maka satu kajian perlu dilakukan untuk mengenal pasti, mengumpul dan menghuraikannya untuk dijadikan rujukan pada masa kini dan masa akan datang. Malah tema yang dikaji itu pula dijadikan ukuran untuk menilai dan mengenal pasti tahap kefahaman dan amalan masyarakat terhadap amalan berhutang ini.

1.2 Latar Belakang Masalah

Hadith Nabi SAW adalah sumber kedua dalam Islam. Ia mempunyai beberapa peranan, antaranya seperti sebagai penjelas kepada al-Quran, menjelaskan yang umum, mengkhaskan yang 'ām, dan menerangkan ayat-ayat al-Quran. Selain itu, hadith Nabi SAW juga berperanan sebagai sumber syariat kepada perkara yang tidak dinyatakan dalam al-Quran.

Untuk mengamalkan sesebuah hadith, seseorang itu tidak boleh menggunakan hadith tersebut dan menjadikannya sebagai hujah atau dalil secara langsung sekiranya ia tidak mengetahui ilmu hadith. Maka, atas dasar ini juga, untuk menggunakan sesebuah hadith itu, seseorang itu perlu mengetahui akan hukum hadith tersebut sama ada sahih dan sebagainya. Begitu juga untuk memahami sesuatu hadith, ia tidak boleh difahami dengan meneliti hanya satu atau dua hadith sahaja. Sebaliknya ia memerlukan kepada usaha mengumpulkan sebanyak mungkin hadith yang setema dan berkaitan dengannya dengan mendatangkan pelbagai jalur riwayat dan sebagainya.

Justeru, untuk mengetahui dan memahami hadith-hadith *al-Dayn*, ia perlu kepada usaha pengumpulan dan penganalisan hadith-hadith setema ini untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang konsep dan pelaksanaannya berteraskan hadith dan fiqh al-hadith. Hadith-hadith tema hutang atau *al-Dayn* ini telah banyak dibincang oleh para ulama silam sama ada menerusi karya hadith seperti *al-Kutub al-Sittah* dan kitab ulasannya seperti *Fath al-Bārī* oleh Ibn Hajar al-‘Asqalānī (w. 852 H.) dan *‘Umdah al-Qārī* oleh Badr al-‘Aynī (w. 856 H.), kitab hadith hukum seperti *‘Umdah al-Aḥkām* oleh ‘Abd al-Ghanī al-Maqdisī (w. 600H.) dan *Bulūgh al-Marām* oleh Ibn Hajar al-‘Asqalānī juga menerusi karya fiqh seperti *al-Umm* oleh al-Shāfi‘ī (w. 204 H.), *Mukhtaṣar al-Muzanī* oleh al-Muzanī (w. 264 H.), *Mughnī al-Muḥtāj* oleh al-Sharbīnī atau menerusi karya fiqh semasa seperti *Fiqh al-Islām wa Adillah* oleh Dr Wahbah al-Zuhaylī, *al-Mu‘tamad fī Fiqh al-Shāfi‘ī* oleh Dr Muḥammad al-Zuhaylī dan sebagainya.

Namun begitu, timbul masalah untuk mendapatkan karya atau penulisan yang menghimpun dan menganalisis hadith-hadith berdasarkan tema hutang atau *al-Dayn* ini dalam satu penulisan yang lengkap. Dalam pada itu, terdapat satu penyusunan yang

cukup baik oleh Imām al-Bukhārī menerusi Kitāb al-Istiqrāḍ Bāb Adā' al-Duyūn dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Sebanyak 20 Bāb atau subtema hadith yang diletakkan oleh Imām al-Bukhārī dalam Kitāb ini dan bagi pengkaji, bilangan hadith dan juga subtemanya masih belum merangkumi keseluruhan hadith yang menyentuh mengenai tema yang dikaji. Sementara baki lima buah kitab *al-Kutub al-Sittah* iaitu *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abī Dāwūd*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasā'ī* dan *Sunan Ibn Mājah* hadith-hadith tema ini berada dalam pelbagai Kitāb dan Bāb.

Maka, atas dasar keberadaan hadith-hadith yang dikaji bertebaran dalam *al-Kutub al-Sittah* dan belum ada penyusunan hadith-hadith tersebut dalam satu bentuk pengumpulan yang lebih terarah, pengkaji berhasrat untuk melakukan kajian dengan mengumpul dan menganalisis hadith-hadith *al-Dayn* dalam *al-Kutub al-Sittah* sebagai limitasi sumber mengenai hadith tersebut walaupun tidak menolak kemungkinan banyak lagi hadith berkenaan tema yang dikaji terdapat dalam kitab-kitab selain *al-Kutub al-Sittah*.

Peletakan hadith-hadith hutang atau *al-Dayn* ini dalam *al-Kutub al-Sittah* tidak sebagaimana hadith-hadith tematik dalam bidang muamalat yang lain seperti al-Buyū' yang menjadi tajuk utama atau tajuk besar atau Kitāb dalam sesebuah kitab hadith. Sebagai contoh dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Imam al-Bukhārī meletakkan Kitāb al-Buyū'¹ sebagai Kitāb pertama yang membicarakan tentang muamalat. Ia disusuli oleh Kitāb al-Salam, Kitāb al-Shuf'ah, Kitāb al-Ijārah, Kitāb al-Ḥawālah, Kitāb al-Kafālah, Kitāb al-Wakālah dan Kitāb al-Istiqrāḍ. Pembicaraan mengenai hutang secara khusus

¹ Kitāb al-Buyū' adalah Kitāb ke-34 dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Lihat Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, taḥqīq Muḥib al-Dīn al-Khatīb, Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī & Quṣā Muḥib al-Dīn al-Khatīb, no. hadith 2389, (Kaherah: al-Maṭba'ah al-Salafiyah, 1400H.), 2:72-123.

dinyatakan oleh Imam al-Bukhārī menerusi Kitāb al-Istiqrāḍ wa Adā' al-Duyūn wa al-Ḥajar wa al-Taflīs dengan mengemukakan 20 Bāb dan 45 buah hadith.

Penelitian terhadap *Ṣaḥīḥ Muslim* pula mendapati Imam Muslim meletakkan Kitāb al-Buyū' sebagai tema pertama dalam siri muamalat dan diikuti oleh Kitāb al-Musāqāt dan Kitāb al-Hibah.² Sebahagian daripada hadith tema hutang ini dikemukakan dalam Kitāb al-Musāqāt dan dalam beberapa Kitāb yang lain. Ertinya Imam Muslim tidak mewujudkan satu Kitāb khusus sebagaimana Imam al-Bukhārī yang menyusun satu Kitāb khusus mengenai tema hutang atau *al-Dayn* ini.

Begitu juga dalam *Sunan Abū Dāwūd*, hadith-hadith tematik berkenaan muamalah sebahagiannya dimuatkan dalam Kitāb al-Buyū' dengan 33 Bāb dan juga Kitāb al-Ijārah dengan 52 Bāb.³ Antara Bāb yang berkaitan tema hutang yang diletakkan dalam Kitāb al-Buyū' ialah Bāb fi al-Tashdīd fi al-Dayn, Bāb Maṭl al-Ghanī, Bāb fi Ḥusn al-Qadā'.

Semakan pengkaji terhadap *Sunan al-Tirmidhī* pula mendapati bahawa Imām al-Tirmidhī juga meletakkan Kitāb al-Buyū' sebagai kitab yang memuatkan hadith-hadith berkenaan dengan muamalat dan jual beli.⁴ Kitāb al-Buyū' ini adalah Kitāb ke-12 daripada 46 Kitāb yang ada dalam *Sunan al-Tirmidhī*. Beliau juga sama seperti Imām Muslim dan Imām Abū Dāwūd tidak mewujudkan satu Kitāb khusus untuk

² Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, taḥqīq Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī, no. hadith 991, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1991), 3:1151-1185, 1186-1233, 1234-1248.

³ Kitāb al-Buyū' dalam *Sunan Abī Dāwūd* adalah Kitāb ke-17 daripada 36 Kitāb yang disusun oleh Imam Abū Dāwūd al-Sijistānī. Sementara Kitāb al-Ijārah dalam *Sunan Abī Dāwūd* merupakan Kitāb ke-18 yang memuatkan 52 Bāb. Abū Dāwūd Sulaymān bin al-'Ash'ath al-Sijistānī, *Sunan Abī Dāwūd*, no. hadith 3326-3415, Riyad: Maktabah al-Ma'ārif, t.t.), 600-615 & 616-640.

⁴ al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhī*, no. hadith 1262, (Riyad: Maktabah al-Ma'ārif, t.t.), 3:554.

membicarakan mengenai hutang. Bagi beliau, adalah memadai perbincangan mengenai tema hutang ini dimuatkan dalam Kitāb al-Buyū‘.

Penelitian yang sama juga dilakukan terhadap *Sunan al-Nasā’i* dan *Sunan Ibn Mājah*. Imām al-Nasā’i memuatkan hadith-hadith muamalat termasuk hadith-hadith bertema hutang juga di dalam Kitāb al-Buyū‘ yang merupakan Kitāb ke-44 daripada 52 Kitāb yang ada dalam *Sunan* tersebut.⁵ Sementara itu, penelitian yang dilakukan terhadap kitab *Sunan Ibn Mājah* pula, Imām Ibn Mājah memasukkan hadith-hadith tema muamalat ini di bawah beberapa Kitāb seperti Kitāb al-Tijārāt, Kitāb al-Aḥkām, Kitāb al-Rahūn dan Kitāb al-Shuf‘ah.⁶ Kebanyakan hadith tema hutang ini diletakkan dalam dua Kitāb iaitu Kitāb al-Tijārāt dan Kitāb al-Aḥkām.

Ringkasnya, berdasarkan penelitian dan semakan terhadap *al-Kutub al-Sittah* didapati hanya Imām *al-Bukhārī* menerusi kitabnya, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* sahaja yang mewujudkan satu Kitāb khusus untuk membicarakan mengenai hutang ini. Sementara lima Imām hadith lagi memuatkan tema hutang ini dalam pelbagai Kitāb yang bertemakan muamalat dan lain-lain.

Selain *al-Kutub al-Sittah*, pengkaji juga meneliti beberapa kitab hadith hukum seperti *‘Umdah al-Aḥkām* oleh ‘Abd al-Ghanī al-Maqdisī, *Bulūgh al-Marām* oleh Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī dan *Sharh al-Sunnah* oleh al-Baghāwī. Penelitian pengkaji terhadap kitab *‘Umdah al-Aḥkām* yang mana hadith-hadithnya daripada kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* mendapati Imām oleh ‘Abd al-Ghanī al-Maqdisī memuatkan tema hutang ini secara tidak langsung di bawah Kitāb al-Buyū‘ Bāb al-

⁵ al-Nasā’i, *Sunan al-Nasā’i*, no. hadith 4527, (Riyad: Maktabah al-Ma’arif, t.t.), 682-716.

⁶ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Taḥqīq Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, no. hadith 4132, (Riyad: Maktabah al-Ma’arif, t.t.), 368-395, 395-406.

Salam dengan satu hadith sahaja dan Bāb al-Rahn wa Ghayruh dengan 14 buah hadith.⁷ Namun begitu, hadith-hadith hutang yang dikemukakan oleh al-Maqdisī ini tidak berkaitan tema yang dikaji oleh pengkaji.

Semakan terhadap kitab *Bulūgh al-Marām* oleh Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī pula mendapati hadith-hadith hutang sama ada yang ada berkaitan dengan tema yang dikaji dan sebaliknya, dimuatkan dalam tiga Kitāb iaitu Kitāb al-Buyū‘ Abwāb al-Salam wa al-Qarḍ wa al-Rahn sebanyak 10 buah hadith, Bāb al-Taflis wa al-Hajr juga sebanyak 10 buah hadith) dan Bāb al-Ḥawālah wa al-Ḍamān sebanyak 4 buah hadith).⁸ Semuanya berjumlah 24 buah hadith. Ibn Ḥajar juga mewujudkan Bāb al-‘Āriyah (pinjam meminjam) yang mempunyai 5 buah hadith namun Bāb ini tidak berkaitan dengan tema yang dikaji oleh pengkaji.⁹

Sebuah lagi karya ulama klasik yang diteliti ialah kitab *Sharh al-Sunnah* oleh Imām al-Baghāwī (w. 516 H.). Kitab *Sharh al-Sunnah* ini sebanyak 7 jilid dan Imām al-Baghāwī memuatkan hadith-hadith tema mualamat di bawah Kitāb al-Buyū‘. Pengkaji mendapati 19 buah hadith menerusi 7 Bāb yang berkaitan tema hutang yang dikaji.¹⁰

Penelitian terhadap beberapa kitab fiqh juga mendapati para ulama fiqh tidak meletakkan satu tajuk khusus bagi tema hutang atau *al-Dayn* ini. Sebaliknya ia dimasukkan ke dalam beberapa tajuk atau Kitāb. Sebagai contoh *Mukhtaṣar al-Muzanī*

⁷ Al-Imām al-Ḥāfiẓ ‘Abd al-Ghanī al-Maqdisī, *Umdah al-Aḥkām min Kalām Khayr al-Anām*, Taḥqīq Maḥmūd al-Arna’uṭ, c. 2, (Dimashq: Dār al-Thaqāfah al-‘Arabiyyah, 1408 H./1988), 183-184 & 188-195.

⁸ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Bulūgh al-Marām min Adillah al-Aḥkām*, Taḥqīq Usāmah Ṣalāh al-Dīn Manīmanah, (Beirut: Dār Ihyā’ al-‘Ulūm, 1412H./ 1991), 352-355, 356-360, 361-363.

⁹ Ibid., 367-368.

¹⁰ Abū Muḥammad al-Ḥusayn bin Mas‘ūd al-Baghawī, *Sharh al-Sunnah*, Taḥqīq al-Shaykh ‘Ali Muḥammad Mu‘awwad & al-Shaykh ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1413H./1992), 7:343-353, 357-359.

oleh al-Muzanī (w. 264 H.), beliau membincangkan perihal muamalat dalam Kitāb al-Bay‘, disusuli dengan Kitāb al-Taflīs dan Kitāb al-Wakālah. Imām al-Muzanī memasukkan dua tema mengenai hutang ini di bawah Kitāb al-Taflīs iaitu Bāb al-Dayn ‘alā al-Mayyit dan Bāb Jawāb Ḥabs mā alayh Dayn.¹¹ Begitu juga kitab fiqh kontemporari, *al-Mu‘tamad fī Fiqh al-Shāfi‘ī* yang ditulis Dr Muḥammad al-Zuḥaylī Penulis tidak mewujudkan satu tajuk khusus mengenai hutang atau *al-Dayn* tetapi perbincangan mengenainya berada dalam beberapa tajuk atau dalam kitab tersebut disebut sebagai Bāb seperti Bāb al-Ijārah, Bāb al-Wakālah, Bāb al-Rahn, Bāb al-Ḥajar wa al-Taflīs dan Bāb al-Ḥawālah.¹² Ertinya tema hutang ini dibincang mengikut kesesuaian tema atau poin yang berkaitan dengan sesuatu tajuk atau bab fiqh.

Permasalahan kedua yang timbul melibatkan masyarakat pengguna yang memerlukan kepada kajian lapangan untuk merungkaikannya. Media massa sejak beberapa tahun lepas melaporkan bahawa isu tidak menjelaskan hutang dan perkara-perkara berkaitan dengan pembayaran hutang ini dalam kalangan rakyat Malaysia adalah sesuatu yang amat membimbangkan. Walaupun amalan berhutang merupakan antara amalan yang diharuskan dalam Islam yang antara lain bertujuan untuk membantu manusia sama ada Muslim atau Non-Muslim yang berada dalam kesempitan atau memerlukan bantuan seperti bantuan kewangan bagi memenuhi tuntutan asas seperti makan minum, tempat tinggal dan pendidikan.

Terdapat pelbagai sebab mengapa manusia memilih untuk berhutang. Ada yang beranggapan dengan berhutang, mereka dapat memenuhi segala keperluan dalam kehidupan. Ada juga yang mengira dengan berhutang, ia dapat mengatasi rasa rendah

¹¹ Abū Ibrāhīm Ismā‘īl bin Yahyā bin Ismā‘īl al-Miṣri al-Muzanī, *Mukhtaṣar al-Muzanī fī Furū‘ al-Shāfi‘iyyah*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998), 107-152.

¹² Muḥammad al-Zuḥayli, *al-Mu‘tamad fī Fiqh al-Shāfi‘ī*, (Dimashq: Dār al-Qalam, 1432H./2011), 3:211-487.

diri dengan memiliki sesuatu keperluan (*darūriyyāh*) dan kehendak (*hājīyyāh*) malah kemewahan (*taḥsīniyyāh*), dan dapat menyamai taraf orang lain. Bagi golongan usahawan dan peniaga, berhutang dapat menambahkan modal pusingan dan mengembangkan perniagaan. Sementara bagi golongan miskin pula, berhutang dapat meneruskan kelangsungan hidup seharian. Justeru, dengan perkembangan semasa hari ini, gaya kehidupan manusia semakin kompleks, maka keperluan dan kehendak manusia juga sentiasa berubah dan tidak terbatas. Apatah lagi kemudahan berhutang atau kredit disedia dan ditawarkan secara mudah oleh institusi kewangan (termasuk juga orang perseorangan) untuk memenuhi keperluan dan kehendak manusia tadi. Akhirnya, manusia selaku pengguna dan peminjam akan menghadapi masalah sekiranya hutang tersebut tidak diuruskan dengan baik.

Amalan berhutang hari ini melibatkan berhutang secara individu atau perseorangan, dan berhutang dengan institusi kewangan. Hutang pinjaman menerusi institusi kewangan ini biasanya melibatkan pembiayaan peribadi, pembiayaan kenderaan, pembiayaan perumahan dan pinjaman pendidikan. Yang menjadi masalah di sebalik hutang piutang ini adalah pembayaran balik hutang tersebut kepada pihak pemiutang atau institusi yang menawarkan kemudahan pembiayaan tersebut. Kegagalan penghutang membayar balik hutang dalam tempoh yang ditetapkan menjadi isu serius sejak 10-15 tahun kebelakangan ini.

Mutakhir ini, trend peningkatan jumlah hutang dalam kalangan masyarakat Malaysia semakin membimbangkan. Walaupun perkembangan jumlah hutang isi rumah mampu membawa impak positif kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, namun tidak dapat dinafikan hutang yang tidak terkawal juga turut mampu membawa

kepada masalah kewangan yang teruk.¹³ Perkembangan hutang isi rumah yang mulanya berperanan sebagai suntikan kepada penggunaan juga boleh bertukar menjadi penyebab kepada berlakunya krisis ekonomi.¹⁴

Pada tahun 2010, hutang isi rumah masyarakat Malaysia adalah yang tertinggi di Asia meningkat sebanyak 76.6 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dari tahun 2009.¹⁵ Ia semakin meningkat pada tahun 2011 dengan peningkatan sebanyak 5 peratus dari tahun sebelumnya, 2010.¹⁶ Nisbah bayaran hutang isi rumah rakyat Malaysia juga meningkat dari 39.1 peratus pada tahun 2006 kepada 49.0 peratus pada tahun 2009.¹⁷ Ini bermakna secara purata hampir separuh pendapatan isi rumah digunakan untuk membayar hutang.

Penghujung tahun 2013, hutang isi rumah di Malaysia telah mencecah RM 854.3 billion atau 86.8 peratus daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Nisbah hutang isi rumah kepada KDNK telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya iaitu daripada 86.7 peratus pada tahun 2013 kepada 87.9 peratus pada tahun 2014. Menurut laporan ini juga, tahap hutang isi rumah yang tinggi dijangka kekal dalam beberapa tahun akan datang kerana tempoh pinjaman yang dibuat oleh isi rumah adalah agak lama.¹⁸

¹³ Nur Aisyatul Radiah Alidaniah, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Noor & Mohammed Rizki Moi, Gelagat hutang isi rumah mengikut kaum di Bandar Baru Bangi, Selangor, *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, (2015), 11(11):110-119.

¹⁴ Roza Hazli Zakaria, Radiah Abdul Kader, Noor Ismawati Mohd Jaafar & Sabitha Marican, Burgeoning household debt: An Islamic economic perspective. *Middle-East Journal of Scientific Research*, (2012), 12(9), 1182-1189.

¹⁵ Utusan Malaysia, 20 Oktober 2010.

¹⁶ Utusan Malaysia, 29 Mac 2011.

¹⁷ Utusan Pengguna, Julai-Ogos 2011, 11.

¹⁸ Nur Aisyatul Radiah Alidaniah, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Noor & Mohammed Rizki Moi, Gelagat hutang isi rumah mengikut kaum di Bandar Baru Bangi, Selangor, *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, (2015), 11(11):110 -119.

Sehingga Disember 2015, hutang isi rumah Malaysia berjumlah 87.9 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan ia adalah yang tertinggi di Asia Tenggara. Setahun sebelum itu iaitu pada tahun 2014, nisbah pembayaran hutang isi rumah di Malaysia dilaporkan 43.5 peratus. Ini bermakna hampir separuh pendapatan bulanan isi rumah digunakan untuk membayar balik pinjaman.¹⁹

Di samping itu, terdapat juga beberapa contoh kes individu yang terjebak dalam masalah hutang seperti janda,²⁰ ibu tunggal,²¹ pemandu teksi²² dan lain-lain. Bagi menyelesaikan masalah hutang, ada dalam kalangan mereka telah menggunakan khidmat Ah Long²³ yang akan menjadikan mereka lebih bermasalah dalam kehidupan.

Penjawat awam juga tidak terkecuali daripada belunggu hutang ini. Pelbagai usaha dilakukan untuk mempertingkatkan pendapatan bulanan bagi melunaskan hutang mereka. Ada sebahagian daripada mereka memilih untuk berniaga sama ada di pasar malam, berniaga secara kecil-kecilan, secara online dan lain-lain. Tuntutan dan cabaran hidup di kota raya seperti Kuala Lumpur yang memerlukan kos sara hidup yang agak tinggi menyebabkan sebahagian daripada penjawat awam menjadi pemandu teksi selepas waktu pejabat. Adalah dianggarkan sebanyak 10 hingga 15 peratus daripada

¹⁹ Ainul Huda Mohamed Saaid, *Urus Hutang Anda Dengan Bijak*, (2015), <http://kpdnkk.bernama.com/featuresBm.php?id=1227430> atas talian 20 Oktober 2016.

²⁰ Seorang janda yang terpaksa membayar hutang bekas suami yang menggunakan nama beliau untuk menjalankan perniagaan. Siti Razahah Abd Razak, Exco Persatuan Peguam Syarie Malaysia dalam Soal Jawab Hak Muslim, 26 Julai 2008, www.peguamsyarie.com atas talian 17 Februari 2010.

²¹ Seorang ibu tunggal sanggup berhutang dan menggunakan kad kredit palsu dan dipenjarakan dua tahun. Beliau ditahan kerana cubaan membeli sebuah jam tangan jenis Omega berharga RM 17,150.00 menggunakan kad kredit Emirates Citibank. Utusan Malaysia, 13 September 2008.

²² Hampir 20 orang pemandu teksi yang berhutang dengan Ah Long terpedaya dengan syarikat peminjam wang, Buditumur Credit Resources yang menawarkan pinjaman untuk melangsaikan hutang Ah Long mereka. Sinar Harian, 3 Jun 2008.

²³ Perkataan Ah Long adalah istilah popular bagi 'ceti haram'. Ia merujuk kepada orang perseorangan atau badan yang menawarkan pinjaman kewangan secara haram dengan kadar faedah yang amat tinggi kepada peminjam, disusuli dengan ugutan atau ancaman keganasan. https://ms.wikipedia.org/wiki/Ah_Long. Terdapat pelbagai laporan akhbar yang memaparkan kisah suka duka penindasan dan penipuan Ah Long ini. Antaranya seperti http://ww1.utusan.com.my/utusan/Laporan_Khas/20140202/lk_02/Pinjam-ah-long-bawa-derita-tidak-berkesudahan. Atas talian, 10 Mei 2016.

pemandu teksi di Lembah Klang terdiri daripada penjawat awam.²⁴ Begitu juga dengan para guru. Sebahagian mereka juga turut sama berniaga dengan menggunakan pelbagai medium demi untuk menambahkan pendapatan isi rumah.

Kes-kes daripada masalah hutang yang berlaku akan memberikan impak negatif kepada banyak pihak jika ia tidak ditangani dengan segera dan efektif. Secara umumnya impak yang lahir daripada gejala hutang ini dapat dilihat pada aspek fizikal dan mental sama ada ia melibatkan individu, keluarga, masyarakat dan negara.

Antara impak atau implikasi negatif yang berlaku terhadap individu seperti kecederaan terhadap penghutang²⁵ dan kes muflis²⁶ akan menyukarkan kehidupan individu yang terlibat. Tambah parah dan malang lagi impak negatif yang melibatkan keluarga. Ada dalam kalangan mereka terlibat dengan gejala pelacuran,²⁷ kecurangan terhadap pasangan,²⁸ dan berlaku konflik keluarga²⁹ yang boleh menjejaskan keharmonian keluarga. Tambah parah apabila tahap perkembangan mental anak-anak terjejas. Tekanan demi tekanan yang cukup berat terhadap diri dan ahli keluarga boleh

²⁴ En. Yusof Lahir, Presiden Persatuan Pemandu Teksi, Limosin dan Kereta Sewa Malaysia dlm, Mohd Azmi Abdul Hamid, *Di Sebalik Wajah Pembangunan*, (Kedah: TERAS, 2007), 30.

²⁵ Antaranya seperti http://ww1.utusan.com.my/utusan/Laporan_Khas/20140202/lk_02/Pinjam-ah-long-bawa-derita-tidak-berkesudahan. Atas talian, 10 Mei 2016. Begitu juga laporan Utusan Malaysia, 9 Ogos 2009. Tiga lelaki diperlakukan seperti binatang apabila leher dan kaki mereka dirantai serta dikurung dalam 'lokap' buatan Ah Long. Lebih kejam, mangsa hanya dibekalkan dengan sebuku roti untuk hidup setiap dua minggu dan terpaksa minum air paip dalam bilik kecil yang dilengkapi tandas. Dalam kes lain pula, seorang ibu tunggal diancam dipotong tangan kerana gagal membayar hutang Ah Long serta interest sebanyak RM 22,000.00 setelah berhutang berjumlah RM8,800.00. Lihat Utusan Malaysia, 14 Julai 2009.

²⁶ Utusan Malaysia, 26 Jun 2015. <http://www.utusan.com.my/berita/parlimen/23-484-golongan-belia-muflis-1.107133>

²⁷ <http://www.sinarharian.com.my/edisi/johor/pinjaman-peribadi-ramai-terpedaya-kerana-nafsu-1.367195>

²⁸ Kecurangan boleh berlaku kerana suami mempunyai hutang dan hidup dalam kemiskinan yang keterlaluan. Utusan Malaysia, 19 Mei 2009.

²⁹ Konflik keluarga juga boleh berlaku jika ahli keluarga mempunyai hutang. Pihak pemungut hutang akan sentiasa menghubungi individu dan keluarga yang terlibat. Lebih menakutkan jika dihubungi oleh Al Long. Pertengkar antara ibu dan bapa akan mengakibatkan anak lari dari rumah lantaran tidak wujud ketenteraman dalam rumah. Suami akan melarikan diri dan menyembunyikan diri kerana tidak tahan diburu oleh Ah Long. Berita Harian, 10 Ogos 2008.

menimbulkan kesan yang paling menakutkan iaitu tindakan membunuh diri akibat tekanan bebanan hutang.³⁰

Berdasarkan latar belakang masalah yang dikemukakan di atas, timbul persoalan di sini, sejauh manakah hadith-hadith Nabi SAW menjelaskan tentang tatacara berinteraksi dengan hutang khususnya melibatkan tema pelunasan hutang dan adab penghutang dan pemiutang. Kedua, apakah anggota masyarakat selaku peminjam atau penghutang itu mempunyai kefahaman yang jelas mengenai tatacara berinteraksi dengan hutang dalam Islam? Apakah sikap mereka terhadap hutang tersebut? Justeru, berdasarkan premis inilah, pengkaji terdorong untuk mengenal pasti hadith-hadith Nabi SAW menjelaskan tentang tatacara berinteraksi dengan hutang secara khususnya melibatkan tema pelunasan hutang dan adab penghutang dan pemiutang dan mengenalpasti tahap kefahaman dan amalan masyarakat terhadap hutang.

1.3 Pernyataan Masalah

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa dari satu aspek, terdapat hadith-hadith Nabi SAW yang menyentuh tentang tatacara berinteraksi dengan hutang khususnya aspek pelunasan hutang dan adab-adab penghutang dan pemiutang. Persoalannya, sejauh manakah ia mampu berperanan dan menjadi panduan kepada masyarakat pengguna di sepanjang zaman apabila berinteraksi dengan hutang piutang ini. Untuk itu, kajian ini bertujuan mengenalpasti dan menganalisis hadith-hadith berinteraksi dengan hutang yang kemudiannya dibentuk satu garis panduan berinteraksi dengan hutang berasaskan hadith Nabi SAW.

³⁰ Akibat tertekan dengan hutang judi, seorang lelaki membakar helaian kertas dalam keretanya dipercayai untuk melemaskan diri di sebuah kebun kelapa sawit di Kampung Kelicap, Senggarang, Batu Pahat. <https://www.utusan.com.my/berita/jenayah/bunuh-diri-akibat-hutang-judi-1.390035> Utusan Malaysia, 3 Oktober 2016.

Aspek kedua pula memperlihatkan bahawa amalan berhutang atau meminjam menjadi sebahagian daripada amalan masyarakat hari ini. Pihak penghutang mempunyai pelbagai keperluan dan kehendak. Kerencaman latar belakang seperti tahap kefahaman agama, tahap pendidikan, status sosial, ekonomi dan sebagainya mempengaruhi faktor mereka berhutang.

Kefahaman terhadap konsep hutang dalam Islam yang diterjemahkan dalam amalan seharian sepatutnya menjadikan umat Islam mengamalkan hutang secara berhemah dan sederhana dan tidak terjebak ke dalam hutang yang serius atau disebut dalam istilah ekonomi sebagai hutang baik dan hutang buruk.

Ditinjau dari aspek latar belakang sejarah, ia memperlihatkan masyarakat Melayu tradisional juga terlibat dengan amalan berhutang. Mereka dikenali sebagai '*hamba orang berhutang*' (*debt-slave*) yang terpaksa bekerja untuk membayar hutang kepada pemiutang yang dikenali sebagai 'Tuan Mas'.³¹ Amalan hamba orang berhutang ini diamalkan dalam masyarakat Melayu dahulu berdasarkan enakmen yang dikuatkuasakan pada tahun 1328 Hijrah. Dua sifat orang Melayu yang terlibat dengan hutang iaitu kerana ingin bermewah dan kurang menyimpan telah dirakamkan oleh pihak British.

Pihak British yang menguasai Tanah Melayu ketika itu juga pernah menawarkan skim pinjaman kecil (*Small Credit Scheme*) kepada para orang Melayu untuk tujuan memajukan bidang pertanian.³² Sejarah membuktikan budaya berhutang

³¹ A Rahman Tang Abdullah, Economic Change and Transition of Malay Society in Malaya in Late Nineteenth and Early Twentieth Centuries, *Jurnal Sejarah*, (2012), 20:71-95.

³² Pihak British melalui Kerajaan Selangor pada tahun 1884 menawarkan pinjaman pertanian sebanyak RM 1000.00 setahun. Kemudian pada tahun 1985, pihak Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan skim pinjaman pertanian kepada para petani yang layak. Pihak British melalui Residen Perak dan

dalam kalangan orang Melayu berkait rapat dengan ekonomi pertanian. Pada zaman feodal, sektor pertanian adalah tunjang utama kepada aktiviti ekonomi serta politik. Namun pada zaman penjajahan British mereka mengasingkan sektor pertanian kepada dua kategori iaitu pertanian komersil dan pertanian sara diri. Keadaan inilah yang menjadi antara faktor penyebab kemunduran dan kemiskinan orang Melayu yang mewujudkan budaya berhutang.³³

Kajian menunjukkan bahawa amalan berhutang orang Melayu luar bandar kerana barangan dapur dan hutang wang yang menjurus kepada amalan riba.³⁴ Pihak yang menjadi pemiutang adalah pembesar Melayu yang kaya raya, *Chettiar* dan tauke Cina. *Chettiar* sebagai pemiutang amat sinonim dalam masyarakat Melayu sehingga istilah ceti merujuk kepada golongan yang memberikan pinjaman wang dengan kadar bunga yang tinggi.³⁵ *Chettiar* menjadi tempat mendapatkan hutang kerana mereka dikenali dengan golongan yang baik hati dan melayan pelanggan dengan ramah. Malah apabila hubungan *Chettiar* dengan peminjam ini terlalu rapat, hutang yang diberikan tidak dikenakan cagaran. Keadaan ini menyebabkan aktiviti mengambil hutang meningkat dalam masyarakat Melayu. Catatan sejarah menunjukkan di Parit Buntar, Perak satu pertiga daripada penduduk kampung berhutang dengan *Chettiar*. Kesan dari berhutang ini menyebabkan tanah orang Melayu terlepas kepada golongan *Chettiar*.³⁶

Selangor menawarkan pinjaman minimum sebanyak RM 1000.00 kepada setiap petani yang layak. Lihat A Rahman Tang Abdullah, *Economic Change and Transition of Malay Society in Malaya in Late Nineteenth and Early Twentieth Centuries*, *Jurnal Sejarah*, (2012), 20:71-95.

³³ Ishak Saat, *Malaysia (1945-2000)*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd., (2009), 275.

³⁴ Mokhzani bin Abdul Rahim, *Credit in the Malay Peasant Economy*, (Kuala Lumpur: Arus Intelek Sdn Bhd. & Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Malaya, 2006), 386. Lihat juga Kee-Cheok Cheong, *Book Review Mokhzani, Abdul Rahim (2006). Credit in a Malay Peasant Economy*, (Kuala Lumpur: Arus Intelek and the Faculty of Economics and Administration, University of Malay, 2016), *Malaysian Journal of Economic Studies*, 53(1):165-168,

³⁵ Azharudin Mohd Dali, *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012), 133.

³⁶ *Ibid.*, 146.

Kecenderungan berhutang untuk tujuan kepenggunaan atau konsumerisme menjadikan hutang isi rumah masyarakat Malaysia begitu tinggi. Nisbah hutang isi rumah dengan pendapatan boleh guna pada tahun 2009 adalah 140 peratus berbanding dengan rakyat negara lain seperti Singapura (105 %), Amerika Syarikat (123.3 %), Korea Selatan (101 %), Thailand (52.7%) dan Indonesia (38%).³⁷ Ini menunjukkan secara umum pinjaman atau pembiayaan isi rumah di Malaysia adalah lebih tinggi daripada pendapatan. Oleh kerana ia melibatkan sebahagian rakyat Malaysia adalah diyakini bahawa penjawat awam juga terlibat dengan isu ini. Tambahan pula bagi kakitangan sokongan yang berpendapatan rendah, bekerja serta tinggal di persekitaran ibu kota atau bandar besar mempunyai risiko yang amat tinggi untuk terlibat dalam kes hutang yang serius. Perbelanjaan dan pendapatan yang tidak seimbang akan menyebabkan berlakunya masalah pembayaran balik hutang. Apabila pembayaran hutang tidak diurus dengan baik ia boleh membawa penghutang tersebut diisytiharkan muflis.

Menurut rekod Jabatan Insolvensi Malaysia dari tahun 2005 sehingga Mei 2010, sebanyak 80,348 kes muflis dan secara purata seramai 41 orang muflis setiap hari. Golongan muda yang berusia antara 35 hingga 44 tahun yang paling ramai muflis adalah 31.4 peratus iaitu sebanyak 25,299 kes.³⁸ Jenis hutang yang membawa kebangkrutan yang tertinggi adalah hutang sewa beli kenderaan sebanyak 19,380 kes, hutang pembiayaan peribadi sebanyak 9,464 kes, pembiayaan perumahan sebanyak 6,022 kes dan kad kredit sebanyak 4,417 kes.³⁹ Corak demografi individu yang muflis mengikut jantina, lelaki adalah 70 peratus dan selebihnya adalah wanita. Bandar besar adalah penyumbang yang paling ramai sebanyak 39.61 peratus kes dengan Selangor

³⁷ The Edge, 22 November 2010.

³⁸ Sinar Harian, 4 Disember 2012.

³⁹ Sinar Harian, 4 Disember 2012.

(52,917 atau 21.89 peratus kes) dan Wilayah Persekutuan (42,843 atau 17.72 peratus kes).

Sementara pada tahun 2013 pula, sebanyak 18,179 kes muflis telah didaftarkan dengan purata lebih kurang 50 kes setiap hari. Kes kebangkrutan mengikut kaum menunjukkan kaum Melayu sebagai kaum yang paling ramai diisytiharkan muflis, iaitu sebanyak 11,498 kes yang mewakili 52 peratus daripada jumlah bankrap 2013. Manakala selebihnya terdiri daripada kaum Cina (29%), India (14%) dan lain-lain kaum (4%).⁴⁰

Jelasnya, kaum Melayu dilihat mempunyai lebih kecenderungan hutang kepenggunaan berbanding kaum Cina dan India. Orang Cina paling tidak suka berhutang, manakala kaum India berhutang kerana faktor kemiskinan.⁴¹ Justeru, orang Melayu beragama Islam adalah golongan yang paling ramai dijatuhkan hukuman bankrap oleh pihak Jabatan Insolvensi.

Masalah keberhutangan serius dilihat lebih melibatkan orang Melayu beragama Islam. Kebanyakan mereka adalah kakitangan kerajaan atau swasta. Menurut Setiausaha Agung CUEPACS, Ahmad Shah Mohd. Zin sebanyak 450,000 orang daripada 1.2 juta penjawat awam menghadapi masalah hutang. Mereka berhutang sebanyak 60 peratus dan mempunyai baki pendapatan setelah ditolak hutang hanya

⁴⁰ Nur Aisyatul Radiah Alidaniah, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Noor & Mohammed Rizki Moi, Gelagat hutang isi rumah mengikut kaum di Bandar Baru Bangi, Selangor, *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, (2015), 11(11):110-119. Fakta ini telah dinyatakan pada halaman 10 terdahulu.

⁴¹ Perbandingan tiga kaum dalam amalan berhutang di Malaysia, Melayu sebanyak 46.8 %, India 34.2 % dan Cina 11.1%. Lihat Rokiah Talib, *Credit and Consumer in Malaysia*, dlm. Rokiah Talib & Tan Chee Beng, *Dimensions of Tradition and Development in Malaysia*, (Selangor: Pelanduk Publication, 1995), 226.

tinggal 40 peratus daripada gaji mereka.⁴² Sementara itu, menurut Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), jumlah pembayaran balik semua jenis hutang tidak boleh melebihi 40 peratus dari gaji kasar bulanan.⁴³

Kes-kes berberhutangan yang serius telah memberi imej buruk kepada perkhidmatan kakitangan awam di Malaysia. Berdasarkan Pengurusan Tatatertib Perkhidmatan Awam, suku pertama tahun 2009 iaitu dari Januari hingga Mac, terdapat kes melibatkan kesalahan keberhutangan kewangan yang serius. Sebanyak 80 peratus kes keberhutangan yang serius melibatkan kumpulan sokongan, manakala sebanyak 20 peratus lagi melibatkan kumpulan pengurusan dan profesional. Lebih memburukkan keadaan, pada tahun yang sama seramai 1,086 penjawat awam telah diisytiharkan bankrap oleh Jabatan Insolvensi dengan 72.74 peratus adalah dalam kalangan lelaki.⁴⁴ Kewujudan kes muflis selain mencemarkan imej sektor awam, ia juga memberi kesan besar kepada individu terbabit. Kakitangan awam yang muflis akan kehilangan kemudahan pencen apabila bersara dan kebebasan akan dihadkan serta akan terikat dengan peraturan-peraturan dari Jabatan Insolvensi.⁴⁵

Senario keperluan kakitangan kepada hutang juga berlaku di UTM termasuk kampus Kuala Lumpur. Antara mekanisme untuk membantu kakitangan yang memerlukan bantuan kewangan adalah menerusi penubuhan koperasi. Justeru, Koperasi UTM Berhad (KUTMB) mempunyai seramai 349 ahli daripada kampus Kuala Lumpur dan 2369 dari Skudai. KUTMB memperoleh dana pembiayaan dari

⁴² Utusan Malaysia, 30 Jun 2009.

⁴³ Pecahan untuk pendapatan bulanan yang disyirkan ialah 1/3 diperuntukkan untuk perbelanjaan, 1/3 untuk hutang dan 1/3 lagi untuk tabungan. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), *Power! Pengurusan Wang Ringgit Anda*, (Kuala Lumpur, AKPK, 2011), 31.

⁴⁴ Mohd Kamal Azman bin Jusoh, *Konsep Hutang Dalam Islam: Satu Kajian Terhadap Kefahaman dan Amalan Kakitangan UiTM*, Tesis PhD Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, (2014), 14.

⁴⁵ Ibid.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada tahun 2015 untuk tujuan Pembiayaan Peribadi (Bai Al Inah) sebanyak RM1,873,000.00 dan tiada dana yang disalurkan daripada SKM kepada pembiayaan untuk tahun 2016.⁴⁶

Menurut Puan Zahidatun Najah Md Abas, Pengurus Kewangan & Pentadbiran di Ibu Pejabat Koperasi UTM Berhad (KUTMB) Johor Bahru,⁴⁷ jumlah pembiayaan peribadi ahli koperasi yang melibatkan kakitangan daripada kampus Skudai dan Kuala Lumpur adalah sebanyak RM 10,457,415.00 bagi tahun 2015 dan RM 13,182,900.00 bagi tahun 2016. Pinjaman Al-Qard pula berjumlah RM 887,650.00 bagi tahun 2015 dan RM 978,050.00 bagi tahun 2016. Sementara pinjaman pelaburan sebanyak RM 36,485,000.00 bagi tahun 2015 dan RM 2,585,000.00 bagi tahun 2016.

Berdasarkan tiga jenis jumlah pembiayaan di atas bagi tahun 2015 dan 2016, ia menunjukkan peningkatan jumlah pinjaman. Ertinya keperluan terhadap hutang dan pinjaman untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan kehidupan semakin meningkat. Dari sudut pembayaran balik pinjaman ahli koperasi, pihak KUTMB tidak menghadapi masalah kerana ia diperolehi menerusi potongan gaji bulanan.

Antara punca dikenal pasti adalah untuk menampung kos sara hidup kota yang tinggi di samping beberapa keperluan lain. Justeru, sebahagian kakitangan sokongan ada yang terlibat dengan kerja lebih masa (*over time*) pada hujung minggu iaitu bertugas sebagai pembantu operasi kepada kelas program separuh masa yang dijalankan oleh UTM SPACE pada hari Sabtu dan Ahad.

⁴⁶ Puan Zahidatun Najah Md Abas adalah Pengurus Kewangan & Pentadbiran, Ibu Pejabat Koperasi UTM Berhad (KUTMB), No. 16A, Jalan Besi 2, Taman Sri Putri, 81300 Skudai, Johor Bahru, Johor Darul Takzim. Sumber emel najah@kutmb.coop pada 15 Februari 2017.

⁴⁷ Ibid.

Berdasarkan fakta dan kes yang dikemukakan di atas, membuktikan wujudnya kepincangan dalam kefahaman dan amalan berhutang secara Islam dalam kalangan masyarakat Islam khususnya penjawat awam beragama Islam di negara kita. Sehubungan itu, walaupun ramai pengguna telah menerima sistem perbankan Islam dan pembiayaan secara Islam, namun apa yang membimbangkan ialah hutang pembiayaan tersebut menjadi satu liabiliti bukan hanya kepada peminjam tetapi kepada ahli keluarganya. Malah mereka juga turut menerima implikasi negatif sekiranya hutang tersebut tidak diuruskan dengan baik.

Maka, atas dasar inilah kajian mengenai kefahaman dan amalan berhutang dalam Islam berteraskan kepada dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Hadith amat diperlukan dan hasilnya dijangka mampu menyelesaikan permasalahan yang melibatkan hutang piutang dalam kalangan penjawat awam di Malaysia. Pengkaji merasakan hasil kajian nanti akan dapat membantu masyarakat dan pihak majikan juga dalam pengurusan hutang secara Islam. Penyelesaian lebih menjurus kepada bagaimana pendekatan keagamaan mampu menawarkan solusi terbaik kepada permasalahan dan gejala hutang yang sedang hangat melanda negara mutakhir ini.

1.4 Persoalan Kajian

Merujuk kepada latar belakang permasalahan kajian yang telah dinyatakan di atas, kajian ini dilakukan untuk mendapatkan solusi kepada beberapa persoalan berikut:

- i. Apakah konsep *al-dayn* atau hutang menurut Islam?
- ii. Apakah penjelasan hadith-hadith Nabawi yang berautoriti mengenai pelunasan hutang dan adab-adab pemiutang dan penghutang?

- iii. Apakah tahap kefahaman dan amalan kakitangan UTM Kuala Lumpur mengenai hutang?
- iv. Apakah wujud tahap perbezaan kefahaman dan amalan berhutang kakitangan UTM Kuala Lumpur berdasarkan demografi?
- v. Apakah hubungan antara tahap kefahaman dengan tahap amalan berhutang dalam kalangan kakitangan UTM Kuala Lumpur?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini secara umum bertujuan mengenal pasti hadith-hadith *al-dayn* atau hutang dari sudut pelunasan hutang dan adab-adab penghutang dan pemiutang dalam *al-Kutub al-Sittah*. Manakala secara khusus ia bertujuan seperti berikut:

- i. Membincangkan konsep *al-dayn* dari perspektif Islam.
- ii. Menganalisis hadith-hadith pelunasan hutang dan adab-adab pemiutang dan penghutang yang berautoriti.
- iii. Menganalisis tahap kefahaman dan amalan berhutang dalam kalangan kakitangan UTM Kuala Lumpur.
- iv. Mengenalpasti tahap perbezaan kefahaman dan amalan berhutang kakitangan UTM Kuala Lumpur berdasarkan demografi.
- v. Menilai hubungan tahap kefahaman berhutang dengan tahap amalan berhutang kakitangan UTM Kuala Lumpur.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang amat penting berdasarkan lima perkara berikut:

- i. Kajian ini dijangka dapat mengetengahkan konsep *al-Wafā' bi al-Dayn* dan *Adāb al-Dā'in wa al-Madīn* berdasarkan hadith-hadith Nabi SAW yang berautoriti.
- ii. Kajian ini juga diharap dapat membuka ruang yang lebih luas lagi kepada kajian ilmu hadith *riwāyah* mengenai konsep hutang dan hadith pelunasan hutang dan adab pemiutang bagi membantu mengatasi isu-isu yang berkaitan dengan hutang dan keberhutangan dalam kalangan masyarakat Islam khususnya kakitangan UTM Kuala Lumpur.
- iii. Kajian ini juga dijangka dapat mengemukakan panduan secara analitis mengenai tatacara berhutang selari dengan tema *al-Wafā' bi al-Dayn* dan *Adāb al-Dā'in wa al-Madīn* dalam konteks hutang dan pinjaman di Malaysia.
- iv. Kajian mengenai tahap kefahaman dan amalan berhutang dalam kalangan kakitangan UTM Kuala Lumpur amat penting untuk menyediakan maklumat yang tepat serta mengenalpasti keadaan sebenar fenomena berhutang dalam kalangan mereka dan juga tahap perbezaan kefahaman dan amalan berhutang berdasarkan demografi.
- v. Kajian ini juga dapat mengenal pasti hubungan antara tahap kefahaman dengan tahap amalan berhutang dalam kalangan kakitangan UTM Kuala Lumpur.

1.7 Skop Dan Batasan Kajian

Skop kajian ini ialah hadith-hadith *al-Dayn* dengan tema *al-Wafā' bi al-Dayn* dan *Adāb al-Dā'in wa al-Madīn* dalam *al-Kutub al-Sittah* yang meliputi pelunasan hutang dan adab-adab penghutang dan pemiutang. Penelitiannya mengandungi tiga bahagian.

Bahagian pertama merupakan pengenalanpastian hadith-hadith *al-dayn* dengan tema *al-Wafā' bi al-Dayn* dan *Adāb al-Dā'in wa al-Madīn* dalam *al-Kutub al-Sittah*. Bahagian kedua merupakan analisis terhadap hadith-hadith tersebut dari aspek *riwāyah*.

Bagi menjadikan kajian ini lebih berfokus, ditetapkan batasan-batasan seperti berikut:

- i. Batasan subjek kajian. Subjek kajian ini terhad kepada hadith-hadith *al-Dayn* dengan tema *al-Wafā' bi al-Dayn* dan *Adāb al-Dā'in wa al-Madīn* dalam *al-Kutub al-Sittah* sahaja. Oleh itu, kajian yang dijalankan dalam rangka mengenal pasti hadith-hadith yang berkaitan dan juga ulasan hadith.
- ii. Batasan sampel dan kawasan kajian ini hanya melibatkan kakitangan di Universiti Teknologi Malaysia Kampus Kuala Lumpur sahaja.
- iii. Batasan analisis. Analisis kajian dilakukan secara deskriptif dan juga kolerasi antara angkubah bersandar dan angkubah tidak bersandar dalam konteks dapatan kajian lapangan.

1.8 Definisi Istilah

Tajuk bagi penyelidikan ini ialah *Hadith al-Dayn Dalam al-Kutub al-Sittah: Kajian Terhadap Kefahaman dan Amalan Berhutang Dalam Kalangan Kakitangan UTM Kuala Lumpur*. Pengkaji menjelaskan beberapa istilah penting yang terdapat dalam tajuk ini.

1.8.1 Hadith

Perkataan hadith merujuk kepada sesuatu yang disandarkan kepada Nabi SAW sama ada perkataan, perbuatan, atau pengakuan atau sifat kejadian atau akhlak. Hadith juga merujuk kepada sesuatu yang disandarkan kepada sahabat dan tabi'in.⁴⁸

1.8.2 Al-Dayn

Perkataan *al-dayn* dalam Bahasa Arab mempunyai beberapa makna, iaitu *al-jazā'* (pembalasan), *al-dhill* (hina), *al-ḥal* (sekarang), *al-sulṭān* (menguasai), *al-wara'* (warak), *al-qahr* (memaksa), *al-ma'ṣiyah* (maksiat), perhitungan, *al-tā'ah* (taat), agama, adat istiadat serta *al-sunnah* (jalan hidup).⁴⁹ Al-Quran memberikan makna *al-dayn* sebagai hutang.⁵⁰ Manakala dalam hadith-hadith Nabi SAW, *al-Dayn* diertikan sebagai hutang yang meliputi hak Allah SWT dan hak hamba yang berkaitan dengan tanggungan (*al-dhimmah*).

Dalam kajian ini *dayn* merujuk kepada makna yang lebih khusus iaitu suatu tanggungan harta (hutang) seseorang terhadap orang lain yang terhasil daripada suatu kontrak (*'aqd*) atau pinjaman (*qard*).

1.8.3 al-Kutub al-Sittah

Al-Kutub al-Sittah bermaksud enam buah kitab hadith iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* oleh Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ Muslim* oleh Imām Muslim, *Sunan al-Tirmidhī* oleh Imām al-

⁴⁸ Muhammad 'Aja al-Khatib, *Uṣūl al-Ḥadīth*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1989), 28.

⁴⁹ Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin al-Mukarram bin Manzūr, *Lisān al-'Arab*, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1423H./2003), 3:465.

⁵⁰ Lihat al-Qur'ān, Surah al-Nisā' 4: 11-12. Perkataan *dayn* dalam dua ayat ini diertikan dengan hutang.

Tirmidhi, *Sunan Abī Dāwūd* oleh Imām Abū Dāwūd al-Sijistānī, *Sunan al-Nasā'ī* oleh Imām al-Nasā'ī dan *Sunan Ibn Mājah* oleh Imām Ibn Mājah al-Qazwīnī.

1.8.4 Kefahaman

Perkataan kefahaman membawa maksud keupayaan (kemampuan) memahami, faham tidaknya seseorang akan sesuatu yang dipelajarinya (dibaca dan sebagainya).⁵¹ Dalam konteks kajian ini, kefahaman yang akan dikaji ialah kefahaman responden terhadap hukum, proses dan tanggungjawab berhutang.

1.8.5 Amalan

Terdapat dua maksud bagi perkataan amalan. Pertama, ia bermaksud sesuatu yang dilakukan (dilaksanakan, dikerjakan) sebagai suatu kebiasaan. Kedua, perbuatan baik atau kebajikan.⁵² Pengkaji memilih maksud pertama iaitu bermaksud sesuatu yang dilakukan sebagai suatu kebiasaan dalam masyarakat. Ertinya amalan berhutang adalah amalan kebiasaan dalam sesebuah masyarakat bagi individu yang memerlukannya untuk memenuhi keperluan dan kehendak kehidupan. Hari ini, amalan berhutang ini pula selari dengan trend masa kini yang menjadikan kebanyakan pembelian barangan menerusi kad kredit dan sebagainya.

⁵¹ *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 348.

⁵² *Ibid.*, 33.

1.8.6 Kakitangan UTM Kuala Lumpur

Kakitangan UTM Kuala Lumpur bermaksud staf akademik dan bukan akademik yang bertugas di pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTj) dan Fakulti di UTM Kampus Kuala Lumpur. Pekerja am tidak termasuk dalam kategori kakitangan UTM.

1.9 Kajian Literatur

Terdapat pelbagai kajian yang secara langsung atau tidak langsung bersangkutan paut dengan kajian ini. Secara keseluruhannya, kajian ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah kajian terhadap hadith-hadith pelunasan hutang dan adab-adab berhutang serta *fiqh al-hadith*nya. Bahagian kedua ialah kajian terhadap kefahaman dan amalan masyarakat terhadap tatacara berinteraksi dengan hutang iaitu pelunasan dan adab penghutang dan pemiutang.

1.9.1 Kajian Tentang Hadith Pelunasan Hutang dan Adab-Adab Berhutang

Untuk tujuan kajian ini, pengkaji menumpukan kepada hadith-hadith mengenai pelunasan hutang dan adab-adab berhutang dalam *al-Kutub al-Sittah*. Penelitian terhadap tema kajian menemukan beberapa kajian seperti *Ahkām al-Dayn Dirāsah Ḥadīthiyyah Fiqhiyyah* oleh Sulaymān bin ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-‘Azīz al- Qaṣīr.⁵³ Tesis yang kemudiannya diterbitkan sebagai buku ini mengemukakan hadith-hadith mengenai *al-Dayn* atau hutang yang meliputi beberapa tema seperti *al-bay‘ bi al-ajal* (jualan tangguh), jualan salam (tempahan), *al-qard* (pinjaman yang tidak bertempoh),

⁵³ Kajian ini adalah kajian peringkat sarjana di Fakulti Usuluddin Universiti Imam Muhammad Sa‘ud di Riyad, Arab Saudi pada tahun 1424 Hijriyyah. Ia kemudiannya diterbitkan sebagai buku. Sulaymān bin ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-‘Azīz al-Qaṣīr, *Ahkām al-Dayn Dirāsah Ḥadīthiyyah Fiqhiyyah*, (Riyād: Kunūz Ishbīliyyā li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1426H./2005).

karahiyyah al-dayn (kebencian terhadap hutang), *tawthīq al-dayn* (dokumentasi hutang), penunaian hutang (*wafā' al-dayn*) dan adab penghutang dan pemiutang.

Kajian Sulaymān bin ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-‘Azīz al-Qaṣīr ini sebenarnya adalah sebuah tesis sarjana di Fakulti Usuluddin Universiti Imam Muhammad Sa‘ud, di Riyad, Arab Saudi pada tahun 1424 H. Kajian beliau berbentuk deskriptif dan tema-tema hadith yang dikumpulkan itu misalnya dalam tema *al-bay' bi al-ajal* sebanyak 15 buah hadith dikemukakan dan bagi tema *al-qard* pula sebanyak 20 hadith dikemukakan menerusi empat fasal iaitu galakan berhutang atau meminjam, larangan mensyaratkan manfaat terhadap barangan yang diberikan hutang, hukum terhadap pemiutang yang menerima hadiah daripada penghutang dan hukum penambahan terhadap nilai (*qīmah*) yang diberikan hutang atau pinjaman. Beliau membincangkan fiqh al-hadith bagi setiap tema di atas selepas mengemukakan hadith-hadith bagi setiap subtajuk.

Tuntasnya, kajian ini dapat dijadikan pijakan bagi hadith-hadith yang dikaji oleh pengkaji kerana ia telah melalui satu proses akademik yang autentik di universiti. Setelah penerokaan dan huraian terhadap hadith-hadith dilakukan, pengkaji berhasrat melakukan kajian secara kuantitatif pula untuk melihat sejauh mana kefahaman dan amalan masyarakat terhadap konsep yang dikemukakan.

Terdapat juga kajian berjudul *Aḥkām al-Duyun* oleh Sayyid bin Rajab.⁵⁴ Ia mengemukakan hadith-hadith mengenai hukum berhutang yang dicerakinkan daripada kitab-kitab hadith utama seperti *al-Kutub al-Tis'ah*. Dalam buku ini, penulis mengemukakan hadith berdasarkan tajuk-tajuk fiqh seperti Bāb Thawāb al-Dayn, Bāb Thawāb Ḥusn al-Taḳāḍī wa intizār al-Mu‘sir dan perbincangan ringkas mengenai fiqh

⁵⁴ Sayyid bin Rajab, *Aḥkām al-Duyūn*, ed. Muṣṭafā al-‘Adawī, c. 3, (Manṣūrah: Dār Ibn Rajab, 2002).

al-hadith yang dinyatakan itu. Jelasnya, perbincangan mengenai hadith dan fiqh al-hadith dalam buku ini tidaklah sedetail kitab *Aḥkām al-Dayn Dirāsah Ḥadīthiyyah Fiqhiyyah* oleh Sulaymān bin ‘Abd Allāh di atas. Dapatan kajian ini juga membantu pengkaji menyediakan kerangka penyusunan subtema-subtema hadith yang lebih tersusun mengenai tema hadith yang dijadikan subjek kajian. Ini kerana kitab-kitab hadith klasik sama ada *maṣādir* atau *marāji‘* tidak memuatkan hadith dalam tema yang dikaji ini pada satu Kitāb atau Bāb yang khusus.

Pengkaji juga menemui satu kajian peringkat PhD oleh Dr Mazīd bin Ibrāhīm bin Ṣāliḥ al-Mazīd yang bertajuk *Istifā’ al-Duyūn fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah*. Walaupun tesis kedoktoran ini dalam bidang syariah dan fiqh perbandingan daripada Universiti al-Qaṣīm, Riyad, Arab Saudi pada tahun 1415H., namun sebahagian isi kandungannya boleh dimanfaatkan dalam konteks kajian mengenai pelunasan hutang seperti Bab Satu iaitu *Istifā’ al-dayn min al-madīn al-malī al-mumāṭil wa al-madīn al-muflis* dan Bab Dua tesis iaitu *Istifā’ al-dayn fī ḥāl i‘sār al-madīn aw wafātuḥu aw gḥaybatuḥu*.⁵⁵ Antara poin yang dapat dijadikan landasan pijakan ialah definisi yang lengkap mengenai istilah *al-dayn* dan *al-dhimmah* yang dibincang dalam Bab Pendahuluan, tuntutan hutang daripada penghutang yang suka menangguk pembayaran bila tiba masanya yang disentuh dalam Bab Pertama tesis yang merangkumi pengertian penanggukan pembayaran hutang dan sebagainya, dan juga mekanisme menuntut hutang daripada orang yang muflis turut dibincangkan. Dalam Bab Kedua tesis pula, disentuh mengenai mekanisme menuntut hutang daripada orang yang berada dalam kesusahan, penghutang yang meninggal dunia dan penghutang yang menghilangkan diri daripada pihak pemiutang.⁵⁶

⁵⁵ Mazīd bin Ibrāhīm bin Ṣāliḥ al-Mazīd, *Istifā’ al-Duyūn fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah*, (Dammām: Dār Ibn al-Jawzi, 1431H.), 27-310; 313-462.

⁵⁶ Ibid.

Satu kajian peringkat PhD juga yang dikesan ialah kajian Dr Muḥammad Ḥasan Abū Yaḥya bertajuk *al-Istidānah fi al-Fiqh al-Islāmī*. Tesis ini juga dalam bidang syariah dan fiqh perbandingan di Fakulti Syariah, Universiti Jordan tahun 1979 namun ia tidak berkaitan dengan tajuk yang dikaji oleh pengkaji.⁵⁷ Walaupun begitu, sebahagian bahan dalam tesis dapat dimanfaatkan seperti isu-isu mengenai tuntutan hutang daripada orang muflis, penghutang yang sakit berpanjangan, penghutang yang disahkan kurang siuman dan sebagainya.⁵⁸

Kajian di peringkat sarjana oleh Sulaymān bin ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-‘Azīz al-Qaṣīr dalam *Aḥkām al-Dayn* dan *Aḥkām al-Duyun* oleh Sayyid bin Rajab lebih tertumpu kepada pemaparan hadith-hadith secara deskriptif mengenai hutang dan tema-tema yang berkaitannya seperti yang telah dijelaskan di atas iaitu jualan tangguh, jualan salam, dokumentasi hutang dan sebagainya. Manakala kajian kedoktoran oleh Dr Mazīd bin Ibrāhīm bin Ṣāliḥ al-Mazīd yang bertajuk *Istīfā’ al-Duyūn fi al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah* dan Dr Muḥammad Ḥasan Abū Yaḥya yang berjudul *al-Istidānah fi al-Fiqh al-Islāmī* adalah kajian berteraskan fiqh.

Adapun penulisan lain terutama dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, pengkaji mendapati para penulis tidak mengkaji secara mendalam hadith-hadith dalam tema yang dibincangkan lantaran fokus kajian mereka lebih terarah kepada kajian berbentuk kuantitatif iaitu untuk mengukur atau mengenal pasti bentuk pelaksanaan atau aplikasi konsep atau teori yang digunakan. Sebagai contoh kajian yang dilakukan oleh Azrina Sobian dan Fatimah Abdul Rahman pada tahun 2010 bertajuk *Pinjaman Peribadi Hasil Kajian Terhadap Masyarakat Malaysia* dan kajian di peringkat

⁵⁷ Muhammad Hasan Abu Yahya, *al-Istidānah fi al-Fiqh al-Islāmī*, (‘Ammān: Maktabah al-Risālah al-Ḥadīthiyyah, 1990).

⁵⁸ *Ibid.*, 150-158.

kedoktoran pada tahun 2014 oleh Mohd Kamal Azman Jusoh yang bertajuk *Konsep Hutang Dalam Islam: Satu Kajian Terhadap Kefahaman dan Amalan Kakitangan UiTM* yang akan disentuh dalam perbincangan selanjutnya.

Penelitian bahan dalam kajian lepas ini hanya menfokuskan kepada kajian mengenai hadith-hadith pelunasan hutang dan adab-adab berhutang. Justeru, walaupun banyak kajian yang dilakukan mengenai hutang, pengkaji tidak memasukkannya ke dalam kajian ini kerana ia berada di luar skop kajian. Oleh itu, hanya kajian yang menepati tema khusus iaitu *dayn* atau hutang sahaja dimasukkan ke dalam perbincangan mengenai kajian lepas ini.

1.9.2 Kajian Tentang Kefahaman Masyarakat Terhadap Pelunasan Hutang dan Adab-Adab Berhutang

Kajian mengenai hutang umumnya telah banyak dilakukan oleh para pengkaji sama ada dalam atau luar negara. Antara tema hutang yang dikaji adalah konsep hutang, kemungkiran bayaran balik hutang atau pinjaman, hutang isu rumah dan isu kebangkrapan atau muflis.

(a) Kajian Mengenai Konsep Hutang

Antara kajian yang dikesan mengenai konsep hutang dalam Islam ialah kajian peringkat PhD oleh Mohd Kamal Azman Jusoh yang bertajuk *Konsep Hutang Dalam*

*Islam: Satu Kajian Terhadap Kefahaman dan Amalan Kakitangan UiTM.*⁵⁹ Begitu juga beberapa artikel yang dihasilkan daripada tesis beliau seperti:

- i. *Kefahaman dan Amalan Hutang Dalam Islam: Kajian Terhadap Hutang Peribadi dan Kad Kredit Kakitangan Kerajaan / Mohd Kamal Azman bin Jusoh.*
- ii. *Konsep Hutang Dalam Islam: Kajian Terhadap Kefahaman Kakitangan Awam Mengikut Gred Jawatan di UiTM / Mohd Kamal Azman bin Jusoh dan Atikullah bin Abdullah.*
- iii. *Perbandingan Kefahaman Konsep Hutang Islam Mengikut Kampus: Kajian Terhadap Kakitangan Awam di Universiti Teknologi MARA (UiTM) / Dr. Mohd Kamal Azman Jusoh, Prof. Madya Rasid Muhamad, Abd Khalil Mohd Khalid, Mohammad Yusof Hassan, Aiza Budin.*

Kajian yang dilakukan oleh Azrina Sobian dan Fatimah Abdul Rahman (2010), *Pinjaman Peribadi Hasil Kajian Terhadap Masyarakat Malaysia*, menfokuskan kepada meninjau pandangan dan sikap umat Islam terhadap pinjaman peribadi menerusi pinjaman formal dan tidak formal. Sebanyak 131 respondens yang diterima sebagai sampel kajian yang melibatkan para peserta yang menghadiri program anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) sekitar Lembah Klang dan Pahang sahaja.⁶⁰ Dapatan utama kajian ini menunjukkan bahawa responden memahami kebaikan dan keburukan pinjaman peribadi namun pandangan mereka terhadap hutang peribadi patut digalakkan adalah bercanggah dengan kehendak Islam yang tidak menggalakkan amalan berhutang.

⁵⁹ Mohd Kamal Azman Jusoh, *Konsep Hutang Dalam Islam: Satu Kajian Terhadap Kefahaman dan Amalan Kakitangan UiTM*. Tesis PhD USM, Tidak diterbitkan, (Pulau Pinang: USM, 2014).

⁶⁰ Azrina Sobian dan Fatimah Abdul Rahman, *Pinjaman Peribadi Hasil kajian Terhadap Masyarakat Malaysia*, (Kuala Lumpur: IKIM, 2010), 2-3.

(b) Kemungkiran Bayaran Balik Hutang

Sementara isu berkaitan kemungkiran bayaran pinjaman atau hutang telah banyak dibincangkan oleh ramai pengkaji luar seperti kajian Garman et. al, Kim et. al dan lain-lain. Namun hanya beberapa kajian yang mengkaji isu ini di Malaysia seperti kajian oleh Norhasni Binti Zainal Abiddin,⁶¹ Mohd Sollehudin Shuib, Mohammad Taquiuddin Mohamad & Ahmad Azam Sulaiman,⁶² Azira binti Azmi⁶³ dengan kajian *Masalah-masalah Kutipan Balik Pinjaman Perniagaan: Satu Kajian di Majlis Agama Islam Melaka, Agihan Bahagian Zakat*.

Begitu juga dengan kajian Muhammad Izzat Mohamed dan Tamat Sarmidi pada tahun 2014 yang bertajuk *Faktor Kemungkiran Membayar Balik Hutang Pengajian: Skop Kajian Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional*.⁶⁴

(c) Hutang Isi Rumah

Bagi pinjaman peribadi yang dilihat lebih menjurus kepada hutang isi rumah, terdapat beberapa kajian seperti kajian La Cava dan Simon pada tahun 2003 yang mendapati kekangan kewangan isi rumah berpunca daripada peningkatan jumlah hutang isi rumah.⁶⁵ Isi rumah yang berhutang terpaksa memperuntukkan sejumlah

⁶¹ Norhasni Binti Zainal Abiddin, *Pembayaran Balik Pinjaman Pelajaran MARA*, Tesis Sarjana Sains Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, (2000).

⁶² Mohd Sollehudin Shuib, Mohammad Taquiuddin Mohamad & Ahmad Azam Sulaiman, Kemungkiran Pemaju dalam Produk Pembiayaan Perumahan Secara Islam: Analisis Pendekatan Penyelesaian, *Jurnal Pengurusan*, (2013) 38,141-149.

⁶³ Azira binti Azmi, *Masalah-Masalah Kutipan Balik Pinjaman Perniagaan: Satu Kajian di Majlis Agama Islam Melaka, Bahagian Agihan Zakat*, Latihan Ilmiah Sarjana Muda Perbankan dan Kewangan Islam (Kepujian), Kolej Universiti Islam Melaka Akademik Pengajian Islam, (2015).

⁶⁴ Muhammad Izzat Mohamed & Tamat Sarmidi, Faktor Kemungkiran Membayar Balik Hutang Pengajian: Skop Kajian Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, *Prosiding PERKEM ke-9*, (2014), 813-818.

⁶⁵ Hutang di sini merujuk kepada pembiayaan gadai janji pembelian rumah.

wang daripada pendapatannya untuk membayar hutang. Dalam kes di Australia, 125 peratus daripada pendapatan boleh gunanya untuk membayar hutang.⁶⁶ Begitu juga dengan kajian Silvia Magri pada tahun 2003. Beliau menganalisis faktor-faktor penentu penglibatan isi rumah Itali ke dalam pasaran hutang. Antara hasil kajian beliau adalah secara amnya orang Itali kurang berhutang iaitu pada tahun 1998 hanya 19 peratus sahaja isi rumah di Itali mempunyai hutang. Ia berbeza dengan hutang isi rumah masyarakat di Jerman yang mempunyai 42 peratus hutang isi rumah, 66 peratus di Belanda dan 74 peratus di Amerika Syarikat. Daripada jumlah di atas, 12 peratus isi rumah di Itali memilih pinjaman pengguna berbanding 23 peratus di Jerman, 32 peratus di Belanda dan 49 peratus di Amerika Syarikat.⁶⁷

Kebanyakan kajian yang dijalankan di Malaysia yang berkaitan dengan hutang isi rumah adalah lazimnya berkisar mengenai isu hutang kad kredit seperti kajian Zafar U. Ahmed et al. (2010),⁶⁸ Zuroni Md Jusoh & Lim Len Yin (2012),⁶⁹ Siti Rahayu Hussin et al. (2013),⁷⁰ hutang generasi muda oleh Nazni Nordin et al. (2012),⁷¹ hutang isi rumah di Malaysia dalam kajian Norhana Endut & Toh Geok Hua pada tahun 2009,⁷² Azlina Zainal Abidin et al. pada tahun 2013⁷³ dan hutang isi rumah dalam

⁶⁶ Gianni La Cava & John Simon, *A Tale of Two Surveys: Household Debt and Financial Constraints in Australia*, Reserve Bank of Australia, Research Discussion Paper 2003-08 (July), (2003).

⁶⁷ Silvia Magri, *Italian Households Debt: Determinations of Demand and Supply*, Bank of Italy, Discussion Paper No. 454 (October), (2003).

⁶⁸ Zafar U. Ahmed, Ishak Ismail, M. Sadiq Sohail, Ibrahim Tabsh & Hasbalaila Alias, Malaysian consumers' credit card usage behavior. *Asia Pacific Journal of Marketing and Logistics*, (2010), 22 (4), 528-544.

⁶⁹ Zuroni Md Jusoh & Lim Len Yin, Personal financial knowledge and attitude towards credit card practices among working adults in Malaysia. *International Journal of Business and Social Science*, (2012), 3 (7), 176-185. http://www.ijbssnet.com/journals/Vol_3_No_7_April_2012/20.pdf

⁷⁰ Siti Rahayu Hussin, Salin A Kassim & NurAien Jamal, Credit card holders in Malaysia: Customer characteristics and credit card usage. *Journal of Economics and Management*, (2013), 7(1), 108-122.

⁷¹ Nazni Noordin, Zaherawati Zakaria, Mohd Zool Hilmie Mohamed Sawal, Kamarudin Ngah & Zaliha Hj Hussin, Bankruptcy among young executives in Malaysia. *International Conference on Economics Marketing and Management*, (2012), 28, 132-136.

⁷² Norhana Endut & Toh Geok Hua, Household debt in Malaysia. *BIS Papers No 46*, (2009), 107-116.

⁷³ Azlina Zainal Abidin, Tamat Sarmidi & Abu Hassan Shaari Md Nor, Jurang pendapatan dan hutang isi rumah, *Prosiding PERKEM VIII*, Jilid 1 (2013), 445-459.

konteks Islam oleh Roza Hazli Zakaria et al. pada tahun 2012⁷⁴ dan kajian oleh Maznita Mokhtar & Azman Ismail pada tahun 2013.⁷⁵ Terdapat juga kajian mengenai sikap isi rumah terhadap hutang dan keberhutangan oleh Nurshahirah Azman et. al pada tahun 2013.⁷⁶ Sementara itu, pada tahun 2014 pula, Nursila Ahmad, Tamat Sarmidi dan Abu Hassan Shaari Md Nor mengkaji 'Hutang Isi Rumah dan Akses Kewangan: Bukti Analisis Panel Dinamik.'⁷⁷ Kajian ini lebih tertumpu kepada kajian makro mengenai ekonomi antarabangsa yang antara lain menyimpulkan bahawa kecairan dalam kekangan kredit perlu dibendung bagi mengelakkan risiko krisis kewangan akibat hutang isi rumah daripada sistem kewangan yang tidak kukuh. Justeru, kajian ini tidak berkaitan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji.

Sehubungan itu, pihak Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan Untuk Pengguna, Malaysia (*ERA Consumer Malaysia*) dan Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC) telah menjalankan satu kajian terhadap perilaku dan tabiat kewangan golongan pekerja muda. Kajian berdasarkan kaji selidik ini mensasarkan kepada golongan pekerja muda yang berusia antara 18 tahun hingga 35 tahun di sekitar wilayah tengah Semenanjung Malaysia (Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya). Responden dipilih berdasarkan pangkalan data yang diberikan oleh Jabatan Statistik Malaysia. Saiz sampel kajian tersebut ialah sebanyak 1,002.⁷⁸ Hasil kajian telah

⁷⁴ Roza Hazli Zakaria, Radiah Abdul Kader, Noor Ismawati Mohd Jaafar & Sabitha Marican, Burgeoning household debt: An Islamic economic perspective. *Middle-East Journal of Scientific Research*, (2012), 12(9), 1182-1189.

⁷⁵ Maznita Mokhtar & Azman Ismail, Shariah issues in managing household debt: the case of Malaysia (isu-isu shariah dalam pengurusan pinjaman seisi rumah: kes Malaysia). *Jurnal Pengurusan*, (2013), 37, 63-76.

⁷⁶ Nurshahirah Azman, Roza Hazli Zakaria & Sabitha Merican, Sikap isi rumah terhadap hutang dan keberhutangan: Kajian di Lembah Klang, Malaysia, *The Malaysia Journal of Social Administration*, (2013), 9(1):59-86.

⁷⁷ Nurshila Ahmad, Tamat Sarmidi & Abu Hassan Shaari Md Nor, Hutang Isi Rumah dan Akses Kewangan: Bukti Analisis Panel Dinamik, Kertas kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9) di Kuala Terengganu, Terengganu pada 17-19 Oktober 2014, dlm. *Prosiding PERKEM ke-9*, 819-832.

⁷⁸ *Majalah Ringgit*, Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia, Petaling Jaya, (2012), 1-3 & 7. Untuk menangani tentang isu-isu pengurusan kewangan yang lemah dalam kalangan pekerja muda,

menunjukkan bahawa lebih kurang 47% pekerja muda mempunyai hutang yang serius, iaitu lebih daripada 30% daripada gaji bulanan mereka digunakan untuk membayar hutang Pembiayaan tetap bulanan mereka terdiri daripada pinjaman rumah, pinjaman kereta, pinjaman peribadi, pinjaman pelajaran dan insurans.

Di samping itu, terdapat juga kajian terhadap amalan berhutang golongan muda oleh Abdul Basit Hodari, Tamat Sarmidi & Norlida Hanim Mohd Salleh pada tahun 2014. Kajian ini mengkaji punca atau sebab golongan muda berhutang di Malaysia. Antara dapatan kajian mereka mengenai mengapa golongan muda berhutang ialah keperluan memenuhi tanggungjawab kepada rumahtangga seperti tempat tinggal, kenderaan, pendidikan anak-anak yang masih kecil, dan kos sara hidup yang semakin meningkat.⁷⁹

Setelah melihat kepada kajian-kajian di atas, pelbagai perkara yang mempunyai kaitan dengan hutang isi rumah. Kebanyakan kajian menjelaskan tentang pelbagai faktor yang menyebabkan peningkatan hutang isi rumah seperti peningkatan kos sara hidup, pendapatan, keperluan asas dan lain-lain. Kajian-kajian tersebut juga mendapati beberapa jenis hutang yang menjadi bebanan terutama hutang kad kredit.

Selain itu, kajian yang dibuat oleh Standard and Poors Rating Services pada tahun 2013 menunjukkan masyarakat Malaysia mempunyai kadar hutang isi rumah yang tinggi akibat nilai hartanah yang meningkat secara mendadak. Maka tidak

FOMCA telah mencadangkan supaya ditubuhkan Suruhanjaya Pendidikan Kewangan Kebangsaan untuk menyepadukan dan menyelaras pendidikan kewangan bagi semua sektor, termasuk sekolah, pekerja muda, masyarakat dan keluarga. Pendidikan kewangan dapat membantu pengguna dalam menguruskan kewangan mereka dengan lebih baik serta mempunyai pengetahuan tentang sesuatu produk dan perkhidmatan kewangan.

⁷⁹ Abdul Basit Hodari, Tamat Sarmidi & Norlida Hanim Mohd Salleh, Hutang dan Golongan Muda di Malaysia: Satu Kajian Awal, *Prosiding PERKEM ke-9*, (2014), 833-844.

hairanlah jika dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan golongan muda membuat pinjaman untuk membeli rumah kediaman yang merupakan aset hartanah. Bagi memenuhi keperluan tempat tinggal, mereka perlu berhutang dengan nilai yang tinggi.⁸⁰

Menurut Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia (BNM) 2013, nisbah hutang isi rumah kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi tahun 2013 berada di atas paras 86.8%. Angka ini menjadikan Malaysia antara negara yang mempunyai kadar hutang isi rumah yang tertinggi di rantau Asia Pasifik untuk tahun tersebut.⁸¹

Jika dilihat kepada nisbah pembayaran balik hutang (*debt repayment ratio*) iaitu nisbah pendapatan isi rumah yang diperlukan untuk membayar balik hutang isi rumah, ia sesuatu yang membimbangkan. Ini diakui oleh pihak BNM yang menyatakan bahawa hutang yang berlebihan yang tidak berpadanan dengan pendapatan boleh menyebabkan isi rumah terdedah kepada kejutan yang tidak terduga. Kesan kejutan ini boleh juga meningkatkan risiko ke atas perbelanjaan isi rumah dan kestabilan pertumbuhan ekonomi negara.⁸²

Berdasarkan kajian lepas yang dikemukakan di atas, masih kurang kajian yang meletakkan asas keagamaan khususnya hadith Nabi SAW yang berinteraksi dengan hutang sebagai panduan utama dalam menilai dan mengukur tahap kefahaman dan amalan berhutang masyarakat khususnya penghutang di Malaysia.

⁸⁰ Ibid.

⁸¹ Bank Negara Malaysia, *Laporan Tahunan 2013*, (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2013), 73. Lihat juga Muhammad Hisyam Mohamad, *Pandangan Alam dan Hubungkaitnya Dengan Peningkatan Hutang Isi Rumah*, dlm. Nor Hartini Saari & Mohamad Azhar Hashim (pnyt.), *Hutang Isi Rumah Malaysia Cabaran dan Penyelesaian*, (Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 2016), 1.

⁸² Ibid., 3.

Justeru, sekiranya aspek dalam maqāsid shari'ah seperti *darūriyyah* (keperluan biasa), *hājiyyah* (keperluan biasa) dan *taḥsīniyyah* (keperluan keselesaan) dapat difahami dan dipraktikkan oleh penghutang atau pengguna muslim ketika berinteraksi dengan hutang, tentunya ia dapat menghindari mereka agar tidak terpesong daripada landasan yang telah ditetapkan oleh Islam.

1.9.3 Kajian Terhadap Kefahaman dan Amalan Berhutang Dalam Kalangan Penjawat Awam Di Malaysia

Kajian terhadap kefahaman dan amalan berhutang dalam kalangan penjawat awam di negara kita biasanya dihubungkan dengan sektor kewangan dan perbankan. Setakat penelitian pengkaji, belum ada lagi tajuk yang secara khusus mengenai tajuk yang dikaji. Apatah lagi kajian yang melihat secara lebih dekat tahap perbezaan dan hubungan atau kolerasi antara tahap kefahaman dan amalan penjawat awam khususnya kakitangan UTM Kuala Lumpur.

Sebagaimana dinyatakan sebelum ini, terdapat satu kajian PhD oleh Mohd Kamal Azman Jusoh yang bertajuk *Konsep Hutang Dalam Islam: Satu Kajian Terhadap Kefahaman dan Amalan Kakitangan UiTM*.⁸³ Tesis ini mengkaji mengenai kefahaman dan amalan berhutang kakitangan UiTM di tiga kampus berasingan iaitu Kampus Pahang, Kampus Shah Alam dan Kampus Pulau Pinang. Kajian ini menfokuskan kepada amalan berhutang dari aspek pembiayaan hutang yang melibatkan empat jenis pembiayaan hutang iaitu pembiayaan perumahan, pembiayaan kenderaan, hutang kad kredit dan pinjaman peribadi.

⁸³ Mohd Kamal Azman Jusoh, *Konsep Hutang Dalam Islam: Satu Kajian Terhadap Kefahaman dan Amalan Kakitangan UiTM*. Tesis PhD USM, Tidak diterbitkan, (Pulau Pinang: USM, 2014).

Walau bagaimana pun, kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji adalah berlainan dengan kajian di atas. Tesis kedoktoran di atas mengkaji amalan berhutang peminjam berdasarkan jenis pinjaman mereka, sedangkan pengkaji ingin mengenal pasti tahap kefahaman dan amalan berhutang ini berteraskan fiqh al-hadith yang berkaitan dengan tema hutang atau *dayn* yang mana terasnya kefahaman terhadap hutang dilihat dari tiga sudut iaitu hukum, proses dan tanggungjawab melunaskan hutang. Sementara dari sudut amalan pula kajian akan dilakukan tentang amalan keprihatinan terhadap pelunasan hutang, amalan pemilihan skim patuh syar'i, dan sikap bersegera dalam melunaskan hutang.

Terdapat kajian di peringkat sarjana oleh Khairudin Ali pada tahun 2011 yang bertajuk *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kesedaran Menangani Masalah Keberhutangan Serius di Kalangan Penjawat Awam di Kuala Lumpur*.⁸⁴ Projek Sarjana Sains (Pengurusan) ini mengkaji tentang faktor-faktor pengetahuan, sikap, penguatkuasaan undang-undang dan kempen mempengaruhi tahap kesedaran penjawat awam dalam menangani isu keberhutangan serius. Secara keseluruhan kajian tersebut membuktikan bahawa terdapatnya hubungan yang signifikan antara jantina, bangsa, pendidikan, pendapatan dan jumlah perbelanjaan penjawat awam dengan tahap kesedaran mengenai keberhutangan serius. Dapatan kajian juga menyebut bahawa sikap, pengetahuan dan penguatkuasaan undang-undang mempengaruhi tahap yang signifikan terhadap tahap kesedaran oleh penjawat awam dalam menangani isu keberhutangan serius.

⁸⁴ Khairudin Ali, *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kesedaran Menangani Masalah Keberhutangan Serius di Kalangan Penjawat Awam di Kuala Lumpur*, Tesis Sarjana Sains (Pengurusan), Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia, 2011.

Atas dasar inilah, pengkaji merasakan bahawa kajian mengenai hutang yang berteraskan hadith-hadith Nabi SAW dengan tema pelunasan hutang sebagai paksi utama masih wajar dilakukan dan dipadankan dengan metode kajian lapangan berbentuk kuantitatif untuk mengenal pasti tahap kefahaman dan amalan masyarakat pengguna mengenai tajuk yang dikaji.

1.10 Metodologi Kajian

Kajian ini adalah gabungan dua metodologi penyelidikan iaitu yang berdasarkan kajian kepustakaan (*library research*) dan kajian lapangan (*field research*). Berikut adalah metodologi yang digunakan di dalam penyelidikan ini:

- i. Metodologi Pengumpulan Data
- ii. Metodologi Analisis Data

1.10.1 Metodologi Pengumpulan Data

Metodologi ini digunakan untuk mendapatkan data-data yang diperlukan bagi penulisan kajian. Hasil dari pengumpulan data, maka pentafsiran data dan fakta dapat dilakukan.

Antara kaedah yang digunakan untuk mengumpul data adalah:

1.10.1.1 Metode Kajian Kepustakaan

Metode kajian kepustakaan ini amat penting untuk mendapatkan data asas atau landasan teori bagi keseluruhan kajian. Pengkaji menggunakan metode ini untuk mendapatkan gambaran keseluruhan mengenai konsep *dayn* dalam Islam terutama

bersumberkan al-Quran dan al-Hadith sebagai dua teras utama sumber ilmu dalam Islam.

Kajian kepustakaan merupakan bahagian awalan dalam kajian ini. Ia merangkumi aktiviti pengumpulan data berkaitan dengan subjek kajian. Dokumen berbentuk penulisan yang diperolehi membantu menyediakan maklumat serta fakta yang diperlukan dalam kajian ini. Ini amat penting dalam proses penganalisan terhadap konsep hutang dan perkara yang berkaitan dengannya.

Justeru sumber kajian adalah berdasarkan al-Quran al-Karim, Hadith Nabawi, kitab tafsir dan *sharh* hadith, fiqh dan sebagainya. Semua sumber ini adalah sumber primer. Sementara buku, jurnal, kertas kerja, akhbar dan bahan-bahan bertulis yang berkaitan dengan tajuk kajian dijadikan sebagai sumber sekunder. Dapatan tersebut dianalisis dan dinilai secara kritis selaras dengan tajuk kajian.

Dalam memperoleh bahan-bahan di atas, pengkaji turut memanfaatkan kemudahan perpustakaan yang disediakan oleh pihak Universiti seperti Perpustakaan Universiti Malaya (UM) dan juga Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) Kuala Lumpur dan Nilam Puri, Perpustakaan Sultanah Zanariah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia (UPM) dan sebagainya. Di samping itu, rujukan kepada beberapa laman web untuk mendapatkan bahan dalam bentuk digital yang membenarkan ia dimuat turun seperti www.waqfeya.com dan www.dorar.net. Begitu juga laman web hadith seperti *maktabah shāmilah* dan lain-lain.

1.10.1.2 Metode Dokumentasi

Data-data yang berbentuk dokumentasi merujuk kepada bahan-bahan berbentuk dokumen seperti buku atau kitāb, jurnal, tesis dan disertasi, majalah, ensiklopedia, akhbar, kertas kerja dan lain-lain bahan berbentuk dokumen. Pengkaji berusaha mengumpulkan bahan-bahan berbentuk dokumen bertulis yang berkaitan dengan tajuk kajian sama ada mendapatkannya daripada institusi pengajian, perpustakaan dan sebagainya. Untuk itu, pengkaji mengaplikasikan sepenuhnya metode ini untuk menyelesaikan perbincangan dalam Bab Pendahuluan, Bab Pertama, Bab Kedua dan Bab Ketiga.

1.10.1.3 Metode Soal Selidik

Kajian lapangan dilakukan terhadap kakitangan di Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur. Terdapat beberapa justifikasi pemilihan mereka sebagai responden kajian iaitu

- i. Kedudukan kampus UTM Kuala Lumpur di tengah ibu kota yang memerlukan kos sara hidup yang tinggi yang menjadi cabaran dan tekanan bagi sebahagian orang.
- ii. Pemilihan Kampus UTM Kuala Lumpur sebagai lokasi kajian turut mengambil kira kediaman kakitangan yang kebanyakannya tinggal dalam sekitar 30 km daripada kampus, terutama kakitangan sokongan yang tinggal dalam sekitar 15-20 km daripada kampus. Dapatan ini hasil survey dan temu bual pengkaji dengan sejumlah kakitangan UTM Kuala Lumpur.

- iii. Kepelembagaan gred jawatan daripada gred paling bawah dalam sektor perkhidmatan awam hinggalah kepada gred yang tinggi seperti JUSA boleh didapati dalam kampus di Kuala Lumpur ini.
- iv. Gred jawatan yang menjadi signifikan dalam kajian ini adalah kakitangan sokongan iaitu Gred 29 ke bawah yang menjadi asas kepada kajian ini dilakukan.

Metode soal selidik digunakan dalam kajian lapangan ini untuk mendapatkan data daripada responden. Pengumpulan data dalam kajian lapangan ini dilakukan menggunakan borang soal selidik yang dibina berdasarkan data yang diperoleh daripada kajian kepustakaan. Data yang diperoleh ini adalah data primer yang digunakan untuk menjawab objektif ketiga, keempat dan kelima kajian.⁸⁵

Metode yang digunakan di dalam kajian ini ialah dengan menggunakan kaedah soal selidik di mana lebih daripada 500 orang responden dari pelbagai latar belakang pendidikan dan jawatan telah diambil sebagai cadangan sampel kajian. Jumlah ini adalah pada peringkat cadangan di awal kajian. Namun berlaku perubahan terhadap jumlah responden setelah berakhirnya tempoh menjawab soal selidik yang diajukan kepada mereka.

Kaedah persampelan yang terlibat ialah kaedah persampelan rawak mudah. Manakala analisis deskriptif menerusi frekuensi telah digunakan bagi menjelaskan ciri-ciri responden dan tahap kefahaman dan amalan responden terhadap hutang. Pengkaji

⁸⁵ Objektif kedua kajian ialah menganalisis tahap kefahaman dan amalan berhutang dalam kalangan kakitangan UTM Kuala Lumpur. Objektif ketiga ialah mengenalpasti tahap perbezaan kefahaman dan amalan berhutang kakitangan UTM Kuala Lumpur berdasarkan demografi. Objektif keempat kajian ialah menilai hubungan tahap kefahaman berhutang dengan tahap amalan berhutang kakitangan UTM Kuala Lumpur.

juga menggunakan analisis varians (ANOVA) untuk melihat perbezaan tahap kefahaman dan amalan mengikut demografi manakala Ujian-t (*t-test*) digunakan bagi bagi konstruk yang mempunyai dua kategori untuk perbezaan mengikut demografi dan Ujian ANOVA Sehala (*One Way ANOVA*) iaitu Nilai F (*f-value*) bagi konstruk yang mempunyai lebih daripada dua kategori.

(a) Pentadbiran Soal Selidik

Soal selidik adalah antara alat ukur yang popular dan selalu digunakan dalam penyelidikan. Ia mampu mendapatkan maklumat berkaitan fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya.⁸⁶ Dalam kajian ini, soal selidik boleh menyediakan maklumat mengenai kefahaman dan amalan berhutang yang dikaji. Perolehan maklumat yang tepat bergantung kepada sejauh mana kefahaman dan penghargaan responden terhadap soal selidik. Oleh itu, pembentukan soal selidik yang tepat dan betul dan mudah difahami oleh responden serta menjawab persoalan dan objektif kajian perlu dilakukan oleh pengkaji.

(b) Pembinaan Soal Selidik

Terdapat tiga tahap atau fasa dalam pembinaan soal selidik dalam kajian ini iaitu fasa rangka pemboleh ubah (*variable*) soal selidik, pembinaan item soal selidik dan kajian rintis soal selidik.

⁸⁶ Ananda Kumar Palaniapan, *Penyelidikan dan SPSS (PASW)*, (Kuala Lumpur: Prentice Hall, 2009), 101.

i) Rangka Pemboleh Ubah Soal Selidik

Soal selidik ialah rangkaian soalan yang dibina atau distrukturkan berdasarkan beberapa pemboleh ubah yang dikenal pasti untuk menghasilkan data bagi menjelaskan permasalahan yang dikaji. Pemboleh ubah atau angkubah amat diperlukan dalam aktiviti penilaian dan pengukuran⁸⁷ sesuatu penyelidikan. Untuk itu, pengkaji menyenaraikan pemboleh ubah yang hendak diukur berdasarkan persoalan dan objektif kajian. Penentuan dan pemilihan pemboleh ubah ini dilakukan menerusi beberapa perbincangan dengan pihak yang mempunyai kepakaran dalam bidang sains sosial.⁸⁸

Justeru, dalam kajian ini pemboleh ubah bersandar (*dependent variable*)⁸⁹ adalah kefahaman dan amalan berhutang yang menjadi landasan teori kajian. Pemboleh ubah tidak bersandar (*independent variable*)⁹⁰ pula adalah kumpulan demografi yang akan diuji dan memberi kesan kepada pemboleh ubah bersandar. Maka, dalam hal ini, pengkaji dapat mengetahui ciri-ciri demografi yang signifikan terhadap kefahaman dan amalan berhutang responden yang dikaji.

Secara ringkasnya, gambaran hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar dapat dilihat pada Rajah 1.1 di bawah:


⁸⁷ Sulaiman Masri, *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 2003), 6.

⁸⁸ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan (Buku 1)*, (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2006), 279.

⁸⁹ *Dependent variable* adalah landasan atau perkara asas kajian. Tujuan utama pengkaji dalam kajian ini adalah untuk mendapatkan data mengenai kefahaman dan amalan berhutang dalam kalangan kakitangan UTM Kampus Kuala Lumpur. Lihat Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan (Buku 1)*, (Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2006), 279.

⁹⁰ *Independent variable* akan memberi kesan kepada *dependent variable*. Lihat Uma Sekaran, *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*, (United States: John Wiley & Sons Inc, 2003), ed. 4, 89.

Rajah 1.1 Rangka Pemboleh Ubah Soal Selidik



ii) Pembinaan Soal Selidik

Setelah selesai menentukan rangka pemboleh ubah soal selidik, pengkaji mula membentuk soalan soal selidik. Walaupun tiada cara yang tetap dan standard dalam membina soal selidik,⁹¹ namun soalan sebegini mampu menjawab persoalan dan objektif kajian. Untuk itu, pengkaji telah merangka soalan berdasarkan landasan teori iaitu tema-tema dan poin-poin penting yang didapati ketika membahaskan *fiqh al-hadith* dalam Bab 3. Pada peringkat awal, pengkaji menyediakan sebanyak mungkin soalan yang berkaitan dengan tema-tema yang dibincang kemudian menerusi beberapa siri sesi perbincangan dengan beberapa pensyarah, soalan-soalan tadi dikurangkan kepada poin-poin yang lebih utama dan penting sahaja. Maka daripada bilangan asal soalan sebanyak 60 soalan yang disediakan telah dikurangkan kepada 50 soalan dan

⁹¹ Pembinaan soal selidik ini bergantung kepada kebolehan penyelidik dengan gaya bahasa dan jawapan yang mempunyai ciri-ciri ketepatan, eksklusif, bermakna dan berlatar belakang homogenis. Lihat Mohd Sheffie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan*, (Bangi: Penerbit UKM, 1987), 59.

sehingga jumlah muftamad iaitu 43 soalan sahaja dikemukakan dalam soal selidik untuk memudahkan responden menjawab.

Soal selidik yang dibina adalah berbentuk soalan tertutup yang memerlukan jawapan berbentuk saling eksklusif.⁹² Oleh itu, terdapat dua jenis item yang digunakan dalam soal selidik iaitu:

- i. Item pilihan tunggal. Bagi item ini, responden perlu memilih pilihan yang sesuai berdasarkan pernyataan item. Item ini diaplikasikan pada Bahagian A (Demografi).
- ii. Item jenis pilihan mengikut susunan kesesuaian. Item ini adalah berbentuk skala Likert yang berbentuk amat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju.

Butiran item soal selidik berdasarkan kepada objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini. Oleh yang demikian, soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian A adalah demografi yang bertujuan mendapatkan data mengenai latar belakang responden. Ia mengandungi 11 soalan iaitu jantina, umur, kumpulan jawatan, status perkahwinan, status jawatan, gred jawatan, bilangan isi rumah, taraf pendidikan, aliran pendidikan, pendapatan bulanan bagi suami dan isteri dan yang terakhir adalah mengenai pengisytiharan muflis.

Bahagian B pula bertujuan untuk mendapatkan data mengenai kefahaman responden tentang hutang. Ia dipecahkan kepada tiga konstruk iaitu hukum, proses dan

⁹² Saling eksklusif adalah semua jawapan yang diberikan dalam cadangan jawapan tidak bertindak antara satu jawapan dengan jawapan yang lain. Lihat Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, c.8, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 216.

tanggungjawab berhutang. Bahagian B mengandungi 11 soalan. Sementara Bahagian C adalah item yang dibina untuk memperoleh data mengenai amalan responden terhadap pelunasan hutang yang dipecahkan juga kepada tiga konstruk iaitu keprihatinan terhadap hutang, pemilihan skim patuh syar'i dan sikap bersegera melunaskan hutang. Bahagian C ini mengandungi 25 item soalan.

iii) Kajian Rintis (*pilot test*) dan Kesahan Item Soal Selidik

Bagi tujuan pengesahan soal selidik yang dibentuk, pengkaji telah mendapatkan pandangan dan khidmat nasihat daripada ahli akademik yang berkemahiran dalam kaedah ini. Beliau adalah Dr Akbariah binti Mohd Mahdzir,⁹³ daripada Malaysia Japan International Institute of Technology (MJIIT), Universiti Teknologi Malaysia, Jalan Sultan Yahya Petra (dulunya dikenali dengan nama Jalan Semarak), Kuala Lumpur. Pengkaji juga merujuk kepada Dr Mohd Al'ikhsan bin Ghazali,⁹⁴ dari Fakulti Tamadun Islam UTM Kuala Lumpur. Di samping itu, beberapa pensyarah dari IPTA lain dalam bidang-bidang yang berkaitan seperti Dr Mohd Daud bin Awang⁹⁵ dari Fakulti Ekologi dan Kemanusiaan UPM, Dr Mohd Kamal Azman bin Jusoh⁹⁶ dari Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawangan Pahang (Kampus Jengka), Bandar Jengka,

⁹³ Dr Akbariah binti Mohd Mahdzir adalah pensyarah kanan di Malaysia Japan International Institute of Technology (MJIIT), Universiti Teknologi Malaysia, Jalan Sultan Yahya Petra (Jalan Semarak), Kuala Lumpur. Beliau juga sebagai Timbalan Pengarah (Sains Sosial & Komersialisasi), UTM Ocean Thermal Energy Centre (OTEC), Institute of Future Energy (IFE). Bidang kepakaran beliau adalah TESL dan pendidikan kaunseling. Beliau boleh dihubungi menerusi emel iaitu akbariah.kl@utm.my.

⁹⁴ Dr Mohd Al'ikhsan bin Ghazali adalah pensyarah kanan di Fakulti Tamadun Islam UTM Kuala Lumpur. Beliau juga adalah Felo di Pusat Penyelidikan Fiqh, Sains dan Teknologi (CFIRST) UTM. Bidang kepakaran beliau ialah hadith dan pengajian Islam. Beliau boleh dihubungi menerusi emel iaitu alikhsan.kl@utm.my.

⁹⁵ Dr Mohd Daud bin Awang adalah pensyarah kanan di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor. Bidang kepakaran beliau ialah syariah dan ekonomi Islam. Beliau boleh dihubungi menerusi emel iaitu amdaud@upm.edu.my.

⁹⁶ Dr Mohd Kamal Azman bin Jusoh adalah Ketua Pusat Pengajian dan pensyarah kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Pahang (Kampus Jengka), Bandar Jengka, Pahang Darul Makmur. Bidang kepakaran beliau ialah syariah dan muamalat Islam. Beliau boleh dihubungi menerusi emel iaitu mkamalazman@pahang.uitm.edu.my.

Pahang. Dr Siti Suhaila binti Hj Ihwani⁹⁷ dari Fakulti Tamadun Islam UTM Kuala Lumpur juga dijadikan rujukan untuk semakan dan pengesahan instrumen kajian.

Pengkaji juga turut merujuk contoh borang soal selidik tesis PhD, Sarjana dan kajian-kajian yang telah dilakukan berkaitan amalan hutang, hutang isi rumah, pinjaman dan tema yang berkaitan dengan hutang. Setelah itu, pra uji dibuat kepada 60 orang responden yang dikira jumlahnya adalah bersesuaian oleh pengkaji terdahulu. Kajian rintis telah dilakukan terhadap kakitangan Japan International Institute of Technology (MJIT) pada awal Januari 2017. MJIT yang mempunyai seramai 100 orang staf yang terdiri daripada 77 orang staf akademik dan 23 orang staf pentadbiran. Bagi staf akademik pula, 23 orang adalah staf luar negara dan seorang cuti belajar. Justeru borang soal selidik diedarkan kepada 70 orang staf tempatan dan sebanyak 60 borang telah dikembalikan. Berdasarkan kumpulan perjawatan, seramai 40 responden daripada staf akademik dan 20 responden daripada staf pentadbiran.

Tujuan utama kajian rintis ini dijalankan adalah untuk mengetahui tahap kebolehpercayaan soal selidik, kefahaman responden terhadap soalan soal selidik yang dikemukakan dan tahap saling eksklusif serta saling habis jawapan-jawapan yang disediakan. Ia juga menentukan item yang harus dikekalkan atau disingkirkan melalui analisis item dengan menggunakan *Cronbach's Alpha*.⁹⁸ Hasil daripada kajian rintis menunjukkan kebolehpercayaan terhadap soal selidik adalah menggunakan Cronbach's Alpha 0.657.⁹⁹ Hasil analisis menunjukkan bahawa kebolehpercayaan soal selidik boleh

⁹⁷ Dr Siti Suhaila Ihwani adalah pensyarah kanan di Fakulti Tamadun Islam Kuala Lumpur. Bidang kepakaran beliau ialah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Beliau boleh dihubungi menerusi emel iaitu sitisuhaila@utm.my.

⁹⁸ Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan (Buku 1)*, (Kuala Lumpur: Mc Graw, 2006), 285.

⁹⁹ Menurut Mohd Majid Konting, walaupun tiada batasan khusus bagi penentuan pekali kebolehpercayaan yang sesuai bagi sesuatu alat ukur, pekali kebolehpercayaan yang sering digunakan adalah lebih daripada 0.60. Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, c. 8, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 182-183.

dianggap memadai bagi penyelidikan ini kerana nilai Cronbach's Alpha melebihi 0.60.¹⁰⁰ Enam konstruk soal selidik juga melepasi tahap minimum kebolehpercayaan soal selidik yang dikemukakan dalam kajian ini, iaitu 0.648 bagi konstruk kefahaman terhadap hutang dengan B1 (0.652), B2 (0.673) dan B3 (0.668), manakala 0.679 bagi konstruk amalan berhutang dengan C1 (0.676), C2 (0.659) dan C3 (0.687). Bagi hasil kebolehpercayaan terhadap keseluruhan item soal selidik yang baik harus mempunyai nilai min melebihi 0.60 hingga 0.80 nilai Alpha Cronbach's.¹⁰¹

(c) **Populasi dan Persampelan Kajian**

Persampelan adalah kaedah atau prosedur memilih subjek daripada populasi yang dikaji untuk dijadikan sampel kajian. Sampel kajian ini boleh digeneralisasikan untuk mewakili keseluruhan populasi. Justeru, persampelan yang tepat akan memberikan keputusan kajian yang cepat, menjimatkan masa dan juga kos.

Untuk kajian di UTM Kuala Lumpur ini, sampel yang dipilih adalah berdasarkan pemilihan sampel secara rawak melibatkan kakitangan akademik dan bukan akademik. Populasi kajian adalah seramai 926 orang staf di Universiti Teknologi Malaysia Kampus Kuala Lumpur berdasarkan beberapa kriteria kajian iaitu mereka yang mempunyai pelbagai jenis hutang atau pembiayaan sama ada hutang pendidikan, perumahan, kenderaan dan sebagainya. Kriteria ini perlu untuk mendapatkan responden yang memenuhi konteks kajian yang melibatkan aspek kefahaman iaitu hukum, proses dan tanggungjawab terhadap hutang. Ini adalah berdasarkan kajian pragmatik yang melibatkan mereka yang mempunyai pelbagai jenis hutang.

¹⁰⁰ Azira Abdul Adzis, Juhaida Abu Bakar & Hanita Kadir Shahar, Factors influencing young adult's debt in Malaysia, *Journal of Business and Retail Management Research (JBMMR)*, 12 (2017), 1, 76-85.

¹⁰¹ David de Vaus, *Survey in Social Research*, 6th Edition, (Sydney: A&U Academic, 2013), 352.

Kajian ini melibatkan sampel awal seramai 500 orang responden dan jumlah sampel yang muktamad adalah seramai 169 orang responden berdasarkan populasi 926 orang atau 40.33% yang berjaya melengkapkan soal selidik. Penentuan jumlah sampel ini adalah mengikut beberapa kaedah sampling yang digunakan iaitu Proses Persampelan Krejcie dan Morgan¹⁰² iaitu 100,000 dan ke atas memerlukan hanya seramai 384. Manakala kaedah persampelan W. Lawrence Neuman membolehkan penyelidikan dilakukan terhadap 1 % atau 1500 orang responden daripada populasi yang besar iaitu 150,000 bagi mencapai darjah ketepatan yang tinggi. Pada asasnya pemilihan sampel kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah *two-stage random sampling* yang menggabungkan *cluster sampling* dan *stratified random sampling*.¹⁰³

Namun berdasarkan jumlah responden yang berjaya melengkapkan soal selidik sebagaimana kajian oleh Nulty, purata kadar responden bagi kajian atas talian adalah sebanyak 33%. memperolehi kadar responden melebihi kadar minimum bagi kajian yang dibuat atas talian.¹⁰⁴ Oleh yang demikian, kajian ini mengaplikasi kaedah yang digunakan oleh Nulty dalam penyelidikan beliau iaitu dengan kadar responden seramai 169 orang. Sementara Watt S. et.al. pula menerima pakai kadar 32.6% terhadap tinjauan yang dilakukan secara atas talian.¹⁰⁵ Oleh itu, berdasarkan dua kajian yang dilakukan secara atas talian, pengkaji mengaplikasi kadar 33% responden atas talian dalam kajian ini walaupun menyedari ia boleh mengundang masalah dari sudut

¹⁰² Krejcie, R. V. & Morgan, D.W, *Determining Sample Size for Research Activities*, Education Psychological Measurement, 30, (1970), 607-610.

¹⁰³ Mohamad Najib Abdul Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan*, (Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 1999), 37; Burns, R.B. *Introduction to Research Methods*, London: Sage Publication, (2000), 40.

¹⁰⁴ Nulty, D. D. The adequacy of response rates to online and paper surveys: what can be done? *Assessment & Evaluation in Higher Education* 33 (2008), 3, 301-314. <https://www.uaf.edu/files/uafgov/fsadmin-nulty5-19-10.pdf>

¹⁰⁵ Watt, S., C. Simpson, C. McKillop, and V. Nunn. Electronic course surveys: does automating feedback and reporting give better results? *Assessment & Evaluation in Higher Education* 27 (2002), 4, 325-337.

bilangan responden. Hal ini sebenarnya telah dibangkitkan oleh beberapa penyelidik sejak tahun 2001 seperti Howard, Rainie & Jones¹⁰⁶ dan Andrew et.al.¹⁰⁷

(d) Pengedaran Soal Selidik

Pengedaran borang soal selidik kepada responden dilakukan setelah kajian rintis. Proses edaran borang selidik secara atas talian menerusi email dan aplikasi Whatsapp bermula pada hari Jumaat, 17 Februari 2017 dan berakhir pada hari Selasa, 28 Mac 2017 iaitu selama 28 hari bekerja.

Pengkaji menggunakan kaedah atas talian atau secara *online* iaitu menerusi email rasmi kakitangan dan beberapa kumpulan aplikasi Whatsapp untuk mengedarkan borang selidik kepada responden di pelbagai Pusat Tanggungjawab (PTj) dan Fakulti di UTM Kuala Lumpur.

Setelah tempoh masa untuk mereka menjawab berakhir, maklum balas yang diterima daripada responden, sebanyak 419 orang telah melihat soal selidik ini menerusi aplikasi emel dan Whatsapp, namun sebanyak 228 orang sahaja yang menjawabnya. Daripada 228 orang yang menjawab soal selidik tersebut, hanya 169 orang yang telah menyempurnakannya. Justeru, responden kajian ini adalah berdasarkan kepada jumlah yang sah sahaja iaitu seramai 169 orang dan ia mewakili 33.31 % daripada keseluruhan kakitangan yang ada di UTM Kuala Lumpur.

¹⁰⁶ Howard, P., Rainie, L., & Jones, S., Days and nights on the Internet: The impact of a diffusing technology, *American Behavioral Scientist*, 45 (2001), 3, 383–404.

¹⁰⁷ Andrews, D., Nonnecke, B., & Preece, J., Electronic survey methodology: A case study in reaching hard-to-involve Internet users, *International Journal of Human-Computer Interaction*, 16 (2003), 2, 185-210.

1.10.2 Metodologi Analisis Data

Dalam menganalisis data, lima metode digunakan iaitu metode induktif, metode deduktif, metode komparatif, metode kuantitatif dan metode kualitatif sebagaimana yang dijelaskan dalam subtajuk di bawah.

1.10.2.1 Metode Induktif

Metode ini merupakan cara pola berfikir yang mencari pembuktian melalui perkara-perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil bersifat umum. Penggunaan metode ini adalah bertujuan untuk meninjau dan melihat data yang dikemukakan bagi memperjelaskan segala maklumat berkaitan kefahaman, kesedaran dan sikap masyarakat terhadap pelunasan hutang dan adab-adab penghutang dan pemiutang. Ia juga dikenali sebagai metode induktif. Penggunaan metode ini lebih tertumpu kepada Bab 2 dan Bab 3 dalam kajian ini.

1.10.2.2 Metode Deduktif

Metode deduktif ialah kaedah menganalisis dan melakukan penulisan yang berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil umum terhadap hal-hal yang khusus. Metode ini digunakan secara meluas dalam menganalisis data dalam setiap persoalan yang menjadi objek penyelidikan. Ia juga dikenali sebagai metode deduktif. Penggunaan metode ini adalah pada bab kedua dan bab ketiga dalam kajian ini.

1.10.2.3 Metode Perbandingan

Metode perbandingan adalah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data yang diperoleh.¹⁰⁸ Metode ini digunakan untuk menganalisis data-data kajian daripada bahan-bahan bertulis mengenai *dayn* dan perbincangan berkaitan dengannya dalam menganalisis data-data yang diperoleh. Metode ini diaplikasikan oleh pengkaji dalam bab ketiga dan bab keempat kajian.

1.10.2.4 Metode Kuantitatif

Penyelidikan kuantitatif ialah penyelidikan yang menggunakan data kuantitatif iaitu data dalam bentuk angka atau bilangan dan menggunakan kaedah kuantitatif atau statistik untuk menganalisis data berkaitan.¹⁰⁹ Metode kuantitatif adalah metode menganalisis yang melibatkan ujian empirikal bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan data atau maklumat tersebut dan memerlukan data yang berbentuk bilangan atau mempunyai nilai angka (*value*). Dapatan analisis daripada metode ini dalam bentuk statistik biasanya digeneralisasikan kepada populasi atau objek kajian. Pengkaji mengaplikasikan metode ini dalam usaha mengumpul, memilih dan menyenaraikan hadith-hadith yang berkaitan dengan *dayn* dari *al-Kutub al-Sittah* dalam bab ketiga kajian.

¹⁰⁸ Idris Awang, Dr, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, 2001), 32.

¹⁰⁹ Ibid.

1.10.2.5 Metode Kualitatif

Metode Kualitatif adalah metode yang bersifat penelitian terperinci dan sistematis, bersifat deskriptif serta pemerhatian keadaan sebenar (*naturalistic*) bagi membongkar maklumat atau isi kandungan. Pengkaji menggunakan metode ini untuk menganalisis data-data daripada soal selidik yang dijalankan di samping menganalisis hadith-hadith mengenai *dayn* atau hutang dalam *al-Kutub al-Sittah* khususnya dalam bab ketiga kajian.

1.11 Sistematika Penulisan

Kajian ini mempunyai enam bab. Pada bab pertama selaku bab pendahuluan, pengkaji menjelaskan pengenalan, latar belakang permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, kajian literatur dan metodologi yang digunakan dalam kajian ini.

Bab kedua pula menjelaskan tentang konsep dan pengertian mengenai *al-dayn* iaitu hutang menurut perspektif Islam, *al-dayn* menurut al-Quran, pensyariaan dan sebab kewujudan *al-dayn* serta pandangan semesta terhadap konsep hutang atau *al-dayn*. Turut dijelaskan adalah tiga aspek kefahaman terhadap hutang yang meliputi iaitu hukum, proses dan tanggungjawab.

Pada Bab 3, pengkaji mengemukakan hadith-hadith pelunasan hutang dan adab-adab penghutang dan pemiutang dan kaitannya dengan aspek kefahaman. Tiga aspek kefahaman yang dikaji iaitu aspek hukum, proses berhutang dan tanggungjawab terhadap hutang. Hadith-hadith tematik tersebut adalah berdasarkan *al-Kutub al-Sittah*.

Penganalisan hadith-hadith termatik tersebut bertujuan untuk mengemukakan satu landasan teori yang dengannya dibentuk soalan soal selidik bagi menjawab objektif dan persoalan kajian yang kedua, ketiga dan keempat.

Bab 4 pula dibincangkan amalan hutang masyarakat Malaysia dari era pra merdeka dan pasca merdeka. Bab 4 ini juga dikemukakan kemudahan pembiayaan disediakan oleh pihak Universiti kepada kakitangan seperti kemudahan pembiayaan perumahan, kenderaan dan sebagainya. Di samping itu, inisiatif kakitangan juga telah mewujudkan koperasi bagi membantu sesama mereka yang memerlukan kemudahan pembiayaan dan pinjaman selain daripada pinjaman yang disediakan oleh pihak Universiti dan bank untuk kakitangan yang berdaftar sebagai ahli koperasi.

Bab 5 pula mengemukakan dapatan kajian dari aspek kefahaman dan amalan kakitangan UTM Kuala Lumpur terhadap hutang. Bab ini akan memberikan jawapan kepada objektif kajian ketiga, keempat dan kelima iaitu tahap kefahaman dan amalan berhutang dalam kalangan kakitangan UTM Kuala Lumpur, tahap perbezaan kefahaman dan amalan berhutang kakitangan UTM Kuala Lumpur berdasarkan demografi, dan hubungan tahap kefahaman berhutang dengan tahap amalan berhutang kakitangan UTM Kuala Lumpur.

Pada Bab yang terakhir pula, pengkaji mengemukakan rumusan dan cadangan kepada penemuan kajian yang dilakukan. Seterusnya, dikemukakan cadangan dan saranan kepada pihak yang tertentu semoga hasilnya dapat dimanfaatkan demi kebaikan ummah.

BAB 2: KONSEP AL-DAYN MENURUT ISLAM

2.1 Pendahuluan

Perbincangan berkaitan *al-dayn* telah dibincangkan oleh para ulama terutama fuqaha' dan ahli hadith sama ada ulama silam atau kontemporari menerusi pelbagai karya mereka.¹ Para fuqaha' secara umumnya tidak meletakkan tema *al-dayn* sebagai tajuk utama sepertimana peletakan *Kitāb al-Buyū'*, *Kitāb al-Salam* dan lain-lain kerana perbincangan mengenai *al-dayn* turut merangkumi jual beli, jual salam, gadaian dan sebagainya.² Begitu juga dengan ahli hadith. Para penyusun *al-Kutub al-Sittah* tidak meletakkannya di dalam satu tajuk khusus kecuali Imām al-Bukhāri yang meletakkan satu tajuk khusus tentang *al-Dayn* iaitu *Kitāb al-Istiqrāḍ wa Adā' al-Duyūn wa al-Ḥajar wa al-Taflīs*.

¹ Sebagai contoh Imām al-Sharbīnī meletakkan tajuk *Qirāḍ* ketika membincangkan mengenai perihal pinjaman dan tajuk *al-Salam* apabila membincangkan perihal jual beli harga tangguh. Lihat Shams al-Dīn Muḥammad bin al-Khatīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma'rifat Ma'ānī Alfāz al-Minhāj*. ed. Muḥammad Khalīl 'Itānī, (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1418H/1997), 2:399-414 dan 2:134-158; *al-Majmū'* membincangkan perihal *Dayn* ini antaranya di bawah tema jual beli salam dan gadaian. Muḥammad Najīb al-Mutī'ī, *al-Majmū' Sharh al-Muḥadhdhab li al-Shirāzī*, c. 2, (Jiddah: Maktabah al-Irshād, t.t.), 12:173 & 299. *Kitāb al-Majmū'* ini adalah karangan Imam al-Nawāwī sebanyak 9 juzuk sehingga *Kitāb al-Buyū'* bahagian satu. Imām Taqī al-Dīn al-Subkī menyempurnakan dua juzuk, juzuk 10 dan 11 yang merangkumi *Kitāb al-Buyū'* bahagian dua dan tiga. Manakala al-Mutī'ī menyempurnakan bakinya sehingga ke juzuk 20 dengan perbincangan mengenai *Kitāb al-Buyū'* bahagian tiga dan seterusnya; Abu Muḥammad 'Alī bin Aḥmad bin Sa'īd bin Ḥazam al-Andalūsī al-Qurṭubī al-Zāhiri, *al-Mahalla*, (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 8:77. Contoh karya ulama semasa seperti Dr Amīr 'Abd al-'Azīz membincangkan perihal *Dayn* menggunakan istilah *al-Salam* dan *al-Qard*. Lihat Amīr 'Abd al-'Azīz, *Fiqh al-Kitāb wa al-Sunnah*, (Kaherah: Dār al-Salām, 1419H./1999), 2:773-761.

² Ada ulama yang meletakkan tajuk *al-Duyūn* dalam karya mereka seperti Abū 'Umar Ibn 'Abd al-Barr, *Fath al-Barr fi Tartīb al-Fiqhī li Tamhīd Ibn 'Abd al-Barr*, taḥqīq Muḥammad bin 'Abd al-Raḥmān al-Maghrawī, (Riyād: Majmū' al-Tuḥaf al-Nafā'is al-Dawliyyah li al-Nashr wa al-Tawzī', 1416H./1996), 12:353. Pengarang meletakkan tajuk *Kitāb al-Ḥiwālah wa al-Duyūn* (kitab ke-67) yang mengandungi empat subtajuk perbincangan. Ia termasuk dalam bahagian kelapan kitab yang dimulai dengan tajuk *Kitāb al-Buyū'* (kitab ke-63) dan *Kitāb al-Farā'id wa al-Waṣīyah* (kitab ke-73) sebagai kitab terakhir dalam bahagian kelapan dan juzuk ke-12 ini adalah juzuk terakhir bagi kitab *Fath al-Barr fi Tartīb al-Fiqhī* ini.

Perbahasan dalam bab ini akan menelusuri konsep dan pengertian *al-dayn*, *al-dayn* dalam al-Qur'an, pensyariatian *al-dayn* dan hukumnya, klasifikasi dan jenis-jenis *al-dayn*, pandangan alam Islam tentang *al-dayn* dan kedudukan *al-dayn* dalam muamalah Islam.

2.2 Pengertian *al-Dayn*

Perbincangan mengenai *al-dayn* akan meliputi pengertian dari sudut bahasa dan istilah. Pengertian dari sudut istilah akan menjurus kepada pengertian daripada fuqaha', ahli hadith dan ahli tafsir.

2.2.1 *Al-Dayn* dari sudut bahasa

Perkataan *al-dayn* dalam bahasa Arab adalah kata nama terbitan yang dari segi bahasa bererti hutang atau pinjaman yang bertempoh,³ manakala hutang atau pinjaman yang tidak bertempoh dinamakan *qard*.⁴ Perbincangan mengenai *al-Qard* dijelaskan pada subtajuk 1.3 di bawah. *Duyūn* dan *adyun* adalah kata jamak bagi perkataan *dayn*.

Al-Dayn dalam bahasa Arab berasal daripada kata kerja (دان يدین) mendasari tujuh usul iaitu berhutang atau meminjam sesuatu, tunduk dan menghinakan diri, perhitungan, pembalasan, agama, adat istiadat serta jalan hidup.⁵ Walau bagaimanapun,

³ Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin al-Mukarram bin Manzūr, *Lisān al-'Arab*, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1423H./2003), 3:465.

⁴ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1423H./2003), 3:465; Majd al-Dīn bin Ya'qūb al-Fayrūz Abādī al-Shirāzī, *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, c. 2, (Miṣr: Maṭba'ah al-Ḥusayniyyah al-Miṣriyyah, 1344H.), 4:225. Lihat juga Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn bin Ḍiyā' al-Dīn 'Umar, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī al-Tafsīr al-Kabīr wa Mafātiḥ al-Ghayb*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1401H./1981), 7:117.

⁵ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1423H./2003), 3:465.

dalam konteks kajian ini usul pertama akan digunapakai kerana lebih menepati dan selari dengan maksud *al-dayn* secara istilah.

Peminjam disebut sebagai *dā'in* iaitu orang yang mempunyai hutang.⁶ Perkataan *dā'in* digunakan pada pengertian bahasa kepada orang yang mengambil hutang (penghutang) dan kepada orang yang diambil daripadanya (pemiutang), dan kebanyakan penggunaannya pada makna yang kedua iaitu orang yang diambil daripadanya hutang (*al-ma'khūdh minh al-dayn*).

Penduduk Tamīm⁷ menggunakan lafaz *madīn*, *madyūn* dan *mudān* kepada orang yang mempunyai hutang dan lafaz *madyūn* digunakan kepada orang yang banyak hutang.⁸ Sementara penduduk Hijāz pula menggunakan perkataan *madīn* kepada orang yang mempunyai hutang (penghutang) dan menggunakan perkataan *midyān* bukan *madyūn* kepada orang yang selalu mengambil hutang (berhutang).⁹ Perkataan *midyān* digunakan kepada orang yang banyak hutang.¹⁰

Perkataan *al-dayn* juga bermaksud hutang yang harus dibayar, berhutang atau meminjam sesuatu¹¹ dengan bertempoh (membayar atau menjelaskannya dalam tempoh

⁶ Ismā'īl bin Ḥammād al-Jawharī, *al-Ṣiḥāḥ Tāj al-Lughah wa Ṣiḥāḥ al-'Arabiyyah*, taḥqīq Aḥmad 'Abd al-Ghaffūr 'Aṭā', c. 3, (Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, 1404H./1984), 5:117-118; Muḥammad bin Abī Bakr bin 'Abd al-Qādir al-Rāzī, *Mukhtār al-Ṣiḥāḥ*, (t.tpt.: Dār al-Manār, t.t.), 115; Jubrān Mas'ūd, *al-Rā'id Mu'jam Lughawī 'Asrī*, c. 9, (Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, 1992), 369.

⁷ Dalam *Lisān al-'Arab* disebut Tamim yang bermaksud dialek bagi Bani Tamim.

⁸ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1423H./2003), 3:465.

⁹ Ibid.

¹⁰ Ibid., 3:466.

¹¹ Abū al-Qāsim Jār Allāh Maḥmūd bin 'Umar bin Aḥmad al-Zamakhsharī, *Asās al-Balāghah*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1418H./1999), 1: 305.

yang tertentu).¹² Sebahagian kamus Arab menyamakan makna *al-dayn* dengan *al-qard* iaitu memberi sesuatu daripada harta dan mengembalikannya semula.¹³

Perkataan *al-dayn* juga diertikan sebagai tunduk dan menghinakan diri. Perkataan *al-dayn* padanya setiap penghinaan sebagaimana dikatakan, *al-dayn* (hutang) ialah penghinaan di siang hari dan kegelisahan pada malam hari.¹⁴

Perkataan *al-dayn* disebut sebanyak empat kali dalam al-Qur'an secara literalnya mempunyai satu pengertian, iaitu hutang.¹⁵ Manakala perkataan yang mempunyai akar kata yang sama dengan *al-dayn*, *al-dīn* terdapat dalam al-Qur'an secara literalnya mempunyai beberapa pengertian, iaitu *al-jazā'* (pembalasan), *al-dhill* (hina), *al-ḥal* (sekarang), *al-sultān* (menguasai), *al-wara'* (warak), *al-qahr* (memaksa), *al-ma'siyah* (maksiat), perhitungan, *al-tā'ah* (taat), agama, adat istiadat serta *al-sunnah* (jalan hidup).¹⁶

Al-Quran memberikan makna *al-dayn* sebagai hutang.¹⁷ Perkataan *al-tadāyun* dalam al-Qur'an diberikan dua pengertian iaitu pembalasan (*al-mujāzāt*) dan berhutang dengan harta (*al-tadāyun bi al-māl*).¹⁸

¹² Nabīl 'Abd al-Salām, *al-Mu'jam al-Wajīz li Alfāz al-Qur'ān al-Karīm*, (Kaherah: Dār al-Nashr li Jāmi'at, (1417H./1997), 73; Ibrāhīm Ahmad 'Abd al-Fattāh, *al-Qāmūs al-Qawīm li al-Qur'an al-Karīm*, Mansurah: Dār al-Kalimāt li al-Nashr wa al-Tawzī', 1427H./2006), 187.

¹³ Lihat Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, *al-Mu'jam al-Wajīz*, Miṣr: Wizārat al-Tarbiyyah wa al-Ta'līm, (1994), 241 bagi perkataan *dayn* dan h. 497 bagi perkataan *qard*; Aḥmad bin Muḥammad bin 'Alī al-Fayyūmī al-Muqrī, *al-Misbāh al-Munīr*, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1421H./2000), 123-124; al-Rāghib al-Asfahāni, *Mufrādāt fi Alfaz al-Qur'ān*, taḥqīq Ṣafwān 'Adnān Dāwūdī, c. 2, (Damsyik: Dār al-Qalam, 1418H/1997), 323.

¹⁴ Abū al-Ḥusayn Aḥmad bin Fāris bin Zakariyyā, *Mu'jam Maqāyis al-Lughah*, Taḥqīq 'Abd al-Salām Muhammad Hārūn, (Beirut: Dār al-Jayl, t.t.), 2:319-320.

¹⁵ Al-Qur'ān, Surah al-Nisā' 4: 11-12; Lihat juga Aḥmad bin Muḥammad bin 'Alī al-Fayyūmī al-Muqrī, *al-Misbāh al-Munīr*, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1421H./2000), 123-124.

¹⁶ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1423H./2003), 3:465.

¹⁷ Lihat al-Qur'ān, Surah al-Nisā' 4: 11-12. Perkataan *dayn* dalam dua ayat ini diertikan dengan hutang.

¹⁸ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1423H./2003), 3:465.

Perkataan *al-dayn* dalam hadith-hadith Nabi SAW pula merujuk hutang yang meliputi hak Allah SWT. dan hak hamba yang berkaitan dengan tanggungan (*al-dhimmah*). Ini dibuktikan menerusi beberapa sabda Baginda SAW, antaranya ialah:

- i. Jawapan kepada seorang lelaki yang bertanya mengenai puasa ganti sebulan bagi ibunya yang meninggal dunia, (فَدَيْنُ اللَّهِ أَحَقُّ أَنْ يُقْضَى) “*Ya, maka hutang Allah lebih layak untuk ditunai.*”¹⁹
- ii. Jawapan Baginda SAW mengenai haji, (فَاللَّهُ أَحَقُّ بِالْوَفَاءِ) “*Ya, tunaikan haji untuknya, sekiranya kamu melihat (mengetahui) yang ibumu mempunyai hutang, adakah kamu akan membayarnya? Jelaskan (hutang dengan) Allah terlebih dahulu, kerana Allah lebih berhak untuk ditunaikan hak (hutang).*”²⁰

Terdapat juga perkataan *al-dayn* dalam hadith-hadith Nabi SAW dengan makna khusus yang berkait dengan harta yang berada dalam tanggungan seseorang terhadap seseorang yang lain sebagaimana dalam sabda Rasūl Allāh SAW apabila dibawa satu

¹⁹ Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Hadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘Alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāhamih*, taḥqīq Muḥib al-Dīn al-Khatīb et al., (Kaerah: al-Maktabah al-Salafīyyah, 1400H.), Kitāb al-Ṣawm, Bāb Man māta wa ‘alayhi Ṣawm, no. hadīth 1953, 2:46; Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, taḥqīq Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī, (Beirut: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah, 1991), Kitāb al-Ṣawm, Bāb Qaḍā’ al-Ṣiyām ‘an al-Mayyit no. hadīth 1147, 2:804. Teks penuh hadith adalah seperti berikut:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحِيمِ حَدَّثَنَا مُعَاوِيَةُ بْنُ عَمْرٍو حَدَّثَنَا زَائِدَةُ عَنْ الْأَعْمَشِ عَنْ مُسْلِمِ الْبَطِينِ عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ أُمَّي مَاتَتْ وَعَلَيْهَا صَوْمٌ شَهْرٍ أَفَأَقْضِيهِ عَنْهَا قَالَ نَعَمْ قَالَ فَدَيْنُ اللَّهِ أَحَقُّ أَنْ يُقْضَى.

²⁰ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (Kaerah: al-Maktabah al-Salafīyyah, 1400H.), Kitāb Jazā’ al-Ṣayd, Bāb al-Ḥajj wa al-Nudhur ‘alā al-Mayyit wa al-Rajul yaḥujj ‘an al-Mar’ah, no. hadīth 1852, 2:17-18. Teks penuh hadith adalah seperti berikut:

حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ حَدَّثَنَا أَبُو عَوَانَةَ عَنْ أَبِي بَشْرٍ عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ امْرَأَةً مِنْ جُهَيْنَةَ جَاءَتْ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ إِنَّ أُمَّي نَذَرَتْ أَنْ تَحُجَّ فَلَمْ تَحُجَّ حَتَّى مَاتَتْ أَفَأَحُجُّ عَنْهَا قَالَ نَعَمْ حُجِّي عَنْهَا أَرَأَيْتِ لَوْ كَانَ عَلَى أُمَّكِ دَيْنٌ أَكُنْتَ قَاضِيَةً أَقْضُوا اللَّهُ فَاللَّهُ أَحَقُّ بِالْوَفَاءِ.

jenazah untuk disembahyangkan, “*Adakah si mati mempunyai hutang?*” Mereka menjawab, “Ya.”²¹

Perkataan *al-dayn* dengan makna hutang yang menjadi usul pertama dalam kajian ini adalah salah satu daripada makna perkataan *dīn* yang mempunyai akar kata yang sama iaitu (*dāna yadīnu*). Justeru apabila meneliti perkataan *dīn* dalam bahasa Arab ia disimpulkan kepada empat makna utama iaitu keberhutangan, ketundukan, kekuatan hukum dan kehendak hati atau kecenderungan alamiah. Kata kerja *dāna* yang melahirkan perkataan *din* membawa erti keadaan diri berhutang, menurut perintah dan menjadikan diri lebih bersifat keinsanan bertentangan dengan sifat kebinatangan, iaitu menjadikan manusia lebih berperikemanusiaan. Apabila makna ini dihubungkan kepada Islam maka agama (*al-dīn*) membayangkan keadaan insan yang insaf bahawa dirinya dalam ‘keadaan berhutang’.²² Manusia sentiasa berhutang diri, budi dan daya kepada Allah SWT yang menjadikannya daripada tiada kepada ada.²³

Kata kerja *dāna* yang asal usulnya daripada kata kerja *dayana* mempunyai hubungkait dengan *al-Dīn* itu sendiri. Ia diberikan makna *dā’in* atau *qard* sebagaimana yang terdapat dalam kamus-kamus klasik bahasa Arab.²⁴ Perkataan ini memperlihatkan yang ia berkait rapat dengan kewujudan manusia itu sendiri yang merupakan hutang

²¹ al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, 1400H.), Kitāb al-Kāfālāh, Bāb Man takaffāla ‘an mayyit daynan fa laysa lahu an yarjī’, no. hadith 2295, 2:141-142. Teks penuh hadith seperti berikut:

حَدَّثَنَا أَبُو عَاصِمٍ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَبِي عُبَيْدٍ عَنْ سَلَمَةَ بْنِ الْأَكْوَعِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُتِيَ بِجَنَازَةٍ لِيُصَلِّيَ عَلَيْهَا فَقَالَ هَلْ عَلَيْهِ مِنْ دَيْنٍ قَالُوا لَا فَصَلَّى عَلَيْهِ ثُمَّ أُتِيَ بِجَنَازَةٍ أُخْرَى فَقَالَ هَلْ عَلَيْهِ مِنْ دَيْنٍ قَالُوا نَعَمْ قَالَ صَلُّوا عَلَيَّ صَاحِبِكُمْ قَالَ أَبُو قَتَادَةَ عَلَيَّ دَيْنُهُ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَصَلَّى عَلَيْهِ.

²² Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Risalah Untuk Kaum Muslimin*, (Kuala Lumpur: ISTAC, 2001), 29.

²³ Al-Qur’ān, Sūrah al-Mu’minūn, 22:12-14.

²⁴ Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Alī al-Fayyūmī al-Muqrī, (1421H./2000), 123-124; Abū Naṣr Ismā‘īl bin Ḥammād al-Jawharī, *al-Ṣiḥāḥ Ṭāj al-Lughah wa Ṣiḥāḥ al-‘Arabiyyah*, taḥqīq Imil Badī’ Ya‘qūb dan Muḥammad Nabil Tarīfī, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1420H./1999), 5:544; Muḥammad bin Abī Bakr bin ‘Abd al-Qādir al-Rāzī, (t.t.), *op. cit.*, h. 115;

yang perlu dibayar.²⁵ Manusia yang sebelumnya tidak wujud kemudian dicipta dan dihidupkan lalu diberikan pelbagai nikmat yang tidak terhitung banyaknya.²⁶ Justeru, sebagai peminjam, manusia tidak memiliki apa-apa kerana yang memiliki alam semesta termasuk manusia adalah pinjaman daripada Allah SWT. Oleh kerana manusia tidak memiliki apa-apa, ia tidak dapat melunaskan hutang dan membalas budi terhadap Allah SWT melainkan dengan satu cara iaitu beribadat sepenuhnya kepada Allah SWT dan menjadi hamba-Nya dengan sebaik mungkin. Inilah tujuan perutusan manusia ke muka bumi.²⁷

Dalam bahasa Melayu, perkataan *al-dayn* membawa maksud hutang.²⁸ Perkataan hutang dijelaskan oleh *Kamus Dewan* dengan dua makna iaitu sebagai wang dan lain-lain yang dipinjam daripada orang lain, dan kedua, kewajipan (perasaan berkewajipan) membayar balik sesuatu yang diterima.²⁹ Namun dalam setengah keadaan perkataan hutang (berhutang) diberikan makna mempunyai hutang, meminjam wang dan lain-lain daripada seseorang.³⁰

Istilah hutang dari konotasi maknanya terus mengikat naluri manusia untuk segera melunaskannya berbanding dengan istilah pinjam yang tidak begitu menuntut manusia untuk bersegera melunasinya. Justeru penggunaan istilah hutang adalah lebih baik daripada istilah pinjam agar masyarakat Melayu khususnya dalam bersegera melunasi hutang.

²⁵ Lihat al-Qur'an, Sūrah al-Baqarah 2: 245. Ayat lengkapnya adalah مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَاعِفَهُ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْسُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ (245)

²⁶ Lihat al-Qur'an, Surah al-Nahl 16: 18. Ayat lengkapnya adalah وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا إِنَّ اللَّهَ لَعَلِيمٌ رَحِيمٌ

²⁷ Lihat al-Qur'an, Surah al-Dhāriyāt 51:56.

²⁸ Mohd Puzi Usop et. al., *Kamus al-Farid Arab-Arab-Inggeris-Melayu*, (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2009), 113.

²⁹ *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, c. 5, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994), 473.

³⁰ Ibid.

Dalam bahasa Inggeris, perkataan *al-dayn* ini disebut sebagai *debt*³¹ atau *liability*.³² Ia dijelaskan sebagai

*A Dayn comes into existence as a result of any contract or credit transaction. It is incurred either by way of rent or sale or purchase or in any other way that leaves it as a debt to another. Duyun (debts) ought to be returned without any profit since they are advanced to help the needy and meet their demands and, therefore, the lender should not impose on the borrower more than what he had given on credit.*³³

Sementara perkataan *debt* diertikan sebagai

*An amount owed for funds borrowed. The debt may be owed to an organization's own reserves, individuals, banks, or other institutions. Generally, the debt is secured by a note, bond, mortgage, or other instrument that states repayment and interest provisions. The note, in turn, may be secured by a lien against property or other assets.*³⁴

Berdasarkan perbincangan perkataan *al-dayn* dari sudut bahasa dengan usul yang pertama iaitu berhutang sesuatu, ia mempunyai tiga makna iaitu pertama, hutang yang mesti dibayar dan kedua, berhutang atau meminjam sesuatu daripada orang lain dan ketiga, berhutang atau meminjam dengan bertempoh dan membayar dalam tempoh yang tertentu.

³¹ Jane Dammen McAuliffe (General Editor), *Encyclopaedia of Quran*, Volume One A-D, (Brill, Leiden: Koninklijke Brill NV, 2001) Penyusun hanya menyatakan dua tempat sahaja dalam al-Qur'an iaitu Sūrah al-Baqarah ayat 282 dan Sūrah al-Nisā' ayat 11-12. The Qur'anic expression for debt in the Arabic word *dayn*, 1:514-515. Sementara dalam Elsaid M. Badawi & Muhammad Abdel Haleem, *HdO Arabic-English Dictionary of Qur'anic Usage*, (Leiden: Koninklijke Brill NV, 2008), 320 di bawah entri kata d-y-n, perkataan *dayn* diberikan makna *debtor, creditor, to lend, to borrow*. Juga perkataan *dayn* diberikan makna *debt* dengan berpandukan Sūrah al-Nisā' (4:11). Sementara kata *tadayana* pula diberikan makna sebagai *to borrow from one another, to lend one another*.

³² Dr Rohi Baalbaki, *al-Mawrid A Moden Arabic-English Dictionary*, c. 4, (Beirut: Dar el-Ilm lil Malayin, 1992), 557.

³³ https://www.ubl.com.pk/ameen/pdf/Glossary_Islamic_Banking.pdf atas talian 15 Sept 2009.

³⁴ Glossary of Financial Terms, http://www.islamic-banking.com/glossary_D.aspx atas talian 30 Dis 2009.

2.2.2 *Al-Dayn* dari Sudut Istilah

Perkataan *al-dayn* digunakan untuk suatu hutang atau pinjaman yang bertanggung³⁵ yang terhasil daripada kontrak *al-Bay'*³⁶ dan *al-Ijarah*. Ia dijelaskan dalam al-Qur'an menerusi ayat 282 Sūrah al-Baqarah. Para ulama tafsir mentafsirkan perkataan *dayn* sebagai hutang dan jualan *Salaf* (*Bay' al-Salaf*),³⁷ dan pinjaman (*Qard*) dan jualan *Salam* (*Bay' al-Salam*).³⁸ Ertinya kontrak jualan bertanggung ini menurut ahli tafsir terkandung juga dalam pengertian istilah *al-Bay'*, iaitu menanggungkan (bayaran atau serahan) kepada suatu tempoh pada masa hadapan. Ini bermakna ia melibatkan tanggungan (*liability*) bertanggung atau tuntutan masa hadapan yang biasanya dikenali dalam bahasa Arab dan al-Qur'an dengan istilah *al-dayn*.³⁹

³⁵ Al-Imām al-Shaykh Muḥammad Ṭāhir bin 'Āshūr, *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*, (Tūnis: al-Dār al-Tūnisiyyah li al-Nashr, 1984), 3:99.

³⁶ *Bay'* mempunyai empat jenis iaitu pertukaran benda dengan benda yang dinamakan dengan *Bay' al-Muqāyadah*, pertukaran benda dengan hutang, pertukaran hutang dengan hutang yang dinamakan '*Aqd al-Ṣarf*' dan pertukaran hutang dengan benda iaitu *Bay' al-Salam*. Sebahagian ulama memperincikannya kepada lapan jenis iaitu pertukaran benda dengan wang, pertukaran benda dengan benda iaitu *Bay' al-Muqāyadah*, pertukaran wang dengan wang iaitu *al-Ṣarf*, pertukaran hutang dengan benda iaitu *al-Salam*, *Bay' al-Musāwamah*, *Bay' al-Murābahah*, *Bay' al-Tawliyah* dan *Bay' al-Muwāda'ah*.

³⁷ Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi'ī, *Tafsīr al-Imām al-Shāfi'ī*, Taḥqīq Dr Aḥmad Muṣṭafā al-Farrān, (Riyād: Dār al-Tadmuriyyah, 1427H./2006) 1:440; Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsīmī, *Tafsīr al-Qāsīmī*, Taḥqīq Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī, (t.tp.: t.pt. 1387H./1957), 4:720.

³⁸ Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an*, Taḥqīq 'Imād Dhakī al-Bārudī dan Khayrī Sa'īd, (Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyah, t.t.), 3:331; Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān fi Ta'wil Āy al-Qur'an*, Taḥqīq Dr 'Abd Allāh bin 'Abd al-Muḥsin al-Turkī, (Kaherah: Hajr li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-I'lān, 1422H./2001), 5: 69-70. Lihat juga al-Qurṭubī, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an*, 4:424. Rujukan penulis kepada kitab-kitab tafsir seperti Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr fi al-Tafsīr bi al-Ma'thūr*, Taḥqīq Dr 'Abd Allāh bin 'Abd al-Muḥsin al-Turkī, (Kaherah: Markaz li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-'Arabiyyah wa al-Islāmiyyah, 2003), 3:393; al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān fi Ta'wil Āy al-Qur'an*, 5:70; 'Imād al-Dīn Abī al-Fidā' Ismā'il bin Kathīr al-Dimshiqī, *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm*, Taḥqīq Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad et.al., (Kaherah: Mu'assasah Qurṭubah, 2000), 2:506; Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn bin Diyā' al-Dīn 'Umar, *Tafsīr al-Kabīr Fakhr al-Rāzī*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1401H./1981), 7:116. Penulis mendapati para *mufasssirin* menjelaskan ayat 282 Surah al-Baqarah diturunkan khusus kepada *Bay' al-Salam*.

³⁹ al-Qurṭubī, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an*, 3:331; Abū Bakr Muḥammad bin 'Abd Allāh Ibn al-'Arabī, *Ahkām al-Qur'an*, Taḥqīq Muḥammad 'Abd al-Qādir 'Aṭā, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 1: 327.

Al-Dayn juga ditakrifkan sebagai setiap bayaran bertanggung sama ada tukarannya tunai (*'ayn*) atau hutang (*dayn*).⁴⁰ Kadangkala orang Arab menyebutnya sebagai *salaf* dengan makna hutang iaitu komitmen bayaran balik penghutang kepada pemiutang dalam tempoh tertentu. Kesan daripada transaksi ini wujudnya hutang (*dayn*) atau keberhutangan daripada satu pihak iaitu penghutang atau pembeli kepada satu pihak yang lain iaitu pemiutang atau penjual.

Menurut ahli tafsir seperti al-Qurṭubī,⁴¹ Ibn al-‘Arabī⁴² dan al-Shawkānī,⁴³ *al-dayn* ialah satu istilah tentang urus niaga yang salah satu barang tukarannya adalah tunai dan satu lagi adalah tuntutan pada masa hadapan (*al-dhimmah*) secara bertanggung. Dalam urusan perniagaan, kontrak-kontrak pertukaran (*mu'āwadhah*) berlaku dalam kontrak jual beli dan kontrak sewaan yang melibatkan hubungan di antara penjual dan pembeli, atau di antara orang yang menyewakan barangan dan penyewa. Kontrak-kontrak pertukaran boleh berlaku dalam bentuk tunai atau bertanggung. Apabila salah satu pihak yang berkontrak membuat pembayaran secara bertanggung, maka kontrak itu akan menjadi kontrak pertukaran bertanggung dan melahirkan hutang (*dayn*).

Para fuqaha’ memberi makna *al-dayn* kepada dua iaitu makna umum dan makna khusus.⁴⁴ Pertama, *al-dayn* merangkumi setiap tanggungan manusia sama ada harta,

⁴⁰ Abū Bakr Aḥmad bin ‘Alī al-Rāzī al-Jaṣṣās, *Aḥkām al-Qur’ān*, Taḥqīq Muḥammad al-Ṣādiq Qamḥawī, (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1412H./1992), 2:208. Lihat juga al-‘Allāmah Jār Allāh Abi al-Qaāsīm Maḥmūd bin ‘Umar al-Zamakhshari, *Tafsīr al-Kashshāf*, Taḥqīq ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd & ‘Alī Muḥammad Mu’awwad, (Riyād: Maktabah al-‘Abikān, 1418H./1998), 1:511; Abū al-Fadl Shihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-Andalūsi al-Baghdādi, *Tafsīr Rūḥ al-Ma‘ani*, (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.), 1:55.

⁴¹ al-Qurṭubī *al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān*, 3:331.

⁴² Abū Bakr Muḥammad bin ‘Abd Allāh Ibn al-‘Arabī, *Aḥkām al-Qur’ān*, Taḥqīq Muḥammad ‘Abd al-Qādir ‘Atā, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.th), 1:327.

⁴³ Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Shawkānī, *Fath al-Qadīr al-Jāmi’ bayn Fannai al-Riwāyah wa al-Dirāyah min ‘Ilm al-Tafsīr*, (t.tp: t.pt. t.t.), 1:407. Lihat juga Muhammad Abū Zuhrah, *Zuhrah al-Tafsīr*, (Beirut: Dar al-Fikr al-‘Arabī, t.t.), 2:1064.

⁴⁴ ‘Alī Muḥy al-Dīn ‘Alī al-Qurahdaghi, *Buḥūth fī Fiqh al-Mu‘āmalāt al-Māliyah al-Mu‘āsirah*, c. 2, (Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 2006), 198.

perbuatan yang mempunyai nilai harta,⁴⁵ atau sesuatu yang tidak ditegakkan berdasarkan harta seperti solat, zakat dan haji.⁴⁶ Penggunaan makna am dengan maksud setiap tanggungan manusia dengan apa-apa sebab sama ada ia adalah hak-hak Allah atau hak-hak manusia. Kedua, *al-dayn* dengan makna khusus iaitu tanggungan manusia yang bersifat harta sahaja.⁴⁷

Perkataan *al-dayn* juga merangkumi setiap hak yang tetap dalam tanggungan seseorang seperti haji, kaffarah dan nazar, zakat dan sebagainya.⁴⁸ Oleh itu *dayn* boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu *dayn* Allah dan *dayn* manusia.⁴⁹

Al-dayn juga ditakrifkan sebagai suatu tanggungan harta (hutang) yang ditanggung oleh seseorang terhadap orang lain sama ada ia adalah hasil daripada suatu akad (kontrak) atau disebabkan oleh kerosakan (gantirugi) atau kerana pinjaman (*qard*).⁵⁰ Menurut perundangan Islam pula, ia mencakupi ruang lingkup yang luas iaitu bayaran kepada harga barangan, bayaran kepada *qard* (pinjaman), bayaran mahar (mas kahwin) selepas isteri disetubuhi atau sebelumnya; yakni mahar yang belum dibayar selepas akad nikah, bayaran sewa, ganti rugi yang mesti dibayar kerana jenayah (*arsh*),

⁴⁵ Muḥammad ‘Uthmān Shabīr, *Ṣiyānah al-Madyūniyyat wa Mu’ālijatihā min al-Ta’aththur fī al-Fiqh al-Islāmī*, dlm. Muḥammad Sulaymān Ashqar, *Buḥūth Fiqhiyyah fī Qadāya Iqtisādiyyah Mu’āsirah*, (Jordan: Dār al-Nafā’is, t.t.), 2:840.

⁴⁶ Al-Wizārah al-Awqāf wa Shu’ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*, c. 2, (Kuwait: al-Wizārah al-Awqāf wa Shu’ūn al-Islāmiyyah, 1412H./1992), 21:102.

⁴⁷ Ṣabīr Muḥammad Muḥammad Sayyid, *Tab‘iyyah al-Rahn li al-Dayn al-Madmūn*, (Miṣr: Dār al-Kutub al-Qānūniyyah, 2009), 12.

⁴⁸ Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, taḥqīq Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī, (t.tpt.: al-Maktabah al-Salafiyyah, t.t.) 4:66.

⁴⁹ Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Hady al-Sāri Muqaddimah Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī, (t.tpt.: al-Maktabah al-Salafiyyah, t.t.) h. 470. Ibn Ḥajar menyebut bahawa Imām al-Bukhārī menyusun *Saḥīḥnya* dengan mengemukakan muamalah dengan Allah dan muamalah dengan manusia iaitu kitab al-Buyū‘ dan jual beli secara ‘ayn (tunai) kemudian jual beli secara hutang (*Bay‘ al-dayn*) dalam bentuk yang khusus iaitu *al-Salam*. Seterusnya jual beli dalam keadaan terpaksa (*al-shuf‘ah*) dan sebagainya. Lihat juga *al-Mawsū’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*, (Kuwait: al-Wizārah al-Awqāf wa Shu’ūn al-Islāmiyyah, 1412H./1992), 21:142.

⁵⁰ *al-Mawsū’ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*, (Kuwait: al-Wizārah al-Awqāf wa Shu’ūn al-Islāmiyyah, 1412H./1992), 21:103.

ganti rugi atas kerosakan yang dilakukan, jumlah wang yang mesti dibayar kerana tebus talak (*khulu'*) dan bayaran pesanan yang belum sampai (*muslam fih*).⁵¹

Ringkasnya menurut jumhur ulama fiqh, *dayn* ialah obligasi yang ditentukan tempohnya, manakala *qard* adalah obligasi yang tempohnya tidak ditentukan.⁵²

Berdasarkan penelitian di atas, maka dapatlah disimpulkan bahawa perkataan *dayn* mempunyai dua makna iaitu makna umum dan makna khusus. Dalam kajian ini *dayn* merujuk kepada makna yang lebih khusus iaitu suatu tanggungan harta (hutang) seseorang terhadap orang lain yang terhasil daripada suatu kontrak (*'aqd*) atau pinjaman (*qard*).

2.3 Pengertian *al-Qard*

Di samping perkataan *al-Dayn* yang diertikan sebagai hutang, perkataan *al-Qard* juga diberikan makna hutang atau pinjaman.

2.3.1 *Al-Qard* dari Sudut Bahasa

Dalam bahasa Arab, *al-Qard* bermakna pinjaman. *Al-Qard* juga ditakrifkan sebagai *al-Qat'* atau potongan. Kemudian ia digunakan untuk beberapa makna lain iaitu:

- i. Memotong sebahagian daripada harta untuk diberi sebagai hutang.
- ii. Membalas, sebagaimana kata Abū al-Dardā':

⁵¹ Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) http://www2.islam.gov.my/muamalat/glossary/d_1_September_2010.

⁵² Abdullah Alwi Hasan, *Sales and Contracts in Early Islamic Commercial Law*, Edisi Baharu, (Petaling Jaya: The Other Press Sdn. Bhd., 2007), 118.

“Sekiranya engkau membalas manusia, mereka akan membalas engkau balik kepada engkau, sekiranya engkau tinggalkan mereka, mereka tidak meninggalkanmu, sekiranya engkau lari daripada mereka, mereka akan dapat mencarimu.”

iii. Berpaling kiri kanan.

Al-Jawharī berkata: “Berkatalah seorang lelaki kepada sahabatnya, ‘Adakah kamu lalu pada tempat sekian-sekian?’ Maka jawab orang yang dipertanggungjawabkan: ‘Saya telah berpaling ke arah kanannya pada satu malam’.” Firman Allah SWT:

وَإِذَا غَرَبَت تَّقَرَّبُ إِلَيْهِمْ ذَاتَ الشِّمَالِ

Terjemahan:

“Dan apabila ia terbenam, meninggalkan mereka ke arah kiri.”
Sūrah al-Kahf, (18):17

Iaitu (matahari) membelakangi mereka, dan tidak mengenai mereka, dan meninggalkan mereka di sebelah kiri.

- iv. Menyimpang dari sesuatu tempat.
- v. Mati dalam keadaan yang mulia.
- vi. Membaca syair atau mengkritiknya (terdapat perselisihan).
- vii. Apa yang diberi daripada harta untuk digunakan.⁵³

Perkataan *al-Qard* dalam ayat Sūrah al-Baqarah di bawah

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا

⁵³ Ala' Eddin Kharofa, *Kontrak Hutang Dalam Syariat Islam dan Undang-undang Sivil*, Terj. Ariza Abdullah, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 60-61.

Terjemahan:

“Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (ikhlas).”

Sūrah al-Baqarah, (2):245

juga dimaksudkan sebagai ujian baik dan ujian jahat.

Orang Arab berkata, “Engkau padaku ialah ujian yang baik dan ujian yang jahat.” Makna *al-Qarḍ* yang dimaksudkan di sini ialah apa yang diberi atau dilakukan oleh seseorang untuk mendapat balasan Allah SWT. Allah tidak meminta hutang kerana berhajat padanya tetapi ayat ini untuk menguji hamba-hambanya. Oleh itu, *al-Qarḍ* dalam ayat ini sebagaimana disimpulkan oleh Abū Ishāq ialah suatu nama bagi setiap yang berkaitan dengan balasan.⁵⁴

Takrifan ini dibuat kerana *al-Qarḍ* merupakan sebahagian harta yang dipotong daripada milik orang yang memberi pinjaman.⁵⁵ Perkataan *al-Qarḍ* lebih umum daripada *al-dayn*. *Al-Qarḍ* menyerupai *bay'* kerana ia adalah pemilikan harta dengan harta. Oleh itu, *al-Qarḍ* adalah barang yang dipinjam atau dipinjamkan; dalam bentuk wang, pinjaman ialah wang yang diberikan kepada seseorang, syarikat atau sekumpulan orang dalam bentuk sementara dan perlu dikembalikan kemudian.

2.3.2 *Al-Qarḍ* dari Sudut Istilah

Dari sudut istilah, *al-Qarḍ* bermaksud pemberian harta oleh seseorang kepada seseorang yang lain dengan sesuatu yang ditetapkan pada tanggungan penghutang berupa harta yang sama nilai (*mumāthil*) dengan harta yang diambil. Ia adalah untuk dimanfaatkan

⁵⁴ Ibid., 61.

⁵⁵ Osman Sabran, *Urus Niaga al-Qarḍ al-Hasan Dalam Pinjaman Tanpa Riba*, (Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2001), 2.

oleh pihak penerima (penghutang).⁵⁶ Menurut istilah fiqh, *qard* juga ditakrifkan sebagai suatu kontrak yang menyempurnakan pemilikan harta seseorang kepada seorang lain dengan tujuan kebajikan sehinggalah harta yang mempunyai persamaannya dikembalikan gantian yang sama jenis dengannya kepada tuannya.⁵⁷

Sehubungan dengan takrif di atas, ulama fiqh telah memberikan pelbagai takrif terhadap *al-Qard*. Di sini dikemukakan sebahagian daripadanya.

- i. Menurut mazhab Ḥanafī: Ibn ‘Ābidīn telah mentakrifkannya sebagai Pemberian harta yang mempunyai persamaan (*mithlī*) oleh salah satu pihak supaya dibayar semula.
- ii. Menurut mazhab Maliki: *al-Qard* ialah pembiayaan dengan harta orang yang berada untuk mendapat bayaran yang sama yang tidak disegerakan, Cuma sebagai suatu kebajikan sahaja.
- iii. Menurut mazhab Ḥanbalī: *al-Qard* ialah pembiayaan harta suatu kebajikan kepada orang yang mengambil manfaatnya dan dikembalikan kepada gantiannya.
- iv. Menurut mazhab Shāfi‘ī: *al-Qard* ialah memberi milik sesuatu untuk dikembalikan yang sama dengannya.
- v. Menurut mazhab al-Zāhiri: *al-Qard* ialah “Engkau memberikan barang kepada seseorang daripada harta engkau. Engkau biayakan kepadanya supaya dia mengembalikan kepada engkau sesuatu yang seumpamanya,

⁵⁶ Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islām wa Adillatuhu*, (Dimashq: Dār al-Fikir, 1405/1985), 4:721.

⁵⁷ Al-Wizārah al-Awqāf wa Shu’ūn al-Islamiyyah, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah*, (Kuwait: Al-Wizārah al-Awqāf wa Shu’ūn al-Islamiyyah, 1412/1992), 33:111.

sama ada pada tanggungannya sekarang ataupun pada suatu tempoh yang tertentu.”⁵⁸

Apabila diteliti, terdapat persamaan antara makna dari segi bahasa dengan makna yang diberikan oleh syarak, iaitu *al-Qard* ialah mengambil sebahagian daripada harta pemberi untuk diserahkan kepada penerima. Semua takrif yang diberikan hampir sama antara satu sama lain. Setiap takrif menunjukkan bahawa *al-Qard* dalam syariat Islam ialah suatu kontrak barang dan bukannya kontrak sukarela. Kontrak itu tidak sempurna melainkan penerima mestilah menyerahkan barang yang dipinjam sama ada ia berbentuk wang atau apa-apa barang lain.⁵⁹

Oleh itu, dapat disimpulkan di sini bahawa *al-Qard* ialah pembiayaan harta atau barang lain yang dibiayai dengan syarat ia mempunyai persamaan antara satu sama lain dan diberikan semata-mata untuk dimanfaatkan oleh penerima. Jelasnya, harta bagi setiap individu muslim perlu dibelanjakan pada jalan yang dibenarkan oleh hukum syarak. Justeru, setiap muslim tidak boleh membelanjakan harta pada sesuatu yang diharamkan syarak seperti judi, arak dan khinzir.

Sehubungan itu, istilah *al-dayn* atau *al-qard* dalam bahasa Arab membawa maksud hutang yang juga dapat difahami sebagai pinjaman. Pinjaman yang membawa maksud penggunaan yang melibatkan hak milik secara sementara objek pinjaman dari pemberi pinjam (pemiutang) kepada peminjam (penghutang). Menurut rujukan klasikal, ia mempunyai sedikit perbezaan di mana pinjaman (*‘āriyah*) merujuk kepada objek

⁵⁸ Ibid., 62-63.

⁵⁹ Ibid., 63.

pinjaman yang serupa (*mithli*) di mana objek yang dipinjam tidak susut. Hanya manfaat tersebut digunakan oleh peminjam. Sebagai contoh meminjam kereta atau motorsikal.⁶⁰

Sementara dalam kes hutang (*qard*), objek tersebut perlulah dari kategori yang boleh dinilai (*qimī*) kerana objek tersebut akan digunakan dan mungkin susut secara fizikal. Sebagai contoh pinjaman wang.⁶¹

Oleh itu, konsep hutang di sini merujuk kepada kegiatan peminjaman yang merangkumi segala jenis objek yang boleh dipinjamkan seperti *dayn*, *qard* dan *‘āriyah*. Namun tumpuan pengkaji hanya melihat kepada hadith-hadith yang hutang atau *dayn* dengan menfokuskan kepada dua tema sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Bab Pendahuluan sebelum ini.

Sementara aktiviti pinjaman menurut fiqh pula dikategorikan sebagai aktiviti *tabarru‘* atau kebajikan. Justeru tiada sebarang tambahan dibenarkan. Jika ada sebarang tambahan yang ditetapkan dalam sebarang aktiviti pinjaman ia dianggap riba dan hukumnya adalah dilarang dan haram dalam Islam.⁶²

2.4 Perkataan *al-Dayn* Menurut al-Qurān

Perkataan *al-dayn* disebut lima kali⁶³ dalam al-Qur’ān. Selain menggunakan perkataan *al-dayn* dengan maksud hutang, al-Qur’ān juga menggunakan beberapa perkataan lain

⁶⁰ Nor Aini Ali, Nor ‘Azzah Kamri & Suhaili Sarif, Hubungan Penghutang dan Pemiutang Menurut Perspektif Hadith, *Jurnal Al-Bayan*, (2017). 15(1): 90-114.

⁶¹ Ibid.

⁶² Ibid.

⁶³ Perkataan *dayn* disebut sebanyak lima kali dalam al-Qur’an iaitu satu kali Surah al-Baqarah ayat 282 dan Surah al-Nisā’ ayat 11 dan 3 kali sebutan pada Surah al-Nisā’ ayat 12.

seperti *tadāyana*, *ghārimīn*, *maghram*, *aghrama* dan *ḥaqq*. Ayat-ayatnya adalah seperti berikut:⁶⁴

i. Sūrah al-Baqarah ayat 282

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ
وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْب كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ
اللَّهُ فَلْيَكْتُبْ وَلْيَمْلِكِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا يَبْخَسَ مِنْهُ
شَيْئًا فَإِنْ كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُمِلَّ
هُوَ فَلْيَمْلِكْ وَلِيُهُ بِالْعَدْلِ وَأَسْتَشْهِدُوا شَهِدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ فَإِنْ لَمْ
يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مِمَّن تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضِلَّ
إِحْدَاهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَىٰ وَلَا يَأْب الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا
وَلَا تَسْأَمُوا أَنْ تَكْتُبُوهُ صَغِيرًا أَوْ كَبِيرًا إِلَىٰ أَجَلِهِ ذَٰلِكُمْ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ
وَأَقْوَمُ لِلشَّهَادَةِ وَأَدْنَىٰ أَلَّا تَرْتَابُوا إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً حَاضِرَةً تُدِيرُونَهَا
بَيْنَكُمْ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَلَّا تَكْتُبُوهَا وَأَشْهِدُوا إِذَا تَبَايَعْتُمْ وَلَا
يُضَارَّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ وَإِنْ تَفَعَّلُوا فَإِنَّهُ فَسُوقٌ بِكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ
وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٨٢﴾

Terjemahan:

“Wahai orang yang beriman, apabila kamu berkontrak secara hutang dengan satu sama lain, sampai satu tempoh yang dinyatakan, hendaklah kamu menuliskannya, dan hendaklah seorang penulis menuliskannya antara kamu dengan adil, dan seseorang penulis tidak boleh enggan untuk menulis

⁶⁴ Lihat Dr ‘Abd al-Ṣabbūr Marzūq, *Mu‘jam al-A‘lām wa al-Mawdū‘āt fi al-Qur‘ān*, (Kaherah: Dār al-Shurūq, 1995/1415H.), 2:627-628. Lihat juga Muḥammad Nāyif Ma‘rūf, *al-Mu‘jam al-Mufahras li Mawāḍi‘ al-Qur‘ān al-Karīm*, (Beirut: Dār al-Nafā‘is, 2000/1420H.), 273-274. Penyusun hanya mengemukakan ayat 282 dan 283 Surah al-Baqarah sahaja.

sebagaimana Allah mengajarnya. Maka hendaklah dia menulis, dan hendaklah orang yang berhak (penghutang) mengimlakkan, dan hendaklah dia bertakwa kepada Allah. Peliharanya, dan jangan mengurangi sesuatu daripadanya. Jika penghutang itu bodoh, atau lemah, atau tidak boleh mengimlakkan, maka hendaklah walinya (penjaganya) mengimlakkan dengan adil dan panggilkan untuk menyaksikan dua orang saksi, lelaki atau jika kedua-duanya bukan lelaki, maka seorang lelaki dan dua orang perempuan, saksi-saksi yang kamu berpuas hati bahawa jika salah seorang daripada kamu sesat (silap), yang seorang lagi akan mengingatkannya. Dan janganlah saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil, dan jangan kamu tidak suka untuk menulisnya, kecil atau besar, dengan tempohnya; itu adalah lebih adil pada pandangan Allah, lebih tegak untuk kesaksian, dan lebih sesuai supaya kamu tidak ragu-ragu, kecuali ia perdagangan hadir (tunai) yang kamu jalankan sesama kamu, maka tidaklah bersalah ke atas kamu jika kamu tidak menulisnya. Dan adakanlah saksi-saksi apabila kamu berjual beli sesama kamu. Dan janganlah sama ada kamu melakukan, itu adalah kefasikan pada kamu. Dan takutilah Allah; Allah mengajar kamu dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu”.

Sūrah al-Baqarah, (2): 280

Secara umumnya ayat 282 Sūrah al-Baqarah di atas mencakupi pembicaraan mengenai hutang piutang, jual beli dan sewa menyewa yang turut merangkumi akad atau perjanjian bertulis, keperluan saksi dalam akad hutang dan *ijāb qabūl*. Ayat di atas menurut Ibn ‘Abbās r.a diturunkan berkaitan dengan *bay‘ al-salam* yang biasa dilakukan oleh penduduk Madinah pada zaman Rasūl Allāh SAW.⁶⁵

Dalam ayat ini, Allah SWT telah mensyariatkan hutang piutang dan memerintahkan agar ditulis hutang tersebut sekiranya mempunyai tempoh. Allah SWT juga memerintahkan agar hutang ditulis oleh seorang penulis yang adil, dan Allah menegah si penulis daripada enggan berbuat demikian. Sekiranya pemilik hak iaitu seorang yang tidak cukup syarat, bodoh atau lemah, maka penjaganya

⁶⁵ Al-Ṭabarī melaporkan bahawa Ibn ‘Abbās berkata ayat 282 Sūrah al-Baqarah diturunkan mengenai *bay‘ al-salam* iaitu jual beli gandum secara tempahan dengan sukatan yang tertentu dan tempoh yang tertentu. Lihat Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī (1422H./2001), *Jāmi‘ al-Bayān fi Ta‘wil Āy al-Qur‘ān*, Taḥqīq Dr ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turki, (Kaheerah: Hajr li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-I‘lān, (1422H./2001), 5: 70-71; Muḥammad Yusūf Abi Ḥayyān al-Andālūsī, *Tafsīr Baḥr al-Muḥīt*, Taḥqīq ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd, Aḥmad al-Najūlī al-Jamal, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1413H./1993), 5:359.

bertanggungjawab mengarahkan seorang penulis hutang untuk mewakilinya. Allah SWT juga mengarahkan agar kontrak hutang itu disaksikan oleh dua orang saksi lelaki. Sekiranya tiada dua orang saksi lelaki, saksi tersebut bolehlah terdiri daripada seorang lelaki dan dua orang perempuan yang adil.

Ayat hutang ini adalah rentetan daripada ayat-ayat tentang riba dan pengharamannya yang disebutkan oleh Allāh SWT pada ayat 275 hingga ayat 280, malah riba itu berpunca daripada jual beli dan hutang piutang.⁶⁶ Justeru dalam ayat 280 pula, Allāh SWT menjelaskan bahawa orang berhutang yang menghadapi kesukaran untuk melunaskan hutangnya, ia diberikan penangguhan bayaran sehingga ia berkelapangan untuk melunaskan hutangnya.⁶⁷

Pergertian *al-dayn* menurut istilah telah dibincangkan dalam subtajuk yang terdahulu. Ia dirumus menerusi pengertian yang diberikan oleh ahli-ahli tafsir seperti al-Qurṭubī,⁶⁸ Ibn al-‘Arabī⁶⁹ dan al-Shawkānī⁷⁰ sebagai satu istilah tentang urusan niaga yang salah satu barang tukarannya adalah tunai dan satu lagi adalah tuntutan pada masa hadapan (*al-dhimmah*) secara bertanggung. Pengertian *al-dayn* yang diberikan oleh para ahli tafsir memperjelaskan lagi pengertian mengenai *al-dayn* dalam al-Qur’ān. Imām al-Sha‘rāwī menyebut *al-dayn* sebagai *al-māl al-muqtarid* iaitu harta yang dipinjam.⁷¹ Al-Shaykh Muḥammad Ṭāhir ‘Āshūr menyebut penambahan perkataan *dayn* dalam ayat

⁶⁶ Ayat 278 diturunkan pada al-‘Abbās bin ‘Abd al-Muṭallib dan seorang lelaki daripada Bani al-Mughīrah yang berkongsi untuk memberikan pinjaman kepada sekumpulan orang daripada Bani Thaḳīf, Bani ‘Amru. Lihat Abū Muḥammad Ismā‘īl bin ‘Abd al-Raḥmān al-Sudā al-Kabīr, *Tafsīr al-Sudā al-Kabīr*, Taḥqīq Dr Muḥammad ‘Atā Yūsuf, (Manṣūrah: Dār al-Wafā’ li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘, 1414H./1993), 167.

⁶⁷ Lihat ayat 275-281 Surah al-Baqarah.

⁶⁸ al-Qurṭubī *al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur’ān*, 3:331.

⁶⁹ Ibn al-‘Arabī, *Ahkām al-Qur’ān*, 1:327.

⁷⁰ Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-Shawkānī, *Fath al-Qadīr al-Jāmi‘ bayn Fannai al-Riwāyah wa al-Dirāyah min ‘Ilm al-Tafsīr*, (t.tp: t.pt.: t.t.), 1:407.

⁷¹ Imam Muḥammad Mutawallī al-Sha‘rāwī, *Tafsīr al-Sha‘rāwī*, ed. Dr Aḥmad ‘Umar Hāshim, (t.tp.: Akhbār al-Yawm, t.t.), 2:1213.

sama ada untuk semata-mata *iṭnāb* (إطناب) atau *mī'ād* (ميعاد) bagi gantinama pada firman-Nya (فَاكْتُبُوهُ).⁷²

Al-Qur'ān juga turut merakam fenomena manusia yang dibebani hutang sebagaimana firman Allāh dalam surah Āli 'Imrān:

﴿ وَمِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مَنْ إِنْ تَأْمَنَّهُ بِقِنطَارٍ يُؤَدِّهِ إِلَيْكَ وَمِنْهُمْ مَنْ إِنْ تَأْمَنَّهُ بِدِينَارٍ لَّا يُؤَدِّهِ إِلَيْكَ إِلَّا مَا دُمْتَ عَلَيْهِ قَائِمًا ۗ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَيْسَ عَلَيْنَا فِي الْأُمِّيَّنَ سَبِيلٌ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴾

Terjemahan:

Di antara ahli kitab ada orang yang jika kamu mempercayakan kepadanya harta yang banyak, dikembalikannya kepadamu dan di antara mereka ada orang yang jika kamu mempercayakan kepadanya satu dinar, tidak dikembalikannya kepadamu kecuali jika kamu selalu menagihnya. Yang demikian itu lantaran mereka mengatakan: tidak ada dosa bagi kami terhadap orang-orang ummi. Mereka berkata dusta terhadap Allah, padahal mereka mengetahui.

Sūrah Āli 'Imrān, (3): 75

Ayat ini menunjukkan bahawa kuatnya memegang janji atau komitmen secara umumnya berbeza antara seseorang dengan orang yang lain. Di satu pihak terdapat orang yang komited atau setia janji dan mampu memenuhi janjinya kepada pemiutang tanpa sebarang penangguhan. Mereka digambarkan oleh al-Qur'ān dengan (مَنْ إِنْ تَأْمَنَّهُ)

⁷² Al-Imām al-Shaykh Muḥammad Ṭāhir bin 'Āshūr, *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*, (Tūnis: al-Dār al-Tūnisiyyah li al-Nashr, 1984), 3:98.

(بِقِنْطَارٍ يُؤَدِّهِ إِلَيْكَ). Sebaliknya tidak sedikit pula orang yang lemah atau kurang komitmen bahkan selalu mencari alasan untuk menanggukkan pelunasan hutangnya sebagaimana al-Qur'an menggambarkan perilaku mereka dengan (وَمِنْهُمْ مَنْ إِنْ تَأَمَّنْهُ بِدِينَارٍ لَا يُؤَدِّهِ إِلَيْكَ) (إِلَّا مَا دُمْتَ عَلَيْهِ قَائِمًا ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَيْسَ عَلَيْنَا فِي الْأُمِّيِّينَ سَبِيلٌ).

Ayat ini diturunkan kepada kaum Yahudi. Dalam ayat ini, Allah SWT menjelaskan bahawa dalam kalangan kaum Yahudi ini ada yang amanah dan ada yang khianat.⁷³ Perkataan (قِنْطَارٍ) *qinṭār* dalam ayat dimaksudkan dengan harta yang banyak, manakala (دِينَارٍ) *dīnār* pula dimaksudkan dengan harta yang sedikit. Justeru, ada dalam kalangan mereka yang menunaikan amanah yakni melunaskan hutang, sekalipun mereka banyak harta, dan ada juga yang tidak melunaskan hutang. Antara orang Yahudi yang disebut oleh ahli tafsir sebagai ahli kitab yang beriman dan mereka yang membayar hutang seperti 'Abd Allāh bin Salam dan sahabat-sahabatnya. Sementara bagi yang tidak beriman atau *kuffār* pula dan tidak membayar hutang seperti Ka'b bin al-Ashraf dan sahabat-sahabatnya.

Imam Ibn Kathīr menukikkan kata-kata Ibn Abī Ḥātim, yang mengatakan, telah menceritakan kepadaku Sa'īd al-Sakwānī, daripada Baqiyyah, daripada Ziyād bin al-Haytam telah menceritakan kepadaku Mālik bin Dīnār, ia berkata, "Disebut *dīnār* kerana ia adalah *dīn* (perhitungan) dan *nār* (neraka). Ada yang mengatakan siapa yang mengambil sesuatu yang bukan haknya, maka baginya *nār* (neraka).⁷⁴

⁷³ Abū Muḥammad al-Ḥusayn bin Mas'ūd al-Baghawī, *Ma'ālim al-Tanzīl*, Taḥqīq Muḥammad 'Abd Allāh al-Namir, (Riyād: Dār Ṭayyibah, 1409H./ 1989), 2:55-56.

⁷⁴ Ibn Kathīr, 'Imād al-Dīn Abī al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr al-Dimshiqī, *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, Taḥqīq Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad et.al., (Kaḥerah: Mu'assasah Qurṭubah, 2000), 3:89-90.

Sebahagian ahli tafsir seperti al-Şun‘ānī⁷⁵ menjelaskan bahawa *qinṭār* itu adalah harta yang banyak sama ada berupa emas, perak atau lainnya atau berjumlah sebanyak 80 ribu dirham.⁷⁶ Jumlah 80 ribu dirham bersamaan dengan 8000 dinar dan 1 dinar bernilai 4.25 gram emas.

Sehubungan itu, Imām al-Bukhārī menyebut dalam *Şaḥīḥ*nya menerusi Kitāb al-Kafālah, Bāb al-Kafālah fi al-Qarḍ, al-Duyūn bi al-Abdān wa Ghayrihā⁷⁷ sebagaimana berikut:

قَالَ اللَّيْثُ: حَدَّثَنِي جَعْفَرُ بْنُ رَبِيعَةَ، عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ هُرْمُزٍ الْأَعْرَجِ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَنَّهُ ذَكَرَ رَجُلًا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ سَأَلَ [بَعْضَ] بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنْ يُسْلِفَهُ أَلْفَ دِينَارٍ، فَقَالَ: اثْنَيْ بِالشُّهُدَاءِ أَشْهَدُهُمْ. فَقَالَ: كَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا. قَالَ: اثْنَيْ بِالْكَفِيلِ. قَالَ: كَفَى بِاللَّهِ كَفِيلًا. قَالَ: صَدَقْتَ. فَدَفَعَهَا إِلَيْهِ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى، فَخَرَجَ فِي الْبَحْرِ فَقَضَى حَاجَتَهُ، ثُمَّ التَّمَسَّ مَرْكَبًا يَرْكَبُهَا يَقْدُمُ عَلَيْهِ لِلْأَجَلِ الَّذِي أَجَّلَهُ، فَلَمْ يَجِدْ مَرْكَبًا، فَأَخَذَ حَشَبَةً فَنَقَرَهَا فَأَدْخَلَ فِيهَا أَلْفَ دِينَارٍ، وَصَحِيفَةً مِنْهُ إِلَى صَاحِبِهِ، ثُمَّ رَجَعَ مَوْضِعَهَا، ثُمَّ أَتَى بِهَا إِلَى الْبَحْرِ، فَقَالَ: اللَّهُمَّ إِنَّكَ تَعْلَمُ أَيَّيِّ اسْتَسَلَفْتُ فَلَانَا أَلْفَ دِينَارٍ فَسَأَلَنِي كَفِيلًا فَقُلْتُ: كَفَى بِاللَّهِ كَفِيلًا فَرَضِي بِكَ. وَسَأَلَنِي شَهِيدًا، فَقُلْتُ: كَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا فَرَضِي بِكَ، وَإِنِّي جَهَدْتُ أَنْ أَجِدَ مَرْكَبًا أَبْعَثُ إِلَيْهِ الَّذِي لَهُ فَلَمْ أَقْدِرْ، وَإِنِّي اسْتَوَدَعْتُكَهَا. فَرَمَى بِهَا فِي الْبَحْرِ حَتَّى وَجَعَتْ فِيهِ، ثُمَّ انْصَرَفَ وَهُوَ فِي ذَلِكَ يَلْتَمِسُ مَرْكَبًا يَخْرُجُ إِلَى بَلَدِهِ،

⁷⁵ Beliau adalah Imām ‘Abd al-Razzāq bin Hammām bin Nafi‘ al-Şun‘ānī. Dilahirkan di Yaman pada tahun 126 dan meninggal dunia pada tahun 211 H. Antara gurunya yang masyhur ialah ayahnya sendiri, Hammām bin Nafi‘, bapa saudaranya Wahb bin Nafi‘, Sufyān al-Thawrī, Sufyān bin ‘Uyaynah dan Imām Mālik bin Anas. Manakala muridnya yang terkenal seperti Imām Aḥmad bin Hanbal, Yahyā bin Ma‘īn yakni guru kepada Imām al-Bukhārī dan lain-lain. Lihat Tarjumah al-Imām ‘Abd al-Razzāq al-Şun‘ānī, *Tafsīr al-Qur‘ān*, Taḥqīq Dr Muşṭafā Muslim Muḥammad, (Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, 1410H./ 1989M), 1:7-9. Tafsir ini juga dikenali sebagai *Tafsīr ‘ al-Şun‘ānī*.

⁷⁶ ‘Abd al-Razzāq bin Hammām bin Nafi‘ al-Şun‘ānī, *Tafsīr al-Şun‘ānī*, (Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, 1410H./ 1989M.), 1:123.

⁷⁷ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Şaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq Muḥib al-Dīn al-Khatīb, Muḥammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqī & Quşā Muḥib al-Dīn al-Khatīb, no. hadith 2291, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyah, 1400H.), 2:140-141.

فَخَرَجَ الرَّجُلُ الَّذِي كَانَ أَسْلَفَهُ يَنْظُرُ لَعَلَّ مَرْكَبًا يَجِيئُهُ بِمَالِهِ، فَإِذَا بِالْحَشْبَةِ الَّتِي فِيهَا الْمَالُ، فَأَخَذَهَا لِأَهْلِهِ حَطْبًا، فَلَمَّا كَسَرَهَا وَجَدَ الْمَالَ وَالصَّحِيفَةَ، ثُمَّ قَدِمَ الَّذِي كَانَ تَسَلَّفَ مِنْهُ، فَأَتَاهُ بِأَلْفِ دِينَارٍ، وَقَالَ: وَاللَّهِ مَا زِلْتُ جَاهِدًا فِي طَلَبِ مَرْكَبٍ لِأَتِيكَ بِمَالِكَ، فَمَا وَجَدْتُ مَرْكَبًا قَبْلَ الَّذِي أَتَيْتُ فِيهِ. قَالَ: هَلَنْ كُنْتُ بَعَثْتُ إِلَيْي بِشَيْءٍ؟ قَالَ: أَلَمْ أُحْبِرْكَ أَنِّي لَمْ أَجِدْ مَرْكَبًا قَبْلَ هَذَا؟ قَالَ: فَإِنَّ اللَّهَ قَدْ أَدَّى عَنْكَ الَّذِي بَعَثْتُ فِي الْحَشْبَةِ، فَأَنْصِرْفِ بِأَلْفِ دِينَارٍ رَاشِدًا.

Terjemahan:

Al-Layth mengatakan, telah menceritakan kepadaku Ja'far bin Rabi'ah, dari 'Abd al-Rahmān bin Hurmuz al-A'raj, dari Abū Hurayrah r.a., dari Rasūl Allāh SAW yang pernah menceritakan bahawa pada zaman dahulu ada seorang lelaki dalam kalangan umat Bani Isrā'īl berhutang sejumlah seribu dinar kepada seorang lelaki lain yang juga dari Bani Isrā'īl. Lelaki yang diminta (pemiutang) berkata, "Datangkanlah orang yang aku akan jadikan mereka sebagai saksi." Lelaki yang mengajukan hutang (penghutang) berkata, "Cukuplah Allah sebagai saksinya." Lelaki yang diminta berkata, "Datangkanlah kepadaku seorang penjamin." Lelaki yang meminta menjawab, "Cukuplah Allah sebagai penjaminnya." Lelaki yang diminta berkata, "Engkau benar," lalu ia memberikan hutang itu kepadanya sampai waktu yang telah ditentukan. Lelaki yang berhutang itu berangkat melakukan suatu perjalanan menempuh jalan laut. Setelah menyelesaikan urusan dan keperluannya, maka ia mencari perahu yang akan ditumpanginya menuju tempat si lelaki pemiutang lantaran tempoh pembayarannya telah tiba, tetapi ia tidak menemukan sebuah perahu pun. Lalu ia mengambil sebatang kayu dan kayu itu dilubangnya, kemudian memasukkan ke dalamnya wang seribu dinar berikut sepucuk surat yang ditujukan kepada pemiliknya, lalu lubang itu ia tutup kembali dengan rapat. Ia datang ke tepi laut, lalu berkata, "Ya Allah, sesungguhnya Engkau mengetahui bahawa aku telah berhutang kepada si fulan sebanyak seribu dinar. Lalu ia meminta saksi kepadaku, maka kujawab bahawa cukuplah Allah sebagai saksinya. Ia meminta kepadaku seorang penjamin, lalu kujawab bahawa cukuplah Allah sebagai penjaminnya. Ternyata dia reda dengan-Mu. Sesungguhnya aku telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menemukan sebuah perahu untuk mengirimkan pembayaran ini kepadanya, tetapi aku tidak mampu menemukannya. Sesungguhnya sekarang aku kirimkan pembayaran ini kepada-Mu." Kemudian ia melemparkan kayu itu ke laut hingga kayu itu terapung-apung di atasnya. Setelah itu ia pergi seraya mencari perahu untuk menuju tempat pemiutang. Lalu lelaki yang memiliki hutang itu keluar melihat-lihat, barangkali ada perahu yang datang membawa hartanya. Ternyata ia menemui sebatang kayu, iaitu kayu tersebut yang di dalamnya terdapat hartanya. Lalu ia mengambil kayu itu dengan maksud untuk dijadikan sebagai kayu bakar bagi keluarganya. Tetapi ketika ia

membelah kayu itu, tiba-tiba ia menemui sejumlah wang dan sepucuk surat. Ketika lelaki yang berhutang kepadanya tiba seraya membawa seribu dinar lagi dan berkata, “Demi Allah, aku terus berusaha keras mencari kenderaan yang dapat menghantarkan diriku kepadamu untuk menjelaskan hutangku kepadamu, ternyata aku tidak menemukannya sebelum perahu yang membawaku sekarang ini.” Lelaki pemiutang itu bertanya, “Apakah engkau telah mengirimkan sesuatu kepadaku?” Ia menjawab, “Bukankah aku telah ceritakan kepadamu bahawa aku tidak menemui suatu perahu pun sebelum perahu yang membawaku sekarang.” Lelaki pemiutang berkata, “Sesungguhnya Allah telah menunaikan (melunaskan) hutangmu melalui apa yang engkau kirimkan di dalam kayu itu.” Maka si lelaki yang berhutang itu pergi membawa seribu dinarnya dengan hati lega.

Demikianlah riwayat Imām al-Bukhārī pada salah satu tempat dari *Ṣaḥīḥnya* dengan *sīghah jazm*, sedangkan di lain tempat dalam *Ṣaḥīḥnya*, beliau menyandarkan (mengambil) hadith ini daripada ‘Abd Allāh bin Ṣāliḥ, iaitu juru tulis kepada al-Layth, dari al-Layth sendiri.⁷⁸

Ahli-ahli tafsir seperti Ibn Kathīr, al-Ṭabarī dan al-Qurṭubī⁷⁹ menyebut bahawa golongan pertama iaitu golongan setia adalah golongan yang lebih cepat mengembalikan hutang atau harta yang dipinjamkan kepada mereka sekalipun jumlahnya banyak, apalagi kalau jumlah hutangnya sedikit. Sebaliknya golongan kedua atau golongan ingkar adalah golongan yang selalu berusaha menunda-nunda pembayaran hutang sekalipun jumlahnya sedikit apalagi kalau banyak.⁸⁰

Golongan pertama adalah golongan yang amanah iaitu mereka yang telah memeluk Islam manakala golongan kedua yang khianat dan mengingkari janji adalah mereka yang masih beragama Yahudi kerana ajaran Yahudi menghalalkan pembunuhan

⁷⁸ Ibid.

⁷⁹ al-Qurṭubī *al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur’ān*, 5:177.

⁸⁰ Ibn Kathīr, ‘Imād al-Dīn Abī al-Fidā’ Ismā‘īl bin Kathīr al-Dimshiqī, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, taḥqīq Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad et.al., (Kaherah: Mu’assasah Qurṭubah, 2000), 3:89.

terhadap sesiapa yang menyalahi agama mereka dan mereka juga boleh mengambil harta orang yang selain daripada mereka.⁸¹

Tegasnya, ada ahli kitab yang menepati janji untuk melunaskan hutang pada masanya iaitu mereka yang telah memeluk Islam seperti ‘Abd Allāh bin Salām dan ahli kitab yang mengingkari janji pelunasan hutang terdiri daripada mereka yang masih beragama Yahudi seperti Fanhās bin ‘Āzūrā’.⁸² Ibn ‘Abbās menyatakan bahawa ‘Abd Allāh bin Salām berhutang daripada seorang lelaki sebanyak seribu dua ratus *uqiyyah* emas dan ia melunaskannya dan Fanhās bin ‘Āzūrā’ meminjam satu dinar sahaja dari seorang lelaki tetapi ia mengingkari janji untuk membayar hutangnya lalu turunlah ayat 75 surah Āli ‘Imrān ini.⁸³

Walaupun ayat ini diturun dan ditujukan kepada Ahli Kitab namun ia tidak hanya terbatas kepada mereka sahaja, sebaliknya ia boleh digunapakai kepada golongan selain ahli kitab termasuk umat Islam di sepanjang zaman.

ii. Sūrah al-Nisā’ ayat 11

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنثِيَّاتِ ۚ فَإِنَّ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ
أَثْنَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مَا تَرَكَ ۚ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ ۚ وَلَا يُؤْتِيهِ لِلْكَلِّ

⁸¹ Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn bin Ḍiyā’ al-Dīn ‘Umar, *Tafsīr al-Kabīr Fakhr al-Rāzī*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1401H./1981), 8:110.

⁸² Lihat al-Ṭabarī, *Jāmi’ al-Bayān fi Ta’wil Āy al-Qur’ān*, 5:508; Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn bin Ḍiyā’ al-Dīn ‘Umar, *Tafsīr al-Kabīr Fakhr al-Rāzī*, 8:111.

⁸³ Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn bin Ḍiyā’ al-Dīn ‘Umar, *Tafsīr al-Kabīr Fakhr al-Rāzī*, 8:111; Abū al-Su’ūd Muḥammad bin Muḥammad al-‘Amādī, *Tafsīr Abū al-Su’ūd*, (Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, t.t.), 2:50. Ibn Abī Ḥātim al-Rāzī menyebut dalam tafsirnya, *Tafsīr al-Qur’ān al-Azīm*, dinamakan dinar kerana *dayn wa nār*. Maknanya sesiapa yang mengambil (menerima) hutang yang berhak baginya maka itulah hak hutangnya, dan sesiapa yang mengambil (menerima) hutang sesiapa yang mengambil tanpa hak maka baginya neraka. Lihat ‘Abd al-Raḥmān bin Muḥammad Ibn Idrīs al-Rāzī Ibn Abī Ḥātim, *Tafsīr Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm Musnad ‘an Rasūl Allāh ṣallā Allāh alayh wa sallam wa al-Ṣaḥābat wa al-Ṭābi’in*, Taḥqīq As’ad Muḥammad al-Ṭayyib, (Makkah: Maktabah Nazār Muṣṭafā al-Bāb, 1417H./1997), 3:683.

وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وُلْدٌ فَإِنْ لَّمْ يَكُنْ لَهُ وُلْدٌ
 وَوَرِثَةٌ أَبَوَاهُ فَلِأُمِّهِ الثُّلُثُ فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ السُّدُسُ مِنْ بَعْدِ
 وَصِيَّةِ يُوَصَّى بِهَا أَوْ دَيْنٍ ۗ ءَابَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ
 نَفْعًا فَرِيضَةٌ مِنَ اللَّهِ إِنْ اللَّهُ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١١﴾

Terjemahan:

Allah mewasiatkan kamu mengenai anak-anak kamu, bagi lelaki serupa dengan bahagian dua perempuan, dan jika mereka perempuan yang lebih daripada dua, maka bagi mereka dua per tiga daripada apa yang dia tinggalkan, tetapi jika dia seorang, maka baginya separuh; dan kepada ibu bapanya satu per enam daripada apa yang dia tinggalkan, jika dia ada anak; tetapi jika dia tidak ada anak, dan warid-warisnya ialah ibu bapanya, maka satu per tiga bagi ibunya, atau jika dia ada saudara-saudara lelaki, maka bagi ibunya satu per enam, sesudah sebarang wasiat yang dia wasiatkan atau sebarang hutang. Bapa-bapa kamu dan anak-anak lelaki kamu, kamu tidak mengetahui siapa antara mereka yang lebih dekat manfaatnya kepada kamu. Demikianlah ketentuan Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Sūrah al-Nisā', (4):11

iii. Sūrah al-Nisā' ayat 12

۞ وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ لَّمْ يَكُنْ لَّهُنَّ وُلْدٌ فَإِنْ كَانَ
 لَهُنَّ وُلْدٌ فَلَكُمْ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَنَّ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةِ يُوَصِّينَ بِهَا أَوْ
 دَيْنٍ ۗ وَلَهُنَّ الرُّبْعُ مِمَّا تَرَكَتُمْ إِنْ لَّمْ يَكُنْ لَكُمْ وُلْدٌ فَإِنْ كَانَ
 لَكُمْ وُلْدٌ فَلَهُنَّ الثُّمْنُ مِمَّا تَرَكَتُمْ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةِ تُوَصُّونَ بِهَا أَوْ
 دَيْنٍ ۗ وَإِنْ كَانَ رَجُلٌ يُورَثُ كَلَلَةً أَوْ امْرَأَةً وَوَلَدًا أَخًا أَوْ أُخْتًا فَلِكُلِّ
 وَاحِدٍ مِّنْهُمَا السُّدُسُ فَإِنْ كَانُوا أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءُ فِي

الْثَّلَاثُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةِ يُوصَىٰ بِهَا أَوْ دَيْنٍ غَيْرِ مُضَارٍّ وَصِيَّةٍ مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ

عَلِيمٌ حَلِيمٌ ﴿١٢﴾

Terjemahan:

Dan bagi kamu, separuh daripada apa yang isteri-isteri kamu tinggalkan, jika mereka tidak ada anak, maka bagi kamu daripada apa yang mereka tinggalkan, satu per empat, sesudah sebarang wasiat yang mereka wasiatkan atau sebarang hutang. Dan bagi mereka, satu per empat daripada apa yang kamu tinggalkan jika kamu tidak ada anak; tetapi jika kamu ada anak, maka bagi mereka daripada apa yang kamu tinggalkan, satu per lapan sesudah sebarang wasiat yang kamu wasiatkan atau sebarang hutang. Jika seorang lelaki atau seorang perempuan tidak mempunyai waris yang terus (ibu bapa dan anak), tetapi ada saudara lelaki atau saudara perempuan, maka bagi setiap seorang daripada keduanya, satu per enam; tetapi jika mereka lebih ramai daripada itu, maka mereka bersekutu dalam satu per tiga, sesudah sebarang wasiat yang dia tinggalkan atau sebarang hutang yang memudaratkan; wasiat daripada Allah dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Penyantun.

Sūrah al-Nisā', (4):12

Ayat 11 dan 12 Sūrah al-Nisā' di atas dan ayat 176 Sūrah al-Nisā' juga dikenali sebagai ayat *al-mawārīth* atau pusaka dalam Islam. Dalam kajian ini, pengkaji hanya menfokuskan kepada aspek hutang yang disebutkan dalam ayat-ayat di atas.

Untuk itu, frasa ayat (مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَىٰ بِهَا أَوْ دَيْنٍ) yang bermaksud *sesudah sebarang wasiat yang dia wasiatkan atau sebarang hutang*, para ulama salaf dan khalaf menurut Ibn Kathīr, sepakat hutang lebih didahulukan daripada wasiat.⁸⁴ Namun demikian, penunaian wasiat atau pelunasan hutang si mati tidak boleh menimbulkan

⁸⁴ Imād al-Dīn Abī al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr al-Dimshiqī, *Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm*, Taḥqīq Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad et.al., (Kaḥerah: Mu'assasah Qurṭubah, 2000), 3:375.

kemudharatan atau kesempitan kepada pewaris. Maksudnya hutang si mati perlu dijelaskan oleh pewaris menggunakan harta si mati selagi harta itu mencukupi.

Sekiranya harta itu tidak mencukupi, maka pewaris tidak berkewajipan untuk menjelaskan hutang si mati menggunakan harta pewaris kecuali dengan pembayaran hutang tersebut tidak mendatangkan kesempitan atau membebankan pewaris.

Apa yang jelas dan pasti di sini ialah menjadi kewajipan kepada pewaris untuk melunaskan hutang si mati menggunakan harta peninggalannya dan tidak ada kewajipan baginya untuk melunaskan harta si mati menggunakan harta pewaris.

iv. Sūrah al-Tawbah ayat 60

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَاةِ قُلُوبُهُمْ
وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ
وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

Terjemahan:

Sedekah adalah untuk orang fakir (yang memerlukan), dan orang miskin, dan yang beramal terhadapnya, dan orang yang hatinya disatukan, dan memerdekakan hamba-hamba, dan orang yang berhutang di jalan Allah, dan musafir; begitulah ketentuan Allah dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Sūrah al-Tawbah, (9):60

Dalam ayat di atas, perkataan *al-Ghārimīn* merujuk kepada orang yang berhutang. Dari sudut bahasa, perkataan *al-Ghārimīn* adalah kata jamak dari perkataan *ghārim* yang bermaksud tetap. *Al-Ghārim* bermaksud orang yang mempunyai hutang untuk

kepentingan bukan maksiat dan tidak mampu untuk menyelesaikannya.⁸⁵ Ini bermakna hutang itu tetap pada orang yang berhutang. Dari sudut istilah pula, ulama Mālikiyyah, Shāfi'iyyah dan Ḥanābilah mentakrifkannya sebagai orang berhutang sama ada untuk dirinya sendiri atau hutang untuk kemaslahatan masyarakat.⁸⁶

Ibn Kathīr menjelaskan bahawa orang yang berhutang (*al-Ghārimūn* dengan lafaz jamak) itu terbahagi kepada beberapa bahagian, iaitu orang yang menanggung beban (tanggungjawab) atau orang yang menjamin suatu hutang sehingga ia menjelaskannya, lalu hutangnya itu menghabiskan semua hartanya, atau kedua; ia tenggelam dalam hutangnya sehingga tidak mampu menjelaskannya, atau ketiga; hutang yang menghabiskan semua hartanya itu ia lakukan dalam maksiat kemudian ia bertaubat maka kepada mereka semua diberikan sebahagian daripada harta zakat.⁸⁷

Fakta di atas berkisar mengenai hadith Qabīṣah bin Mukhāriq al-Hilālī yang menceritakan bahawa ia menanggung suatu tanggungan hutang, lalu ia datang mengadap Rasūl Allāh SAW untuk meminta sebahagian daripada harta zakat untuk menjelaskan hutangnya. Maka Rasūl Allāh SAW bersabda:

"أَقِمَّ حَتَّى تَأْتَيْنَا الصَّدَقَةَ، فَنَأْمُرَ لَكَ بِهَا". قَالَ: ثُمَّ قَالَ: "يَا قَبِيصَةَ، إِنَّ الْمَسْأَلَةَ لَا تَحِلُّ إِلَّا لِأَحَدٍ ثَلَاثَةَ: رَجُلٍ تَحْمَلُ حِمْلَهُ فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَهَا، ثُمَّ يُمْسِكَ. وَرَجُلٍ أَصَابَتْهُ جَائِحَةٌ اجْتَاخَتْ مَالَهُ، فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَ قَوْمًا مِنْ عَيْشٍ: أَوْ قَالَ: سِدَادًا مِنْ عَيْشٍ - وَرَجُلٍ أَصَابَتْهُ فَاقَةٌ حَتَّى يَفُومَ ثَلَاثَةَ مِنْ ذَوِي الْحِجَا مِنْ قَوْمِهِ، فَيَقُولُونَ: لَقَدْ أَصَابَتْ فُلَانًا فَاقَةٌ فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ، حَتَّى يُصِيبَ قَوْمًا مِنْ عَيْشٍ - أَوْ قَالَ سِدَادًا مِنْ عَيْشٍ - فَمَا سِوَاهُنَّ مِنَ الْمَسْأَلَةِ سُحْتٌ، يَأْكُلُهَا صَاحِبُهَا سُحْتًا".

⁸⁵ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Sharī'ah wa al-Manhaj*, (Dimashq: Dār al-Fikr, 1411/1991), 9:272.

⁸⁶ Ibid.

⁸⁷ Ibn Kathīr, 'Imād al-Dīn Abī al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr al-Dimshiqī, *Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm*, Taḥqīq Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad et.al., (Kaherah: Mu'assasah Qurṭubah, 2000), 7:223.

Terjemahan:

Tinggallah kamu hingga harta zakat datang kepada kita, maka akan kami perintahkan untuk memberikan sebagiannya kepadamu. Selanjutnya Rasūl Allāh SAW bersabda: Wahai Qabiṣah, sesungguhnya meminta itu tidak halal kecuali bagi salah seorang di antara tiga golongan orang, iaitu bagi seorang lelaki yang menanggung suatu tanggungan hutang, maka dihalalkan baginya meminta hingga ia dapat melunasinya, kemudian menahan diri dari meminta-minta. Dan seorang lelaki yang ditimpa suatu musibah hingga semua hartanya habis, maka dihalalkan baginya meminta-minta hingga ia memperoleh pegangan bagi kehidupannya, atau kecukupan bagi kehidupannya. Dan seorang lelaki yang ditimpa kemiskinan, hingga ada tiga orang yang berakal (bijak) dari kalangan kerabat dalam kaumnya mengatakan bahawa sesungguhnya si Fulan telah jatuh miskin, maka dihalalkan baginya meminta-minta hingga beroleh pegangan kehidupan atau kecukupan bagi penghidupannya. Adapun meminta-minta yang bukan berdasarkan alasan tersebut, maka hal itu merupakan barang haram yang dimakan oleh pelakunya.⁸⁸

Daripada hadith riwayat Muslim di atas, dapatlah difahami bahawa terdapat tiga kelompok manusia yang menanggung hutang iaitu

- i. Seorang lelaki yang menanggung suatu tanggungan hutang, maka beliau dibenarkan atau diharuskan untuk meminta-minta dari orang ramai dan lain-lain sehingga ia dapat melunasi hutangnya, dan setelah itu beliau perlu menahan diri lagi dari meminta-minta.
- ii. Seorang lelaki yang ditimpa suatu musibah hingga kesemua hartanya habis. Justeru, beliau dibenarkan untuk meminta-minta sehingga beliau memperoleh keperluan bagi kehidupannya, atau kecukupan bagi kehidupannya.

⁸⁸ Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Taḥqīq Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī, Kitāb al-Zakāh, Bāb Man Taḥill lahu al-Mas'alah, no. hadith 1044, (Beirut: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabīyah, 1991), 2:722. Lihat juga Ibn Kathīr, 'Imād al-Dīn Abī al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr al-Dimshiqī, *Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm*, Taḥqīq Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad et.al., (Kaherah: Mu'assasah Qurtubah, 2000), 7:223.

- iii. Seorang lelaki yang ditimpa kemiskinan, hingga ada tiga orang yang berakal (bijak) dari kalangan kerabat dalam kaumnya mengatakan bahawa sesungguhnya si Fulan telah jatuh miskin, maka beliau diharuskan untuk meminta-minta hingga beliau beroleh pegangan kehidupan atau kecukupan bagi penghidupannya.

Ibn Kathīr juga mengemukakan hadith riwayat Imām Aḥmad bin Ḥanbal sebagaimana berikut:

قَالَ الْإِمَامُ أَحْمَدُ: حَدَّثَنَا عَبْدُ الصَّمَدِ، أَنبَأَنَا صَدَقَةُ بْنُ مُوسَى، عَنْ أَبِي عِمْرَانَ الْجَوْنِيِّ، عَنْ قَيْسِ بْنِ زَيْدٍ عَنْ قَاضِي الْمِصْرِيِّ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبِي بَكْرٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "يَدْعُو اللَّهُ بِصَاحِبِ الدِّينِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يَوْقِفَ بَيْنَ يَدَيْهِ، فَيَقُولُ: يَا بَنَ آدَمَ، فِيمَ أَحَدْتَهُ هَذَا الدِّينَ؟ وَفِيمَ ضَيَّعْتَ حُقُوقَ النَّاسِ؟ فَيَقُولُ: يَا رَبِّ، إِنَّكَ تَعْلَمُ أَيُّيَّيَّ أَحَدْتُهُ فَلَمْ أَكُلْ وَلَمْ أَشْرَبْ وَلَمْ أَضَيِّعْ، وَلَكِنْ أَتَى عَلَيَّ يَدَيَّ إِمَّا حَرْقٌ وَإِمَّا سَرَقٌ وَإِمَّا وَضِيعَةٌ. فَيَقُولُ اللَّهُ: صَدَقَ عَبْدِي، أَنَا أَحَقُّ مَنْ قَضَى عَنْكَ الْيَوْمَ. فَيَدْعُو اللَّهُ بِشَيْءٍ فَيَضَعُهُ فِي كِفَّةِ مِيزَانِهِ، فَتَرْجَحُ حَسَنَاتُهُ عَلَى سَيِّئَاتِهِ، فَيَدْخُلُ الْجَنَّةَ بِفَضْلِ اللَّهِ وَرَحْمَتِهِ"

Terjemahan:

Imām Aḥmad mengatakan, telah menceritakan kepada kami ‘Abd al-Ṣamad, telah menceritakan kepada kami Ṣadaqah bin Mūsā, dari Abī ‘Imrān al-Jāwnī, dari Qays bin Yazīd, dari Qāḍī Misrayn, dari ‘Abd al-Raḥmān bin Abū Bakr yang mengatakan bahwa Rasūl Allāh SAW pernah bersabda: *Allah menyeru orang yang berhutang kelak di hari kiamat hingga orang itu diberdirikan di hadapan-Nya. Lalu Allah berfirman, "Wahai anak Adam, mengapa kamu mengambil hutang ini, dan mengapa kamu mensia-siakan hak-hak orang lain?" Maka ia menjawab, "Wahai Tuhanku. sesungguhnya Engkau mengetahui bahawa aku telah mengambil hutang itu dan aku tidak memakan dan meminum serta tidak mensia-siakannya, tetapi aku ditimpa kebakaran, dan adakalanya kecurian dan adakalanya kehilangan."* Maka Allah berfirman, *"Benarlah apa yang dikatakan hamba-Ku, Aku lebih berhak untuk melunaskannya pada hari ini daripada kamu."* Kemudian Allah memerintahkan kepada sesuatu, lalu sesuatu itu diletakkan pada salah satu sisi neraca orang itu sehingga kebaikannya lebih berat berbanding

*keburukannya, akhirnya dia masuk syurga dengan kelebihan dan rahmat Allah.*⁸⁹

Sehubungan dengan mafhum ayat 9 Sūrah al-Tawbah di atas, *al-Ghārimīn* merupakan salah satu golongan atau asnaf yang berhak menerima zakat atas dasar memenuhi keperluan dan hajat mereka.

Di Malaysia, pentakrifan terhadap istilah ini berbeza-beza antara negeri. Sebagai contoh, pengkaji mengemukakan beberapa takrif *al-Ghārimīn* untuk diteliti dan diamati secara perbandingan.

Di Kedah, *al-Ghārimīn* ditakrifkan sebagai *orang yang berhutang untuk kepentingan bukan maksiat dan tidak sanggup membayarnya. Adapun orang yang berhutang untuk memelihara persatuan umat Islam dibayar hutangnya itu dengan zakat, walaupun ia mampu membayarnya.* Di Pulau Pinang, *al-Ghārimīn* sebagai *kesusahan berat/hutang, rawatan kronik/dialisis, yuran STAM/STPM, pengurusan jenazah tak berwaris, baik pulih pondok pengajian dan sumbangan kepada institusi khas (Sek. Terencat Akal/ Anak Yatim/ Buta/ Pekak).*

Sementara di Perak, ia ditakrifkan sebagai *bantuan menyelesaikan hutang pendaftaran di pusat pengajian tinggi dalam negeri, hutang tambang tiket kapal terbang dan sebagainya serta bayaran balik pinjaman berjadual kepada Kerajaan Negeri.* Pemohon hendaklah mengemukakan bukti keterhutangan dan menunjukkan ikhtiar dan usaha yang telah dibuat untuk menyelesaikannya sebelum membuat permohonan tersebut. Hutang untuk perkara yang bukan untuk kepentingan syarie atau keperluan syarie atau keperluan untuk bermewah akan ditolak.

⁸⁹ Ibid., 7:224.

Manakala di Selangor pula, ia ditakrifkan sebagai “hutang kerana keperluan hidup, hutang persatuan kerana permasalahan ummah, hutang rawatan mesin dialisis, hutang perubatan dan pengurusan jenazah tanpa waris”. Di Kelantan, al-Ghārimīn ditakrifkan sebagai “orang-orang berhutang untuk faedah awam seperti untuk menghapuskan persengketaan dua pihak dan sebagainya. Bagi individu yang berhutang untuk tujuan peribadi, mereka hanya boleh dimasukkan ke dalam asnaf ini dengan syarat beliau mestilah tidak memiliki harta dalam kadar yang mencukupi (haddul kifayah)”.⁹⁰

Berdasarkan lima contoh takrif *al-Ghārimīn* yang dikemukakan, jelas bahawa wujudnya kepelbagaian takrif tersebut lantaran perbezaan kefahaman antara pihak berkuasa agama negeri masing-masing. Oleh yang demikian, adalah perlu suatu takrif yang *jāmi‘* dan *māni‘* dapat dihasilkan terutama oleh pihak berkuasa agama di peringkat kebangsaan.

v. Sūrah al-Tawbah ayat 98

وَمِنَ الْأَعْرَابِ مَنْ يَتَّخِذُ مَا يُنْفِقُ مَغْرَمًا وَيَتَرَبَّصُّ بِكُمْ الدَّوَابِرَ عَلَيْهِمْ
دَائِرَةُ السَّوِّءِ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Terjemahan:

Antara orang Arab mengambil apa yang mereka menafkahkan sebagai denda atau kerugian, dan menunggu-nunggu akan giliran yang buruk kepada kamu. Bagi merekalah giliran yang buruk; Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Sūrah al-Tawbah, (9):98

⁹⁰Raziah Md Tahir & Syarifah Md Yusof, Status Individu Mufliis dalam Asnaf Al-Gharimin, *International Journal of Business and Technopreneurship*, 2014, 4(3): 477-494.

Sebahagian ahli tafsir ketika mentafsirkan ayat di atas mengelompokkan ayat 98 ini bersama dengan ayat 97 dan 99 Sūrah al-Tawbah. Sebahagian mereka pula seperti ahli tafsir klasik, Ibn Kathīr⁹¹ dan ahli tafsir kontemporari Dr Wahbah al-Zuhaylī⁹² meletakkan tema bagi setiap kelompok ayat yang dihuraikan. Bagi ayat-ayat di atas, temanya ialah kekufuran, kemunafikan dan keimanan orang badwi.⁹³ Sementara perkataan (مَعْرَمًا) dimaksudkan dengan kerugian kerana ia tidak mengharapkan ganjaran bahkan membelanjakan hartanya dalam keadaan ketakutan.⁹⁴ Ia juga membawa maksud kerugian dan kebangkrupan.⁹⁵

vi. Sūrah al-Thūr ayat 40

أَمْ تَسْأَلُهُمْ أَجْرًا فَهُمْ مِّن مَّعْرَمٍ مُّثْقَلُونَ ﴿٤٠﴾

Terjemahan:

Atau, kamu meminta kepada mereka upah, lalu mereka diberatkan dengan hutang?

Sūrah al-Thūr, (52):40

Dr Wahbah al-Zuhaylī⁹⁶ menjelaskan perkataan (مَعْرَمٍ) dalam ayat di atas bermaksud kewajipan atau komitmen seseorang terhadap sesuatu yang ia tidak ada. Ia juga diertikan sebagai upah sebagaimana huraiannya terhadap ayat di atas, iaitu

⁹¹ Ibn Kathīr, 'Imād al-Dīn Abī al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr al-Dimshiqī, *Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm*, Taḥqīq Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad et.al., (Kaheerah: Mu'assasah Qurtubah, 2000), 7:267-268.

⁹² Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Sharī'ah wa al-Manhaj*, (Dimashq: Dār al-Fikr, 1411/1991), 11:12.

⁹³ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Sharī'ah wa al-Manhaj*, (Dimashq: Dār al-Fikr, 1411/1991), 11:12.

⁹⁴ Ibid., 11:13.

⁹⁵ Ibn Kathīr, 'Imād al-Dīn Abī al-Fidā' Ismā'īl bin Kathīr al-Dimshiqī, *Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm*, Taḥqīq Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad et.al., (Kaheerah: Mu'assasah Qurtubah, 2000), 7:269.

⁹⁶ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Sharī'ah wa al-Manhaj*, (Dimashq: Dār al-Fikr, 1411/1991), 27:79.

“Bahkan adakah kamu bertanya atau meminta kepada mereka upah yang mereka bayar kepada kamu untuk menyampaikan *risālah* (kenabian),”⁹⁷ Tegasnya di sini, perkataan (مُعْرِمٍ) dalam ayat di atas membawa maksud upah.⁹⁸

vii. Sūrah al-Wāqi‘ah ayat 66

إِنَّا لَمُعْرِمُونَ ﴿٦٦﴾

Terjemahan:

Kami menanggung hutang.

Sūrah al-Wāqi‘ah, (56):66

Maksud (لَمُعْرِمُونَ) dalam ayat di atas antaranya ialah dicampakkan kepada kejahatan, atau juga maksudnya tidak tetap kepada kami harta dan tidak memperoleh keuntungan.⁹⁹

viii. Sūrah al-Qalam ayat 46

أَمْ تَسْأَلُهُمْ أَجْرًا فَهُمْ مِّن مَّعْرَمٍ مُّثْقَلُونَ ﴿٤٦﴾

Terjemahan:

Atau, kamu meminta kepada mereka upah, lalu mereka diberatkan dengan hutang?

Sūrah al-Qalam, (68):46

⁹⁷ Ibid., 27:81.

⁹⁸ Lihat juga Ṭabarī, Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr al-, *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta‘wil Āy al-Qur‘ān*, Taḥqīq Dr ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turki, (Kaherah: Hajr li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-I‘lān, 1422H/2001), 21:599.

⁹⁹ Ibn Kathīr, ‘Imād al-Dīn Abī al-Fidā’ Ismā‘īl bin Kathīr al-Dimshiqī, *Tafsīr al-Qur‘ān al-Azīm*, Taḥqīq Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad et.al., (Kaherah: Mu’assasah Qurtubah, 2000), 13:385.

Ayat ini sama dengan ayat 40 Sūrah al-Thūr di atas.¹⁰⁰

2.5 Pensyariatan *al-Dayn* dan Hukumnya

Pensyariatan *al-dayn* dan keharusannya dalam Islam telah sabit dengan dalil-dalil daripada al-Qur'an, hadith, ijmak dan qiyās. Orang yang memerlukannya dibenarkan untuk melakukan sesuatu kontrak yang melibatkan *dayn* atau hutang.

Pertama: Dalil daripada al-Qur'an

Firman Allah SWT dalam Sūrah al-Baqarah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ...

Maksudnya:

“Wahai orang yang beriman, apabila kamu berkontrak secara hutang dengan satu sama lain, sampai satu tempoh yang dinyatakan, hendaklah kamu menulisnya,...”

Sūrah al-Baqarah, (2): 282

Firman-Nya dalam Sūrah al-Nisā':

مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ

Terjemahan:

“.... sesudah sebarang wasiat yang dia wasiatkan atau sebarang hutang....”

Sūrah al-Nisā', (4): 11

¹⁰⁰Lihat juga Ṭabarī, Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr al-, *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wil Āy al-Qur'ān*, Taḥqīq Dr 'Abd Allāh bin 'Abd al-Muḥsin al-Turki, (Kaherah: Hajr li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-I'lān, 1422H/2001), 23:199.

Allah SWT telah menjelaskan hukum dan tatacara *dayn* dalam ayat-ayat di atas daripada pelbagai aspek seperti keharusan mengurus niaga secara hutang, penangguhan bayaran, penulisan hutang, penyaksian hutang, juga perihal kedudukan tentang harta pusaka dan wasiat si mati.

Dalam ayat 282 Sūrah al-Baqarah di atas, Allah SWT menggariskan peraturan khusus yang mengandungi hukum-hakam berkaitan hutang piutang. Persoalannya, adakah ayat ini berbentuk umum pada setiap urusan hutang, sama ada hutang *al-Qard* atau jual beli atau jual *salam* atau ia hanya khusus untuk jual *salam*?

Secara ijmak, diputuskan bahawa ayat ini adalah umum untuk semua urusan hutang.¹⁰¹ Kata Sa'īd bin al-Musayyib, "Aku diberitahu ayat terakhir yang diturunkan daripada arasy ialah ayat tentang hutang." Ibn 'Abbās berkata, "Ayat ini diturunkan khusus mengenai jual *salam*." Maksudnya jual beli *salam* yang diamalkan oleh penduduk Madīnah menjadi sebab penurunan ayat ini, namun ia kemudiannya merangkumi semua urusan hutang secara umum dengan sepakat ulama Islam. Seseengah ulama daripada mazhab Mālikī telah menggunakan ayat ini sebagai dalil pengharusan penangguhan hutang yang berdasarkan pandangan Imām Mālik yang tidak membezakan antara hutang dengan semua jenis kontrak lain dalam urusan hutang.¹⁰²

Namun, ini tidak dipersetujui oleh Shāfi'iyah kerana bagi mereka, "Tiada dalam ayat ini yang mengharuskan penangguhan seluruh hutang piutang tetapi diperintahkan dalam ayat tersebut agar disaksikan sekiranya hutang itu ditangguhkan.

¹⁰¹ al-Qurṭubī *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an*, 3:331.

¹⁰² Ibid.

Harus atau tidak harus penangguhan hutang diketahui melalui cara atau dalil yang lain.”¹⁰³

Kedua: Dalil daripada Hadith

Terdapat banyak hadith yang menyebut keharusan *dayn* dan hadith-hadith *dayn* dalam kajian ini menunjukkan akan keharusan *dayn*. Antaranya ialah:

Hadith riwayat al-Bukhārī:

حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْأَوْسِيُّ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ بِلَالٍ عَنْ ثَوْرِ بْنِ زَيْدٍ عَنْ أَبِي الْعَيْثِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ أَخَذَ أَمْوَالَ النَّاسِ يُرِيدُ أَدَاءَهَا أَدَّى اللَّهُ عَنْهُ وَمَنْ أَخَذَ يُرِيدُ إِتْلَافَهَا أَتْلَفَهُ اللَّهُ.

Terjemahan:

Dari Abū Hurayrah r.a dari Nabi SAW bersabda, “Sesiapa yang mengambil harta manusia dan ingin membayarnya, maka Allah akan (menolong) untuk membayarnya, dan sesiapa yang mengambilnya dan ingin membinasakannya, maka Allah akan (menolong) untuk membinasakannya.”¹⁰⁴

Hadith riwayat al-Bukhārī:

حَدَّثَنَا مُعَلَّى بْنُ أَسَدٍ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَاحِدِ حَدَّثَنَا الْأَعْمَشُ قَالَ تَدَاكَرْنَا عِنْدَ إِبْرَاهِيمَ الرَّهْنِ فِي السَّلَامِ فَقَالَ حَدَّثَنِي الْأَسْوَدُ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اشْتَرَى طَعَامًا مِنْ يَهُودِيٍّ إِلَى أَجَلٍ وَرَهْنَهُ دِرْعًا مِنْ حَدِيدٍ.

¹⁰³ Ibid.

¹⁰⁴ al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhari*, no. hadith 2387, 2: 171; Ibn Hajar al-Asqalani, *Fathul Baari Penjelasan Kitab Shahih Al Bukhari*, Amiruddin (terj.), c.1, (Jakarta: Pustaka Azzam, 2005), 13:367.

Terjemahan:

Dari al-A'mash berkata, "Kami memperbincangkan di hadapan Ibrāhīm tentang gadai dalam jual beli sistem salam. Maka dia berkata, "al-Aswad telah menceritakan kepadaku dari 'Ā'ishah r.a. bahawa Nabi SAW membeli makanan dari orang Yahudi menanggungkan bayaran kepada tempoh tertentu dan Baginda menggadaikan baju besinya."¹⁰⁵

Hadith riwayat al-Bukhārī:

حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ عَنْ يَحْيَى عَنْ سُفْيَانَ قَالَ حَدَّثَنِي سَلَمَةُ بْنُ كُهَيْلٍ عَنْ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلًا أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَقَاضَاهُ بَعِيرًا فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْطُوهُ فَقَالُوا مَا نَجِدُ إِلَّا سِنًّا أَفْضَلَ مِنْ سِنِّهِ فَقَالَ الرَّجُلُ أَوْفَيْتَنِي أَوْفَاكَ اللَّهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْطُوهُ فَإِنَّ مِنْ خِيَارِ النَّاسِ أَحْسَنَهُمْ قَضَاءً.

Terjemahan:

Dari Abū Salamah dari Abū Hurayrah r.a bahawa seorang lelaki datang kepada Nabi SAW menuntut pelunasan hutang dari baginda yang berupa seekor unta. Dia berkata, "Rasūl Allāh SAW bersabda, "Berikan kepadanya." Mereka berkata, "Kami tidak mendapatkan kecuali yang lebih tua dari usia (unta yang dihutang)." Lelaki tersebut berkata, "Kamu tunaikan untukku, Allah akan menunaikan untukmu." Rasūl Allāh SAW bersabda, "Berikanlah unta itu kepadanya, sesungguhnya sebaik-baik manusia adalah yang paling baik dalam melunasi hutang."¹⁰⁶

Di samping itu terdapat hadith-hadith yang menggalakkan untuk memberikan hutang dan menerangkan kedudukan serta kelebihanannya. Antaranya hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah r.a bahawa Nabi SAW telah bersabda:

¹⁰⁵ al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhari*, no. hadith 2068, 2:79; Ibn Hajar al-Asqalani, *Fathul Baari Penjelasan Kitab Shahih Al Bukhari*, 13:366. Ada penulis menggunakan perkataan Bay' al-Nasi'ah yang merujuk kepada hutang atau *al-dayn*. Lihat Dr Muḥammad Maḥmūd al-Jammāl, *al-Qīmah al-Iqtisādiyyah li al-zaman fi al-Mu'āmalāt al-Māliyah al-Mu'āṣirah*, (Qatar: Wazārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1430H/2009), 115.

¹⁰⁶ al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhari*, no. hadith 2392, 2: 173; Ibn Hajar al-Asqalani, *Fathul Baari Penjelasan Kitab Shahih Al Bukhari*, 13:381.

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ يَحْيَى التَّمِيمِيُّ وَأَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَمُحَمَّدُ بْنُ الْعَلَاءِ الْهَمْدَانِيُّ وَاللَّفْظُ لِيَحْيَى قَالَ يَحْيَى أَخْبَرَنَا وَقَالَ الْأَخْرَانِ حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ عَنِ الْأَعْمَشِ عَنْ أَبِي صَالِحٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَعَشِيَّتُهُمُ الرَّحْمَةُ وَحَفَّتُهُمُ الْمَلَائِكَةُ وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ وَمَنْ بَطَأَ بِهِ عَمَلُهُ لَمْ يُسْرِعْ بِهِ نَسَبُهُ.

Terjemahan:

“Sesiapa yang melepaskan seorang muslim daripada kesusuhan di dunia, Allah akan melepaskan kesusahannya di hari akhirat. Sesungguhnya Allah SWT itu menolong hamba-Nya selagi hamba-Nya itu menolong saudaranya (yang lain).....”¹⁰⁷

Dalam hadith yang lain, Rasūl Allāh SAW bersabda,

عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا مِنْ مُسْلِمٍ يُقْرِضُ مُسْلِمًا قَرْضًا مَرَّتَيْنِ إِلَّا كَانَ كَصَدَقَتِهَا مَرَّةً قَالَ كَذَلِكَ أَنْبَأَنِي ابْنُ مَسْعُودٍ.

Terjemahan:

“Seseorang muslim yang memberi hutang sebanyak dua kali kepada muslim yang lain nescaya pemberiannya adalah menyamai satu kali pemberian sedekah.”¹⁰⁸

¹⁰⁷ Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, taḥqīq Muḥammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqī, Kitāb al-Dhikr wa al-Du‘ā’ wa al-Tawbah wa al-Istighfār, Bāb Faḍl al-Ijtīmā’ ‘alā Tilāwah al-Qur‘ān wa ‘alā al-Dhikr, no. hadīth 2699, (Beirut: Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabīyyah, 1991), 4:2074.

¹⁰⁸ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah*, taḥqīq Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, no. hadīth 2430, (Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘, t.t.), 414. Hadīth ini diberikan status ḍa‘īf (*ḍa‘īf ila al-marfu’ fa huwa ḥasan*) oleh al-Albānī.

Hadith-hadith ini menyeru agar membantu saudara seIslam yang memerlukan. Ia adalah berbentuk umum dan meliputi semua kesusahan dan termasuk juga keperluan manusia untuk berhutang.

Ketiga: Ijmak

Ijmak telah memutuskan bahawa berhutang itu adalah harus dan memberi sokongan kepada pemberi hutang.¹⁰⁹ Rasūl Allāh SAW juga pernah meminta untuk diberi hutang sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abū Rāfi‘ bahawa Rasūl Allāh SAW berhutang seekor anak unta daripada seorang lelaki. Apabila tiba kepada Rasūl Allāh SAW seekor unta hasil zakat, Baginda SAW telah menyuruh Abū Rāfi‘ untuk melunaskan hutang Baginda pada tuan unta. Abū Rāfi‘ pulang dan berkata, “Wahai Rasūl Allāh, aku tidak menemui kecuai unta yang telah memasuki usia tujuh tahun. Lalu Nabi bersabda, *“Berikanlah unta tersebut kepadanya, maka sesungguhnya manusia pilihan adalah manusia yang terbaik dalam menyelesaikan hutang.”*¹¹⁰

Para ulama telah sepakat tentang keharusan bermuamalah dengan *dayn*.

Antaranya Ibn al-Mundhir¹¹¹ menyebut (وأجمعوا على أن من باع معلوماً من السلع بمعلوم من)

¹¹²(الثمن إلى أجل معلوم من شهور العرب أنه جائز

¹⁰⁹ Abū Muḥammad Muwaffiq al-Dīn ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah, *al-Mūghni*, (t.pt.: Maktabah al-Qāhirah, 1388H/1968), 4:236.

¹¹⁰ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith 1601 dan 1600, 3:1224.

¹¹¹ Ibn al-Mundhir adalah al-Imām al-Faqīh al-Ḥāfiẓ Abū Bakr Ḥamd Muḥammad bin Ibrāhīm bin al-Mundhir al-Naysābūrī al-Shāfi‘ī (241-319H), yang terkenal dengan gelaran Ibn al-Munzir dan kitab beliau *al-Ijmā’* adalah salah satu kitab yang sangat bermanfaat dalam bidang fiqh. Sebahagian pengkaji menyebut beliau dilahirkan pada tahun 242 H di Naysābūrī dan meninggal di Makkah pada tahun 309 atau 310 H. Lihat Muḥammad bin Ibrāhīm bin al-Mundhir al-Nīsābūrī, *al-Ijmā’*, Taḥqīq Abū ‘Abd al-Ā‘lā Khālid bin Muḥammad bin ‘Uthmān, (Kaherah: Dār al-Āthār, 1425H/2004M), 30-33.

Begitu juga Ibn Ḥazm¹¹³ memberikan respons terhadap ijmak sebagaimana dalam *al-Maḥallā*.¹¹⁴

مَسْأَلَةٌ - الْفَرَضُ فِعْلٌ حَيْرٌ، وَهُوَ أَنْ تُعْطِيَ إِنْسَانًا شَيْئًا بَعَيْنِهِ مِنْ مَالِكَ تَدْفَعُهُ إِلَيْهِ لِيُرُدَّ عَلَيْكَ مِثْلَهُ إِمَّا حَالًا فِي ذِمَّتِهِ وَإِمَّا إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى هَذَا مُجْمَعٌ عَلَيْهِ وَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى { إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدِينٍ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى فَاكْتُبُوهُ }.

Keempat: Qiyās

Qiyās tidak menafikan urusan hutang kerana ia memenuhi keperluan orang yang memerlukannya dan melepaskan kesusahan yang menimpa. Ia adalah pertolongan kepada penghutang yang lemah dan pahala akhirat yang besar adalah khusus kepada orang yang memberikannya. Oleh itu adalah adalah satu bentuk kerjasama sosial yang besar yang diharuskan oleh syarak. Umum mengetahui bahawa apabila syariat mengharamkan sesuatu perkara, ia akan mengadakan gantian yang lebih baik daripadanya, seperti pengharaman riba lalu digantikannya dengan hutang (*dayn*). Ibn ‘Abbās menyebut ketika riba diharamkan, jualan *salam* dibenarkan dan diturunkan padanya ayat terpanjang.¹¹⁵

Akal pemikiran manusia yang waras juga dapat menerima kepentingan amalan berhutang lantaran wujudnya golongan kaya dan miskin dalam masyarakat yang aling memerlukan antara satu sama lain. Maka matlamat kontrak jual beli adalah untuk menjaga kepentingan masyarakat yang mampu dan sebaliknya dalam memiliki sesuatu

¹¹² Muḥammad bin Ibrāhīm bin al-Mundhir al-Nīsābūrī, *al-Ijmā’*, Taḥqīq Dr Abū Ḥammād Ṣaghīr Aḥmad bin Muḥammad Ḥanīf, c. 2, (‘Ajmān: Maktabah al-Furqān, 1420H/1999), 34. Ibn al-Mundhir meletakkannya dalam Kitāb al-Buyū’ no. 557.

¹¹³ Ibn Ḥazm adalah ‘Ali Ibn Ahmad Ibn Sa’d Ibn Ḥazm Ibn Ghālib Ibn Ṣāliḥ Ibn Sufyān Ibn Yāzīd, kunyahnya Ābū Muḥammad (384-456H.). Beliau dilahirkan di Cordova pada bulan Ramadan tahun 384 dan meninggal dunia pada hari Ahad, dua hari terakhir bulan Sha’ban tahun 456 H di desa Uniyah, sebelah barat Andalusia pada usia 71 tahun 10 bulan.

¹¹⁴ Abū Muḥammad ‘Alī bin Aḥmad bin Sa’id bin Ḥazm al-Andalusī al-Qurṭubī al-Zāhirī, *al-Maḥalla*, (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 8: 77.

¹¹⁵ al-Qurṭubī *al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān*, 3:332.

keperluan sama ada secara tunai atau hutang. Atas dasar inilah berhutang untuk memperoleh sesuatu keperluan adalah diharuskan.¹¹⁶

2.6 Sebab-sebab Kewujudan *al-Dayn*

Penelitian terhadap pandangan fuqaha' tentang kewujudan *al-dayn* mendapati sebab-sebabnya terbahagi kepada dua iaitu sebab secara langsung dan sebab secara tidak langsung.

2.6.1 Sebab-sebab secara langsung

Antara beberapa sebab kewujudan *al-dayn* adalah secara langsung seperti berikut:

- i. Kontrak (*'Aqd*). Ia menjadi sebab utama kewujudan *dayn* (hutang) sama ada melibatkan kehendak tunggal seperti wasiat dan *hibah* atau kehendak dua pihak seperti jual harga tangguh, jual salam, pinjaman (*qard*) dan sebagainya.
- ii. Perbuatan yang memudaratkan. Ia adalah setiap perbuatan seseorang terhadap orang lain yang menyalahi syarak yang mewajibkan jaminan (*ḍamān*), kerosakan (*itlāf*), paksaan (*ghasb*)¹¹⁷ dan sebagainya.
- iii. Perbuatan yang bermanfaat. Setiap perbuatan seseorang terhadap orang lain yang dibenarkan syarak dengan syarat ia mengambil ganti (*'iwaḍ*)

¹¹⁶ Lihat Muḥammad Ḥasan Abū Yaḥyā, *al-Istidānah fī al-Fiqh al-Islāmī, Maqumātuhā, Aḥkāmuhā, Majālātuhā, Ithbātuhā, Tawthīquhā Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah*, ('Ammān: Maktabah al-Risālah al-Ḥadīthiyyah, 1410H./1990), 42. Buku ini sebenarnya adalah daripada tesis beliau di Jabatan Fiqh Muqāran, Kulliyah al-Sharī'ah wa al-Qānūn, Universiti al-Azhar, Kaherah, Mesir.

¹¹⁷ *Ghasb* ialah mengambil sesuatu secara zalim atau secara paksa dengan terang-terangan. Ulama Shāfi'iyah dan Ḥanābilah mentakrifnya sebagai penguasaan terhadap harta orang lain secara sewenang-wenang atau secara paksa tanpa hak. Lihat al-Sharbinī, *Mughnī al-Muḥtāj*, (t.tpt.: t.pt., t.t.), 2:357.

daripadanya. Misalnya seseorang menerima sesuatu barang temuan dan membelanjakannya menurut keizinan pihak berkuasa (*qāḍī*). Dia tidak mengembalikan barang tersebut kepada tuannya ketika kemunculannya yang menganggap ia sebagai *dayn* dalam tanggungan tuannya.¹¹⁸

- iv. Dalil-dalil syarak yang mewajibkan seseorang memberikan komitmen harta terhadap orang lain seperti nafkah dan mas kahwin kepada isteri, nafkah kepada kaum keluarga dan sebagainya.¹¹⁹

2.6.2 Sebab-sebab secara tidak langsung

Antara sebab kewujudan *dayn* secara tidak langsung pula adalah sebagaimana berikut:

- i. Keperluan seseorang terhadap sesuatu perkara dalam kehidupan yang mendorongnya untuk berhutang lantaran tidak mempunyai kemampuan kewangan yang secukupnya atau ia hidup dalam persekitaran kos hidup yang tinggi.
- ii. Tidak berusaha atau berusaha tetapi dalam bentuk yang belum dapat memenuhi keperluannya. Seseorang itu bekerja dalam lingkungan yang tidak mampu memenuhi keperluannya lalu ia terpaksa berhutang bagi memenuhi keperluannya.
- iii. Tidak wujud keadilan dalam pengagihan kekayaan iaitu dengan kewujudan masyarakat yang menindas sebagaimana dalam sistem

¹¹⁸ Ibn Rajab al-Ḥanbalī, *al-Qawā'id*, (Makkah: Maktabah Nazār Mustafā al-Bāz, 1999) kaedah 52, 252.

¹¹⁹ Muḥammad 'Uṭhman Shabīr, *Ṣiyānah al-Madyūniyyāt wa Mu'ālijatihā min al-Ta'aththur fī al-Fiqh al-Islāmi*, dlm. Muḥammad Sulaymān Ashqar, *Buḥūth Fiqhiyyah fī Qadāyā Iqtisādiyyah Mu'āsirah*, (Jordan: Dār al-Nafā'is, t.t.), 2:840; 'Alī Muḥy al-Dīn 'Alī al-Qurahdaghī, *Buḥūth fī Fiqh al-Mu'āmalāt al-Māliyah al-Mu'āsirah*, (Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, 2006), 205; Nāṣir Aḥmad Ibrahim al-Nashwā, *Bay' al-Dayn Dirāsah fī Fiqh al-Sharī'ah al-Islamiyyah*, (Iskandariyyah: Dār al-Fikr al-Jāmi'ī, 2007), 31.

ekonomi kapitalisme, atau kebebasan individu disekat dan hilang hak pemilikan individu yang wujud dalam sistem ekonomi sosialisme.

- iv. Wujud pembaziran dalam perkara-perkara yang diharuskan oleh syarak seperti pemilikan harta sama ada dari sudut *darūriyyāt*, *ḥājiyyāt* atau *taḥsīniyyāt*.
- v. Berlaku bencana alam yang mendorong pihak yang terlibat terpaksa berhutang untuk membangunkan semula kemudahan yang musnah.¹²⁰

Sehubungan itu, terdapat juga beberapa faktor lain yang mendorong seseorang itu berhutang. Antaranya ialah:

- i. Keadaan ekonomi yang memaksa atau tuntutan keperluan ekonomi.
- ii. Kebiasaan berhutang sehingga jika hutangnya sudah dilunaskan pun timbul keinginan untuk ia terus berhutang.
- iii. Kalah judi sehingga ia sanggup berhutang demi untuk membayar kekalahannya.
- iv. Ingin menikmati kemewahan yang tidak atau belum mampu untuk diperolehi.
- v. Untuk mendapat pujian daripada orang lain sehingga sanggup berhutang demi memenuhi kehendak yang dihajati.¹²¹

Dapatlah dirumuskan bahawa terdapat tiga faktor utama yang menjadi penyebab kepada kewujudan hutang iaitu pendapatan yang kecil (*under earning*) yang tidak mampu menampung kos sara hidup dan keperluan seharian yang lain. Kedua, sifat boros

¹²⁰ Alī Muḥy al-Dīn ‘Alī al-Qurahdaghī, *Buḥūth fī Fiqh al-Mu‘āmalāt al-Māliyah al-Mu‘āsirah*, (Beirut: Dār al-Bashā’ir al-Islāmiyyah, 2006), 205.

¹²¹ Khumedi Ja’far, *Hukum Perdata Islam di Indonesia*, (Bandar Lampung: IAIN Raden Intan Lampung, 2015), 172.

dan perbelanjaan yang melampau (*over spending*) yang menjadi faktor penyebab seseorang itu kekurangan wang dan terpaksa berhutang termasuklah juga perbelanjaan yang melebihi pendapatan dan kemampuan seperti kesanggupan untuk berhutang menggunakan kad kredit secara berlebihan. Ketiga, sesuatu perkara yang berlaku di luar jangka (*unexpected*) seperti musibah dan bencana alam yang menimpa seseorang yang mendorong beliau sehingga terpaksa berhutang untuk membangunkan atau menyediakan semula segala kemudahan yang telah binasa.

2.7 Pembahagian *Dayn*

Penelitian penulis mendapati fuqaha' membahagikan *al-dayn* atas pelbagai kapasiti atau bahagian sebagaimana berikut:

- i. *Dayn* atas kapasiti keadaan penghutang (*al-madīn*) sama ada ia hutang yang mudah dibayar (*al-mūsir*) dan sukar dibayar (*al-mu'sir*).
- ii. *Dayn* dari sudut pemiutang (*al-dā'in*) mempunyai *dayn Allāh* dan *dayn al-'Abd*. *Dayn Allāh* ialah hak atau hutang seseorang kepada Allah SWT yang bersifat ibadah seperti zakat, nazar, puasa dan pembayaran kifarāt manakala *dayn al-'Abd* ialah hak atau hutang sesama manusia seperti harga jualan, pertukaran pinjaman dan kerosakan.
- iii. *Dayn* dari sudut kaitannya dengan tanggungan (*al-dhimmah*) dan barangan (*'ayn*). *Dayn* yang berkait dengan *al-dhimmah* ialah hutang yang menjadi komitmen penghutang untuk membayarnya. Manakala *al-'ayn* pula ialah hutang yang tidak mengikat penghutang sama ada perlu menjelaskan hutang barang itu sendiri atau hutang untuk mendapat

manfaatnya, pemilikan tanah yang diketahui sempadannya atau manfaat rumah kediaman dan lain-lain.

- iv. *Dayn* dari sudut tetap dan tidak tetap. hutang tetap (*dayn mustaqir / confirmed debt*) ialah hutang yang telah sabit secara pasti dan tetap dan tidak ada kemungkinan untuk gugur seperti mas kahwin selepas hubungan kelamin, ganti rugi ke atas kerosakan atau pembayaran balik pinjaman. Manakala hutang tidak tetap (*dayn ghayr mustaqir / non-confirmed debt*) adalah sebaliknya seperti setengah mas kahwin sebelum hubungan kelamin.¹²²
- v. *Dayn* dari sudut kekuatan dan kelemahan. Ia terbahagi tiga iaitu lemah, sederhana dan kuat. Tahap lemah ialah barangan pertukaran yang tidak mempunyai harta seperti mas kahwin. Hutang sederhana pula pertukaran kepada sesuatu yang tidak boleh diniagakan seperti harga rumah kediaman. Manakala hutang kuat pula ialah seseorang penghutang akan tetap dengan hutangnya sekalipun muflis ataupun terhalang untuk menjelaskan hutangnya, pembayaran balik pinjaman (*badal al-qard*) dan harta perniagaan (*māl al-tijārah*).
- vi. *Dayn* dari sudut perkongsian (*dayn ishtirāk*) dan tidak berkongsi (*‘adam ishtirāk*). Hutang berasingan (*dayn mustaqill*) atau hutang nyata (*dayn mutamayyiz*) iaitu yang mempunyai pelbagai sebab atau bukan kerana satu sebab seperti sekiranya dua orang atau lebih menjual sesuatu kepada seseorang dengan kontrak yang berasingan. Hutang yang berkongsi (*dayn mushtarak*) pula hutang yang berada dalam tanggungan beberapa

¹²² Abū Ishāq Ibrāhīm bin ‘Alī bin Yūsuf al-Shīrāzī, *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi‘ī*, (Beirut: Dar al-Qalam, t.t), 1:262; Lihat juga Sano Koutoub Moustapha, *The Sale of Debt as Implemented by the Islamic Financial Institutions in Malaysia*, (Kuala Lumpur: IIUM Press, 2001), 4-5.

orang dengan satu sebab seperti sekiranya dua orang atau lebih menjual sesuatu yang berkongsi antara mereka dengan satu kontrak.¹²³

- vii. *Dayn* dari sudut baik (*ṣaḥīḥ*) dan tidak baik (*ghayr ṣaḥīḥ*). Hutang baik (*valid debt*) ialah hutang yang tetap yang tidak gugur dengan pembayaran atau rebat¹²⁴ seperti hutang pinjaman, mas kahwin dan *istihlak*. Manakala hutang tidak baik (*invalid debt*) ialah hutang yang gugur tanpa pembayaran atau rebat iaitu dengan sebab lain seperti hutang pembayaran penebusan diri hamba (*badal al-kitābah*), yang gugur disebabkan kelemahan hamba *mukātab* untuk membayarnya.¹²⁵
- viii. *Dayn* dari sudut waktu pembayaran iaitu *dayn mu'ajjal*, *dayn ḥāll* dan *dayn muqsit*. *Dayn mu'ajjal* ialah suatu tanggungan berupa harta untuk dilunaskan pada waktu tertentu seperti tempoh matang pembayaran hutang atau hutang yang belum cukup tempoh matang dan tidak perlu dibayar dengan segera, manakala *dayn ḥāll* ialah hutang yang wajib dibayar ketika dituntut oleh pemiutang atau hutang yang sudah tiba waktu pelunasannya dan perlu dibayar segera. *Dayn muqsit* pula iaitu tempoh bayaran secara ansuran pada waktu tertentu yang dipersetujui oleh kedua pihak yang berakad.
- ix. *Dayn* dari sudut umum dan khusus. Hutang umum ialah yang menjadi tanggungan seseorang daripada hartanya manakala hutang khusus pula setiap tanggungan seseorang sama ada berbentuk harta seperti jual tangguh atau zakat, ia merangkumi *dayn Allāh* dan *dayn al-'abd*.

¹²³ Nāṣir Aḥmad Ibrahim al-Nashwā, *Bay' al-Dayn Dirāsah fi Fiqh al-Sharī'ah al-Islamiyyah*, 41.

¹²⁴ 'Alī bin Muḥammad bin al-Sayyid al-Sharīf al-Jurjānī, *Mu'jam al-Ta'rifāt*, ed. Muḥammad Siddīq al-Minshāqī, (Kaherah: Dār al-Faḍīlah, t.t.), 93.

¹²⁵ Sano Koutoub Moustapha, *The Sale of Debt as Implemented by the Islamic Financial Institutions in Malaysia*, (Kuala Lumpur: IIUM Press, 2001), 7.

- x. *Dayn* dari sudut tuntutan pembayaran iaitu hutang ke atas orang hidup dan hutang ke atas si mati. Hutang ke atas orang hidup perlu dituntut mengikut tatacara syarak manakala hutang terhadap si mati perlu dituntut daripada warisnya.
- xi. *Dayn* dari sudut keutamaan pembayaran iaitu *dayn mumtāz* dan *dayn ‘ādī*. *Dayn mumtāz* ialah hutang yang berkait dengan harta penghutang atau barangan tertentu daripada hartanya manakala *dayn ‘ādī* ialah hutang yang dalam tanggungan penghutang sahaja.¹²⁶
- xii. *Dayn* dari sudut kuat atau lemahnya pembuktian kebenarannya (*dayn al-ṣiḥḥah* dan *dayn al-marad*). *Dayn al-ṣiḥḥah* adalah hutang yang kebenarannya dapat dibuktikan dengan surat keterangan, pernyataan bertulis atau pengakuan jujur dari orang yang berhutang sama ada ketika dalam keadaan sihat mahupun dalam keadaan sakit yang belum terlalu parah. *Dayn al-marad* pula adalah hutang yang hanya didasarkan atas pengakuan dari orang yang berhutang ketika ia sedang sakit parah yang beberapa saat sebelum meninggal dunia.¹²⁷

2.8 Rukun *al-Dayn* / Hutang

Para ulama menjelaskan bahawa rukun hutang ada empat iaitu:

- i. Orang yang memberi hutang atau pemiutang.
- ii. Orang yang menerima hutang atau penghutang. Kedua-duanya mesti mengadakan saksi atau perjanjian bertulis.

¹²⁶ Nāṣir Aḥmad Ibrahim al-Nashwā, *Bay‘ al-Dayn Dirāsah fi Fiqh al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, 38-43.

¹²⁷ Husaini Mansur dan Dhani Gunawan Idat, *Dimensi Perbankan Dalam Al-Qur’an*, (Jakarta: PT. Visi Cita Kreasi, 2007), 97.

- iii. Barang atau objek yang diberi hutang.
- iv. *Ṣighah* iaitu akad pemberian hutang.

Sebahagian ulama membahagikan rukun hutang kepada tiga iaitu dengan istilah al-‘Āqidāni (dua orang yang berkontrak), al-ma‘qūd lahu dan al-ma‘qūd alayhi. Manakala sebahagian lagi membahagikannya kepada empat iaitu dengan mengasingkan antara dua pihak yang berkontrak tersebut.¹²⁸

Berikut adalah penjelasan kepada rukun-rukun hutang di atas.

i. **Ṣighah**

Para fuqaha’ sependapat mengatakan asas penting bagi membentuk sesuatu akad atau kontrak ialah tawaran (*ijāb*) dan terimaan (*qabūl*). Bagaimanapun, mereka berselisih pendapat dalam menentukan maksud tawaran dan terimaan itu. Sebahagian daripada mereka mengatakan bahawa tawaran ialah sebarang tawaran atau pernyataan permulaan untuk berakad yang disuarakan oleh pihak-pihak yang ingin berakad. Manakala terimaan pula ialah sebarang terimaan atau pernyataan dari pihak kedua yang lahir sesudah pernyataan pertama.¹²⁹

Bagi memastikan akad hutang itu sah antara pihak penghutang dengan pemiutang, maka wajib didatangkan dengan *ṣighah* akad iaitu *ijāb* dan *qabūl*. Lafaz *ijab* yang digunakan adalah *qard*, *salaf* dan semua lafaz yang membawa maksud yang sama. Sebagai contoh, lafaz tersebut seperti, “*Aku memberi hutang kepada kamu*”, atau “*Aku*

¹²⁸ Al-Wizārah al-Awqāf wa Shu’ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*, c. 2, (Kuwait: al-Wizārah al-Awqāf wa Shu’ūn al-Islāmiyyah Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah, 1412H./1992), 3:111.

¹²⁹ Hailani Muji Tahir & Sanep Ahmad, *Aplikasi Fiqh Muamalat Dalam Kewangan Islam*, (Shah Alam, Pusat Penerbitan Universiti, UiTM, 2009), 36.

memberikan harta ini secara hutang” atau “Milikilah harta ini dengan niat untuk memulangkannya kembali”, atau lafaz “Ambillah harta ini, setelah selesai kamu gunakannya, mohon pulangkan kembali” dan sebagainya.¹³⁰

Sementara lafaz *qabūl* pula, adalah kesemua lafaz yang membawa maksud reda dan terima. Contohnya, “Aku terima”, atau “Aku meredainya” atau semua lafaz yang membawa maksud terima hutang dari pemiutang. Majoriti ulama setuju bahawa kontrak ini perlu berlaku meskipun ada beberapa ulama yang berpandangan cukup hanya sekadar *ijāb* sahaja.¹³¹

ii. al-‘Āqidāni (Dua pihak yang berkontrak)

Al-‘Āqidāni yang dimaksudkan di sini ialah penghutang dan pemiutang. Kedua-duanya mempunyai beberapa syarat. Para ulama bersepakat bahawa syarat untuk menjadi pemberi hutang atau pemiutang mestilah berkelayakan untuk memberikan sumbangan (*ahl al-tabarru‘*) iaitu merdeka, baligh, berakal dan baik.¹³²

Manakala penghutang pula berdasarkan pendapat mazhab Shāfi‘ī, beliau perlu mempunyai keahlian dalam muamalat (*ahliyyah al-mu‘āmalah*) iaitu merdeka, baligh, berakal.¹³³ Bagi mazhab Ḥanbali pula, mereka juga mampu dipertanggungjawabkan (*tamta‘uhu bi al-dhimmah*). Kesan daripada syarat ini, maka tidak sah memberikan

¹³⁰ Nor Aini Ali, Nor ‘Azzah Kamri & Suhaili Sarif, Hubungan Penghutang dan Pemiutang Menurut Perspektif Hadith, *Jurnal Al-Bayan*, (2017). 15(1): 90-114.

¹³¹ Ibid.

¹³² Nor Aini Ali, Nor ‘Azzah Kamri & Suhaili Sarif, Hubungan Penghutang dan Pemiutang Menurut Perspektif Hadith, *Jurnal Al-Bayan*, (2017). 15(1): 90-114.

¹³³ Ibid. Lihat juga al-Wizārah al-Awqāf wa Shu‘ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*, c. 2, (Kuwait: al-Wizārah al-Awqāf wa Shu‘ūn al-Islāmiyyah Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah, 1412H/1992), 3:111.

hutang kepada pihak masjid atau madrasah kerana ia tidak mampu untuk dipertanggungjawabkan.¹³⁴

Di samping itu, orang yang hendak berhutang juga mestilah bebas memilih. Maksudnya beliau bebas untuk memilih untuk melakukan kontrak hutang dengan pihak pemiutang tanpa sebarang tekanan dan paksaan sehingga wujudnya prinsip keredaan (*'an tarād*) antara kedua belah pihak yang berkontrak.

Imam al-Shāfi'ī menyebutkan bahawa empat orang yang tidak sah akadnya adalah anak kecil (baik yang sudah mumayyiz maupun yang belum mumayyiz), orang gila, hamba sahaya, walaupun mukallaf dan orang buta. Sementara dalam *Fiqh al-Sunnah* menyatakan bahawa akad orang gila, orang mabuk, anak kecil yang belum mampu membezakan mana yang baik dan yang buruk (memilih) adalah tidak sah. Dan anak kecil yang sudah mampu memilih akadnya dinyatakan sah, hanya keabsahannya tergantung pada izin walinya.¹³⁵

iii. al-Maḥal (Objek yang dihutangkan)

Objek hutang boleh berbentuk barangan *mithliyyah* dan juga *qīmīyyah*. Harta atau barangan *mithliyyah* adalah harta yang serupa manakala harta atau barangan *qīmīyyah* pula adalah harta yang seharga. Al-Mithli bermaksud sama. Menurut al-Rafi'i, iaitu setiap harta yang boleh disukat atau ditimbang, serta boleh dilakukan kontrak al-salam (bayar dahulu dapat kemudian). Bagi ulama lain, mithli adalah harta yang boleh dihitung atau dikira secara objektif, dan tidak berbeza rupa bentuknya dengan yang lain. Contohnya, kereta baru, komputer baru, gandum, gula, garam, ayam, itik, kerbau dan

¹³⁴ Ibid.

¹³⁵ Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, c. 4, (Beirut: Dar al-Fikr, 1403H./ 1983), 3:182-186.

lembu. Bahkan sebahagian ulama pula turut memasukkan wang juga ke dalam harta mithli kerana wang boleh diganti dengan yang lain yang seumpamanya.

Sementara objek harta atau barangan berbentuk Qīmī pula ialah harta yang selain daripada jenis mithli, iaitu harta yang sukar ganti dengan seumpamanya tetapi boleh dinilai dengan nilai yang subjektif. Contohnya rumah, bangunan, kilang, kereta terpakai, buku terpakai dan seumpamanya. Apa yang membezakan antara mithli dengan qīmī ialah mithli boleh diganti dengan barangan yang lain yang pada kebiasaannya diterima umum sebagai sama jenisnya, manakala qīmī pula sukar diganti dengan yang seumpamanya tetapi boleh dinilai dengan nilai yang spesifik kepada barangan tersebut, tetapi tidak boleh dinilai dengan barangan yang lain di pasaran. Barangan yang mithli boleh bertukar menjadi qīmī. Contohnya ayam daging. Ayam daging jika rosak, boleh diganti dengan ayam yang lain dengan berat yang sama. Tetapi jika ayam serama yang menjuarai pertandingan, ayam itu tidak lagi dinilai dengan timbangan, tetapi dinilai subjektif kepada ayam itu secara spesifik. Konsep asasnya, mithli boleh dicari ganti, atau boleh dinilai menggunakan kaedah umum atau berpandukan kepada barangan lain, tetapi qīmī, tidak. Ia perlu dinilai spesifik kepada barangan tersebut.

Ringkasnya, meskipun ulama berbeza pendapat, pada umumnya kedua-dua jenis objek boleh dipinjam atau menjadi objek hutang. Selain daripada itu, objek hutang juga perlu berbentuk material (*'ayn*). Dalam hal ini, mazhab Ḥanafī dan Ḥanbalī mengatakan bahawa tidak sah hutang yang berbentuk manfaat.¹³⁶ Hujah yang dijadikan asas kepada mazhab Ḥanafī kerana hutang adalah pemberian sesuatu harta yang serupa sebelum dikembalikan dengan bentuk yang sama. Namun, manfaat tidak diiktiraf sebagai harta kerana mengikut mazhab Ḥanafī, ia tidak boleh disimpan oleh individu dan mampu

¹³⁶ Nor Aini Ali, Nor 'Azzah Kamri & Suhaili Sarif, Hubungan Penghutang dan Pemiutang Menurut Perspektif Hadith, *Jurnal Al-Bayan*, (2017). 15(1): 90-114.

digunakan bila-bila masa (tidak seperti barang). Manakala hujah bagi mazhab Ḥanbalī pula kerana hutang berbentuk manfaat tidak menjadi kebiasaan dan tidak mengikut adat masyarakat *ghayr ma‘hūd*.¹³⁷

Adapun berkenaan dengan masa dan tempat sesuatu hutang itu dikembalikan atau dijelaskan, terdapat juga pandangan ulama dalam perkara ini.¹³⁸

مَكَانُ الْوَفَاءِ: اتَّفَقَ عُلَمَاءُ الْمَذَاهِبِ الْأَرْبَعَةِ عَلَى أَنَّ وَفَاءَ الْقَرْضِ يَكُونُ فِي الْبَلَدِ الَّذِي تَمَّ فِيهِ الْإِقْرَاضُ، وَيَصِحُّ إِيقَاؤُهُ فِي أَيِّ مَكَانٍ آخَرَ إِذَا لَمْ يَحْتَاجْ نَقْلَهُ إِلَى حَمَلٍ وَمُؤْنَةٍ أَوْ وَجَدَ خَوْفَ طَرِيقٍ، فَإِنْ أَحْتَاجَ إِلَى ذَلِكَ لَمْ يَلْزَمِ الْمُقْرِضُ بِتَسْلِيمِهِ.

Para ulama empat mazhab telah sepakat bahawa pengembalian sesuatu hutang atau pinjaman hendaknya dilakukan pada tempat di mana akad hutang itu diadakan dan ia boleh juga dilakukan di mana sahaja, apabila tidak memerlukan kos (tambang) kendaraan, bekal dan terdapat jaminan keamanan. Apabila semua itu diperlukan, maka bukan sebuah keharusan bagi pemberi pinjaman untuk menerimanya.

Pengkaji melihat aspek pelunasan hutang ini terutama yang melibatkan kewangan dalam konteks semasa yang menggunakan aplikasi perbankan internet, ia tidak lagi menjadi isu kerana pengguna atau penghutang boleh melakukan transaksi di mana sahaja berada.

Adapun mengenai masa pelunasannya, ia sebagaimana berikut:¹³⁹

¹³⁷ Ibid.

¹³⁸ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuh*, (Dimashq: Dār al-Fikr, 1405/1985), 3:178.

¹³⁹ Ibid., 4: 393.

وَوَقْتُ رَدِّ بَدْلِ الْقَرْضِ عِنْدَ غَيْرِ الْمَالِكِيَّةِ فِي أَيِّ وَقْتٍ شَاءَ الْمُقْرِضُ بَعْدَ قَبْضِ
الْمُسْتَقْرِضِ مَالَ الْقَرْضِ؛ لِأَنَّهُ عَقْدٌ لَا يَتَبَيَّنُ فِيهِ الْأَجَلُ. وَذَهَبَ الْمَالِكِيَّةُ إِلَى أَنَّ وَقْتِ
رَدِّ بَدْلِ الْقَرْضِ عِنْدَ حُلُولِ أَجَلِ وَقَاءِ الْقَرْضِ؛ لِأَنَّ الْقَرْضَ يَتَأَجَّلُ عِنْدَهُمْ بِالتَّأَجُّلِ،
كَمَا تَقَدَّمَ بَيَانُهُ.

Menurut ulama selain Malikiyyah, waktu pengembalian hutang atau harta pinjaman adalah pada bila-bila masa bergantung kepada peminjam atau penghutang. Ini kerana bagi mereka, kontrak hutang adalah kontrak yang tidak mengenal batas masa dan waktu. Namun bagi Malikiyyah, waktu pengembalian atau pelunasan hutang itu adalah ketika sampai waktu yang telah dipersetujui di dalam kontrak tersebut. Oleh sebab itu, bagi Malikiyyah, hutang boleh dihadkan dengan masa dan waktu pelunasannya.¹⁴⁰

2.9 *Al-Dayn* dan Pandangan Alam

Pandangan alam atau *world view* merujuk kepada satu set kepercayaan mengenai aspek-aspek asas sesuatu realiti yang melatari dan mempengaruhi persepsi, pemikiran, pengetahuan dan tindakan seseorang. Secara literalnya, ia adalah satu persepsi mengenai alam atau satu falsafah kehidupan yang tertentu yang dipegang oleh seseorang individu atau sesebuah kumpulan atau masyarakat. Dalam kata lain, pandangan alam adalah satu konsep umum tentang alam manusia seperti yang terkandung atau dipengaruhi oleh satu sistem nilai yang tertentu.

Daripada pengertian di atas, dapat dirumuskan bahawa motivasi sesuatu sistem nilai itu boleh bersandarkan kepada ajaran agama ataupun hanya bergantung kepada falsafah moral yang bebas daripada unsur dan nilai agama. Justeru, secara lazimnya aspek kerohanian dan kebendaan yang wujud dalam kehidupan sesebuah masyarakat

¹⁴⁰ Ibid., 3: 378.

atau individu itulah yang menentukan pandangan alam mereka. Ertinya, agama atau asas falsafah ini akan menggaris prinsip kawalan bagi sesebuah sistem. Selain itu, asas-asas ini akan mempengaruhi nilai etika dan seterusnya melahirkan masyarakat yang mendokong semangat falsafah tersebut ke arah mencapai sesuatu matlamat.¹⁴¹

Bagi muslim, pandangan alam ini adalah memadai dihalakan kepada satu pandangan sahaja iaitu pandangan alam Islam. Namun pandangan semesta bagi setiap tamadun yang manusia berada dan tinggal pada suatu tempat dan masa juga perlu diambil kira dan boleh diaplikasikan ke dalam kehidupan dengan syarat ia tidak bercanggah dengan nilai dan hukum syarak dalam Islam.

2.9.1 Pandangan Alam Islam

Asas pandangan alam Islam adalah tauhid iaitu keesaan kepada Allah SWT. Ia bermaksud bahawa semua benda dalam alam ini adalah ciptaan Allah SWT dan Dia mencipta setiap sesuatu itu dengan tujuan dan matlamat yang tersendiri. Tujuan penciptaan-Nya inilah yang memberi maksud dan kepentingan kepada kewujudan alam semesta dan ia turut merangkumi tujuan penciptaan manusia. Justeru, tauhid menuntun manusia untuk menjalani satu kehidupan yang selari dengan tujuan penciptaannya oleh Allah SWT.

Hal ini jelas berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Dhāriyāt yang menyatakan Dia mencipta manusia untuk satu tujuan yang mulia iaitu untuk

¹⁴¹ Nik Mustapha Nik Hassan, *Pandangan Alam Islam Dalam Peradaban Ekonomi*, dlm. Nur Syahidah Abdul Jalil (ed.), (Kuala Lumpur: IKIM, 2014), 1.

mengabdikan diri kepada-Nya dan menjalani kehidupan yang berpaksikan kepada wahyu dan perintah-Nya.¹⁴²

Sejajar dengan fakta di atas, konsep ibadah dalam Islam adalah merujuk kepada amalan ritual seperti solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya. Kefahaman ini hanyalah sebahagian daripada pengertian konsep ibadah dalam Islam. Ibadah dalam Islam merujuk kepada semua perkara yang dilakukan untuk mendapatkan keredaaan Allah SWT. Ertinya, konsep ibadah ini tidak terhad kepada perkara berbentuk ritual semata-mata (atau disebut ibadah khusus), tetapi juga merangkumi pelbagai aktiviti sosial, ekonomi, politik dan sebagainya (disebut sebagai ibadah umum) asalkan ia dilakukan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh syarak.

Kesan daripada penyerahan dan ketundukan kepada kehendak Allah SWT menjadikan setiap kegiatan Muslim bertepatan dengan perintah-Nya. Sehubungan itu, cara kehidupannya juga adalah harus berpandukan kepada ajaran Islam sama ada yang berkaitan dengan amalan ibadah khusus atau ibadah umum. Natiyah akhir kepatuhan kepada perintah Allah ini menjamin manusia dapat mencapai kesejahteraan dan kejayaan di dunia dan juga di akhirat.

Memandangkan tauhid menjadi asas utama kepada pandangan alam Islam, adalah menjadi kewajipan kepada setiap Muslim untuk bertitik mula daripada konsep ini. Daripada konsep tauhid inilah lahir nilai-nilai sampingan yang menjadi prinsip asas kepada aktiviti muamalah seperti nilai takwa, berlaku adil dan sebagainya.

¹⁴² Lihat al-Quran, Surah al-Dhāriyāt, 51:56.

2.9.2 Pengaruh Pandangan Alam Terhadap Cara Perbelanjaan

Secara konseptualnya, cara berfikir dan bertindak umat Islam perlu berteraskan kepada asas tauhid yang sifatnya tetap dan tidak berubah. Namun jika diperhatikan kepada cara berfikir dan bertindak umat Islam khususnya hari ini, sebahagiannya tidak mencerminkan bahawa mereka ini telah dipengaruhi oleh nilai dan prinsip agama Islam itu sendiri. Sebaliknya mereka banyak dipengaruhi oleh gelagat atau tabiat yang diamalkan secara tidak sedar daripada pengaruh kehidupan yang lebih dominan iaitu gaya hidup kapitalis yang mana antara ciri utamanya adalah obsesi dengan kebendaan dan mementingkan diri sendiri.

Dalam sistem kapitalis, sifat mementingkan diri (*self interest*) menjadi penggerak utama kepada sistem ekonomi. Matlamat utama hidup manusia adalah untuk memuaskan nafsunya (*hedonism*). Di peringkat pengguna, kepuasan atau utiliti ini diperolehi penggunaan barangan dan perkhidmatan diukur melalui kemampuannya untuk mengumpul sebanyak mungkin harta bagi memenuhi tuntutan nafsunya. Justeru, falsafah yang melihat manusia sebagai individu yang mementingkan diri ini akan melahirkan konsep manusia ekonomi (*economic man*).

Pandangan ini bertentangan dengan konsep manusia ekonomi Islam. Dalam Islam, dalam konteks ini manusia selaku khalifah Allah perlu melaksanakan tugas untuk mengurus dan mentadbir alam ini dengan sebaik mungkin. Oleh itu, pandangan alamnya mengenai sesuatu itu adalah pandangan alam yang dipandu oleh tauhid dan nilai-nilai akhlak Islam.

Dalam konteks kepenggunaan, para pelaku ekonomi sistem kapitalis berusaha mencapai matlamat kepuasan diri dan memaksimumkan keuntungan, akan menggunakan pelbagai pendekatan sekalipun ia bertentangan dengan nilai-nilai kemanusiaan dan juga nilai-nilai Islam. Gelagat pengguna Muslim juga dilihat tidak banyak bezanya dengan gelagat pengguna Non-Muslim. Mereka banyak dipengaruhi oleh unsur utiliti dalam sistem kapitalis bukannya unsur masalah dalam ekonomi Islam. Gelagat sebeginilah menjadi antara punca penyumbang kepada peningkatan hutang dalam kalangan umat Islam.

2.9.3 Konsep Masalah dan Kepenggunaan Islam

Maslahah atau kebaikan adalah matlamat utama perundangan Islam. Ia merangkumi kebaikan di dunia dan akhirat. Usaha merealisasikan masalah amat penting kerana ia memberi kesan positif kepada lima aspek utama dalam kehidupan manusia iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Konsep masalah ini mempunyai tiga hierarki iaitu *masalah ḍarūriyyāt*, *masalah ḥājīyyāt* dan *masalah taḥsīniyyāt*.

Maslahah ḍarūriyyāt adalah tahap masalah yang tertinggi. Ia merujuk kepada kebaikan asasi yang perlu direalisasikan oleh manusia bagi mencapai kesejahteraan dalam lima perkara di atas. Kegagalan manusia untuk mencapai kelima-lima masalah ini akan menyebabkan berlakunya keburukan (*fasad*) kepada kehidupan dunia dan akhirat mereka.¹⁴³

Maṣlaḥah ḥājīyyāt pula adalah perkara yang diperlukan oleh manusia bagi memudahkan kehidupan mereka, ketiadaan *maṣlaḥah ḥājīyyāt* tidak mendatangkan

¹⁴³ Wahbah al-Zuhaylī, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, (Dimasyq: Dār al-Fikr, 1986), 2:42.

kecacatan kepada kehidupan mereka, namun mereka akan berhadapan dengan sedikit kesukaran dalam meneruskan kehidupan. Sementara *maṣlahah taḥsīniyyāt* pula lebih kepada kebaikan yang bersifat sebagai penyeri kepada *maṣlahah ḍarūriyyāt*. Tanpanya tidak terjejas sama sekali kesejahteraan kehidupan manusia.¹⁴⁴

2.10 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan dalam bab kedua ini, adalah diharapkan bab ini sebagai perintis jalan menelusuri perbincangan selanjutnya mengenai *al-dayn* dengan makna komitmen bayaran balik penghutang kepada pemiutang dalam tempoh tertentu. Justeru, pengkaji mengharapkan kajian ini dapat menganalisis hadith-hadith *al-dayn* dari aspek pelunasan hutang dan adab-adab penghutang dan pemiutang, dan melihat sejauh mana fiqh al-ḥadīth dapat dicerakinkan dan dicungkil keluar daripadanya untuk dijadikan panduan dalam konteks berinteraksi dengan hadith Nabi SAW.

Daripada perbincangan yang dikemukakan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa *dayn* atau hutang itu memiliki tiga makna iaitu pertama, hutang yang mesti dibayar; kedua, berhutang atau meminjam sesuatu daripada orang lain dan ketiga, berhutang atau meminjam dengan bertempoh dan membayar dalam tempoh yang tertentu. Sementara dari sudut istilah yang digunapakai dalam kajian ini ialah *dayn* yang merujuk kepada makna yang lebih khusus iaitu suatu tanggungan harta (hutang) seseorang terhadap orang lain yang terhasil daripada suatu kontrak (*'aqd*) atau pinjaman (*qard*).

¹⁴⁴ Ibid.

BAB 3: ANALISIS HADITH *AL-DAYN* DALAM *AL-KUTUB AL-SITTAH*

3.1 Pendahuluan

Bab ini mengemukakan hadith-hadith *al-Dayn* di dalam *al-Kutub al-Sittah* dengan tumpuan kepada tema *al-Wafā' bi al-Dayn* dan *Ādāb al-Dā'in wa al-Madīn*. Pemilihan dua tema ini adalah berdasarkan kepada pengertian *al-Dayn* yang telah dibincangkan dalam bab pertama iaitu komitmen terhadap suatu kontrak hutang atau pinjaman yang bertempoh dan janji untuk melunaskan hutang.

3.2 Kaedah Pemilihan Hadith-hadith *al-Dayn*

Pengkaji menggunakan tiga kaedah takhrij untuk mengenal pasti hadith-hadith *al-Wafā' bi al-Dayn* dan *Ādāb al-Dā'in wa al-Madīn* yang terdapat di dalam *al-Kutub al-Sittah*. Kaedah-kaedah tersebut ialah mengenalpasti perkataan atau lafaz daripada matan hadith, mengenalpasti sifat yang terdapat pada matan hadith, dan melakukan pembacaan dan pemerhatian yang teliti terhadap *tarājim abwāb* atau Bāb dalam *al-Kutub al-Sittah*.

Sehubungan itu, pengkaji menggunakan pendekatan yang berbeza ketika membincangkan hadith. Pengkaji tidak akan mengemukakan perbincangan panjang lebar terhadap sesuatu hadith kecuali ada sub-subtema penting yang mempunyai kaitan secara langsung dengan aspek yang dikaji seperti aspek hukum berhutang, proses berhutang

dan tanggungjawab melunaskan hutang. Selain itu, penelitian terhadap *tarājim abwāb*¹ juga dilakukan untuk memastikan berada pada tema dan tempat yang betul.

3.3 Hadith-hadith Mengenai Pelunasan Hutang (*Wafā' al-Dayn*)

Hadith-hadith mengenai pelunasan hutang ini merangkumi lima tema iaitu bersegera menunaikan hutang, pengharaman penundaan membayar hutang, keadaan hutang tertunda kerana menyegerakan janji, keharusan pemindahan hutang dan galakan membantu penghutang yang menghadapi kesukaran.

Jadual 3.1: Nama Kitab, Bab dan Bilangan Hadith *al-Wafā' bi al-Dayn*

Bil.	Kitab Hadith	Kitab	Bab	Bil. Hadith
1	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	al-Istiqrāḍ	Adā' al-Duyūn	6
2	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	al-Istiqrāḍ	Adā' al-Duyūn	6
3	<i>Sunan al-Tirmidhī</i>	al-Waṣāyā	Mā Jā'a yabda' bi al-Dayn qabl al-waṣīyyah	4
4	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	al-Ḥawālāt	Al-Ḥawālah	7
5	<i>Sunan al-Tirmidhi</i>	al-Buyū'	Mā Jā'a fī Matl al-Ghanī Zūlm	1
6	<i>Sunan al-Nasā'i</i>	al-Buyū'	Maṭl al-Ghanī	4

¹ *Tarājim al-Abwāb* adalah penamaan bab atau tajuk-tajuk yang dipilih oleh Imām al-Bukhārī terhadap sesuatu hadith atau kumpulan hadith, yang telah disusun dan diasingkan setiap satunya berdasarkan aspek-aspek yang disentuh oleh hadith tersebut. Kaedah ini merupakan satu kaedah baharu yang dirintis oleh Imām al-Bukhārī yang kemudiannya diikuti oleh para ulama selepasnya. Justeru, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ* atau lebih dikenali dengan *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* telah dibahagikan kepada *Kitāb* dan *Kitāb* ini pula dipecahkan kepada *Bāb-bāb* pula yang didahului dengan *tarjamah* sebagai kepala *Bāb*. Imām al-Bukhārī juga menggantikan lafaz *Bāb* yang biasa digunakan dalam kitab-kitab fiqh dengan lafaz *al-Kitāb* dan menggantikan lafaz *al-Faṣl* dengan lafaz *al-Bāb*. Tujuannya adalah untuk membezakan dengan kitab-kitab fiqh tersebut. Lihat Dr Muḥammad bin Muḥammad Abū Shahbah, *A'lām al-Muḥaddithīn*, (Miṣr: Dār al-Kitāb al-'Arabī, t.t.), 22.

7	<i>Sunan Abū Dāwūd</i>	al-Aqḍiyyah	Fi Ḥabs al-Dayn wa ghayrih	2
8	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	al-Istiqrāḍ	Idhā wajada mālahu ‘ind muflis fi al-bay’	5
9	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	al-Musāqāt	Istiḥbāb al-wad‘ min al-dayn	6
10	<i>Sunan Ibn Mājah</i>	al-Aḥkām	Taflīs al-mu‘dam wa al-bay‘ ‘alayh li ghuramā’ih	1
11	<i>Sunan Ibn Mājah</i>	al-Aḥkām	Taflīs al-Mu‘dam wa al-bay‘ ‘alayhi li ghuramā’ih	1
12	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	al-Dhikr wa al-Du‘ā’ wa al-Tawbah wa al-Istighfār	Faḍl al-Ijtimā‘ ‘alā Tilāwah al-Qur’ān wa ‘alā al-Dhikr	1
13	<i>Sunan al-Tirmidhī</i>	al-Zakāh	Mā jā’a man la tuḥill lahu al-sadaqah	4
14	<i>Sunan al-Tirmidhī</i>	al-Buyū‘	Mā jā’a fi bay‘ man yazīd	2
			JUMLAH HADITH	50

3.3.1 Hadith Bersegera Melunaskan Hutang

1. Hadith 1

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ شَيْبِ بْنِ سَعِيدٍ، حَدَّثَنَا أَبِي، عَنْ يُونُسَ، قَالَ ابْنُ شَهَابٍ: حَدَّثَنِي عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُتْبَةَ، قَالَ: قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لَوْ كَانَ لِي مِثْلُ أُحُدٍ ذَهَبًا مَا يَسُرُّنِي أَنْ لَا يَمُرَّ عَلَيَّ ثَلَاثٌ، وَعِنْدِي مِنْهُ شَيْءٌ إِلَّا شَيْءٌ أَرْصِدُهُ لِدِينٍ» رَوَاهُ صَالِحٌ، وَعَقِيلٌ، عَنِ الزُّهْرِيِّ

a) Terjemahan

Dari Abū Hurayrah² r.a bahawa Rasūl Allāh SAW bersabda, “Sekiranya aku memiliki emas semisal Bukit Uḥud (jumlahnya), aku

² Abū Hurayrah al-Dāwsī r.a antara Sahabat Nabi SAW yang paling banyak meriwayatkan hadith. Nama beliau setelah memeluk Islam ialah ‘Abd al-Raḥmān bin Sakhr. Berasal daripada kabilah Daws di Yaman. Memeluk Islam pada tahun ketujuh Hijrah dan meninggal dunia di Madinah pada tahun 57 H. Abū ‘Umar Yūsuf bin ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Barr al-Qurṭubī al-Namarī, *al-Isṭī‘āb fi Ma’rifah al-Aṣḥāb*, (Jordan: Dār al-‘Ilām, 1423H./ 2002), 862.

*tidak akan senang seandainya emas itu masih ada padaku selama tiga hari, melainkan aku gunakannya untuk membayar hutang.”*³

b) Takhrij Hadith 1

1. Imām al-Bukhārī,⁴ *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Istiqrād, Bāb Adā’ al-Duyūn.⁵
2. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Riqāq, Bāb Qawl al-Nabī SAW “*Mā yasurrunī anna ‘indī mithla uḥudīn hadhā dhahaban*”.⁶
3. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Tamannī, Bāb Tamannī al-Khayr, wa Qawl al-Nabī “*Law kāna li Uḥudan dhahaban*”.⁷
4. Imām Muslim,⁸ *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Zakāh, Bāb Taghlīz man lā yu’addi al-zakāh.⁹
5. Imām Ibn Mājah,¹⁰ *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Zuhd, Bāb al-Mukthirīn. Hukum: Ḥasan Ṣaḥīḥ.¹¹

³ Ibn Ḥajar al-Asqalani, *Fathul Bari*, Amiruddin (terj.), (Jakarta: Pustaka Azzam, 2010), 13:372.

⁴ Nama sebenar Imām al-Bukhārī ialah Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah al-Bukhārī al-Ja‘fī dilahirkan pada hari Jumaat, 13 Syawal tahun 194 Hijrah di Bukharā. Beliau meninggal dunia pada malam Sabtu, yakni malam ‘Īd al-Fiṭr tahun 256 Hijrah. Lihat Muqaddimah al-Ta‘rīf dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, taḥqīq Muḥib al-Dīn al-Khatīb, Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī & Quṣā Muḥib al-Dīn al-Khatīb, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafīyyah, 1400H), 1:3-7.

⁵ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq Muḥib al-Dīn al-Khatīb, Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī & Quṣā Muḥib al-Dīn al-Khatīb, no. hadith 2389, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafīyyah, 1400H), 2:172.

⁶ Ibid., no. hadith 6445, 4:181. Di dalam tajuk Bāb ini Imām al-Bukhārī mengemukakan dua buah hadith iaitu no. 6444 dan 6445 dan pengkaji telah meletakkan hadith no. 6445 pada hadith pertama dan hadith no. 6444 pada hadith yang kedua.

⁷ Ibid., no. hadith 7228, 4:349,

⁸ Nama sebenar Imām Muslim ialah Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī Naysābūrī dilahirkan di Naysābūr pada tahun 202 Hijrah atau 817 Masihi. Beliau meninggal pada petang Ahad, 24 Rejab tahun 261 Hijrah. Lihat juga Dr Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān al-Ṭawālabah, *al-Imām Muslim Manhajuhu fī Ṣaḥīḥih*, c.2, (‘Ammān: Dār ‘Ammār, 1421H./2000), 13-14.

⁹ Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushayrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Taḥqīq Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī, no. hadith 991, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1991) 1:686.

¹⁰ Nama sebenar Imām Ibn Mājah ialah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī dilahirkan di Qazwīn, Iraq pada tahun 207 Hijrah dan meninggal pada hari Isnin, 22 Ramaḍān tahun 273 Hijrah dan dikebumikan juga di Qazwīn.

¹¹ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Taḥqīq Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, no. hadith 4132, (Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 688.

2. Hadith 2

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ، حَدَّثَنَا أَبُو شَهَابٍ، عَنِ الْأَعْمَشِ، عَنِ زَيْدِ بْنِ وَهَبٍ، عَنِ أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: كُنْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَلَمَّا أَبْصَرَ - يَعْنِي أُحُدًا - قَالَ: «مَا أَحَبُّ أَنَّهُ نُحُولٌ لِي ذَهَبًا، يَمْكُثُ عِنْدِي مِنْهُ دِينَارٌ فَوْقَ ثَلَاثِ، إِلَّا دِينَارًا أُرْصِدُهُ لِدَيْنٍ» ثُمَّ قَالَ: «إِنَّ الْأَكْثَرِينَ هُمُ الْأَقْلُونَ، إِلَّا مَنْ قَالَ بِالْمَالِ هَكَذَا وَهَكَذَا، وَأَشَارَ أَبُو شَهَابٍ بَيْنَ يَدَيْهِ وَعَنْ يَمِينِهِ وَعَنْ شِمَالِهِ - وَقَلِيلٌ مَا هُمْ» ، وَقَالَ: «مَكَانَكَ» ، وَتَقَدَّمَ غَيْرَ بَعِيدٍ فَسَمِعْتُ صَوْتًا، فَأَرَدْتُ أَنْ آتِيَهُ، ثُمَّ ذَكَرْتُ قَوْلَهُ: «مَكَانَكَ حَتَّى آتِيكَ» ، فَلَمَّا جَاءَ قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، الَّذِي سَمِعْتُ - أَوْ قَالَ: الصَّوْتُ الَّذِي سَمِعْتُ؟ - قَالَ: «وَهَلْ سَمِعْتَ؟» ، قُلْتُ: نَعَمْ، قَالَ: " أَتَانِي جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ، فَقَالَ: مَنْ مَاتَ مِنْ أُمَّتِكَ لَا يُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا دَخَلَ الْجَنَّةَ " ، قُلْتُ: وَإِنْ فَعَلَ كَذَا وَكَذَا، قَالَ: «نَعَمْ»

a) Terjemahan

Dari Abū Dharr¹² r.a berkata, Aku bersama Nabi SAW dan apabila Baginda memandang (Bukit Uhud) lalu bersabda, “*Aku suka sekiranya ia (Bukit Uhud) bertukar menjadi emas bagiku, yang ada padaku satu dinar melebihi tiga hari melainkan aku gunakannya untuk membayar hutang.*”¹³

b) Takhrij Hadith 2

1. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Istiqrāḍ, Bāb Ādā’ al-Duyūn.¹⁴
2. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Isti’dhān, Bāb Man Ajābaka bi labbayka wa Sa‘dayka.¹⁵
3. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Riqāq, Bāb Qawl al-Nabī SAW “*Mā yassuruni anna ‘indī mithla uḥudin dhahaban...*”¹⁶

¹² Abū Dharr al-Ghifārī r.a. adalah seorang Sahabat Nabi SAW. Nama penuh beliau ialah Jundub bin Junādah bin Sakan. Dikatakan namanya Ibn ‘Abd Allāh. Juga dikatakan namanya Burburah. Beliau antara Sahabat Nabi SAW yang terawal memeluk Islam iaitu pada tahun keempat atau kelima Hijrah. Meninggal dunia di Zabadah pada tahun 31 H. Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *al-Iṣābah fi Tamyīz al-Saḥābah*, Taḥqīq ‘Alī Muḥammad al-Bijāwī, (Kaherah: Dār al-Naḥḍah Miṣr li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr, t.t.), 800.

¹³ Ibn Ḥajar al-Asqalani, *Fathul Bari*, Amiruddin (terj.), (Jakarta: Pustaka Azzam, 2005), 13:62.

¹⁴ al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 2388, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah, 1403 H.), 3:116.

¹⁵ Ibid., no. hadith 6268, 4:145.

4. Imām Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Targhīb fī al-Ṣadaqah.¹⁷
5. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Zakāh, Bāb Mā adri zakātuhu falaysa bikanz.¹⁸
6. Imām Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Kunnāzin li al-Amwāl wa al-Taghlīz ‘alayhim.¹⁹

3. Hadith 3

حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي عُمَرَ قَالَ: حَدَّثَنَا سُفْيَانُ بْنُ عُيَيْنَةَ، عَنْ أَبِي إِسْحَاقَ الهمداني، عَنْ الْحَارِثِ، عَنْ عَلِيٍّ، «أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَضَى بِالَّذِينَ قَبْلَ الْوَصِيَّةِ»، وَأَنْتُمْ تَفْرُؤُونَ الْوَصِيَّةَ قَبْلَ الدِّينِ: وَالْعَمَلُ عَلَى هَذَا عِنْدَ عَامَّةِ أَهْلِ الْعِلْمِ أَنَّهُ يُبَدَأُ بِالَّذِينَ قَبْلَ الْوَصِيَّةِ.

a) Terjemahan

Dari ‘Alī²⁰ r.a bahawa “Nabi SAW menjelaskan hutang sebelum wasiat, sedangkan kamu membaca wasiat sebelum hutang. Amalan ini dilakukan oleh kebanyakan ahli ilmu bahawa mereka memulakan hutang sebelum wasiat.”

b) Takhrij Hadith 3

1. Imām al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Waṣāyā, Bāb Mā Jā’a yabda’ bi al-dayn qabl al-waṣīyah.²¹

¹⁶ Ibid., no. hadith 6444, 4: 181.

¹⁷ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith 991, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1991), 2:687.

¹⁸ al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 1408, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah, 1403H), 2:434-435.

¹⁹ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith 94, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1991), 2:688.

²⁰ ‘Alī bin Abū Ṭālib bin ‘Abd al-Muṭallib bin Hāshim bin ‘Abd Manāf bin Quṣay al-Qurashī. Memeluk Islam ketika berusia lapan tahun. Berkahwin dengan Fāṭimah puteri Rasūl Allāh SAW pada tahun kedua sebelum Hijrah. Diangkat menjadi Khalifah keempat selepas kematian ‘Uthmān bin ‘Affān pada tahun 35 Hijrah. Beliau mati dibunuh oleh ‘Abd al-Raḥmān bin Maḥjam pada 18 Ramaḍān tahun 40 Hijrah. Ibn ‘Abd al-Barr al-Qurṭubī, *al-Istī‘āb fi Ma‘rifah al-Aṣḥāb*, (Jordan: Dār al-I‘lām, 1423H/ 2002), 862.

²¹ Muḥammad bin ‘Īsā bin Sūrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, no. hadith 2122, (Riyād: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘, t.t.), 4:435.

2. Imām al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Farā'id, Bāb Mā Jā'a fi Mīrāth al-Ukhuwwah min al-Abb wa al-Umm.²²
3. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Waṣāyā, Bāb al-Dayn qabl al-Waṣiyyah. Hukum: Hasan.²³
4. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Farā'id, Bāb Mīrāth al-‘Aṣabah. Hukum: Hasan.²⁴

Perbincangan Hadith

Perbincangan mengenai tema bersegera melunaskan hutang ini dibahagikan kepada dua subtema iaitu pertama, bersegera melunaskan hutang dan kedua, hutang perlu didahulukan daripada wasiat.

Bersegera Melunaskan Hutang

Bagi subtema pertama, bersegera melunaskan hutang, terdapat sepuluh buah hadith yang ditemui dalam *al-Kutub al-Sittah* menerusi *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim* dan *Sunan Ibn Mājah*. Enam buah hadith dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang berlainan Kitāb dan Bāb. Manakala tiga buah hadith dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* dan sebuah hadith dalam *Sunan Ibn Mājah* melalui Kitāb al-Zuhd, Bāb al-Mukthirīn.

Imam al-Bukhārī di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* meletakkan hadith pelunasan hutang ini menerusi lima Kitāb yang berbeza dan antaranya menerusi Kitāb al-Istiqrāḍ Bāb Adā' al-Duyūn. Dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* naskhah al-Sulṭāniyyah, tajuk bab ini

²² Ibid., no. hadith 2094, 4:416.

²³ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 2715, (Riyād: Maktabah al-Ma'ārif, t.t.), 2:906.

²⁴ Ibid., no. hadith 2739, 2:915. Hadith-hadith 1, 2 dan 3 menunjukkan kewajipan menyetor pembayaran hutang.

ditulis dengan lengkap iaitu Bāb fī al-Istiqrāḍ wa Adā' al-Duyūn wa al-Ḥajar wa al-Taflīs.²⁵ Manakala sebahagian naskhah lagi ditulis Kitāb al-Istiqrāḍ sahaja.²⁶ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (w. 852H.) di dalam kitab *Fathḥ al-Bārī* menggunakan versi *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* riwayat Abū ‘Alī al-Ṣadafī (w. 514H.), guru kepada Ibn Sa‘ādah al-Andalūsī (w. 566H.) sebagai landasan syarahnya.²⁷ Sementara beberapa ulama hadith lain seperti Imām Shihāb al-Dīn al-Qaṣṭalānī (w. 823H.) menggunakan versi al-Yunīnī atau juga dikenali sebagai cetakan al-Sulṭāniyyah ketika mengulas *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.²⁸

Peletakan sesuatu hadith di bawah Kitāb dan Bāb tertentu oleh Imam al-Bukhārī adalah berdasarkan kefahaman fiqh beliau atau lebih dikenali sebagai tarjamah bāb. Justeru, untuk mengetahui fiqh beliau, maka perlu dirujuk kepada uṣūl tarājim abwābnya serta ulasan yang diberikan oleh para pengulas Sahih al-Bukhari. Sekiranya tidak dirujuk kepada *tarājim abwāb* serta ulasannya, maka para pembaca tidak akan mengetahui dan memahami fiqh Imām al-Bukhārī dalam karya *Ṣaḥīḥ*nya. Terdapat ulama yang membahaskan mengenai usul *tarājim abwāb* di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* seperti Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī dan Shah Wali Allah Dihlawi. Menerusi *tarājim abwāb* inilah didapati fiqh Imām al-Bukhārī yang tersirat di dalamnya.²⁹

²⁵ Lihat *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* naskhah al-Sultaniyyah, 3:115.

²⁶ Kemasyhuran *al-Nuskah al-Yuniniyyah* ini, mendorong Khalifah ‘Uthmani Sultan ‘Abd al-Hamid al-Thani memerintahkan pada tahun 1311H. agar kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dicetak berdasarkan *al-Nuskah al-Yuniniyyah* tersebut. Perintah tersebut dilaksanakan pada tahun itu juga dan siap sepenuhnya pada tahun 1313H. di dalam 9 juzuk. Kitab tersebut dicetak di al-Matba‘ah al-Amiriyyah, Bulāq, Mesir dan pentashihannya dilakukan oleh Syeikh ‘Ali al-Makkawi serta badan pentashih di al-Matba‘ah al-Amiriyyah. Setelah selesai, kitab tersebut dirujuk pula kepada Syeikh al-Azhar Syeikh Hassunah al-Nawawi, dan beliau telah menyemaknya bersama badan penyemak yang terdiri daripada 16 orang alim ulama. Cetakan al-Matba‘ah al-Amiriyyah ini juga dikenal sebagai *al-Nuskah al-Sulṭāniyyah*. Lihat Muqaddimah Shaykh Ahmad Muḥammad Shākir, Muqaddimah al-Tahqiq dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Kaherah: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, t.t.), 1: 1 dan Jumu‘ah Fathī ‘Abd al-Ḥalīm, *Riwayāt al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ wa Nuskahu: Dirāsah Nazariyyah Taṭbiqīyyah*, (Qaṭar: Dār al-Falāh, 2013), 26.

²⁷ Mohd. Khafidz bin Soroni, *Sahih Al-Bukhari Versi Al-Yunini: Sejarah, Kepentingan dan Keunikannya*, *Jurnal Hadis*, (2012), 4:7-39.

²⁸ Ibid.

²⁹ Mohd Murshidi Mohd Noor, *Analisis Hadith al-Khiyar Menurut Perspektif Fiqh al-Shafi‘i dan Fiqh al-Bukhari*, Tesis PhD, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, (2012), 166.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī menyatakan tajuk Bāb iaitu Bāb Adā’ al-Dayn tetapi dalam riwayat Abū Dharr disebutkan dengan lafaz jamak iaitu Adā’ al-Duyūn.³⁰ Badr al-Dīn al-‘Aynī menjelaskan bahawa Bāb Adā’ al-Duyūn bermaksud bab menerangkan kewajipan menjelaskan hutang.³¹

Imam al-Bukhārī ketika mengemukakan tajuk bab ini, iaitu Bāb Adā’ al-Duyūn, turut mengemukakan sepotong ayat al-Quran iaitu ayat 58 Surah al-Nisā’ sebagai penyokong kepada tajuk bāb atau tarjumān bāb.³² Riwayat³³ al-Aṣīli dan selainnya memetik ayat di atas secara sempurna berbanding dengan riwayat Abū Dharr yang hanya mengemukakan ayat tersebut sehingga frasa (*ilā ahlihā*) sahaja.³⁴

Dalam konteks penjelasan maksud ayat al-Quran tersebut, Ibn al-Munayyar berkata, “Imām al-Bukhārī memasukkan hutang sebagai amanah kerana adanya perintah untuk menunaikannya, sebab yang dimaksudkan dengan amanah pada ayat itu adalah amanah yang disebutkan dalam firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzāb ayat 33, ‘*Sesungguhnya Kami telah bentangkan amanah kepada langit dan bumi...*’. Lalu amanah di tempat tersebut ditafsirkan dengan perintah dan larangan termasuk semua

³⁰ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, taḥqīq ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allāh bin Bāz, (Kaherah: al-Maktabah al-Salafīyah, t.t.), 5: 55.

³¹ Badr al-Dīn Abī Muḥammad bin Maḥmūd al-‘Aynī, ‘*Umdah al-Qārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq ‘Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 12:318.

³² Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafīyah, 1403H), 2:171; Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, (Kaherah: al-Maktabah al-Salafīyah, t.t.), 5:54.

³³ Menurut Nizar ‘Abd al-Qadir al-Rayyan, *Sahih al-Bukhari* yang diriwayatkan oleh para ulama sehingga sekarang hanya dari enam orang perawi sahaja yang mengambil terus dari al-Bukhari sendiri. Setiap seorang daripada mereka adalah pemilik naskhah yang berasingan. Mereka ialah:

1. Abu Ishaq Ibrahim bin Ma‘qil bin al-Hajjaj al-Nasafi (w. 294H).
2. Hammad bin Shākir al-Nasafi (w. 311H).
3. Muhammad bin Yusuf bin Matar al-Firabri (w. 320H).
4. Abu Talhah Mansur bin Muhammad al-Bazdawi (w. 329H).
5. al-Qadi Abu ‘Abdillah al-Ḥusayn bin Ismā‘il al-Mahamili (w. 330H).
6. Tahir bin Muhammad bin Makhlad al-Nasafi. Lihat Mohd. Khafidz bin Soroni, *Sahih Al-Bukhari Versi Al-Yunini: Sejarah, Kepentingan dan Keunikannya*, (2012), *Jurnal Hadis*, 4:7-39.

³⁴ Badr al-Dīn Abī Muḥammad bin Maḥmūd al-‘Aynī, ‘*Umdah al-Qārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq ‘Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 12:318.

yang berkaitan dengan *dhimmah* (tanggungjawab) dan yang tidak berkaitan dengannya.”³⁵

Ada kemungkinan juga amanah di sini difahami dengan makna zahir. Apabila Allah SWT memerintahkan untuk menunaikan amanah padahal tidak berkaitan dengan *dhimmah* (tanggungjawab), maka segala sesuatu yang ada kaitan dengannya tentu lebih layak untuk ditunaikan.³⁶

Al-Hāfīz Ibn Kathīr³⁷ pula menjelaskan pendapat Qatādah yang menyebut bahawa amanah tersebut adalah hutang, kewajipan dan hudud.³⁸ Bagi fuqaha’, ayat ini diturunkan secara umum mengenai riba dan selainnya. Manakala Ibn ‘Abbās pula menyatakan bahawa ayat ini diturunkan secara umum dan ia meliputi semua amanah yang wajib ke atas manusia daripada hak Allah SWT seperti solat, zakat, kaffarah, nazar, puasa dan lain-lain.³⁹

Sementara Imām Ibn Jarīr al-Ṭabarī⁴⁰ dan Imām al-Qurṭubī⁴¹ menjelaskan bahawa para ulama berselisih pendapat mengenai kepada siapakah ayat ini diturunkan. Al-Ṭabarī menyebut sebahagian ulama menjelaskan mereka adalah pemimpin dalam

³⁵ Ibn Hajar al-‘Asqalani, *Fatḥh al-Bārī*, (Kaherah: al-Maktabah al-Salafīyyah, t.t.), 5:55.

³⁶ Ibid.

³⁷ Beliau ialah Abū al-Fidā’ ‘Imād al-Dīn Ismā‘īl bin ‘Umar bin Kathīr al-Qurashī al-Buṣrawī dilahirkan di Baṣrah pada tahun 701 Hijrah / 1302 Masihi. Beliau kemudiannya berpindah ke Damsyik dan meninggal dunia di sana pada tahun 774 Hijrah / 1373 Masihi. Lihat Dr Muḥammad al-Zuhaylī, *Ibn Kathīr al-Dimshiqī*, (Dimashq: Dār al-Qalam, 1415H./1995), 53-55 & 200.

³⁸ Abū al-Fidā’ Ismā‘īl bin Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-Azīm*, Tahqīq Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad et. al, (Jīzah: Mu’assasah Qurtubah, 2000), 4:124-125.

³⁹ Badr al-Dīn Abī Muḥammad bin Maḥmūd al-‘Aynī, *Umdah al-Qārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Tahqīq ‘Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 12:318-319.

⁴⁰ Beliau ialah Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Kathīr bin Ghālīb al-Ṭabarī. Beliau dilahirkan pada tahun 224 Hijrah / 839 Masihi di daerah Amol, Tabaristan, Iran. Beliau meninggal dunia di Baghdad pada tahun 310 Hijrah / 933 Masihi ketika berusia 86 tahun. Lihat Dr Muḥammad al-Zuhaylī, *al-Imām al-Ṭabarī*, (Dimashq: Dār al-Qalam, 1420H/1999), 30-33.

⁴¹ Beliau ialah Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr bin Farḥ al-Anṣārī al-Khazrajī al-Andalusī al-Qurṭubī. Beliau dilahirkan di Cordova, Sepanyol dan tiada catatan rasmi mengenai tarikh atau tahun kelahirannya. Beliau meninggal dunia dan dkebumikan di Mesir pada 9 Syawal tahun 671 Hijrah. Lihat Mashhūr Ḥassan Maḥmūd Salmān, *al-Imām al-Qurṭubī*, (Dimashq: Dār al-Qalam, 1413H./1993), 11.

kalangan umat Islam.⁴² Al-Qurṭubī menukikan riwayat daripada ‘Alī bin Abū Ṭālib, Zayd bin Aslam, Shahr bin Ḥawshab dan Ibn Zayd yang berkata bahawa ia diturunkan kepada pemimpin umat Islam secara khusus iaitu kepada Rasūl Allāh SAW dan para pemimpinnya.⁴³

Sementara itu, majoriti ahli tafsir mengatakan bahawa amanah pada ayat tersebut berkaitan dengan urusan ‘Uthmān bin Ṭalḥah, pemegang kunci ka’bah. Riwayat daripada ‘Abd al-Raḥmān bin Zayd bin Aslam menyebut bahawa ayat mengenai amanah tersebut turun berkenaan dengan para pemegang kekuasaan (al-wulāh). Sementara bagi Ibn ‘Abbās, ayat tersebut mencakupi semua amanah.⁴⁴ Badr al-‘Aynī pula menyebut bahawa para ahli tafsir berselisih pendapat mengenai sebab penurunan ayat di atas dan kebanyakan mereka berpendapat ia diturunkan mengenai keadaan ‘Uthmān bin Ṭalḥah al-Ḥajabī al-‘Abdarī, pemegang kunci ka’bah ketika ‘Alī bin Abī Ṭālib mengambil daripadanya pada hari pembukaan kota Makkah.⁴⁵

Imām al-Bukhārī dalam tarjumān bāb ini mengemukakan dua hadith yang berbeza maknanya menerusi jalur riwayat dua orang Sahabat iaitu Abū Dharr r.a dan Abū Hurayrah r.a Bagi hadith pertama riwayat Abū Dharr r.a terdapat lima perawi hadith yang bermula daripada Zayd bin Wahb, al-A‘mash,⁴⁶ Abū Shihāb dan Aḥmad bin Yūnus. Sementara riwayat Abū Hurayrah r.a pula daripada ‘Ubayd Allāh bin ‘Abd Allāh bin ‘Utbah, Ibn Shihāb, Yūnus, Shabīb bin Sa‘īd, Aḥmad bin Shabīb bin Sa‘īd.

⁴² Abū Ja’far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī*, Tahqīq Dr ‘Abd Allāh ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī, (Kaherah: Hajr, 2003), 7:169.

⁴³ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr al-Qurṭubī, *al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān*, Tahqīq Dr ‘Abd Allāh ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī, (Beirut; Mu’assasah al-Risalah, 2006), 6:423.

⁴⁴ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-Azīm*, (Jīzah: Mu’assasah Qurṭubah, 2000), 4:124; al-Qurṭubī, *al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān*, (Beirut; Mu’assasah al-Risalah, 2006), 6:423.

⁴⁵ Badr al-Dīn Abī Muḥammad bin Maḥmūd al-‘Aynī, *Umdah al-Qārī Sharh Shaḥīḥ al-Bukhārī*, Tahqīq ‘Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 12:318.

⁴⁶ Nama penuhnya adalah Sulaymān al-A‘mash. Ibid., 11:397.

Dalam menjelaskan hadith pertama riwayat Abū Hurayrah r.a di atas, hadith ini juga dikemukakan oleh Imām al-Bukhārī dalam Kitāb al-Riqāq⁴⁷ dan Kitāb al-Tamannī.⁴⁸ Dalam Kitāb al-Riqāq, Imām al-Bukhārī mengemukakan hadith daripada jalur al-Ḥasan bin al-Rabī‘ daripada Abū al-Aḥwaṣ daripada al-A‘mash daripada Zayd bin Wahb daripada Abū Dharr r.a. Sementara dalam Kitāb al-Tamannī pula daripada jalur Ishāq bin Naḍr daripada ‘Abd al-Razzāq daripada Ma‘mar daripada Hammām daripada Abū Hurayrah r.a.

Imām Muslim pula meriwayatkan hadith pertama di atas dalam Kitab al-Zakāh, Bāb al-Targhīb fī al-Ṣadaqah menerusi dua jalur riwayat iaitu dari ‘Abd al-Raḥmān bin al-Sallām al-Juḥamī dari al-Rabī‘ (Ibn Muslim), dari Muḥammad ibn Ziyād dari Abū Hurayrah r.a dan jalur kedua dari Muḥammad bin Bashshār dari Muḥammad bin Ja‘far dari Shu‘bah dari Muḥammad ibn Ziyād dari Abū Hurayrah r.a.⁴⁹

Imām Ibn Mājah pula dalam *Sunan Ibn Mājah* mengemukakan hadith pertama ini dalam Kitāb al-Zuhd, Bāb al-Mukthirīn melalui jalur riwayat Ya‘qūb bin Ḥumayd bin Kāsib daripada ‘Abd al-‘Azīz bin Muḥammad daripada Abī Suhayl⁵⁰ bin Mālik daripada ayahnya Mālik⁵¹ daripada Abū Hurayrah r.a. dengan sedikit perbezaan lafaz iaitu (مَا أَحِبُّ أَنْ أَحَدًا عِنْدِي ذَهَبًا فَتَأْتِي عَلَيَّ ثَلَاثَةَ وَعِنْدِي مِنْهُ شَيْءٌ إِلَّا شَيْءٌ أَرَصِدُهُ فِي قِضَاءِ دِينٍ).⁵²

Maksudnya, “Tidak aku suka jika Bukit Uhud yang ada di sisiku (bertukar) menjadi

⁴⁷ al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafīyyah, 1403H), 4:181.

⁴⁸Ibid., 4:349.

⁴⁹ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith 991, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1991), 2:687.

⁵⁰ Abū Suhayl nama sebenarnya ialah Nāfi‘ bin Mālik bin Abū Āmir al-Aṣbahī iaitu bapa saudara kepada Imām Mālik bin Anas. Rā’id Ṣabrī (ed.) *Shuruh Sunan Ibn Mājah*, Taḥqīq Rā’id Ṣabrī, no hadith 4132, (Jordan: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, 2007), 2:1523.

⁵¹ Mālik bin Abī Āmir al-Aṣbahī, Ibid.

⁵² Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Taḥqīq Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, no. hadith 4132, (Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 688. Lihat juga Rā’id Ṣabrī (ed.) *Shuruh Sunan Ibn Mājah*, Taḥqīq Rā’id Ṣabrī, no hadith 4132, (Jordan: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, 2007), 2:1523.

(bukit) emas maka ia datang kepadaku pada malam ketiga, dan di sisiku ada sesuatu melainkan aku menggunakannya untuk menjelaskan hutang.” Imam al-Sanādī menjelaskan maksud frasa hadith (فتأتي عليّ ثالثة) iaitu pada malam ketiga. Sementara kebanyakan naskhah atau riwayat menyebut perkataan (ثلاثة) yang membawa maksud tiga hari.⁵³

Sementara bagi hadith kedua pula, Imām al-Bukhārī mengemukakan hadith ini dalam empat Kitāb yang berbeza iaitu Kitāb al-Istiqrāḍ,⁵⁴ Kitāb al-Isti’dhān,⁵⁵ Kitāb al-Riqāq⁵⁶ dan Kitāb al-Zakāh⁵⁷ dengan jalur riwayat daripada Abū Dharr r.a.

Dalam Kitāb al-Istiqrāḍ, perawi terdiri daripada jalur Abū Dharr r.a, iaitu Aḥmad bin Yūnus, Abū Shihāb, al-A‘mash, Zayd bin Wahb. Manakala dalam Kitāb al-Isti’dhān perawinya terdiri daripada ‘Umar bin Ḥafṣ, bapanya Ḥafṣ,⁵⁸ al-A‘mash dan Zayd bin Wahb. Sementara dalam Kitāb al-Riqāq, para perawi hadith terdiri daripada al-Ḥasan bin al-Rabī‘, Abū al-Aḥwaṣ daripada al-A‘mash daripada Zayd bin Wahb daripada Abū Dharr r.a.

Dalam Kitāb al-Istiqrāḍ, teks hadith adalah (مَا أَحْبُّ أَنَّهُ تَحَوَّلَ لِي ذَهَبًا، يَمَكُتُ عِنْدِي)

(مِنْهُ دِينَارٌ فَوْقَ ثَلَاثٍ، إِلَّا دِينَارًا أُرْصِدُهُ لِدَيْنٍ

⁵³ Ibid.

⁵⁴ al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 2388, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah, 1403 H), 3:116.

⁵⁵ Ibid., no. hadith 6268, 4:145.

⁵⁶ Ibid., no. hadith 6444, 4: 436.

⁵⁷ al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 1407 & 1408, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah, 1403H), 1:434-435.

⁵⁸ Ḥafṣ adalah Ḥafṣ bin Ghiyāth. Badr al-Dīn Abī Muḥammad bin Maḥmūd al-‘Aynī, *‘Umdah al-Qārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq ‘Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 12:397.

hadithnya pula adalah (مَا أَحَبُّ أَنْ أُحَدِّثَ لِي ذَهَبًا يَأْتِي عَلَيَّ لَيْلَةً أَوْ ثَلَاثَ عِنْدِي مِنْهُ دِينَارًا، إِلَّا)
 (أُرْصِدُهُ لِدِينٍ، إِلَّا أَنْ أَقُولَ بِهِ فِي عِبَادِ اللَّهِ هَكَذَا وَهَكَذَا وَهَكَذَا
 dalam Kitāb al-Istiqrāḍ (بِمَكْتُ عِنْدِي مِنْهُ دِينَارٌ فَوْقَ ثَلَاثٍ). Bagi Kitāb al-Riqāq, teks hadith
 adalah (مَا يَسْرُنِي أَنْ عِنْدِي مِثْلَ أَحَدٍ هَذَا ذَهَبًا، تَمْضِي عَلَيَّ ثَالِثَةٌ وَعِنْدِي مِنْهُ دِينَارًا، إِلَّا شَيْئًا أُرْصِدُهُ)
 (لِدِينٍ، إِلَّا أَنْ أَقُولَ بِهِ فِي عِبَادِ اللَّهِ هَكَذَا وَهَكَذَا وَهَكَذَا
 dan Kitāb al-Zakāh adalah (مَا أَحَبُّ أَنْ لِي)
 (مِثْلَ أَحَدٍ ذَهَبًا أَنْفَعُهُ كُلَّهُ إِلَّا ثَلَاثَةَ دَنَانِيرَ).

Walaupun terdapat sedikit perbezaan lafaz antara hadith di atas, maksudnya adalah tetap sama iaitu Rasūl Allāh SAW tidak suka untuk memiliki harta yang disimpan melebihi tiga hari kecuali ia digunakan untuk melunaskan hutang.

Imām Muslim meriwayatkan dalam Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Kunnāzīn li al-Amwāl wa al-Taghlīz ‘alayhim⁵⁹ dari Zuhayr bin Ḥarb, dari Ismā‘īl bin Ibrāhīm dari al-Jurayri dari Abī al-‘Alā’ dari al-Aḥnāf bin Qays. Daripada peristiwa inilah dikatakan sebab lahirnya hadith di atas.⁶⁰ Berikut dikemukakan terjemahan hadith tersebut.

Kisah mengenai Abū Dharr r.a. yang diriwayatkan oleh Imām al-Bukhārī, Imām Muslim dan lain-lain, bahawa al-Aḥnāf bin Qays r.a. berkata, “Ketika di Madīnah, saya duduk bersama sekelompok orang Quraish, datang seorang dalam keadaan kusut rambutnya, bajunya kasar, mukanya yang kasar, wajahnya biasa, sangat sederhana. Ia berdiri di dalam majlis, lalu memberi salam, kemudian berkata, ‘Berilah khabar gembira kepada orang yang mengumpulkan harta, bahawa sebuah batu akan dipanaskan dengan api neraka Jahanam, kemudian batu itu akan diletakkan di atas dada mereka, sehingga, kerana berat dan panasnya api, daging mereka akan menjadi merah dan mendidih,

⁵⁹ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith 94, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1991), 2: 688.

⁶⁰ Ibid.

kemudian daging tersebut hancur lebur dan mengalir di atas dada mereka.” Selepas menyebut perkara tersebut, dia berjalan menuju ke sebuah tiang di masjid tersebut, kemudian duduk berdekatannya. Aḥnāf r.a. berkata, “Saya tidak mengenal orang tersebut. Siapakah dia?” Setelah mendengar ucapannya, saya langsung berjalan di belakangnya, dan duduk di dekat tiang masjid tersebut, dan saya berkata kepadanya, “Orang itu tidak menghiraukan perkataanmu, bahkan mereka tidak suka dengan perkataanmu tadi.” Ia menjawab, “Kekasihku yang berkata kepadaku seperti itu.” Aḥnāf r.a. bertanya, “Siapakah kekasihmu itu?” Ia menjawab, “Rasūl Allāh SAW.” Rasūl Allāh SAW bersabda, “*Wahai Abū Dharr, apakah kamu melihat Bukit Uhud itu?*” Saya menyangka bahwa Nabi SAW bermaksud mengutus saya untuk suatu pekerjaan di tempat tersebut. Saya menjawab, “Ya, saya melihatnya.” Setelah itu, Nabi SAW bersabda, “*Seandainya saya memiliki emas sebesar Bukit Uhud, saya akan menafkahnnya semuanya, kecuali tiga dinar.*” (Adapun penjelasannya terdapat di dalam riwayat lain). Lalu Abū Dharr r.a. berkata, “Tetapi mereka tidak memahaminya dan tetap menyimpan dan mengumpulkan dunia. Demi Allah, saya tidak akan meminta dunia dari mereka, dan juga tidak meminta fatwa agama dari mereka. (Maka, mengapa saya harus ragu sehingga saya berkata apa kepadanya. Saya harus tegas dalam berkata-kata).”

Dapat difahami daripada hadith ini juga sebagaimana yang disebutkan oleh Ibn Baṭṭāl bahawa terdapat isyarat untuk tidak memperbanyakkan hutang berdasarkan kenyataan Nabi SAW yang hanya menyebutkan satu dinar. Sekiranya Baginda memiliki hutang seratus dinar tentu Baginda tidak hanya menyiapkan satu dinar untuk melunasinya.⁶¹ Hadith ini memberi perhatian serius untuk melunasi hutang dan sikap Nabi SAW yang amat zuhud dalam masalah duniawi.⁶²

Hutang Perlu Didahulukan Daripada Wasiat

Bagi subtema kedua pelunasan hutang atau hadith ketiga dalam kajian ini iaitu hutang perlu didahulukan daripada wasiat. Hadith di atas memberi maksud bahawa hutang

⁶¹ Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Khalaf bin ‘Abd al-Malik Ibn Baṭṭāl, *Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq Abū Tamīm Yasīr bin Ibrāhīm, (Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, (t.t.), 4:514.

⁶² Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fathḥ al-Bārī bi Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allāh bin Bāz, (Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyah, t.t.), 5: 56.

perlu dijelaskan sebelum penunaian wasiat apabila berlaku kematian si penghutang. Oleh itu, hutang si mati perlu dilunasi bukan diwarisi. Allah SWT menyatakan dengan jelas dalam ayat 11, 12, 13 dan 176 Sūrah al-Nisā' bahawa pembahagian harta si mati hendaklah dilakukan setelah mengambil kira wasiat dan hutang.⁶³

Terdapat juga hadith-hadith lain yang menyebut perihal mendahulukan hak Allah SWT ini berbanding hak manusia, iaitu menjelaskan hutang dengan kepada Allah SWT terlebih dahulu berbanding hutang sesama manusia.

Antaranya hadith riwayat al-Ṭabrānī. Sabda Rasūl Allāh SAW:

من دان ببدن في نفسه وفاؤه ومات تجاوز الله عنه وأرضى غريمه بما شاء

Terjemahan:

“Sesiapa yang berhutang dengan suatu hutang pada dirinya ada hak untuk menunaikannya dan apabila dia meninggal dunia, ...”⁶⁴

‘Abd al-Raḥmān bin Abū Bakr meriwayatkan bahawa Rasūl Allāh SAW bersabda:

يؤتي بصاحب الدين يوم القيامة, فيقول الله: فيم أتلقت أموال الناس؟ فيقول: يا رب إنك تعلم أنه أتى عليّ إما حرق وإما غرق, فيقول: فيأني سأقضي عنك اليوم فيقضي عنه.

Terjemahan:

Dibawa datang tuan punya hutang pada hari kiamat, Maka Allah SWT berfirman, “Dengan apa kamu mengambil harta manusia?” Nabi bersabda: “Wahai Tuhan, sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui bahawa dia telah datang kepadaku sama ada ia dibakar atau ia

⁶³ Muḥammad Hasan Abū Yaḥyā, *al-Istidānah fi al-Fiqh al-Islāmī*, (‘Ammān: Maktabah al-Risālah al-Ḥadīthiyah, 1990), 311.

⁶⁴ Lihat juga al-Shawkānī, *Nayl al-Awṭār*, 3:26.

tenggelam.” Lalu katanya, “Sesungguhnya aku akan menunaikan (hutang kamu) hari ini lalu ia menunaikannya.”⁶⁵

Jelasnya, mendahulukan hak Allah daripada hak manusia adalah amalan yang amat dituntut dalam Islam. Oleh yang demikian, hutang kepada Allah itu iaitu wasiat adalah lebih utama berbanding dan perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum pelunasan hutang sesama manusia.

Melunaskan Hutang Si Mati

Peninggalan si mati dalam bahasa Arab disebut sebagai *al-Tārikah*. *Al-Tarikah* dari sudut bahasa ialah sesuatu yang ditinggalkan oleh seseorang.⁶⁶ Dari sudut istilah, para fuqaha’ telah memberikan pengertian yang berbeza.⁶⁷ Sebahagian fuqaha’ mentakrifkan *al-Tarikah* sebagai apa yang ditinggalkan oleh si mati berupa harta ataupun diyat yang diambil daripada orang yang membunuhnya, atau juga hak seperti *khiyār*, *shuf’ah*, *qisās*, *ḥadd qadhf* dan *ikhtiṣās*.⁶⁸

Menurut hukum pewarisan Islam, hak-hak yang berkaitan dengan harta peninggalan pewaris dinyatakan dengan jelas dalam al-Qur’ān. Ini dapat dilihat dalam ayat 11, 12, 13 dan 176 Sūrah al-Nisā’. Namun para fuqaha’ dalam empat mazhab bersepakat terhadap susunan sebahagian hak *al-tarikah* ini manakala sebahagian lagi mereka berselisih pendapat mengenainya.⁶⁹

⁶⁵ Lihat juga al-Shawkani, *Nayl al-Awtār*, 3:26-27.

⁶⁶ Muḥammad ‘Alī al-Ṣābūnī, *al-Mawāriṭh fī al-Sharī’ah al-Islamiyyah ‘alā Ḍaw’ al-Kitāb wa al-Sunnah*, (t.tpt.: Ḥuqūq al-Taba’ Maḥfūḍah, 1969), 34.

⁶⁷ Ibid.

⁶⁸ Faḍl al-Rahīm bin Muḥammad ‘Uthmān, *Aḥkām al-I’sār al-Mālī fī al-Fiqh al-Islāmī*, (Riyād: Dār Kunūz Ishbīliyyā li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2010), 586.

⁶⁹ Ibid.

Hak yang disepakati oleh fuqaha' mazhab empat sebagaimana berikut: Ia bermula dengan pembiayaan pengebumian si mati (*tajhīz al-mayyit*) dan hak-hak yang berkaitan dengan *'ayn al-tarikah* dengan hutang yang ditanggung oleh si mati. Kemudian dengan wasiatnya daripada satu pertiga daripada *al-tarikah* tadi. Kemudian diagihkan baki *al-tarikah* itu kepada para waris. Susunan terhadap tiga hak ini disepakati oleh fuqaha' mazhab empat, iaitu Ḥanafīyyah, Malikiyyah, Shāfi'īyyah dan Hanabilah.⁷⁰

Sebelum harta peninggalan tersebut dibahagikan kepada ahli waris, terdapat hak yang berkaitan dengan harta tersebut. Terdapat beberapa hak yang perlu ditunaikan yang berhubungkait dengan harta peninggalan ialah⁷¹

- i. Semua keperluan dan pembiayaan pengebumian si mati (*tajhīz al-mayyit*).

Hak-hak yang berkaitan dengan kepentingan si mati sendiri iaitu untuk kos penyelenggaraan jenazah. Pengebumian merupakan suatu hal yang asas berkaitan dengan hak si mati dan juga untuk menjaga kemuliaannya sebagai manusia. Oleh itu, semua keperluan pengebumian ialah segala perkara yang diperlukan untuk menguruskan pengebumian jenazah, sejak kematiannya sehinggalah ia dikebumikan.⁷² Antaranya kos memandikan mayat, pembelian kain kafan, dan pengebumian. Segala keperluan tersebut adalah berbeza-beza bergantung kepada perbezaan keadaan mayat, sama ada dari segi kemampuannya mahupun dari jenis jantinya.

⁷⁰ Wahbah al-Zuhaylī, *Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, c. 2, (Beirut: Dār al-Fikr, 1985), 10:728.

⁷¹ Ibid.

⁷² Ibid.

- ii Hak-hak yang berkaitan kepentingan pemiutang untuk membayar hutang pewaris (قضاء الديون)

Hutang ialah suatu tanggungan yang wajib dilunasi sebagai imbalan daripada apa yang pernah diterima oleh seseorang. Para fuqaha' telah membahagikan hutang kepada dua, iaitu hutang kepada Allah dan hutang kepada manusia.⁷³

Hutang kepada Allah pada dasarnya adalah kewajipan seseorang terhadap Allah yang merupakan hak fakir dan miskin. Istilah hutang Allah ini untuk menunjukkan pada bentuk yang tidak zahir atau fizikal dan pentingnya hutang tersebut serta kewajipan untuk menunaikannya, seperti zakat. Ulama Hanafiyah berpendapat bahawa hutang ini gugur dengan sendirinya jika seseorang meninggal dunia kecuali ia mewasiatkan kepada ahli waris untuk melunasinya, maka ia menjadi wasiat yang perlu dibayar dengan syarat wasiat tersebut tidak melebihi daripada sepertiga harta peninggalan dan dilaksanakan setelah membayar hutang kepada manusia. Jika melebihi sepertiga harta, maka ia memerlukan persetujuan daripada ahli waris. Alasan yang diberikan ialah hutang tersebut merupakan ibadah, dan kewajipan ibadah akan gugur dengan meninggal dunia seseorang yang dibebankan kepadanya. Oleh kerana sesuatu ibadah memerlukan niat dan itu tidaklah mungkin dilakukan setelah orang meninggal dunia.

Sementara jumhur ulama berpendapat bahawa hutang kepada Allah adalah wajib dibayar dan ia diambil daripada harta peninggalan si mati. Hutang tersebut tidak gugur dengan meninggalnya si penghutang tersebut. Alasan yang digunakan ialah, walaupun ia merupakan ibadah akan tetapi jika ditinjau

⁷³ Muḥammad 'Alī al-Ṣābūnī, *al-Mawāriṭh fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah 'alā Ḍaw' al-Kitāb wa al-Sunnah*, (t.tpt.: Ḥuqūq al-Ṭaba' Maḥfūḍah, 1969), 106.

daripada aspek tolong menolong lebih utama dari ibadah individu, maka tidak perlu kepada niat dalam pelaksanaannya.⁷⁴

Dalam pada itu, hutang kepada manusia ialah hutang yang belum diselesaikan semasa hidupnya. Secara umumnya, hutang ini dapat dibahagi kepada hutang yang berhubungan langsung dengan harta peninggalan (*duyūn al-‘ainiyyah*) dan hutang biasa (*duyūn al-‘ādiyyah*). *Duyūn al-‘ainiyyah* ialah hutang yang diwajibkan pada harta sebelum ia menjadi harta pusaka, seperti hak barang gadaian yang belum diselesaikan semasa hidupnya, hak penjual barang yang belum dilunasi pembiayaannya, dan juga mahar yang belum diserahkan atau dijelaskan ketika majlis akad nikah. Manakala, *duyūn al-‘ādiyyah* pula adalah hutang yang wajib dibayar oleh seseorang sebelum ia meninggal dan tidak berkaitan langsung dengan harta peninggalan.⁷⁵

- iii. Hak-hak yang berkaitan dengan kepentingan penerima wasiat atau untuk memenuhi wasiat pewaris (تنفيذ الوصية)

Penyediaan wasiat daripada seorang muslim adalah sejajar dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 180:

كُتِبَ عَلَيْكُمُ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ إِن تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةَ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ
بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ

⁷⁴ Ibid.

⁷⁵ Ibid.

Terjemahan:

“Diwajibkan atas kamu, apabila seorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) kematian, jika ia meninggalkan harta yang banyak, berwasiat untuk ibu-bapa dan kaum kerabat secara ma'ruf, (ini adalah) kewajiban atas orang yang bertakwa.”

Penerima wasiat pula adalah individu yang menerima tanggungjawab untuk melaksanakan wasiat si mati. Oleh itu, para ulama menggariskan beberapa syarat untuk penerima wasiat sebagaimana berikut:

- i. Penerima wasiat adalah orang yang ditunjukkan secara khusus bahwa ia berhak menerima wasiat.
- ii. Penerima wasiat mesti jelas identitinya, sehingga wasiat dapat diberikan kepadanya.
- iii. Penerima wasiat tidak berada dalam daerah musuh (dār al-ḥarb).
- iv. Penerima wasiat bukan orang yang membunuh pemberi wasiat, jika yang disebut akhir ini wafatnya kerana terbunuh.
- v. Penerima wasiat bukan juga kafir harbi (kafir yang memusuhi Islam), akan tetapi diperbolehkan wasiat kepada kafir dhimmi selagi ia dia bersifat adil.
- vi. Wasiat tidak dimaksudkan untuk sesuatu yang merugikan umat Islam atau sesuatu maksiat.
- vii. Penerima wasiat bukan ahli waris si mati.

iv. Hak para ahli waris (حق الورثة)

Ahli waris ialah orang yang berhak menerima harta daripada pewaris atau si mati sama ada disebabkan oleh hubungan kekeluargaan ataupun perkahwinan. Ahli waris ini perlu memenuhi beberapa syarat seperti ia masih hidup secara hakiki atau pun hukmi, ketika kematian pewaris yang melayakkannya untuk mewarisi harta tersebut. Kedua, tiada perkara yang boleh menghalangnya dari sudut hukum dan syariat Islam daripada menerima warisan, dan ketiga, ia tidak terhibab atau terhalang oleh ahli waris yang paling dekat dengan pewaris.⁷⁶

Jelasnya, ditinjau dari sudut fiqh al-ḥadīth pula, hadith di atas jelas menunjukkan praktis Rasūl Allāh SAW adalah mengutamakan bayaran hutang yang tertunggak kepada pemiutang sebelum melaksanakan sesuatu wasiat. Apa yang jelas dalam hal ini, Islam memandang hutang sebagai suatu perkara yang cukup berat dan menjadi satu tanggungjawab yang mesti dilunaskan oleh setiap penghutang. Hal ini sekali gus menunjukkan bahawa Islam meletakkan sesuatu perkara berdasarkan keutamaan. Oleh yang demikian, kegagalan meletakkan untuk sesuatu perkara mengikut kehendak syarak adalah merupakan satu kesalahan yang perlu diperbaiki dengan kaedah dan pemahaman yang betul terhadap konsep *Fiqh al-Awlawiyyāt*.⁷⁷

⁷⁶ Wahbah al-Zuhaylī, *Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, c. 2, (Beirut: Dār al-Fikr, 1985), 8:136-139.

⁷⁷ Hasliza Talib et al., Maqāsid Al-Shārī'ah Dalam Pelaksanaan Wasiat, *Jurnal Sultan Alaudin Sulaiman Shah*, (2016), 3(1):1-22. <http://journal.kuis.edu.my/jsass/jsass-vol-3-bil-1-2016>

3.3.2 Hadith Pengharaman Penundaan Membayar Hutang

4. Hadith 4

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ، أَخْبَرَنَا مَالِكٌ، عَنْ أَبِي الزِّنَادِ، عَنِ الْأَعْرَجِ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «مَطْلُ الْعَيْتِي ظُلْمٌ، فَإِذَا أُتْبِعَ أَحَدُكُمْ عَلَى مَلِيٍّ فَلْيَتَّبِعْ»

a) Terjemahan

Dari Abū Hurayrah r.a bahawa Rasūl Allāh bersabda, “Menunda pembayaran hutang dalam keadaan mampu adalah satu kezaliman. Dan jika salah seorang antara kamu diikutkan (hutangnya) kepada orang yang mampu, maka hendaklah ia mengikutinya.”

b) Takhrij Hadith 4

1. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Ḥawālāt, Bāb al-Ḥawālah, wa hal yarji‘u fī al-Ḥawālah?.⁷⁸
2. Imām Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Musāqāt, Bāb Taḥrīm Maṭl al-Ghanī wa Ṣiḥḥah al-Ḥawālah wa istiḥbāb qabulihā idhā uḥīla ‘alā mali’.⁷⁹
3. Imām Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Buyū‘ wa al-Ijārāt, Bāb Maṭl al-Ghanī. Hukum: Sahih.⁸⁰
4. Imām al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, Kitāb al-Buyū‘, Bāb al-Ḥawālah. Hukum: Sahih.⁸¹
5. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Ḥawālāt, Bāb Idhā ahālā ‘ala mali’ falaysa lahu radd.⁸²

⁷⁸ al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 2287, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah, 1403H), 3:94.

⁷⁹ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith 1564, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1991), 2:688.

⁸⁰ Abū Dāwūd Sulaymān bin al-‘Ash’ath al-Sijistānī, *Sunan Abī Dāwūd*, no. hadith 3345, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 3:247.

⁸¹ al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, no. hadith 4705, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 814.

⁸² al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 2288, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah, 1403H), 3:94.

6. Imam al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Buyū‘, Bāb Mā jā’a fi Maṭl al-Ghanī annahu Zulm. Hukum: Sahih.⁸³
7. Imām al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, Kitāb al-Buyū‘, Bāb Maṭl al-Ghanī. Hukum: Sahih.⁸⁴
8. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Saqadāt, Bāb al-Ḥawālah. Hukum: Sahih.⁸⁵
9. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Istiqrād, Bāb Maṭl al-Ghanī.⁸⁶

5. Hadith 5

حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْهَرَوِيُّ، قَالَ: حَدَّثَنَا هُشَيْمٌ، قَالَ: حَدَّثَنَا يُوسُفُ بْنُ عُبَيْدٍ، عَنْ نَافِعٍ، عَنْ ابْنِ عُمَرَ، عَنِ النَّبِيِّ [ص:593] صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «مَطْلُ الْغَنِيِّ ظُلْمٌ، وَإِذَا أُحِلَّتْ عَلَى مَلِيٍّ فَاتَّبِعْهُ، وَلَا تَبِعْ بَيْعَتَيْنِ فِي بَيْعَةٍ.

a) Terjemahan

Dari Ibn ‘Umar⁸⁷ r.a bahawa Rasūl Allāh bersabda, “*Menunda pembayaran hutang dalam keadaan mampu adalah satu kezaliman. Jika hutangmu dipindahkan kepada orang yang kaya, maka ikutikah dia dan tiada dua akad dalam satu (transaksi) penjualan.*”

b) Takhrij Hadith 5

1. Imām al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Buyū‘, Bāb Ma Jā’a fi Maṭl al-Ghanī Zulm. Hukum: Sahih.⁸⁸

⁸³ al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, no. hadith 1308, (Riyād: Maktabah al-Ma’ārif, t.t.), 3:592.

⁸⁴ al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, no. hadith 4702, (Riyad: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nashr wa al-Tawzī’, t.t.), 715.

⁸⁵ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 2403 & 2404, (Riyād: Maktabah al-Ma’ārif, t.t.), 2:803.

⁸⁶ al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 2400, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah, 1403H, 3:118).

⁸⁷ Beliau ialah ‘Abd Allāh bin ‘Umar bin al-Khaṭṭāb bin Nufayl al-Qurashī al-‘Adawī, Abū ‘Abd al-Raḥmān. Dikatakan beliau memeluk Islam lebih awal daripada bapanya, ‘Umar bin al-Khaṭṭāb. Seorang yang warak dan berilmu serta banyak menurut jejak Nabi SAW dalam banyak amalan. Meninggal pada tahun 73 Hijrah. Ibn ‘Abd al-Barr al-Qurtubī, *al-Istī‘āb fi Ma’rifah al-Aṣḥāb*, (Jordan: Dār al-‘Ilām, 1423H/ 2002), 950.

⁸⁸ al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, no. hadith 1309, 3:592.

2. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Saqadāt, Bāb al-Ḥawālah. Hukum: Sahih.⁸⁹

Perbincangan Hadith

Perkataan (الحوالة) boleh dibaca sama ada dengan *al-ḥawālah* atau *al-ḥiwālah*.⁹⁰ *Al-Ḥawālah* dari segi bahasa bermaksud pindah. Dari sudut istilah, Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī mengemukakan definisi *al-ḥawālah* sebagaimana yang dinyatakan oleh fuqaha’ iaitu memindahkan sesuatu tanggungan hutang dari satu liabiliti kepada satu liabiliti yang lain,⁹¹ atau *al-ḥawālah* juga ditakrifkan sebagai memindahkan tuntutan daripada tanggungan penghutang kepada tanggungan orang yang sedia menerima dan mengambil tanggungan tersebut.⁹² Ini bermakna, *al-Ḥawālah* adalah akad pemindahan hutang dari satu tanggungan yang berhutang kepada orang lain yang mana orang tersebut mempunyai hutang pula kepada yang memindahkan.⁹³

Para ulama membahagikan *al-Ḥawālah* ini kepada empat jenis iaitu *al-Ḥawālah mutlak*, *al-Ḥawālah bersyarat*,⁹⁴ *al-Ḥawālah ḥaqq* dan *al-Ḥawālah dayn*.⁹⁵ Dalam konteks hadith di atas, *Ḥawālah* yang dimaksudkan ini adalah pemindahan hutang kepada orang lain yang mempunyai hutang kepadanya. Ia berbeza dengan *Ḥawālah ḥaqq* yang bermaksud pemindahan hutang dari seorang penghutang kepada penghutang

⁸⁹ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 2404, 2:803.

⁹⁰ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allāh bin Bāz, (Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, t.t.), 4:464; Badr al-Dīn Abī Muḥammad bin Maḥmūd al-‘Aynī, *‘Umdah al-Qārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, taḥqīq ‘Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 12:154.

⁹¹ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allāh bin Bāz, (Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, t.t.), 4:464.

⁹² Wahbah al-Zuhaylī, *Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, c. 2, (Beirut: Dār al-Fikr, 1985), 5:162.

⁹³ Ibid.

⁹⁴ Iaitu pemindah hutang memindahkan hutangnya kepada penerima pindah hutang disyaratkan penerima itu mempunyai hutang daripada pemindah. Pemindahan semacam ini diharuskan oleh semua para ulama.

⁹⁵ Wahbah al-Zuhaylī, *Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, c. 2, (Beirut: Dār al-Fikr, 1985), 5:169-173.

yang lain dalam bentuk wang bukan dalam bentuk barang. Dalam hal ini, yang bertindak sebagai *muḥīl* (pemindah hutang) adalah pemberi hutang atau pemiutang dan ia mengalihkan haknya kepada pemberi hutang yang lain, sedangkan orang yang berhutang tidak berubah atau berganti. Yang berganti adalah pemberi hutang atau pemiutang. Ini berlaku jika pemiutang A mempunyai hutang dengan pemiutang B.⁹⁶

Misalnya, B memindahkan hutang kepada C dengan tidak mengaitkan hutang C daripada B, dan C menerima pindahan tersebut. Dalam kes ini, ulama Hanafi tidak menyatakan apa-apa pandangan sama ada harus atau tidak. Mazhab yang tiga selain Mazhab Hanafi mengatakan pindah hutang dalam bentuk mutlak yang mana penerima pindah hutang itu tidak mempunyai hutang daripada pemindah hutang dianggap sebagai satu jaminan semata-mata. Itupun dengan syarat ketiga-tiga pihak rela (iaitu pemiutang asal, pemindah hutang dan penerima pindah hutang).

Penundaan Bayaran Hutang Satu Kezaliman

Hadith di atas direkodkan oleh semua imam dalam *al-Kutub al-Sittah* dengan lafaz yang sedikit berbeza daripada riwayat Abū Hurayrah r.a. Dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*, dikemukakan dengan lafaz (مَطْلُ الْعَيِّ ظُلْمٌ), manakala dalam *Sunan al-Tirmidhī* dan *Sunan Ibn Mājah* dengan lafaz (المطل ظلم العي). Yang dimaksudkan dengan (مَطْلُ

⁹⁶ *Ḥiwālah* ini adalah pemindahan pemiutang dari satu pemiutang kepada pemiutang yang lain dalam bentuk wang bukan dalam bentuk barang. Dalam hal ini yang bertindak sebagai *Muḥīl* adalah pemberi hutang dan ia mengalihkan haknya kepada pemberi hutang yang lain sedangkan orang yang berhutang tidak berubah atau berganti, yang berganti adalah pemiutang. Ini terjadi jika pemiutang A mempunyai hutang kepada pemiutang B.

(العَيْي ظُلم) adalah penundaan pembayaran hutang tanpa sebarang keuzuran.⁹⁷ Ibn al-

Jawzaqī meriwayatkan dari jalur Hammām dari Abū Hurayrah r.a dengan lafaz (إن من)

(الظلم مطل الغني), “*Sesungguhnya termasuk kezaliman adalah penundaan melunasi hutang*

oleh orang yang berkecukupan.”⁹⁸ Riwayat ini mentafsir riwayat sebelumnya.

Dalam ‘*Awn al-Ma‘būd* pula frasa *maṭl al-ghanī* dimaksudkan sebagai melewati pelunasan hutang dari masa ke semasa dan perkataan *ẓulm* dimaksudkan dengan maksud penengah daripada menunaikan hak kepada si pemiutang. Hukumnya adalah haram bagi orang kaya.⁹⁹

Dalam hadith sebelumnya dijelaskan bahawa ada anjuran agar kepada pemiutang memberikan penangguhan kepada penghutang yang mengalami kesulitan untuk membayar hutang. Namun, sebagai imbalan kepada saranan tersebut, hadith dalam subtopik ini adalah dilihat menjadi ancaman kepada orang yang berkemampuan membayar hutang, tetapi tidak mahu menjelaskannya dan sentiasa menunda-nunda untuk membayar hutangnya.

⁹⁷ Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allāh bin Bāz, (Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, t.t.), 4:465.

⁹⁸ Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allāh bin Bāz, (Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, t.t.), 4:465; Badr al-Dīn Abī Muḥammad bin Maḥmūd al-‘Aynī, *‘Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq ‘Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 12:155.

⁹⁹ Abū ‘Abd al-Raḥmān Sharf al-Ḥaqq al-‘Azīm Ābādī Muḥammad Ashraf bin Amīr bin ‘Alī bin Ḥaydar al-Ṣiddīqī, *‘Awn al-Ma‘būd ‘Alā Sharḥ Sunan Abī Dāwūd*, Taḥqīq Muḥammad Nāsir al-Dīn al-Albānī, (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 1426H/ 2005), 2:1528.

Para ulama juga berselisih dalam menentukan had ‘*orang yang berkecukupan*’. Jelasnya, yang dimaksudkan dengan orang yang mampu untuk melunasi hutang tetapi dia menunda pembayarannya meskipun dia seorang yang miskin.¹⁰⁰

Perkataan *al-Maṭl* dalam hadith ini bermaksud mengakhirkan bayaran hutang yang telah cukup tempoh tanpa alasan yang dibenarkan oleh syarak.¹⁰¹ Ia juga dimaksudkan sebagai keengganan penghutang untuk membayar hutang. Al-Qurtubi menambahkan terutama jika pemilik sudah menagih sesuai dengan yang telah disepakati sebelumnya.¹⁰² Dengan kata lain, *al-Maṭl* ini dapat diketahui bahawa dalam hutang-piutang harus jelas ketika waktu pengambilan, sesuai dengan kesepakatan antara kedua belah pihak.¹⁰³

Pengharaman penundaan pembayaran hutang oleh orang kaya (juga termasuk orang yang berkecukupan) dan keharusan melunasi hutangnya terhadap pemiutang. Lafaz *al-Maṭl* membawa maksud tidak diharamkan penundaan pelunasan hutang, akan tetapi beliau wajib melunasi hutang, kecuali jika orang yang memberi hutang meminta pelunasannya, atau jika dia memberi isyarat kehendaknya untuk meminta pelunasan hutang. Adapun orang miskin atau orang yang lemah, dengan alasan tertentu, maka dia yakni pemiutang boleh memaafkan. Pengharaman menurut pelunasan hutang kepada orang miskin atau orang yang lemah, kerana alasan tertentu, maka dia dimaafkan. Pengharaman dikhususkan kepada orang miskin dan keharusan memberi tempoh kepada orang kaya, kerana pengharaman menunda pelunasan hutang dan keharusan melunasi

¹⁰⁰ Lihat Nik Mohd Zaim Ab Rahim, Ishak Hj Suliaman & Munirah Abd Razzak, Kesempitan Hidup Penghutang: Analisis Ayat 280 Surah al-Baqarah, *Proceedings: The 2nd Annual International Qur'anic Conference 2012*, 114-126.

¹⁰¹ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyah, t.t.), 4:465.

¹⁰² Badr al-Dīn Abī Muḥammad bin Maḥmūd al-‘Aynī, *Umdah al-Qārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Ttaḥqīq ‘Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 12:155.

¹⁰³ Ibid.

hutang, ditujukan kepada orang kaya atau berkecukupan yang memiliki kemampuan melunasi utang. Adapun orang miskin, tidak boleh menambah kesempitan dirinya, kerana dia dimaafkan.¹⁰⁴

Penyamaan *zulm* dengan keengganan membayar hutang, kerana orang yang berhutang tidak mengembalikan milik orang yang dipinjamnya. Sangat zalim ketika waktu meminjam, pemilik dengan ikhlas meminjamkan, sementara orang yang berhutang saat pengembalian menunda-nunda padahal sudah mampu menjelaskannya.

Kezaliman yang dilakukan oleh peminjam adalah ketika ia tidak tidak memberikan perimbangan bantuan yang telah diterimanya dengan pelaksanaan kewajipan untuk membayar hutang. Pemiutang telah membantu dengan memberikan hutang, sementara yang orang yang berhutang tidak mahu dan selalu menunda pelunasan hutangnya.

Dalam hadith Rasūl Allāh SAW memberikan penjelasan kepada orang yang pada secara asasnya sudah mampu membayar hutang, tetapi tidak mahu membayar hutang dengan keharusan untuk menjatuhkan hukuman dan mungkin mengorbankan kehormatan dirinya. Dengan kata lain, orang yang mampu membayar hutang, tetapi tidak mahu membayarnya, maka ia boleh dijatuhkan hukuman penjara atau hukuman ta'zir. Di samping itu, ia juga boleh dikenali sebagai orang yang menunda hutang atau zalim, yang dapat menghinakan dirinya sendiri.

Di dalam hadith ini terkandung perintah kepada orang yang berhutang untuk melunasinya dengan cara yang baik dan tidak menunda-menunda pelunasan hutangnya,

¹⁰⁴ Ibid.

di samping perintah kepada orang yang memberi hutang kepada orang yang kaya. Menurut hadith ini juga, jika penghutang mengalihkan hutangnya kepada orang kaya, maka hendaklah orang yang memberi hutang menerima pengalihan tersebut.¹⁰⁵

Para ulama menjelaskan bahawa perkataan *al-mali'* dengan orang yang tidak memiliki tiga sifat, iaitu:

- i. Mampu melunasi hutang, yang bererti bukan orang miskin.
- ii. Orang yang diyakini berpegang pada janjinya dan bukan orang yang suka menunda-menunda pelunasan hutang.
- iii. Dapat didatangkan ke pengadilan, bukan orang yang menerima pengalihan hutang, sehingga hakim tidak dapat bertindak ke atas dirinya.¹⁰⁶

Berbeza halnya dengan orang yang tidak mampu membayar hutang, di dalam al-Qur'an, ada penjelasan yang cukup jelas yang menganjurkan agar pemiutang memberikan penangguhan masa kepada penghutang dalam ayat berikut:

وإن كان ذو عسرة فنظرة إلى ميسرة وأن تصدقوا خير لكم إن كنتم تعلمون

Terjemahan:

“Dan jika (orang berhutang itu) dalam kesukaran, maka berilah tangguh sampai dia berkelapangan. Dan menyedekahkan (sebahagian atas semua hutang) itu, lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui.”

Sūrah al-Baqarah, (2):280

¹⁰⁵ Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Māwardī al-Baṣrī, *al-Ḥāwī al-Kabīr*, Taḥqīq Shaykh ‘Alī Muḥammad Mu’awwid & ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 6:418.

¹⁰⁶ Badr al-Dīn Abī Muḥammad bin Maḥmūd al-‘Aynī, *Umdah al-Qārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, T ‘Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 12:155.

Dalam ayat di atas, ada anjuran untuk memberikan kelonggaran kepada yang belum mampu membayar hutangnya, sampai batas ada kemampuannya untuk membayar. Bahkan di penghujung ayat, khusus orang yang kesulitan untuk membayar hutang kerana memang tidak ada dana untuk mengembalikannya, Allah menganjurkan kepada pemiutang agar membebaskan penghutang dari hutangnya atau memberikan sedekah atas hutangnya tersebut.

Dalam ayat dan hadith yang mengatur tentang keharusan bagi umat Islam untuk saling membantu antara satu sama lain, ia dapat diringkaskan kepada berikut:

- i. Dengan menyuntik semangat kepada orang mahu meringankan beban atau membantu kesulitan orang lain, pasti ia akan mendapatkan bantuan dan pertolongan dari Allah SWT, baik dalam menjalani kehidupan di dunia dan akhirat kelak.
- ii. Penghutang dianjurkan untuk membayar hutang atau pinjaman dengan yang lebih baik dan itu akan baik bagi dirinya.
- iv. Adanya ancaman bagi penghutang sebagai pelaku kezaliman. Ertinya seseorang itu boleh dikatakan zalim apabila ia menangguhkan pelunasan hutangnya tanpa ada sebab yang munasabah. Malah menunda-nunda atau lewat-lewatkan bayaran hutang daripada tempoh yang sepatutnya juga dianggap sebagai satu kezaliman. Di samping itu, tindakannya sama saja dengan menzalimi diri sendiri kesempatan untuk mendapatkan bantuan selanjutnya.¹⁰⁷

¹⁰⁷ Faḍl al-Rahīm bin Muḥammad ‘Uthmān, *Aḥkām al-‘Iṣār al-Mālī fī al-Fiqh al-Islāmī*, (Riyāḍ: Dār Kunūz Ishbīliyyā li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2010),

6. Hadith 6

أَخْبَرَنِي مُحَمَّدُ بْنُ آدَمَ، قَالَ: حَدَّثَنَا ابْنُ الْمُبَارَكِ، عَنْ وَبْرِ بْنِ أَبِي دُيْلَةَ، عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ مَيْمُونٍ، عَنْ عَمْرِو بْنِ الشَّرِيدِ، عَنْ أَبِيهِ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لِيُكْفَى الْوَاجِدِ يُجْلُ عِرْضُهُ وَعُقُوبَتُهُ»

a) Terjemahan

Dari Abū Hurayrah r.a bahawa Rasūl Allāh bersabda, “*Penundaan oleh orang yang mampu membayar hutang, menghalalkan dia dipermalukan dan dihukum.*”

b) Takhrij Hadith 6

1. Imām al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, Kitāb al-Buyū‘, Bāb Maṭl al-Ghanī. Hukum: Sahih.¹⁰⁸
2. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Ṣaqadāt, Bāb al-Ḥabs fi al-Dayn wa al-Mulāzamah. Hukum: Hasan.¹⁰⁹
3. Imām Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Aqdiyyah, Bāb al-Ḥabs fi al-Dayn wa Ghayrih. Hukum: Hasan.¹¹⁰
4. Imām al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, Kitāb al-Buyū‘, Bāb Maṭl al-Ghanī. Hukum: Sahih.¹¹¹

Perbincangan Hadith

Hadith di atas menyentuh tentang penundaan pembayaran hutang oleh orang yang mampu menghalalkan kehormatan dan hukumannya kepadanya. Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī menyebut bahawa hadith ini menunjukkan keharusan untuk mendesak penghutang yang

¹⁰⁸ al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, no. hadith 4689, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 7:316.

¹⁰⁹ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 2427, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 2:811.

¹¹⁰ Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, no. hadith 3628, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 3:313.

¹¹¹ al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, no. hadith 4688, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 7:316.

sentiasa menunda-nunda pembayaran hutangnya agar segera membayarnya dan dizinkan untuk mengambil haknya secara paksa.¹¹² Atas dasar itulah, antara cara menanganinya ialah dengan melaporkan kepada pihak berwajib akan sikap orang tersebut.

Perkataan *Layyu* (لأى) dalam hadith di atas bermaksud menanggung-nanggungkan pembayaran hutang. Manakala perkataan *al-Wājid* pula adalah orang yang mampu membayar hutang.¹¹³ Hadith ini dijadikan hujah bahawa adanya hukum syarak kepada penghutang yang mampu menjelaskan hutangnya namun ia mengabaikan hak tersebut. Antara hukuman yang disebutkan dalam hadith ini ialah celaan dan juga melibatkan penahanan.¹¹⁴ Imam empat mazhab sepakat menyatakan bahawa hukuman ta'zir boleh dikenakan kepada penghutang yang menzalimi pemiutang. Hukuman ini boleh dilaksanakan mengikut pemerintah sesebuah negara. Hukuman tersebut sama ada hukuman penjara, rotan atau lain-lain hukuman yang sesuai supaya dapat ia dapat memberi pengajaran kepada penghutang agar membayar balik hutang kepada pemiutang.¹¹⁵ Hukuman ini untuk penghutang yang mampu. Ada juga pengecualian kepada penghutang yang tidak mampu kerana dalam hadith di atas perkataan *al-Wājid* hanya dikhususkan kepada orang yang mampu menjelaskan hutang. Oleh itu, hukum ini tidak terpakai kepada orang yang berada dalam kesulitan.¹¹⁶

¹¹² Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allāh bin Bāz, (Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, t.t.), 4:465; Badr al-Dīn Abī Muḥammad bin Maḥmūd al-‘Aynī, *‘Umdah al-Qārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, taḥqīq ‘Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 12:155.

¹¹³ Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allāh bin Bāz, (Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, t.t.), 6:79.

¹¹⁴ Rā’id Ṣabrī (ed.) *Shuruh Sunan Ibn Mājah*, Taḥqīq Rā’id Ṣabrī, (Jordan: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, 2007), no. hadith 2827 & 2428, 2:930-931.

¹¹⁵ ‘Abd Allāh Lām Ibrāhīm, *Aḥkām al-Aghniyā’*, (Jordan: Dār al-Nafā’is, 2003), 272.

¹¹⁶ Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allāh bin Bāz, (Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, t.t.), 6:79

Dalam menjelaskan maksud frasa hadith “menghalalkan kehormatannya”, Shaykh Muḥammad Ṣāliḥ ibn al-‘Uthaymīn menjelaskannya sebagaimana berikut:

- i. Boleh bagi pemilik hak menyifati orang tersebut zalim lantaran beliau menunda haknya.
- ii. Boleh melaporkannya kepada pihak yang berwajib dan
- iii. Boleh menghadihkannya di tengah-tengah manusia apabila ada maslahahnya.

Maslahah itu kemungkinan merupakan masalah pemilik hak, iaitu apabila penghutang bersegera membayar hutangnya kerana risau kelemahan diketahui orang ramai; atau masalah orang lain agar berhati-hati dalam bermuamalah dengan orang tersebut (sebagai peringatan).

Frasa hadith (يُعْلِظُ لِلْقَادِرِ عَلَى الْوَفَاءِ) juga membawa maksud (يُجِلُّ عِرْضَهُ) seorang yang berkemampuan untuk melunaskan hutangnya dengan kata-kata seperti kata-kata si penghutang “Wahai orang yang zalim.”¹¹⁷

Ibn ‘Abd al-Barr menyatakan bahawa Allah SWT tidak suka kepada orang yang sentiasa mengeluarkan kata-kata keji dan sebagainya. Ini selaras firman Allah

لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوِّءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظَلَمَ

¹¹⁷ Muḥammad Ḥasan Abū Yaḥyā, *al-Istidānah fī al-Fiqh al-Islāmī*, (‘Ammān: Maktabah al-Risālah al-Ḥadīthiyah, 1990), 301.

Terjemahan:

“Allah tidak menyukai terang-terangan dalam hal ucapan yang buruk kecuali orang yang dizalimi.”

Surah al-Nisā', (4):148

3.3.3 Hadith Keadaan Hutang Tertunda Kerana Menyegerakan Janji

7. Hadith 7

حَدَّثَنَا مُعَاذُ بْنُ أَسَدٍ، حَدَّثَنَا النَّضْرُ بْنُ شُمَيْلٍ، أَخْبَرَنَا هِرْمَسُ بْنُ حَبِيبٍ، رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ
الْبَادِيَةِ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ، قَالَ: أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِعَرِيمٍ لِي، فَقَالَ لِي:
«الزَّمُّهُ»، ثُمَّ قَالَ لِي: «يَا أَخَا بَنِي تَمِيمٍ مَا تُرِيدُ أَنْ تَفْعَلَ بِأَسِيرِكَ؟»

a) Terjemahan

Dari Abū Hurayrah r.a bahawa Rasūl Allāh bersabda, “Lazimilah. Kemudian ia berkata kepadaku, Wahai saudara Bani Tamīm apakah yang kamu lakukan dengan tawanan kamu?”

b) Takhrij Hadith 7

1. Imām Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Aqdiyyah, Bāb al-Ḥabs fi al-Dayn wa Ghayrih. Hukum: Ḍa‘īf.¹¹⁸
2. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Ṣaqadāt, Bāb al-Ḥabs fi al-Dayn wa al-Mulāzamah. Hukum: Hasan.¹¹⁹

Perbincangan Hadith

Imam Abu Dāwūd meletakkan empat hadith di bawah tajuk Bāb al-Ḥabs fi al-Dayn wa Ghayrih. Hadith ini adalah hadith kedua di bawah tajuk ini selepas hadith pertama di

¹¹⁸ Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, no. hadith 3629, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 3:313.

¹¹⁹ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 2428, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 2:811.

atas. Imām Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Aqḍiyah, Bāb al-Ḥabs fi al-Dayn wa Ghayrih. Hukum: Hasan.¹²⁰

Hadith di atas menjelaskan bahawa orang yang tidak mahu membayar hutang boleh ditahan kerana ia dibenarkan oleh hukum syarak.¹²¹ Seseorang yang berkemampuan tetapi tidak mahu menjelaskan hutangnya adalah dikira melakukan berdosa besar. Para ulama menjelaskan ia boleh membawa kesan buruk kepada dirinya. Antara kesan tersebut sebagaimana berikut:

- i. Hidupnya akan ditimpa kehinaan dan hilang maruahnyanya. Hal ini telahpun dinyatakan dalam hadith di atas.
- ii. Hidup mereka tidak akan mendapat keredaan dan keberakatan dari Allah SWT.
- iii. Perbuatan mereka itu yakni tidak mahu membayar hutang, dikira sebagai satu perbuatan zalim.
- iv. Amal ibadah mereka tidak akan diterima oleh Allah SWT.

3.3.4 Hadith Kecharusan Pemindahan Hutang

8. Hadith 8

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ، حَدَّثَنَا زُهَيْرٌ، حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ، قَالَ: أَخْبَرَنِي أَبُو بَكْرِ بْنُ مُحَمَّدِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ حَزْمٍ، أَنَّ عُمَرَ بْنَ عَبْدِ الْعَزِيزِ، أَخْبَرَهُ أَنَّ أَبَا بَكْرٍ بْنَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ الْحَارِثِ بْنِ هِشَامٍ أَخْبَرَهُ أَنَّهُ، سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، يَقُولُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى

¹²⁰ Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, no. hadith 3628, 3:313.

¹²¹ Rā'id Ṣabrī (ed.) *Shuruh Sunan Ibn Mājah*, taḥqīq Rā'id Ṣabrī, (Jordan: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, 2007), no hadith 2827& 2428, 2:930-931.

اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - أَوْ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - يُقُولُ: «مَنْ أَدْرَكَ مَالَهُ بِعَيْنِهِ عِنْدَ رَجُلٍ - أَوْ إِنْسَانٍ - قَدْ أَفْلَسَ فَهُوَ أَحَقُّ بِهِ مِنْ غَيْرِهِ»

a) Terjemahan

Dari Abū Hurayrah r.a bahawa Rasūl Allāh bersabda, “Sesiapa yang mendapati hartanya pada seorang lelaki atau seorang manusia, sesungguhnya ia telah muflis maka ia lebih berhak (untuk mendapatkan harta itu) daripada orang lain.”

b) Takhrij Hadith 8

1. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Istiqrāḍ, Bāb Idhā wajada mālahu ‘ind muflis fi al-bay’.¹²²
2. Imām Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Musāqāt, Bāb Man adraka ma bā’ahu ‘ind al-mushtarī wa qad aflasa, falahu al-rujū’ fīh.¹²³
3. Imām Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Buyū’, wa al-Ijarāt, Bab fi al-Rajul yuflisu fayajidu al-rajul matā’ahu bi ‘aynihi ‘indah. Hukum: Sahih.¹²⁴
4. Imām al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Buyū’, Bāb Idhā aflasa al-Rajul fa yuflisu. Hukum: Sahih.¹²⁵
5. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Aḥkam, Bāb man wajada matā’ahu bi ‘aynihi ‘ind rajul aflasa. Hukum: Sahih.¹²⁶

9. Hadith 9

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ، حَدَّثَنَا لَيْثٌ، عَنْ بُكَيْرٍ، عَنْ عِيَاضِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، قَالَ: أُصِيبَ رَجُلٌ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي ثَمَارٍ ابْتَاعَهَا، فَكَثُرَ دَيْنُهُ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «تَصَدَّقُوا عَلَيْهِ»، فَتَصَدَّقَ النَّاسُ

¹²² al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 2402, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafīyyah, 1403H), 3:118.

¹²³ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith 1559, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1991), 3:1193.

¹²⁴ Abū Dawūd, *Sunan Abī Dāwūd*, no. hadith 3519, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 3:286.

¹²⁵ al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, no. hadith 1262, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 3:554

¹²⁶ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 2358, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 2:790.

عَلَيْهِ، فَلَمْ يَبْلُغْ ذَلِكَ وَفَاءَ دِينِهِ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِعُرَمَائِهِ: «خُذُوا
مَا وَجَدْتُمْ، وَلَيْسَ لَكُمْ إِلَّا ذَلِكَ» ،

a) Terjemahan

Dari Abū Hurayrah r.a bahawa Rasūl Allāh bersabda, “Ambillah apa yang kamu perolehi, dan tiada bagimu melainkan yang tersebut itu.”

b) Takhrij Hadith 9

1. Imām Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Musāqāt, Bāb Istihbāb al-Waḍ‘ min al-Dayn.¹²⁷
2. Imām Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Buyū‘ wa al-Ijarāt, Bāb fi al-Waḍ‘ al-Jā’iḥah. Hukum: Sahih.¹²⁸
3. Imām al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Zakāh, Bāb man taḥillu lahu al-sadaqah min al-ghārimin wa naḥwihim. Hukum: Sahih.¹²⁹
4. Imām al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, Kitāb al-Buyū‘, Bāb Waḍ‘ al-Jawā’ih. Hukum: Sahih.¹³⁰
5. Imām al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, Kitāb al-Buyū‘, Bāb al-Rajul yatbā‘ al-bay‘ fayufliṣu wa yūjadu al-matā‘ bi ‘aynihi. Hukum: Sahih.¹³¹
6. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Aḥkām, Bāb Taflīs al-Mu‘dam wa al-bay‘‘alayhi li ghurāma’ihi. Hukum: Sahih.¹³²

¹²⁷ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith 1556, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1991), 3:1193.

¹²⁸ Abū Dawūd, *Sunan Abī Dāwūd*, no. hadith 3469, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 3:624.

¹²⁹ al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, no. hadith 655, Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 165.

¹³⁰ al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, no. hadith 4527, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 692.

¹³¹ al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, no. hadith 4676, 4677 & 4678, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 712-713.

¹³² Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 2356, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 2,: 789.

Perbincangan Hadith

Hadith-hadith di atas menyebut mengenai perihal muflis atau bankrap. Orang yang muflis atau secara istilahnya disebutkan sebagai orang tidak mampu membayar hutang; bankrap, memufliskan menyebabkan atau menjadikan muflis, kemuflisan perihal atau keadaan muflis; kebankrapan.

Perbincangan mengenai muflis ini juga dapat difahami dengan dua makna, iaitu makna yang bersifat ukhrawi dan makna yang bersifat duniawi. Dalam konteks makna yang bersifat ukhrawi, terdapat hadith Nabi SAW yang menyebut:

أَتَدْرُونَ مَنْ الْمُفْلِسُ قَالُوا الْمُفْلِسُ فِينَا مَنْ لَا دِرْهَمَ لَهُ وَلَا مَتَاعَ فَقَالَ إِنَّ الْمُفْلِسَ مِنْ أُمَّتِي مَنْ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِصَلَاةٍ وَصِيَامٍ وَزَكَاةٍ وَيَأْتِي قَدْ شَتَمَ هَذَا وَقَدَفَ هَذَا وَأَكَلَ مَالَ هَذَا وَسَفَكَ دَمَ هَذَا وَضَرَبَ هَذَا فَيُعْطَى هَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ وَهَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ فَإِنْ فَنِيَتْ حَسَنَاتُهُ قَبْلَ أَنْ يُقْضَى مَا عَلَيْهِ أُخِذَ مِنْ خَطَايَاهُمْ فَطُرِحَتْ عَلَيْهِ ثُمَّ طُرِحَ فِي النَّارِ

Terjemahan:

“Adakah kamu tahu siapa orang muflis itu?” Para sahabat menjawab, “Muflis itu adalah orang yang tidak mempunyai dirham mahupun harta benda.” Tetapi Nabi SAW menjelaskan: “Muflis dari umatku itu ialah orang yang datang pada hari Kiamat nanti dengan membawa (pahala) solat, puasa dan zakat, namun (ketika di dunia) dahulu, dia telah mencaci dan (salah) menuduh orang lain memakan harta, menumpahkan darah dan memukul orang lain (tanpa hak), maka orang itu akan diberi pahala daripada kebaikan-kebaikannya. Jika telah habis kebaikan-kebaikannya, maka dosa-dosa mereka akan ditimpakan kepadanya, kemudian dia akan dicampakkan ke dalam neraka.”¹³³

Adapun dengan makna yang kedua yang banyak dibincangkan oleh para fuqaha’ iaitu orang yang jumlah hutangnya melebihi jumlah harta yang dimilikinya. Ibn Hajar

¹³³ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah wa al-Ādāb, Bāb Taḥrīm al-Zulm, no. hadith 2581, (Kaheerah: Dār al-Ḥadīth, 1991), 4:1997.

al-‘Asqalānī menjelaskan bahawa orang muflis ini memiliki fulūs (wang yang dibuat daripada selain emas dan perak) yang nilainya sama dengan $\frac{1}{4}$ dirham. Ini menunjukkan bahawa dia hanya memiliki sedikit harta iaitu fulūs. Ada juga pandangan yang menyebut penamaan fulūs kerana pemiliknya iaitu orang muflis dilarang membelanjakan hartanya kecuali yang nilainya sedikit seperti fulūs, kerana orang Arab tidak biasa menggunakan istilah fulūs kecuali untuk memberi barangan yang nilainya rendah. Atas dasar inilah juga maka huruf hamzah pada kata kerja *aflasa* (فلس) adalah untuk menafikan (tidak memiliki fulūs).¹³⁴

Makna yang kedua inilah yang dimaksudkan oleh para sahabat Nabi SAW dalam hadith di atas ketika ditanya tentang hakikat muflis. Respons mereka adalah berdasarkan realiti kehidupan di dunia sedangkan Nabi SAW ingin mengkhabarkan kepada mereka bahawa orang yang muflis di akhirat itu lebih parah keadaannya berbanding dengan muflis di dunia.

Dalam hal ini, berdasarkan kepada hadith Nabi SAW di atas ia dapat dijadikan dalil bahawa diharuskan bagi pihak pemiutang mengambil haknya atau hutangnya daripada penghutang yang muflis.

Perbincangan dalam kalangan ulama klasik terhadap sabda Nabi SAW (مَنْ أَدْرَكَ)

(مَالُهُ بَعَيْنِهِ عِنْدَ رَجُلٍ) bahawa ai dapat dijadikan dalil bahawa syarat seseorang diyatakan

lebih berhak untuk mengambil harta di penghutang yang muflis adalah bahawa harta itu didapati dalam keadaan yang masih baik, belum berubah dan belum diganti (misalnya

¹³⁴ Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allāh bin Bāz, (Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyah, t.t.), 5:423

jika berkurang) atau salah satu sifatnya, maka harta itu dapat dibahagi rata di antara para pemiutang.¹³⁵ Sehubungan dengan itu, menurut riwayat Mālik dari Ibn Shihāb dari Abū Bakr bin ‘Abd al-Raḥmān bin al-Ḥārith melalui jalur mursal disebutkan bahawa, *“Sesiapa yang menjual sesuatu barang dan orang yang membelinya mengalami kebangkrapan serta penjual belum menerima pembayarannya, lalu dia mendapatkannya barang itu masih elok, maka dia lebih berhak terhadapnya.”*¹³⁶

Secara implisitnya, apabila penjual telah menerima sebahagian pembayaran, maka barang itu dibahagi sama rata di antara para pemiutang yang lain. Sementara itu, Imam al-Shāfi‘ī mengemukakan pendapat yang dianggap paling kuat dalam mazhabnya iaitu tiada perbezaan apakah barang itu telah berubah atau belum, tidak pula antara diterimanya sebahagian harga atau belum diterima sama sekali.

Sementara untuk menentukan siapakah yang lebih berhak mengambil harta penghutang yang muflis itu, sama ada warisnya atau pemiutang, majoriti ulama menyebut bahawa pemiutang itu lebih berhak berbanding dengan waris penghutang. Namun ulama mazhab Hanafi berbeza pandangan dengan pendapat jumhur. Bagi mereka, setelah berlakunya transaksi jual beli, barang tersebut menjadi milik pembeli. Oleh kerana itu, pemberian hak kepada penjual untuk mengambil semula barang itu membatalkan hak pemilikan pihak pembeli.¹³⁷

Dalam konteks penahanan harta (al-ḥajr) orang yang muflis pula, berdebat beberapa sekatan yang digariskan oleh para ulama:

¹³⁵ Ibid.

¹³⁶ Ibid.

¹³⁷ Ibid.

- i. Tidak boleh menetapkan penahanan (al-ḥajr) itu kepada orang muflis kecuali apabila jumlah hutangnya betul-betul melebihi jumlah harta yang dimilikinya. Jika hartanya setara dengan jumlah hutangnya, atau lebih banyak dari jumlah hutangnya, juag tidak boleh dilakukan penahanan (al-ḥajr) terhadapnya.
- ii. Tidak boleh menetapkan al-ḥajr kepada orang yang muflis kecuali atas permintaan pemilik harta atau pemiutang. Jika wujud perselisihan dalam perkara tuntutan al-ḥajr ini, boleh dilakukan al-ḥajr terhadap orang yang muflis atas dasar kehendak pihak yang menuntutnya yakni pemiutang dengan syarat jumlah harta mereka hutangkan kepada orang muflis itu lebih banyak daripada jumlah harta si muflis itu.
- iii. Apabila pihak mahkamah menjatuhkan al-ḥajr kepada si muflis, maka hak para pemilik harta (pemiutang) berubah daripada terikat dengan tanggungan muflis kepada terikat secara langsung dengan hartanya. Ia seumpama sesuatu yang dijadikan jaminan. Oleh itu, ia menjadi hak orang yang menerima jaminan. Oleh yang demikian, syariat memberi hak penguasaan kepada pemilik harta (pemiutang) terhadap harta si muflis demi menunaikan hak mereka.
- iv. Pihak mahkamah atau hakim disarankan untuk menyiarkan keputusan al-ḥajr tersebut terhadap si muflis agar masyarakat mengetahuinya dan tidak melakukan transaksi atau bermuamalah dengan si muflis secara bebas.
- v. Pihak mahkamah juga dibenarkan atau diharuskan untuk menjual harta benda milik orang yang muflis tersebut,, dan hasil jualannya diberikan kepada pemilik harta (pemiutang) berdasarkan jumlah yang mereka

pinjamkan kepada si muflis. Untuk itu, dianjurkan agar bersegera melakukannya demi kemaslahatan kedua belah pihak.

- vi. Jika harta benda milik orang yang muflis itu telah dibahagikan kepada para pemiutang sesuai dengan jumlah hutang masing-masing, pemilik hak (pemiutang) hendaklah memberi penangguhan kepada si muflis jika masih ada baki hutang mereka yang belum dapat dilunaskan setelah dijual harta benda milik si muflis tersebut. Ini selari dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 280 yang memberikan penangguhan kepada orang yang berada dalam kesempitan.

10. Hadith 10

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ قَالَ: حَدَّثَنَا أَبُو عَاصِمٍ قَالَ: حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُسْلِمٍ بْنُ هُرْمُزٍ، عَنْ سَلَمَةَ الْمَكِّيِّ، عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، «أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، خَلَعَ مُعَاذَ بْنَ جَبَلٍ مِنْ غُرْمَائِهِ، ثُمَّ اسْتَعْمَلَهُ عَلَى الْيَمَنِ» فَقَالَ مُعَاذٌ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَحْلَصَنِي بِمَالِي، ثُمَّ اسْتَعْمَلَنِي

a) Terjemahan

Dari Jābir bin ‘Abd Allāh¹³⁸ r.a bahawa Rasūl Allāh melepaskan Mu‘ādh bin Jabal daripada golongan penghutangnya, kemudian melantiknya ke Yaman, lalu Mu‘ādh berkata, Sesungguhnya Rasūl Allāh melepaskan aku dengan hartaku kemudian dia melantik aku.”

b) Takhrij Hadith 10

1. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Aḥkām, Bāb Taflīs al-Mu‘dam wa al-bay‘ ‘alayhi li ghuramā’ihi. Hukum: Ḍa‘īf.¹³⁹

¹³⁸ Jābir bin ‘Abd Allāh bin ‘Amru al-Anṣārī daripada Banī Salamah. Beliau termasuk antara Sahabat yang banyak menghafaz hadith Nabi SAW. Meninggal dunia di Madinah pada tahun 78 Hijrah.

¹³⁹ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 2357, (Riyād: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 2:789. Lihat juga Rā’id Ṣabrī (ed.) *Shuruh Sunan Ibn Mājah*, taḥqīq Rā’id Ṣabrī, (Jordan: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, 2007), no hadith 2827& 2428, 2:907.

Perbincangan Hadith

Hadith di atas dihukumkan *ḍa'īf*. Namun kisah Mu'ādh bin Jabal ini yang dibelenggu hutang perlu dijadikan pengajaran kepada semua pihak. Rasūl Allāh SAW pernah memberikan beliau beberapa doa untuk diamalkan bagi menghindari hutang dan menjelaskan segala hutang. Antaranya ayat 26 dan 27 Surah Āli Imrān yang disarankan untuk beliau amalkan bagi melunaskan segala hutangnya. Firman Allah SWT dalam Surah Āli 'Imrān:

قُلِ اللَّهُمَّ مَالِكَ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ
وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (26) تُؤَلِّجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُؤَلِّجُ
النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ بِعِزِّ
حِسَابٍ (27)

Terjemahan:

“Dan disempurnakan kepada tiap-tiap diri balasan apa yang diusahakannya sedang mereka tidak dizalimi. Katakanlah: ‘Ya Allah, Yang mempunyai kerajaan, Engkau berikan kerajaan kepada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau cabut kerajaan dari orang yang Engkau kehendaki. Engkau muliakan prang yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan orang yang Engkau kehendaki. Di tangan Engkaulah segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu. (QS. 3:26) Engkau masukkan malam ke dalam siang dan Engkau masukkan siang ke dalam malam. Engkau keluarkan yang hidup dari yang mati, dan Engkau keluarkan yang mati dari yang hidup. Dan Engkau beri rezeki siapa yang Engkau kehendaki tanpa hisab (batas).”

Surah Āli 'Imrān, (3):27

Al-Hāfīz Ibn Kathīr menjelaskan bahawa dua ayat ini mengandungi peringatan sekaligus bimbingan daripada Rasūl Allāh SAW kepada umat manusia untuk mensyukuri segala nikmat Allāh SWT dan juga yang telah mengalihkan kenabian daripada Bani Isrā'īl kepada nabi yang berbangsa Arab, bersuku Quraish, yang ummi

yang berasal dari Makkah dan beliau adalah penutup kepada seluruh rasul secara mutlak serta Rasūl Allāh yang diutus kepada seluruh manusia dan jin. Allah SWT telah mengumpulkan pada dirinya (Rasūl Allāh) pelbagai kebaikan dari para rasul yang terdahulu serta memberikan keistimewaan yang tidak diberikan-Nya kepada seorang nabi dan rasul pun berupa pengetahuan mengenai Allah, syariat dan beberapa perkara yang ghaib; sama ada yang telah berlaku ataupun akan berlaku. Selain itu, Allah SWT menyingkapkan kepada beliau (Rasūl Allāh) itu hakikat alam akhirat dan menyebarkannya ke seluruh pelusuk bumi di timur dan barat. Juga memenangkan agama dan syariatnya ke atas semua agama dan ajaran yang lain.¹⁴⁰

3.3.5 Hadith Galakan Membantu Penghutang Yang Menghadapi Kesukaran

11. Hadith 11

حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ يَحْيَى التَّمِيمِيُّ وَأَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَ مُحَمَّدُ بْنُ الْعَلَاءِ الهَمْدَانِيُّ وَاللَّفْظُ لِيَحْيَى قَالَ يَحْيَى أَخْبَرَنَا وَقَالَ الْأَخْرَانِ حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ عَنِ الْأَعْمَشِ عَنْ أَبِي صَالِحٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَغَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ وَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ وَمَنْ بَطَأَ بِهِ عَمَلُهُ لَمْ يُسْرَعِ بِهِ نَسَبُهُ.

a) Terjemahan:

Dari Abū Hurayrah r.a bahawa Rasūl Allāh bersabda, “Sesiapa yang melepaskan satu kesusahan seorang mukmin, pasti Allah akan melepaskan darinya satu kesusahan pada hari kiamat. Sesiapa yang

¹⁴⁰ Ibn Kathīr, ‘Imād al-Dīn Abī al-Fidā’ Ismā‘īl bin Kathīr al-Dimshiqī, *Tafsīr al-Qur’ān al-Azīm*, Taḥqīq Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad et.al., (Kaherah: Mu’assasah Qurṭubah, 2000), 3:42.

menjadikan mudah urusan orang lain, pasti Allah akan memudahkannya di dunia dan akhirat. Allah senantiasa menolong hamba-Nya selagi hamba itu suka menolong saudaranya...”

b) Takhrij Hadith 11

1. Imām Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Dhikr wa al-Du‘ā’ wa al-Tawbah wa al-Istighfār, Bāb Faḍl al-Ijtimā‘ ‘alā Tilāwah al-Qur’ān wa ‘alā al-dhikr.¹⁴¹
2. Imām Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Adāb, Bāb fi al-Ma‘ūnah li Muslim. Hukum: Sahih.¹⁴²
3. Imam al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb Mā jā’a fi al-Sitr ‘alā al-Muslim . Hukum: Sahih.¹⁴³
4. Imam al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah, Mā jā’a fi al-Sitr ‘alā al-Muslim . Hukum: Sahih.¹⁴⁴
5. Imam al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-‘Ilm, Bāb Faḍl Ṭalab al-‘Ilm. Hukum: Sahih.¹⁴⁵
6. Imam al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Qirā’āt, Bāb Tiada tajuk Bāb. Hukum: Sahih.¹⁴⁶
7. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Muqaddimah Kitāb. Hukum: Sahih.¹⁴⁷
8. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Ṣadaqāt, Bāb Inzār al-Mu‘sir. Hukum: Sahih.¹⁴⁸

¹⁴¹ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith 2699, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1991), 4:2074.

¹⁴² Abū Dawūd, *Sunan Abī Dāwūd*, no. hadith 4946, (Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), no. hadith 4946, 3:276.

¹⁴³ al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhī*, no. hadith 1425, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 336.

¹⁴⁴ Ibid., no. hadith 1930, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 440.

¹⁴⁵ Ibid., no. hadith 2646, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 596.

¹⁴⁶ Ibid., no. hadith 2945, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 658.

¹⁴⁷ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 225, (Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 57.

¹⁴⁸ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 2417, (Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 412.

Perbincangan Hadith

Hadith di atas diriwayatkan oleh Imām Muslim, Abū Dāwūd, al-Tirmidhī dan Ibn Mājah. Hadith riwayat Muslim ini daripada al-A‘mash daripada Abū Šālih daripada Abū Hurayrah r.a. Tindakan Muslim meriwayatkan hadith ini dikritik oleh ramai ulama hadith yang ḥāfiẓ seperti Abū al-Faḍl al-Harawī dan al-Dāruqutnī kerana hadith ini diriwayatkan oleh Asbāṭ bin Muhammad daripada al-A‘mash, katanya: “*Diceritakan kepada saya daripada Abū Šālih.*”¹⁴⁹

Oleh itu, jelas bahawa al-A‘mash tidak mendengar sendiri hadith ini daripada Abū Šālih. Beliau juga tidak menyebut siapa yang menceritakan kepadanya daripada Abū Šālih. Riwayat ini dipilih oleh al-Tirmidhī dan lain-lain.

Menurut Ibn Rajab al-Ḥanbalī,¹⁵⁰ sebahagian anak murid al-A‘mash telah menambah pada teks hadith berikut:

مَنْ أَقَالَ مُسْلِمًا أَقَالَهُ اللَّهُ عَثْرَتُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Terjemahan:

*Dan sesiapa yang menerima pembatalan jual beli daripada seorang muslim, Allah akan mengampunkan kesalahannya pada hari Kiamat.*¹⁵¹

Penelitian terhadap teks hadith mendapati bahawa hadith riwayat Muslim dan lain-lain di atas mempunyai sekurang-kurangnya empat tema iaitu meringankan kesusahan seseorang muslim, memudahkan orang yang dalam kesempitan, menutup keaiban atau aurat seseorang, dan melalui satu jalan untuk mencari ilmu. Justeru, dalam

¹⁴⁹ Lihat Ibn Rajab al-Ḥanbalī, *Jāmi‘ fī al-‘Ulūm wa al-Ḥikam fī Sharḥ Khamsīn Ḥadīthan min Jawāmi‘ al-Kalim*, taḥqīq Abū ‘Amru ‘Imād Zakī al-Bārūdī, (Kaherah: Maktabah al-Tawfīqiyyah, t.t.), 483.

¹⁵⁰ Ibid.

¹⁵¹ Hadith ini dalam *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Tijārāt, no. hadith 2199.

menjelaskan maksud hadith riwayat Muslim di atas, Ibn Rajab al-Ḥanbalī mengemukakan pelbagai hadith mengenai subtema di atas yang merangkumi meringankan kesusahan seseorang, memudahkan untuk orang yang dalam kesempitan, menutup keaiban muslim, menolong saudara muslim, ilmu jalan ke syurga dan zikir beramai-ramai.¹⁵²

Dalam konteks tema pelunasan hutang ini, iaitu galakan membantu penghutang yang menghadapi kesukaran, maka perbincangan ditumpukan kepada dua aspek yang pertama, iaitu meringankan kesusahan seseorang dan membantu seseorang yang dalam kesempitan tanpa melibatkan aspek-aspek lain dalam hadith di atas. Untuk itu, di sini dikemukakan teks hadith tersebut dalam riwayat Muslim, Abū Dāwūd, al-Tirmidhī dan Ibn Mājah sebagai perbandingan.

Berikut dikemukakan lafaz-lafaz dalam teks hadith tersebut:

Riwayat Muslim:

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَمَنْ
يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Riwayat Abū Dāwūd:

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ -
وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Riwayat al-Tirmidhī:

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ
الْقِيَامَةِ وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ فِي الدُّنْيَا يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

¹⁵² Ibn Rajab al-Ḥanbalī, *Jāmi' fī al-'Ulūm wa al-Ḥikam fī Sharh Khamsīn Ḥadīthan min Jawāmi' al-Kalim*, Taḥqīq Abū 'Amru 'Imād Zakī al-Bārūdī, (Kaherah: Maktabah al-Tawfīqiyyah, t.t.), 483-499.

Riwayat Ibn Mājah:

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ
الْقِيَامَةِ وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللَّهُ
عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Riwayat Ibn Mājah:

مَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Penelitian terhadap lima teks hadith di atas, mendapati wujud beberapa perbezaan perkataan seperti perkataan *mu'min* dan *muslim*. Riwayat Muslim dan al-Tirmidhī menggunakan perkataan *muslim*, manakala riwayat Abū Dāwūd dan Ibn Mājah menggunakan perkataan *mu'min*. Penggunaan kedua perkataan ini dalam riwayat-riwayat di atas membawa maksud yang sama iaitu merujuk kepada seorang muslim. Dalam ilmu hadith, ahli hadith membenarkan riwayat yang sebegini dan ia tidak membawa sebarang masalah terhadap kesahihan teks hadith.

Perbezaan kedua yang dapat dikesan dalam teks hadith di atas ialah antara *taqdīm* dan *ta'khīr* frasa ayat mengenai membantu seseorang yang dalam kesempitan. Tiga riwayat pertama, iaitu Muslim, Abū Dāwūd dan al-Tirmidhī didapati seragam dan berurutan berbanding dengan riwayat Ibn Mājah yang mengemukakan frasa menutup keaiban sebagai frasa kedua dalam hadith dan frasa membantu seseorang yang dalam kesempitan dikemukakan pada frasa ketiga.

Riwayat Ibn Mājah yang kedua pula mengemukakan teks hadith yang ringkas berbanding dengan teks hadith dalam riwayat-riwayat lain. Malah ia dilihat menepati dengan tajuk bab iaitu Bāb Inzār al-Mu'sir.

Dalam membincangkan isi kandungan hadith pula, hadith ini mempunyai pelbagai subtema. Justeru, tema yang umum iaitu membantu seseorang yang dalam kesempitan boleh dihubungkan dengan aspek berhutang kerana ia juga telah disebutkan dalam al-Quran menerusi ayat 280 Sūrah al-Baqarah.

Di samping itu, ada hadith-hadith yang menggalak memberikan hutang dan menerangkan kedudukan dan kelebihanannya. Dalam satu hadith lain, Ibn ‘Umar meriwayatkan hadith daripada Rasūl Allāh SAW. Baginda bersabda,

الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ ، لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ ، وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةِ أَخِيهِ ، كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ ، وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ ، فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ كَرْبَةً مِنْ كَرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا ، سَتَرَهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ .

Terjemahan:

*Seorang muslim adalah saudara orang muslim lainnya. Ia tidak boleh menzaliminya dan tidak boleh membiarkannya diganggu orang lain (bahkan ia wajib menolong dan membelanya). Sesiapa membantu keperluan saudaranya, maka Allāh SWT senantiasa akan menolongnya. Sesiapa melapangkan kesulitan seorang muslim, maka Allāh akan melapangkan baginya dari salah satu kesempitan pada hari Kiamat dan sesiapa menutupi (aib) seorang muslim, maka Allāh menutup (aib)nya pada hari Kiamat.*¹⁵³

Perkataan *kurbah* dalam hadith di atas, bermaksud kesempitan, iaitu suatu tanggungan atau beban yang membawa seseorang itu menderita dan berada dalam kesedihan. *Kurbah* juga dimaksudkan sebagai kesusahan berat yang menyebabkan orang yang ditimpanya berada dalam kesempitan.¹⁵⁴

¹⁵³ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith 2580, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1991), 4:1196.

¹⁵⁴ Ibn Rajab al-Ḥanbalī, *Jāmi‘ fī al-‘Ulūm wa al-Ḥikam fī Sharḥ Khamsīn Ḥadīthan min Jawāmi‘ al-Kalim*, Taḥqīq Abū ‘Amru ‘Imād Zakī al-Bārūdī, (Kaherah: Maktabah al-Tawfīqiyyah, t.t.), 483-499.

Sementara *tanfīs al-kurbah* pula membawa maksud meringankan sebahagian kesusahan itu daripada seseorang mukmin. Perkataan ini diambil daripada *tanfīs al-khināq* iaitu melonggarkan cekikan leher, sehingga yang dicekik dapat mengambil nafas.¹⁵⁵ Justeru, pelaksanaan *al-tanfīs* iaitu meringankan dalam erti kata membantu untuk meringankan beban tersebut daripada seseorang adalah suatu yang dituntut dalam agama. Ganjaran dan balasan kepada orang yang meringankan beban orang lain ialah Allah SWT akan meringankan kesulitannya, dan jika seseorang itu berusaha menghilangkan kesulitan seorang yang lain nescaya Allah SWT akan menghilangkan kesulitannya pula.

Al-Tafrīj pula lebih besar daripada *al-Tanfīs*. Ia bermaksud menghapuskan kesusahan daripada seseorang mukmin lalu dia terlepas daripada kesusahan itu, serta kesedihan dan dukacitanya turut hilang.

Oleh itu, balasan meringankan (kesusahan orang di dunia) ialah diringankan juga (kesusahannya di akhirat). Sementara balasan menghapuskan (kesusahan orang di dunia) ialah dihapuskan (kesusahannya di akhirat). Ini selari dengan hadith yang disebutkan oleh Ibn ‘Umar di atas.

Sementara dua perkara iaitu *al-tanfīs* dan *al-tafrīj* dapat dilihat berdasarkan hadith Ka‘b bin Ujrah daripada Nabi SAW di bawah:

وخرج الطبراني من حديث كعب بن عجرة عن النبي ﷺ قال من نفس عن مؤمن كربة
نفس الله عنه كربة من كرب يوم القيامة ومن ستر على مؤمن عورته ستر الله عورته ومن
فرج عن مؤمن كربة فرج الله عنه كربته.

¹⁵⁵ Ibid.

Terjemahan:

*Sesiapa yang meringankan daripada seorang mukmin satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahannya, Allah akan meringankan daripadanya satu kesusahan daripada kesusahan-kesusahannya pada hari kiamat. Sesiapa yang menutup aurat (perkara yang memalukan) seseorang muslim, Allah akan menutup auratnya. Sesiapa yang melepaskan daripada seseorang mukmin satu kesusahan, Allah akan melepaskan daripadanya akan kesusahannya.*¹⁵⁶

Badr al-‘Aynī menjelaskan bahawa hadith ini menggalakkan kerjasama dan saling tolong menolong sesama umat Islam, baik dan berlemah lembut dalam pergaulan, menutup keaiban saudara seIslam, meninggalkan mencuri dengar perbualan saudara seIslam dan sebagainya.¹⁵⁷

Menyentuh tentang hutang pula, adalah disunatkan apabila seseorang menjelaskan hutangnya kepada pemiutang melakukannya dengan cara yang terbaik. Ini dapat dilihat pada hadith Nabi SAW sebagaimana hadith riwayat al-Bukhārī berikut:

حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ عَنْ يَحْيَى عَنْ سُفْيَانَ قَالَ حَدَّثَنِي سَلَمَةُ بْنُ كُهَيْلٍ عَنْ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلًا أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَقَاضَاهُ بَعِيرًا فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْطُوهُ فَقَالُوا مَا نَجِدُ إِلَّا سِنًّا أَفْضَلَ مِنْ سِنِّهِ فَقَالَ الرَّجُلُ أَوْفَيْتَنِي أَوْفَاكَ اللَّهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْطُوهُ فَإِنَّ مِنْ خِيَارِ النَّاسِ أَحْسَنَهُمْ قَضَاءً.

Terjemahan:

Dari Abū Salamah dari Abū Hurayrah r.a bahawa seorang lelaki datang kepada Nabi SAW menuntut pelunasan hutang dari baginda yang berupa seekor unta. Dia berkata, “Rasūl Allāh SAW bersabda, “*Berikan kepadanya.*” Mereka berkata, “Kami tidak mendapatkan kecuali yang

¹⁵⁶ Al-Tabrānī, Abū al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad bin Ayyūb bin Muṭayr al-Lakhmī al-Yamanī al-Tabrānī, *Mu jam al-Kabīr*, (t.pt.: t.pt., t.t.), 19:158. Lihat juga Badr al-Dīn Abī Muḥammad bin Maḥmūd al-‘Aynī, ‘*Umdah al-Qārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq ‘Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 12:405.

¹⁵⁷ Badr al-Dīn Abī Muḥammad bin Maḥmūd al-‘Aynī, ‘*Umdah al-Qārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Taḥqīq ‘Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 12:406.

lebih tua dari usia (unta yang dihutang).” Lelaki tersebut berkata, “Kamu tunaikan untukku, Allāh akan menunaikan untukmu.” Rasūl Allāh SAW bersabda, “*Berikanlah unta itu kepadanya, sesungguhnya sebaik-baik manusia adalah yang paling baik dalam melunasi hutang.*”¹⁵⁸

Oleh itu, pelbagai bentuk bantuan yang boleh dihulurkan untuk meringankan atau menghilangkan kesulitan orang lain sama ada bantuan dalam bentuk material seperti wang, harta, makanan, pakaian dan sebagainya, atau juga dalam bentuk spiritual seperti kata-kata nasihat, motivasi dan lain-lain. Yang penting adalah setiap muslim itu mesti menyedari akan tanggungjawabnya terhadap muslim lain dan juga terhadap non-muslim.

Oleh yang demikian, terdapat hadith Nabi SAW tentang galakan mempermudah urusan bagi seseorang yang berada dalam kesempitan. Sabda Rasūl Allāh SAW:

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ، حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ، عَنِ الْأَعْمَشِ، عَنْ أَبِي صَالِحٍ، عَنْ أَبِي
مَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ "هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
"فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ".

Terjemahan:

Sesiapa yang memudahkan untuk orang yang kesempitan, Allah akan memudahkan untuknya di dunia dan akhirat.¹⁵⁹

Hadith ini juga menunjukkan bahawa kesempitan boleh berlaku di akhirat. Allah SWT telah menyifatkan hari kiamat sebagai hari yang sukar dan tidak mudah ke atas

¹⁵⁸ al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhari*, no. hadith 2392, 2:173; Ibn Hajar al-Asqalani, *Fathul Baari Penjelasan Kitab Shahih Al Bukhari*, 13:381.

¹⁵⁹ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Ṣadaqāt, Bāb Inzār al-Mu'sir, hukum: Sahih, no. hadith 2417, (Riyād: Maktabah al-Ma'ārif, t.t.), 412.

golongan kafir. Oleh itu, ini menunjukkan bahawa hari kiamat itu mudah ke atas golongan yang bukan kafir.¹⁶⁰ Hal ini selari dengan firman Allah SWT dalam al-Quran, Sūrah al-Furqān, ayat 26.

الْمُلْكُ يَوْمَئِذٍ الْحَقُّ لِلرَّحْمَنِ وَكَانَ يَوْمًا عَلَى الْكَافِرِينَ عَسِيرًا

Terjemahan:

Ia (hari kiamat itu) adalah satu hari yang sukar ke atas orang kafir.

Sūrah al-Furqān (25):26

Dalam konteks hutang pula, memudahkan kepada orang yang kesempitan di dunia daripada sudut harta adalah melalui salah satu daripada dua perkara, iaitu:

- i. Sama ada dengan cara menanggungkannya sehingga ia senang (mampu membayar). Ini wajib sebagaimana firman Allah SWT dalam Sūrah al-Baqarah, ayat 280.
- ii. Adakalanya dengan cara menggugurkan hutang daripadanya jika dia seorang pemiutang. Jika tidak, maka dengan cara memberikannya sesuatu yang dapat menghilangkan kesulitannya.¹⁶¹

Untuk itu, terdapat juga kelebihan yang besar bagi dua perkara di atas iaitu memberikan penanguhan kepada orang yang berada dalam kesusahan dan juga menghapuskan hutangnya. Antaranya direkodkan oleh Imam al-Bukhārī dan Imam Muslim dalam *Ṣaḥīḥ* mereka.

¹⁶⁰ Ibn Rajab al-Ḥanbalī, *Jāmi' fī al-'Ulūm wa al-Ḥikam fī Sharḥ Khamsīn Ḥadīthan min Jawāmi' al-Kalim*, Taḥqīq Abū 'Amru 'Imād Zakī al-Bārūdī, (Kaherah: Maktabah al-Tawfīqiyyah, t.t.), 486.

¹⁶¹ Ibid.

Sabda Rasūl Allāh SAW:

حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ عَمَّارٍ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ حَمَزَةَ حَدَّثَنَا الزُّبَيْدِيُّ عَنْ الزُّهْرِيِّ
عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ كَانَ تَأَجَّرُ يَدَايْنِ النَّاسِ فَإِذَا رَأَى مُعْسِرًا قَالَ لِفَتْيَانِهِ
تَجَاوَرُوا عَنْهُ لَعَلَّ اللَّهَ أَنْ يَتَجَاوَرَ عَنَّا فَتَجَاوَرَ اللَّهُ عَنْهُ

Terjemahan:

Ada seorang peniaga yang memberi hutang kepada orang ramai. Apabila dia melihat orang yang berada dalam kesulitan, dia berkata kepada anak-anaknya, “Biarkanlah dia. Semoga Allah akan mengampunkan kita.” Lalu Allah mengampunkannya.¹⁶²

Begitu juga dalam *al-Shāḥihayn*, diriwayatkan daripada Hudhayfah dan Abū

Mas‘ūd al-Anṣārī bahawa mereka telah mendengar Nabi SAW bersabda:

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ حَدَّثَنَا زُهَيْرٌ حَدَّثَنَا مَنْصُورٌ أَنَّ رِبْعِيَّ بْنَ حِرَاشٍ
حَدَّثَهُ أَنَّ حُدَيْفَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ حَدَّثَهُ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
تَلَقَّتُ الْمَلَائِكَةَ رُوحَ رَجُلٍ مِمَّنْ كَانَ قَبْلَكُمْ قَالُوا أَعْمَلْتَ مِنَ الْخَيْرِ شَيْئًا
قَالَ كُنْتُ أَمْرٌ فِتْيَانِي أَنْ يُنْظَرُوا وَيَتَجَاوَرُوا عَنِ الْمُوسِرِ قَالَ قَالَ فَتَجَاوَرُوا
عَنْهُ. قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ وَقَالَ أَبُو مَالِكٍ عَنْ رِبْعِيٍّ كُنْتُ أُبَيْسِرُ عَلَى الْمُوسِرِ
وَأُنْظِرُ الْمُعْسِرَ وَتَابَعَهُ شُعْبَةُ عَنْ عَبْدِ الْمَلِكِ عَنْ رِبْعِيٍّ وَقَالَ أَبُو عَوَانَةَ عَنْ
عَبْدِ الْمَلِكِ عَنْ رِبْعِيٍّ أَنْظِرُ الْمُوسِرَ وَأَتَجَاوَرُ عَنِ الْمُعْسِرِ وَقَالَ نُعَيْمُ بْنُ
أَبِي هِنْدٍ عَنْ رِبْعِيٍّ فَأَقْبَلُ مِنَ الْمُوسِرِ وَأَتَجَاوَرُ عَنِ الْمُعْسِرِ

Terjemahan:

Seorang lelaki telah meninggal dunia, lalu dia ditanya, “Apakah yang pernah kamu lakukan? Dia menjawab, “Aku berjual beli dengan manusia, lalu aku bertolak ansur dengan orang senang, dan ringankan untuk orang susah.” Dalam satu riwayat, dia berkata, “Aku

¹⁶² al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 2078 dan 3489. Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith 1562.

menanggihkan tempoh untuk orang susah, dan bertolak ansur dalam urusan dinar dan dirham.” Atau dia berkata, “...dalam urusan duit.” Lalu dia diampunkan.¹⁶³

12. Hadith 12

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ بُكَيْرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْأَشَجِّ عَنْ عِيَّاضِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ أُصِيبَ رَجُلٌ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي ثَمَارِ ابْتِاعَهَا فَكَثُرَ دَيْنُهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَصَدَّقُوا عَلَيْهِ فَتَصَدَّقَ النَّاسُ عَلَيْهِ فَلَمْ يَبْلُغْ ذَلِكَ وَفَاءَ دَيْنِهِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِعُرْمَائِهِ خُذُوا مَا وَجَدْتُمْ وَلَيْسَ لَكُمْ إِلَّا ذَلِكَ. يَعْنِي الْعُرْمَاءَ .

a) Terjemahan

Dari Abū Sa‘īd al-Khudri¹⁶⁴ berkata seorang lelaki ditimpa musibah terhadap tanamannya dan banyak menanggung hutang pada zaman Rasūl Allāh SAW, maka Rasūl Allāh SAW bersabda, “*Bersedekahlah kamu kepadanya,*” lalu orang ramai bersedekah kepadanya tetapi (jumlah) tersebut tidak mencukup untuknya melunaskan hutangnya. Maka Rasūl Allāh SAW bersabda kepada para pemiutang, “*Ambillah apa yang kamu dapati (daripada hartanya) dan tiada bagi kamu melainkan yang demikian itu (harta tersebut).*”

b) Takhrij

1. Imām al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Zakāh, Bāb man taḥillu lahu al-sadaqah min al-ghārimin wa naḥwihim. Hukum: Sahih.¹⁶⁵
2. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Ahkam, Bāb Taflīs al-Mu‘dam wa al-Bay‘ ‘alayhi li ghuramā’ih. Hukum: Sahih.¹⁶⁶

¹⁶³ al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhari*, no. hadith 2077, 2391 & 3451. Muslim,, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no hadith 1560.

¹⁶⁴ Nama beliau ialah Sa‘d bin Mālik bin Sinān dinisbahkan kepada al-Khudrah di Yaman. Antara Sahabat yang sentiasa melazimi Nabi SAW dan banyak meriwayatkan hadith daripada Nabi SAW. Dilahirkan pada tahun ke-10 sebelum Hijrah dan meninggal dunia di Madinah pada tahun 74 Hijrah.

¹⁶⁵ al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhī*, no. hadith 655, Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 3:35.

Perbincangan Hadith

Hadith di atas memperlihatkan betapa kita perlu berlemah lembut dengan orang yang berhutang. Malah jika ia mempunyai hutang yang tidak mampu untuk dibayar setelah berlalunya masa, hukum syarak membenarkan agar pihak pemiutang mengambil haknya iaitu sebahagian daripada harta milik penghutang dan menjualnya sebagai tukaran kepada hutangnya kepada pemiutang. Hadith di atas ini telah pun dibincangkan pada tema terdahulu iaitu tema al-ḥawalah pada hadith no. 5 di atas.

13. Hadith 13

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ مَسْعَدَةَ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ شَيْطٍ بْنِ عَجَلَانَ حَدَّثَنَا الْأَخْضَرُ
بْنُ عَجَلَانَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ الْحَنْفِيِّ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَاعَ جِلْسًا وَقَدَحًا وَقَالَ مَنْ يَشْتَرِي هَذَا الْجِلْسَ وَالْقَدَحَ فَقَالَ رَجُلٌ
أَخَذَهُمَا بِدِرْهِمٍ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ يَزِيدُ عَلَي دِرْهِمٍ مِنْ يَزِيدُ
عَلَي دِرْهِمٍ فَأَعْطَاهُ رَجُلٌ دِرْهِمَيْنِ فَبَاعَهُمَا مِنْهُ
قَالَ أَبُو عَيْسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ لَا نَعْرِفُهُ إِلَّا مِنْ حَدِيثِ الْأَخْضَرِ بْنِ
عَجَلَانَ وَعَبْدُ اللَّهِ الْحَنْفِيُّ الَّذِي رَوَى عَنْ أَنَسٍ هُوَ أَبُو بَكْرٍ الْحَنْفِيُّ وَالْعَمَلُ
عَلَى هَذَا عِنْدَ بَعْضِ أَهْلِ الْعِلْمِ لَمْ يَرَوْا بَأْسًا بِبَيْعِ مَنْ يَزِيدُ فِي الْعَنَائِمِ وَالْمَوَارِيثِ
وَقَدْ رَوَى هَذَا الْحَدِيثَ الْمُعْتَمِرُ بْنُ سُلَيْمَانَ وَعَيْرٌ وَاحِدٌ مِنْ كِبَارِ النَّاسِ عَنْ
الْأَخْضَرِ بْنِ عَجَلَانَ

a) Terjemahan

Daripada Anas bin Mālik¹⁶⁷ r.a bahawa menjual selimut dan mangkuk minum dan bersabda, “*Siapa (mahu) membeli selimut pelana dan mangkuk minuman ini?*” Jawab seorang lelaki, “*Aku membeli keduanya dengan satu dirham. Lalu Rasūl Allāh SAW bersabda,*

¹⁶⁶ Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, no. hadith 2356, Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 403.

¹⁶⁷ Anas bin Mālik bin al-Naḍr bin Āmir bin Ghanam bin Ādī dan kunyahnya ialah Abū Ḥamzah al-Najjārī al-Anṣārī. Beliau adalah khadam Rasūl Allāh SAW. Meninggal dunia di Madinah pada tahun 73 Hijrah.

“Siapakah yang boleh memberi lebih daripada satu dirham, Siapakah yang boleh memberi lebih daripada satu dirham?” Seorang lelaki bersetuju untuk memberikan dua dirham dan Rasūl Allāh SAW menjual kedua barangan tersebut kepada lelaki tersebut.

b) Takhrij

1. Imām al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Buyū‘, Bāb mā jā’a fi bay‘ man yazīd. Hukum: Sahih.¹⁶⁸
2. Imām Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Zakāh, Bāb mā tajūz fih al-Mas’alah. Hukum: Sahih.¹⁶⁹
3. Imām al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, Kitāb al-Buyū‘, Bāb bay‘ fīman yazīd. Hukum: Sahih.¹⁷⁰
4. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Tijārāt, Bāb al-bay‘ al-muzāyahadah. Hukum: Ḍa‘īf.¹⁷¹

14. Hadith 14

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَوْفٍ الطَّائِيُّ، حَدَّثَنَا الْفَرَيَابِيُّ، حَدَّثَنَا سُفْيَانُ، عَنْ عِمْرَانَ الْبَارِقِيِّ، عَنْ
لَا تَحِلُّ الصَّدَقَةُ لِغَنِيِّ "رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَطِيَّةً، عَنْ أَبِي سَعِيدٍ، قَالَ قَالَ
إِلَّا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ ابْنِ السَّبِيلِ أَوْ جَارٍ فَقِيرٍ يُتَصَدَّقُ عَلَيْهِ فَيُهْدِي لَكَ أَوْ يَدْعُوكَ " .
قَالَ أَبُو دَاوُدَ وَرَوَاهُ فِرَاسٌ وَابْنُ أَبِي لَيْلَى عَنْ عَطِيَّةَ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ مِثْلَهُ .

a) Terjemahan:

Abū Sa‘īd al-Khudrī berkatanya: Rasūl Allāh SAW bersabda: “Sedekah tidak halal bagi seorang kaya kecuali apa yang datang sebagai hasil daripada jihad atau apa hadiah jiran miskin daripada sedekah yang diberikan kepada, atau dia menghiburkan anda dalam perjamuan.”

¹⁶⁸ al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, no. hadith 1218, Riyād: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 3:35.

¹⁶⁹ Abū Dawūd, *Sunan Abī Dāwūd*, no. hadith 1641, (Riyād: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 2:276.

¹⁷⁰ al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, no. hadith 259, (Riyād: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 1: 192.

¹⁷¹ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 2198, (Riyād: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 2:789.

b) Takhrij:

1. Imām Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Zakah, Bāb mā tajūz fīhi al-Mas’alah. Hukum: Sahih.¹⁷²
4. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Zakāh, Bāb mā tuḥillu lahu ṣadaqah. Hukum: Da‘īf.¹⁷³

Perbincangan Hadith

Dari Jābir bin ‘Abd Allāh r.a., ia berkata, Aku pernah datang ke tempat Nabi SAW, sedang Nabi SAW ada berhutang padaku, kemudian Baginda membayarnya kepadaku dan menambahkan bayarannya itu.¹⁷⁴ Rasūl Allāh SAW telah meminjam seekor haiwan dan membayarnya dengan seekor yang lebih baik dan mahal sambil berkata, “*Sebaik-baik kamu ialah orang yang membayar hutangnya dengan sebaik-baiknya.*”¹⁷⁵

Oleh kerana pemberian pinjaman atau hutang ini dilakukan atas dasar saling tolong menolong, maka Islam mengharamkan pemiutang mengenakan sebarang bayaran tambahan kepada penghutang ke atas jumlah asal hutang. Sekiranya ia dilakukan oleh pemiutang, perbuatan tersebut dikira sebagai satu bentuk penindasan terhadap orang yang dalam kesusahan dan diharamkan oleh Allah SWT. Bagi Islam, segala manfaat yang ada pada hutang akan kembali secara mutlak kepada peminjam atau penghutang sahaja. Walau bagaimanapun, sekiranya penghutang ingin membayar lebih sebagai tanda terima kasih atau hadiah di atas pemberian hutang yang diberikan oleh pemiutang ketika dalam kesusahan ia diharuskan malah digalakkan dalam Islam. Hal ini bertepatan dengan praktis Rasūl Allāh SAW sebagaimana yang dinyatakan dalam hadith. Hadith di

¹⁷² Abū Dawūd, *Sunan Abī Dāwūd*, no. hadith 1637, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 3:276.

¹⁷³ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 1841, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 2:789.

¹⁷⁴ al-Bukharī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 2402, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah, 1403H.), 3:246.

¹⁷⁵ al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhī*, no. hadith 1218, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 4:547.

atas menjelaskan bahawa Rasūl Allāh SAW membayar hutang dengan memberikan tambahan kepada pemiutang sebagai tanda penghargaan dan terima kasih.

Berdasarkan dua hadith di atas, dapatlah difahami bahawa penambahan bayaran dibenarkan bagi orang yang berhutang dengan syarat ia tidak ditetapkan oleh pemiutang. Jika bayaran tambahan tersebut ditetapkan dalam akad, bayaran tersebut dikira riba kerana ia berdasarkan keuntungan. Manakala dalam jual beli pula, ia merupakan pertukaran barang dengan barang atau barang dengan wang bagi tujuan mendapatkan keuntungan.

Rumusan Perbincangan

Hadith-hadith dalam tema *al-wafā' bi al-dayn* (penyempurnaan hutang) ini dapat dirumuskan kepada lima tema sebagaimana dijelaskan pada awal subtema di atas, iaitu bersegera menunaikan hutang, pengharaman penundaan membayar hutang, keadaan hutang tertunda kerana menyegerakan janji, keharusan pemindahan hutang dan galakan membantu penghutang yang menghadapi kesukaran. Hadith-hadith di atas menunjukkan galakan membantu penghutang yang dalam kesusahan dan kesukaran untuk melunaskan hutang. Antara cara yang boleh dilakukan oleh pemiutang adalah menunaikan zakat kepada pihak penghutang atau mengubah hutang tersebut kepada sedekah atau menghapuskan hutang tersebut daripada penghutang. Inilah maksud firman Allah SWT dalam Surah al-Tawbah ayat 60.

Al-Hafiz Ibn Kathīr menjelaskan ketika mentafsirkan ayat di atas bahawa orang yang berhutang (*al-Ghārimūn* dengan lafaz jamak) itu terbahagi kepada beberapa

bahagian, iaitu orang yang menanggung beban (tanggungjawab), orang yang mempunyai hutang dan tidak mampu melunaskannya dan sebagainya.¹⁷⁶

Jika penghutang sengaja menunda pembayaran setelah tempoh matang padahal dia mampu, pihak pemiutang berhak memaparkan namanya di akhbar dan mengenakan tindakan mahkamah ke atasnya. Walau bagaimana pun, dilarang mengenakan hukuman berbentuk harta kepada penghutang tersebut kerana itu ialah riba.¹⁷⁷

Antara fiqh al-hadith daripada lima tema di atas ialah keazaman penghutang untuk melunaskan hutang, pelunasan hutang lebih utama daripada wasiat jika berlaku kematian penghutang, penundaan pelunasan hutang satu kezaliman, dan pemiutang berhak mengambil harta penghutang jika ia gagal melunaskan hutang pada tempoh yang ditetapkan.

Sehubungan itu, intipati daripada fiqh al-hadith inilah dijadikan sebagai kerangka untuk membentuk set soal selidik berkenaan kefahaman dan amalan berhutang.

Dalam konteks hutang hari ini seperti hutang pembiayaan dengan pihak institusi kewangan dan perbankan, bagi menangani isu kemungkiran terhadap bayaran hutang, ada beberapa kaedah yang digunakan. Sebahagian ulama kontemporari hari ini telah mencari satu kaedah yang sesuai untuk menangani masalah kemungkiran ini. Bank Negara Malaysia misalnya, telah memutuskan bahawa pengenaan caj pembayaran lewat oleh institusi kewangan Islam yang merangkumi kedua-dua konsep *gharamah* (denda

¹⁷⁶ Ibn Kathīr, ‘Imād al-Dīn Abī al-Fidā’ Ismā‘īl bin Kathīr al-Dimshiqī, *Tafsīr al-Qur’ān al-Azīm*, Taḥqīq Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad et.al., (Kaherah: Mu’assasah Qurṭubah, 2000), 7:223.

¹⁷⁷ Hafiz Firdaus Abdullah, *Fiqh Harta Satu Pengenalan*, (Johor Bahru: Jahabersa, 2008), 175-176.

atau penalti) dan *ta'wīd* (ganti rugi) adalah dibenarkan. Pengenaan ganti rugi ini juga hendaklah dikenakan ke atas kelewatan pembayaran obligasi kewangan yang terhasil daripada kontrak-kontrak pertukaran dan pihak bank boleh memperoleh pendapatan atas dasar kerugian sebenar yang ditanggung.¹⁷⁸

Dalam isu ini, terdapat dua pandangan ulama kontemporari tentang penggunaan kaedah ini, iaitu golongan yang mengharuskan dan tidak mengharuskan. Antara ulama' yang mengharuskan ialah Mustafa al-Zarqa', Abdullah Mani', Siddiq al-Darir dan Akram Laldin. Walau bagaimanapun, terdapat juga pendapat ulama yang tidak mengharuskan kaedah ganti rugi dan denda seperti Hammad, Rafiq al-Misri, Zakiuddin Syaaban dan 'Ali Qurah Daghi.¹⁷⁹

3.4 Adab Penghutang dan Pemiutang

Subtajuk ini mengemukakan dua tema mengenai *al-dayn* iaitu *al-dā'in* dan *al-madīn*. *Al-dā'in* ialah pemiutang manakala *al-madīn* ialah penghutang. Tema pertama mengenai pemiutang meliputi hadith-hadith bertolak ansur ketika menuntut hutang, memberi tangguh kepada penghutang yang berada dalam kesempitan dan pelupusan sebahagian hutang. Sementara tema kedua mengenai penghutang pula merangkumi hadith-hadith berhutang dengan niat membayarnya, terbaik dalam pelunasan hutang, berdoa kepada pemiutang dan panduan kepada orang yang tidak mampu membayar hutang.

¹⁷⁸ Bank Negara Malaysia, *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*, (Kuala Lumpur: BNM Malaysia 2010).

¹⁷⁹ Norwajia Umi Ismail, Mat Nor Mat Zain & Salmi Edawati Yaacob, Kaedah Penyelesaian Kemungkiran Kontrak (*Default Payment*) dalam Islam: Sorotan Literatur, *Islāmmiyyāt*, (2014), 36(1): 41-48.

3.4.1 Adab Pemiutang

Hadith-hadith adab pemiutang merangkumi perihal bertolak ansur ketika menuntut hutang, memberi tangguh kepada penghutang yang berada dalam kesempitan dan pelupusan sebahagian hutang. Ia dipaparkan dalam jadual berikut:

Jadual 3.2: Nama Kitab, Bab dan Bilangan Hadith *Ādāb al-Dā'in*

Bil.	Kitab Hadith	Kitab	Bab	Bil. Hadith
1	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	al-Buyū'	al-Suhūlah wa al-Samāḥah fī al-Shirā' wa al-Bay'	3
2	<i>Sunan Ibn Mājah</i>	al-Ṣadaqāt	Ḥusn al-Muṭālahah wa Akdh al-Ḥaqq fī 'Afāf	1
3	<i>Sunan Ibn Mājah</i>	al-Ṣadaqāt	Ḥusn al-Muṭālahah wa Akdh al-Ḥaqq fī 'Afāf	1
4	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	al-Buyū'	Man anzara Mūsiran	5
5	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	al-Buyū'	Man anzara Mu'siran	4
6	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	al-Musāqāt	Faḍl Inzār al-Mu'sir	1
7	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	al-Zuhd wa al-Raqā'iq	Ḥadīth Jibrīl al-Ṭawīl wa Qiṣṣah Abi al-Yasar	1
8	<i>Sunan Ibn Mājah</i>	al-Ṣadaqāt	Inzār al-Mu'sir	1
9	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	al-Salāh	Raf' al-Ṣawt bi al-Masjid	8
10	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	al-Sulḥ	Hal yushīru al-Imām bi al-Sulḥ	1
11	<i>Sunan Ibn Mājah</i>	al-Ṣadaqāt	Li Ṣāḥib al-Ḥaqq Sulṭān	1
			JUMLAH HADITH	27

Bertolak Ansur Ketika Menuntut Hutang

1. Hadith 1

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَيَّاشٍ، حَدَّثَنَا أَبُو غَسَّانَ مُحَمَّدُ بْنُ مُطَرِّفٍ، قَالَ: حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ الْمُكَدَّرِ، عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: رَحِمَ اللَّهُ رَجُلًا سَمَحًا إِذَا بَاعَ، وَإِذَا اشْتَرَى، وَإِذَا افْتَضَى.

a) Terjemahan

Dari Jābir bin ‘Abd Allāh r.a bahawa Rasūl Allāh bersabda, “*Allāh merahmati seseorang yang bersikap lapang dada apabila membeli, menjual dan mengutip hutang.*”¹⁸⁰

b) Takhrij Hadith 1

1. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Buyū‘, Bāb al-Suhūlah wa al-Samāḥah fi al-Shirā’ wa al-Bay‘ wa man ṭalaba Ḥaqqan falyuṭlubhu fī ‘Afāf.¹⁸¹
2. Imām al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Buyū‘, Bāb Mā jā’a fi Samḥ al-Bay‘ wa al-Shirā’ wa al-Qadā’. Hukum: Ṣaḥīḥ.¹⁸²
3. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Tijārāt, Bāb al-Samāḥah fī al-Bay‘. Hukum: Ṣaḥīḥ.¹⁸³

2. Hadith 2

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ خَلْفِ الْعَسْقَلَانِيِّ، وَمُحَمَّدُ بْنُ يَحْيَى، قَالَا: حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي مَرْيَمَ قَالَ: حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ أَبِي بَرزَةَ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي جَعْفَرٍ، عَنْ نَافِعٍ، عَنِ ابْنِ عُمَرَ، وَعَائِشَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: مَنْ طَلَبَ حَقًّا فَلْيَطْبُؤْهُ فِي عَفَافٍ وَافٍ، أَوْ غَيْرِ وَافٍ.

¹⁸⁰ Ibn Ḥajar al-Asqalani, *Fathul Bari*, Amiruddin (terj.), (Jakarta: Pustaka Azzam, 2005), 13:62.

¹⁸¹ al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 2076, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah, 1403H), 2:81.

¹⁸² al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, no. hadith 1320, (Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 1:312.

¹⁸³ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 2203, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 379.

a) Terjemahan

Daripada ‘Ā’ishah¹⁸⁴ r.a. berkata bahawa Rasūl Allāh bersabda, “*Sesiapa yang menuntut satu haknya (seperti hutang) maka tuntutanlah dengan cara yang baik tanpa mengira (orang yang berhutang itu) membayar balik atau tidak membayarnya.*”

b) Takhrij Hadith 2

1. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Ṣadaqāt, Bāb Ḥusn al-Muṭālabah wa Akhdh al-Ḥaqq fi ‘Afāf. Hukum: Ṣaḥīḥ.¹⁸⁵

c) Tumpuan Hadith

Menuntut hutang perlu dilakukan dengan cara yang baik.

3. Hadith 3

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُؤَمَّلِ بْنِ الصَّبَّاحِ الْقَيْسِيُّ قَالَ: حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ مِحْبَبِ الْقُرَشِيِّ قَالَ:
حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ السَّائِبِ الطَّائِفِيُّ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ يَامِينَ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِصَاحِبِ الْحَقِّ: «حُذْ حَقَّكَ فِي عَفَافٍ وَافٍ، أَوْ غَيْرِ وَافٍ»

a) Terjemahan

Daripada Abū Hurayrah r.a. berkata bahawa Rasūl Allāh SAW bersabda kepada pemiutang, “*Ambillah hak kamu (seperti hutang) dengan cara yang baik tanpa mengira (orang yang berhutang itu) membayar balik atau tidak membayarnya.*”

b) Takhrij Hadith 3

1. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Ṣadaqāt, Bāb Ḥusn al-Muṭālabah wa Akhdh al-Ḥaqq fi ‘Afāf. Hukum: Ḥasan Ṣaḥīḥ.¹⁸⁶

¹⁸⁴ ‘Ā’ishah binti Abū Bakr adalah puteri Saidina Abū Bakr al-Siqqīq. Rasūl Allāh SAW mengahwininya di Makkah dua tahun sebelum Hijrah. Meninggal dunia di Madinah pada tahun 57 Hijrah.

¹⁸⁵ Ibid., no. hadith 2421, 413.

¹⁸⁶ Ibid., no. hadith 2422, h. 413.

c) Tumpuan Hadith

Menuntut hutang perlu dilakukan dengan cara yang baik.

Memberikan Penangguhan Kepada Orang Yang Dalam Kesempitan

4. Hadith 4

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ، حَدَّثَنَا زُهَيْرٌ، حَدَّثَنَا مَنْصُورٌ، أَنَّ رِبْعِيَّ بْنَ حِرَاشٍ، حَدَّثَهُ أَنَّ
حَدِيثَهُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، حَدَّثَهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " تَلَقَّتِ الْمَلَائِكَةُ
رُوحَ رَجُلٍ مِمَّنْ كَانَ قَبْلَكُمْ، قَالُوا: أَعْمَلْتَ مِنَ الْخَيْرِ شَيْئًا؟ قَالَ: كُنْتُ أَمُرُ فِتْيَانِي أَنْ
يُنْظَرُوا وَيَتَجَاوَرُوا عَنِ الْمَوَسِرِ، قَالَ: قَالَ: فَتَجَاوَرُوا عَنْهُ "، قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ: وَقَالَ أَبُو
مَالِكٍ، عَنْ رِبْعِيٍّ: «كُنْتُ أُيَسِّرُ عَلَى الْمَوَسِرِ، وَأُنْظِرُ الْمُعْسِرَ» ، وَتَابَعَهُ شُعْبَةُ، عَنْ عَبْدِ
الْمَلِكِ، عَنْ رِبْعِيٍّ، وَقَالَ أَبُو عَوَانَةَ: عَنْ عَبْدِ الْمَلِكِ، عَنْ رِبْعِيٍّ: «أُنْظِرُ الْمَوَسِرَ، وَأَتَجَاوَرُ
عَنِ الْمُعْسِرِ» ، وَقَالَ نُعَيْمُ بْنُ أَبِي هِنْدٍ، عَنْ رِبْعِيٍّ: «فَأَقْبَلُ مِنَ الْمَوَسِرِ، وَأَتَجَاوَرُ عَنِ
الْمُعْسِرِ»

a) Terjemahan

Daripada Manşūr bahawa Rib‘ī bin Hirāsh menceritakan bahawa Ḥudhayfah r.a. menceritakan kepadanya bahawa Nabi s.a.w bersabda, “*Para malaikat menyambut roh seorang lelaki dari umat sebelum kamu.*” Mereka bertanya kepadanya, “Apakah kamu melakukan suatu kebaikan?” Orang itu menjawab, “Dahulu, aku memerintahkan para pelayanku untuk memberi tangguh dan memberi kemudahan bagi orang yang berkecukupan.” Kemudian para malaikat itu memberikan kelapangan kepadanya.”

Abū ‘Abd Allāh berkata, Abū Mālīk berkata daripada al-Rib‘ī, “Aku dahulu memberi kemudahan bagi orang yang berkecukupan dan memberi tangguh bagi orang yang kesulitan.” Riwayat ini didukung oleh Shu‘bah dari ‘Abd al-Mālīk dari Rib‘ī. Abū ‘Awānah berkata dari ‘Abd al-Mālīk dari Rib‘ī, “Aku memberi tangguh kepada orang yang berkecukupan dan memberi kemudahan kepada orang yang berada dalam kesulitan.” Diriwayatkan pula olehnya dari Rib‘ī, “Aku menerima dari orang yang berkecukupan dan memberi kemudahan kepada orang yang berada dalam kesulitan.”¹⁸⁷

¹⁸⁷ Ibn Ḥajar al-Asqalani, *Fathul Bari*, Amiruddin (terj.), (Jakarta: Pustaka Azzam, 2005), 13:64-65.

b) Takhrij Hadith 4

1. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Buyū‘, Bāb Man anẓara Mūsiran.¹⁸⁸
2. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Istiqrāḍ wa Adā’ al-Duyūn wa al-Ḥajar wa al-Taflīs, Bāb Ḥusn al-Taḳāḍī.¹⁸⁹
3. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb Aḥādīth al-Anbiyā’, Bāb Mā dhukira ‘an Banī Isrā’īl.¹⁹⁰
4. Imām Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Musāqāt, Bāb Faḍl Inẓār al-Mu‘sir.¹⁹¹
5. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Ṣadaqāt, Bāb Inẓār al-Mu‘sir. Hukum: Ṣaḥīḥ.¹⁹²

c) Tumpuan Hadith

Memberi penangguhan bayaran hutang kepada orang yang dalam kesulitan.¹⁹³

5. Hadith 5

حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ عَمَّارٍ، حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ حَمْرَةَ، حَدَّثَنَا الزُّبَيْدِيُّ، عَنِ الزُّهْرِيِّ، عَنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: "كَانَ تَأَجَّرُ يَدَايْنُ النَّاسِ، فَإِذَا رَأَى مُعْسِرًا قَالَ لِفَتْيَانِهِ: بَتَّجَاوَزُوا عَنْهُ، لَعَلَّ اللَّهَ أَنْ يَتَجَاوَزَ عَنَّا، فَتَجَاوَزَ اللَّهُ عَنْهُ "

¹⁸⁸ al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 2076, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah, 1403H), 2:81.

¹⁸⁹ Ibid., no. hadith 2391, 2:172.

¹⁹⁰ Ibid., no. hadith 3451, 2:491.

¹⁹¹ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith 1560, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1991), 3:1194. Imām Muslim mengemukakan empat buah hadith di bawah Bab ini dengan lafaz yang sedikit berlainan antara hadith-hadith tersebut.

¹⁹² Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 2420, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 413.

¹⁹³ Penulis ada membincangkan tema ini dalam satu kertas kerja yang dibentang dan diterbitkan dalam *Proceedings: The 2nd Annual International Qur’anic Conference 2012*. Lihat Nik Mohd Zaim Ab Rahim, Ishak Hj Suliaman & Munirah Abd Razzak, Kesempitan Hidup Penghutang: Analisis Ayat 280 Surah al-Baqarah, *Proceedings: The 2nd Annual International Qur’anic Conference 2012*, 114-126.

a) Terjemahan

Daripada Abū Hurayrah r.a daripada Nabi SAW bersabda, “Pernah ada seorang pedagang memberi hutang kepada orang ramai. Apabila ia melihat orang yang kesulitan, maka dia berkata, mudah-mudahan Allah memberi kemudahan kepada kita. Maka Allah memberi kemudahan kepadanya.”¹⁹⁴

b) Takhrij Hadith 5

1. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Buyū’, Bāb Man anzara Mu‘siran.¹⁹⁵
2. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb Aḥādīth al-Anbiyā’, Bāb 54.¹⁹⁶
3. Imām Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Musāqāt, Bāb Faḍl Inzār al-Mu‘sir.¹⁹⁷
4. Imām al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, Kitāb al-Buyū’, Bāb Ḥusn al-Mu‘āmalah wa al-Rifq fī al-Muṭālabah. Hukum: Ḥasan Ṣaḥīḥ.¹⁹⁸

c) Tumpuan Hadith

Memberi penangguhan bayaran hutang kepada orang yang kesulitan.

6. Hadith 6

حَدَّثَنَا أَبُو الْهَيْثَمِ حَالِدُ بْنُ خِدَاشِ بْنِ عَجَلَانَ، حَدَّثَنَا حَمَادُ بْنُ زَيْدٍ، عَنْ أَيُّوبَ، عَنْ يَحْيَى بْنِ أَبِي كَثِيرٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي قَتَادَةَ، أَنَّ أَبَا قَتَادَةَ، طَلَبَ غَرِيماً لَهُ، فَتَوَارَى عَنْهُ ثُمَّ وَجَدَهُ، فَقَالَ: إِنِّي مُعْسِرٌ، فَقَالَ: اللَّهُ؟ قَالَ: اللَّهُ؟ قَالَ: فَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَقُولُ: «مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُنَجِّبَهُ اللَّهُ مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، فَلْيُنْفِسْ عَنْ مُعْسِرٍ، أَوْ يَضَعْ عَنْهُ».

¹⁹⁴ Ibn Ḥajar al-Asqalani, *Fathul Bari*, Amiruddin (terj.), (Jakarta: Pustaka Azzam, 2005), 13:69-70.

¹⁹⁵ al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 2078, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah, 1403H), 2:82.

¹⁹⁶ Ibid., no. hadith 3480, 2:500.

¹⁹⁷ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith 1562, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1991), 3:1196.

¹⁹⁸ al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, no. hadith 4694, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 715.

a) Terjemahan

Daripada ‘Abd Allāh bin Abī Qatādah¹⁹⁹ berkata bahawa ayahnya menuntut hutang daripada seorang penghutang lalu penghutang berkata, “Aku berada di dalam kesulitan.” Dia berkata, “Demi Allah?”. Penghutang itu menjawab, “Ya.” Dia berkata, “Aku mendengar Rasūl Allāh SAW bersabda, “*Sesiapa yang ingin diselamatkan oleh Allāh dari kesulitan pada hari kiamat, maka hendaklah ia memberi kelonggaran kepada orang yang berada dalam kesulitan atau menganggap hutangnya telah lupus.*”

b) Takhrij Hadith 6

1. Imām Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Musāqāt, Bāb Faḍl Inzār al-Mu‘sir.²⁰⁰

c) Tumpuan Hadith

Memberi penangguhan bayaran hutang penghutang yang berada di dalam kesulitan.

7. Hadith 7

حَدَّثَنَا هَارُونُ بْنُ مَعْرُوفٍ، وَ مُحَمَّدٌ بْنُ عَبَّادٍ - وَ تَقَارَبَا فِي لَفْظِ الْحَدِيثِ، وَالسِّيَاقُ لَهُارُونَ - قَالَ: حَدَّثَنَا حَاتِمُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ، عَنِ يَعْقُوبَ بْنِ مُحَمَّدٍ أَبِي حَزْرَةَ، عَنِ عَبَادَةَ بْنِ الْوَلِيدِ بْنِ عَبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ، قَالَ: خَرَجْتُ أَنَا وَأَبِي نَطْلُبُ الْعِلْمَ فِي هَذَا الْحَيِّ مِنَ الْأَنْصَارِ، قَبْلَ أَنْ يَهْلِكُوا، فَكَانَ أَوَّلُ مَنْ لَقِينَا أَبَا الْيَسْرِ، صَاحِبَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَمَعَهُ غُلَامٌ لَهُ، مَعَهُ ضِمَامَةٌ مِنْ صُحُفٍ، وَعَلَى أَبِي الْيَسْرِ بُرْدَةٌ وَمَعَاوِرِي، وَعَلَى غُلَامِهِ بُرْدَةٌ وَمَعَاوِرِي، فَقَالَ لَهُ أَبِي: يَا عَمِّ إِنِّي أَرَى فِي وَجْهِكَ سَفْعَةً مِنْ غَضَبٍ، قَالَ: أَجَلْ، كَانَ لِي عَلَى فُلَانِ ابْنِ فُلَانِ الْحُرَامِيِّ مَالٌ، فَأَتَيْتُ أَهْلَهُ، فَسَلَّمْتُ، فَقُلْتُ: تَمَّ هُوَ؟ قَالُوا: لَا، فَخَرَجَ عَلَيَّ ابْنُ لَهْ جَفْرٌ، فَقُلْتُ لَهُ: أَيْنَ أَبُوكَ؟ قَالَ: سَمِعَ صَوْتَكَ فَدَخَلَ أَرِيكَةَ أُمِّي، فَقُلْتُ: اخْرُجْ إِلَيَّ، فَقَدْ عَلِمْتُ أَيْنَ أَنْتَ، فَخَرَجَ، فَقُلْتُ: مَا حَمَلَكَ عَلَى أَنْ اخْتَبَأْتَ مِنِّي؟ قَالَ: أَنَا، وَاللَّهِ أَحَدَيْتُكَ، ثُمَّ لَا أَكْذِبُكَ، حَشِيئْتُ وَاللَّهِ أَنْ أُحَدِّثَكَ

¹⁹⁹ ‘Abd Allāh bin Abī Qatādah adalah anak kepada Abū Qatādah al-Anṣārī, iaitu al-Ḥārith bin Rib‘ī bin Baldamah. Dikatakan namanya al-Nu‘mān bin Rib‘ī. Juga dikatakan namanya al-Nu‘mān bin ‘Umar bin Baldamah. Juga dikatakan namanya ‘Amrū bin Rib‘ī bin Baldamah. Juga dikatakan namanya Baldamah bin Khannās bin Sinān bin ‘Ubayd, penunggang kuda bagi Rasūl Allāh SAW.

²⁰⁰ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith 1563, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1991), 3:1196.

فَأَكْذَبَكَ، وَأَنْ أَعِدَّكَ فَأُخْلِفَكَ، وَكُنْتُ صَاحِبَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَكُنْتُ
 وَاللَّهُ مُعْسِرًا قَالَ: قُلْتُ: اللَّهُ قَالَ: اللَّهُ قُلْتُ: اللَّهُ قَالَ: اللَّهُ قَالَ: اللَّهُ قَالَ: اللَّهُ قَالَ:
 فَأَتَى بِصَحِيْفَتِهِ فَمَحَاَهَا بِيَدِهِ، فَقَالَ: إِنْ وَجَدْتَ قَضَاءً فَأَقْضِنِي، وَإِلَّا، أَنْتَ فِي حِلٍّ،
 فَأَشْهَدُ بِصَرِّ عَيْنِي هَاتَيْنِ - وَوَضَعَ إِصْبَعِيهِ عَلَى عَيْنَيْهِ - وَسَمِعَ أُذُنِي هَاتَيْنِ، وَوَعَاهُ قَلْبِي
 هَذَا - وَأَشَارَ إِلَى مَنَاطِ قَلْبِهِ - رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَقُولُ: «مَنْ أَنْظَرَ
 مُعْسِرًا أَوْ وَضَعَ عَنْهُ، أَظَلَّهُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ»

a) Terjemahan

Sabda Rasūl Allāh SAW, “Sesiapa yang memberi tangguh kepada orang yang dalam kesusahan atau melupakan sebahagian hutangnya, Allah akan menaunginya di bawah bayang-Nya.”

b) Takhrij Hadith 6

1. Imām Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Zuhd wa al-Raqā’iq, Bāb Ḥadīth Jābir al-Ṭawīl wa Qiṣṣah Abī al-Yasar.²⁰¹

c) Tumpuan Hadith

Naungan Allah kepada pemiutang yang memberikan penangguhan bayaran hutang atau pelupusan hutang.

8. Hadith 8

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُنِيرٍ قَالَ: حَدَّثَنَا أَبِي قَالَ: حَدَّثَنَا الْأَعْمَشُ، عَنْ نُفَيْعِ أَبِي دَاوُدَ، عَنْ بُرَيْدَةَ الْأَسْلَمِيِّ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: «مَنْ أَنْظَرَ مُعْسِرًا كَانَ لَهُ بِكُلِّ يَوْمٍ صَدَقَةٌ، وَمَنْ أَنْظَرَهُ بَعْدَ حِلِّهِ كَانَ لَهُ مِثْلُهُ، فِي كُلِّ يَوْمٍ صَدَقَةٌ».

²⁰¹ Ibid., no. hadith 3006, 4:2301-2302.

a) Terjemahan

Daripada Buraydah al-Aslami²⁰² daripada Nabi SAW bersabda, “Sesiapa yang memberi tangguh kepada orang yang dalam kesusahan, baginya setiap hari mendapat (pahala) sedekah; dan sesiapa yang memberi tangguh selepas cukup tempoh bayarannya juga mendapat pahala sedekah setiap hari.”

b) Takhrij Hadith 8

1. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Ṣadaqāt, Bāb Inzār al-Mu‘sir. Hukum: Ṣaḥīḥ.²⁰³

c) Tumpuan Hadith

Ganjaran pahala kepada pemiutang yang memberikan penangguhan bayaran kepada penghutang yang dalam kesusahan.

Perbincangan Hadith

Dalam hadith-hadith di atas dapatlah difahami bahawa Islam menggalakkan pemiutang agar mempermudah urusan pengutipan hutang terhadap penghutang, elok cara pergaulan, meninggalkan kesempitan terhadap penghutang untuk mencapai kebersihan hati. Terdapat beberapa ayat al-Quran yang menyentuh perihal menuntut hutang secara baik terhadap penghutang. Antaranya dalam Surah al-Baqarah ayat 178:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلَى الْحُرُّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ
وَالْأُنثَى بِالْأُنثَى فَمَنْ عُفِيَ لَهُ مِنْ أَخِيهِ شَيْءٌ فَاتَّبِعْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَدَاءٌ إِلَيْهِ
بِإِحْسَانٍ ذَلِكَ تَخْفِيفٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ فَمَنْ اعْتَدَى بَعْدَ ذَلِكَ فَلَهُ عَذَابٌ أَلِيمٌ

²⁰² Nama lengkapnya adalah Buraydah bin Ḥuṣayb bin ‘Abd Allāh bin Ḥārith al-Aslamī al-Madani, seorang sahabat yang dikenali juga dengan nama Abū Sahal. Beliau termasuk sahabat yang pernah tinggal di Madinah kemudian pindah ke Kota Basrah dan ikut dalam perang di kawasan Khurasan. Beliau meninggal dunia pada tahun 63 Hijrah.

²⁰³ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. Hadith 2418, (Riyād: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), h. 412.

Terjemahan:

Sesiapa yang memaafkan terhadap saudaranya.... dan menunaikannya dengan baik

Sūrah al- Baqarah, (2):178

Rasūl Allāh SAW mendoakan rahmat kepada sesiapa yang bertolak ansur dalam menuntut haknya yakni hutang sebagaimana dalam hadith riwayat Jābir bin ‘Abd Allāh.

Begitu juga dengan sikap berlapang dada pihak pemiutang apabila berhadapan dengan kerenah penghutang yang tidak dapat melunaskan hutang pada masa yang ditetapkan. Oleh itu, Islam menganjurkan kepada pihak pemiutang memberikan sedikit kelonggaran masa kepada penghutang untuk melunaskan hutang. Penangguhan ini mestilah disusuli oleh janji komitmen daripada pihak penghutang untuk memanfaatkan ruang masa dan tempoh lanjutan yang diberikan. Pemiutang juga ditegah untuk mengenakan sebarang caj atau denda akibat kelewatan bayaran hutang tersebut. Sekiranya ia mengenakan sebarang bentuk caj, denda, penalti dan sebagainya terhadap hutang tersebut, ia dianggap sebagai riba. Justeru, kefahaman terhadap isu-isu haram dan haram dalam aspek berhutang juga amat perlu diketahui dan diamalkan dalam kalangan masyarakat pengguna hari ini.

Pelupusan Sebahagian Hutang

9. Hadith 9

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ، قَالَ: حَدَّثَنَا ابْنُ وَهْبٍ، قَالَ: أَخْبَرَنِي يُونُسُ بْنُ يَزِيدَ، عَنِ ابْنِ شِهَابٍ، حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ كَعْبِ بْنِ مَالِكٍ، أَنَّ كَعْبَ بْنَ مَالِكٍ، أَخْبَرَهُ أَنَّهُ تَقَاضَى ابْنُ أَبِي حَدْرَدٍ دَيْنًا لَهُ عَلَيْهِ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَسْجِدِ، فَارْتَفَعَتْ أَصْوَاتُهُمَا حَتَّى سَمِعَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ فِي بَيْتِهِ، فَخَرَجَ إِلَيْهِمَا رَسُولُ

اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى كَشَفَ سِجْفَ حُجْرَتِهِ، وَنَادَى كَعْبَ بْنَ مَالِكٍ قَالَ: «يَا كَعْبُ» قَالَ: لَبَيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَأَشَارَ بِيَدِهِ أَنْ ضَعِ الشَّطْرَ مِنْ دَيْنِكَ، قَالَ كَعْبُ: قَدْ فَعَلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «فُتْمَ فَاقْضِهِ»

a) Terjemahan

Daripada ‘Abd Allāh bin Ka‘b bin Mālik bahawa Ka‘b bin Mālik memberitahu kepadanya bahawa dia menagih hutang kepada Ibn ‘Abd Ḥadrad iaitu hutang yang dipinjamkannya kepada Ibn Abī Ḥadrad dan ia berlaku pada zaman Rasūl Allāh SAW di dalam masjid. Suara kedua orang itu terdengar keras sekali sehingga didengar oleh Rasūl Allāh SAW yang ketika itu berada di dalam rumahnya. Rasūl Allāh SAW lalu keluar kepada dua orang tadi sehingga membuka tabir biliknya dan lalu berseru, “Wahai Ka‘b bin Mālik!” Ka‘b berkata, “*Labbayk* (aku patuhi panggilanmu) ya Rasūl Allāh.” Baginda SAW lalu memberi isyarat dengan tangannya yang membawa maksud agar dihapuskan separuh (sebahagian) hutangnya. Ka‘b berkata, “Hal itu aku sudah lakukan wahai Rasūl Allāh.” Rasūl Allāh SAW bersabda (kepada Ibn Abī Ḥadrad), “*Bangunlah dan bayarlah.*”²⁰⁴

b) Takhrij Hadith 9

1. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Ṣalāh, Bāb Raf‘ al-Ṣawt bi al-Masjid.²⁰⁵
2. Imām Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Musāqāt, Bāb Istihbāb al-Waḍ‘ min al-Dayn.²⁰⁶
3. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Ṣalāh, Bāb al-Taqāḍī wa al-Mulāzamah bi al-Masjid.²⁰⁷
4. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Khuṣūmāt, Bāb Kalām al-Khuṣūm ba‘ḍuhum bi ba‘ḍ.²⁰⁸
5. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Ṣulḥ, Bāb al-Ṣulḥ bi al-dayn wa al-‘ayn.²⁰⁹

²⁰⁴ Imam Bukhary, *Terjemahan Hadis Shahih Bukhary*, c. 4, (Kuala Lumpur: Victoria Agancie, 2009), 2:23.

²⁰⁵ al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 471, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafīyyah, 1403H.), 1:168.

²⁰⁶ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith 1558, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1991), 4:1192.

²⁰⁷ al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 457, 1:164.

²⁰⁸ Ibid., no. hadith 2418, 2:181.

6. Imām Abū Dāwūd, *Sunan Abū Dāwūd*, Kitāb al-Qadā', Bāb fi al-Ṣulh. Hukum: Ṣaḥīḥ.²¹⁰
7. Imām al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, Kitāb Adāb al-Quḍā', Bāb Ḥukm al-Ḥākim fi Dārih. Hukum: Ḥasan Ṣaḥīḥ.²¹¹
8. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Ṣadaqāt, Bāb a-Ḥabs fi al-Dayn wa al-Mulāzamah. Hukum: Ṣaḥīḥ.²¹²

c) Tumpuan Hadith

Galakan melupuskan sebahagian hutang meminjam.

10. Hadith 10

حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ أَبِي أُوَيْسٍ، قَالَ: حَدَّثَنِي أَخِي، عَنْ سُلَيْمَانَ، عَنْ يَحْيَى بْنِ سَعِيدٍ، عَنْ أَبِي الرَّجَالِ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ، أَنَّ أُمَّهُ عَمْرَةَ بِنْتَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ، قَالَتْ: سَمِعْتُ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، تَقُولُ: سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَوْتَ حُصُومٍ بِالْبَابِ عَالِيَةِ أَصْوَاهُهُمَا، وَإِذَا أَحَدُهُمَا يَسْتَوْضِعُ الْآخَرَ، وَيَسْتَرْفِقُهُ فِي شَيْءٍ، وَهُوَ يَقُولُ: وَاللَّهِ لَا أَفْعَلُ، فَخَرَجَ عَلَيْهِمَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: «أَيْنَ الْمِتَأَلَّى عَلَى اللَّهِ، لَا يَفْعَلُ الْمَعْرُوفَ؟»، فَقَالَ: أَنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَلَهُ أَيُّ ذَلِكَ أَحَبُّ.

a) Terjemahan

Dari Abū Rijāl Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān bahawa ibunya, ‘Amrah binti ‘Abd al-Raḥmān berkata, “Aku mendengar ‘Āishah r.a. berkata, Rasūl Allāh SAW mendengar suara orang bertengkar di depan pintu. Suara mereka meninggi dan ternyata salah seorang daripada keduanya meminta keringanan dari seorang lagi dan meminta bersikap lebih lembut kepadanya. Tetapi yang seorang lagi berkata, Demi Allah! Aku tidak akan melakukannya!” Rasūl Allāh SAW keluar menemui mereka dan bersabda, “Manakah orang yang bersumpah atas nama Allah tidak akan mengerjakan amar ma’rūf?” Orang itu berkata, “Aku,

²⁰⁹ Ibid., no. hadith 2710, 2:272.

²¹⁰ Abū Dawūd, *Sunan Abī Dāwūd*, no. hadith 3595, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 645. Dalam nota kaki penyunting *Sunan Abū Dāwūd* ini, dinyatakan bahawa dalam manuskrip adalah Kitāb al-Aqḍiyah. Dalam Maktabah Shamilah, Kitāb al-Qada’ ini dinyatakan sebagai Kitāb al-Aqḍiyah.

²¹¹ al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, no. hadith 5408, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 814.

²¹² Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 2429, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 412.

wahai Rasūl Allāh!” Baginya yang mana sahaja di antara perkara itu yang dia sukai.”²¹³

b) Takhrij Hadith 10

1. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Ṣulḥ, Bāb Hal yushīru al-Imām bi al-Ṣulḥ.²¹⁴

c) Tumpuan Hadith

Anjuran untuk bersikap lembut terhadap penghutang dan mengurangi hutang.²¹⁵

11. Hadith 11

حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُحَمَّدِ بْنِ عُثْمَانَ أَبُو شَيْبَةَ قَالَ: حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي عُبَيْدَةَ، أَظُنُّهُ قَالَ: حَدَّثَنَا أَبِي، عَنِ الْأَعْمَشِ، عَنِ أَبِي صَالِحٍ، عَنِ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ، قَالَ: جَاءَ أَعْرَابِيٌّ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَقَضَاؤُهُ دَيْنًا كَانَ عَلَيْهِ، فَاشْتَدَّ عَلَيْهِ، حَتَّى قَالَ لَهُ: أُحْرَجُ عَلَيْكَ إِلَّا قَضَيْتَنِي، فَانْتَهَرَهُ أَصْحَابُهُ، وَقَالُوا: وَيْحَكَ تَدْرِي مَنْ تُكَلِّمُ؟ قَالَ: إِلَيَّ أَطْلُبُ حَقِّي، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «هَلَّا مَعَ صَاحِبِ الْحَقِّ كُنْتُمْ؟» ثُمَّ أَرْسَلَ إِلَى حَوْلَةِ بِنْتِ قَيْسٍ فَقَالَ لَهَا: «إِنْ كَانَ عِنْدَكَ تَمْرٌ فَأَقْرِضِينَا حَتَّى يَأْتِينَا تَمْرُنَا فَنَقْضِيكَ»، فَقَالَتْ: نَعَمْ، يَا أَبِي أَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: فَأَقْرِضْتَهُ، فَقَضَى الْأَعْرَابِيُّ وَأَطْعَمَهُ، فَقَالَ: أَوْفَيْتَ، أَوْفَى اللَّهُ لَكَ، فَقَالَ: «أَوْلَيْكَ خِيَارُ النَّاسِ، إِنَّهُ لَا فُؤَادَ لَكُمْ» لَا يَأْخُذُ الضَّعِيفُ فِيهَا حَقَّهُ غَيْرَ مُتَعَتِّعٍ»

a) Terjemahan

²¹³ Ibn Hajar al-Asqalani, *Fathul Bari*, Amiruddin (terj.), cet. 2, (Jakarta: Pustaka Azzam, 2010) 15:207.

²¹⁴ al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 2705, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah, 1403H.), 2705, 2:270.

²¹⁵ Ibn Hajar al-Asqalani, *Fathul Bari*, Amiruddin (terj.), cet. 2, (Jakarta: Pustaka Azzam, 2010), 15:209.

Daripada Abū Sa‘īd al-Khudrī r.a. berkata, “Seorang Arab badwi datang menemui Nabi SAW menuntut hutang yang dipinjam oleh Baginda. Lelaki ini meminta dengan kasar sehingga dia berkata: ‘Saya akan menyusahkan kamu kecuali kamu membayarnya.’ Lantas para sahabat menegur lelaki itu, mereka berkata, ‘Kamu ni! Tahukah kamu dengan siapa kamu bercakap?’ Lelaki itu menjawab, ‘Saya menuntut hak saya.’ Lalu Nabi SAW bersabda, ‘*Mengapa kamu tidak tunaikan hak orang yang menuntut haknya ini?*’ Kemudian Baginda menghantar pesanan kepada Khawlah binti Qays, ‘Jika kamu mempunyai tamar, berilah kami hutang sehingga kami memperolehi tamar dan kami akan membayarnya kepada kamu.’ Khawlah berkata, ‘Ya, wahai Rasūl Allāh.’ Abū Sa‘īd berkata, ‘Lalu Khawlah memberi hutang kepada Baginda dan Baginda membayar kepada Arab badwi itu dan memberinya makan.’ Orang itu berkata, ‘Kamu membayarnya semoga Allāh membayarkannya untuk kamu.’ Baginda bersabda, ‘*Itulah manusia yang terbaik, sebenarnya suatu ummah tidak akan menjadi mulia jika orang yang lemah di kalangan mereka tidak boleh mengambil hak mereka kecuali terpaksa bersusah payah.*”

b) Takhrij

1. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Ṣadaqāt, Bāb Li Ṣāhib al-Ḥaqq Sulṭān. Hukum: Sahih.²¹⁶

c) Tumpuan Hadith

Pemiutang berhak menuntut hutangnya daripada penghutang.

Rumusan Perbincangan Hadith

Hadith-hadith mengenai pemiutang meliputi tema-tema seperti bertolak ansur ketika menagih hutang, memberi tangguh kepada penghutang yang berada dalam kesempitan dan pelupusan sebahagian hutang. Justeru, para pemiutang dituntut agar mempunyai sikap berlapang dada apabila berurusan dengan pihak penghutang terutama dari aspek mengutip hutang. Untuk itu, menuntut hutang perlu dilakukan dengan cara yang

²¹⁶ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 2426, 413.

berhemah dan sebaik mungkin. Pemiutang juga diminta bersikap bertolak ansur dalam memberi penangguhan bayaran hutang kepada orang yang berada dalam kesulitan dan sebagainya.

Justeru, antara yang dinyatakan dalam hadith di atas ialah anjuran kepada agar pemiutang bersikap lembut terhadap penghutang dan mengurangi hutang. Ini kerana kebiasaannya orang yang berhutang adalah orang yang terdesak dan amat memerlukan bantuan seperti kewangan dan lain-lain. Ertinya di sini sewajarnya wujud erti kesalingan iaitu saling membantu antara satu sama lain. Di pihak penghutang pula, sepatutnya beliau memaklumkan terlebih awal dan secara jujur kepada pihak pemiutang kerana tidak dapat melunaskan hutang pada masa yang dijanjikan atau lewat membayarnya atas sebab-sebab yang tertentu.

Islam juga memberikan motivasi kepada para pemiutang bahawa mereka beroleh naungan Allah tatkala memberikan penangguhan bayaran hutang atau pelupusan hutang. Begitu juga ganjaran pahala kepada pemiutang yang memberikan penangguhan bayaran kepada penghutang yang dalam kesusahan, malah saranan hadith Nabi SAW adalah dilihat lebih praktikal apabila pemiutang secara sukarela melupuskan sebahagian hutang atau keseluruhan hutang peminjam.

Dalam konteks subtema kedua kajian ini yang terdiri daripada dua bahagian iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan, perbincangan di sini menjurus kepada hadith-hadith mengenai pelunasan hutang dan adab-adab berhutang, iaitu *al-madīn* atau pemiutang. Untuk bahagian kedua iaitu kajian lapangan yang bertujuan untuk mengukur tahap kefahaman dan amalan masyarakat terhadap hutang, tumpuan hanya diberikan kepada *al-dā'in* atau penghutang, tidak kepada pemiutang. Oleh yang demikian, set soal

selidik direka bentuk untuk mengukur tahap kefahaman dan amalan pihak penghutang sahaja.

3.4.2 Adab Penghutang

Hadith-hadith dalam tema ini pula meliputi perihal berhutang dengan niat membayarnya, terbaik dalam pelunasan hutang, berdoa kepada pemiutang dan panduan kepada orang yang tidak mampu membayar hutang. Ia dipaparkan dalam Jadual 3.3 di bawah.

Jadual 3.3: Nama Kitab, Bab dan Bilangan Hadith *Ādāb al-Madīn*

Bil.	Kitab Hadith	Kitab	Bab	Bil. Hadith
1	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	al-Istiqrāḍ wa Adā' al-Duyūn wa al-Ḥajar wa al-Taflīs	Man Akhadha Amwāl al-Nās yurīdu Adā'ahā aw Itlāfahā	2
2	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	al-Istiqrāḍ wa Adā' al-Duyūn wa al-Ḥajar wa al-Taflīs	Istiqrāḍ al-Ibil	5
3	<i>Sunan Abī Dāwūd</i>	al-Aqḍiyah	al-Ḥabs fī al-Dayn wa ghayrih	3
4	<i>Sunan al-Nasā'ī</i>	al-Buyū'	al-Istiqrāḍ	2
5	<i>Sunan Ibn Mājah</i>	al-Ṣadaqāt	Ḥusn al-Muṭālabah wa Akhdh al-Ḥaqq fī 'Afāf	1
6	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	al-Buyū'	al-Suhūlah wa al-Samāḥah fī al-Shirā' wa al-Bay'	1
7	<i>Sunan al-Nasā'ī</i>	al-Buyū'	Ḥusn al-Mu'āmalah wa Rifq fī al-Muṭālabah	1
8	<i>Sunan Ibn Mājah</i>	al-Ṣadaqāt	Man addāna daynan lam yanwī qadā'ah	1
9	<i>Sunan Ibn Mājah</i>	al-Ṣadaqāt	Man addāna Daynan wa lam yanwī qadā'ah	1
			JUMLAH HADITH	17

1. Hadith 1

حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْأَوْسِيُّ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ بِلَالٍ عَنْ ثَوْرِ بْنِ زَيْدٍ عَنْ أَبِي الْعَيْثِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ أَخَذَ أَمْوَالَ النَّاسِ يُرِيدُ أَدَاءَهَا أَدَّى اللَّهُ عَنْهُ وَمَنْ أَخَذَ يُرِيدُ إِتْلَافَهَا أَتْلَفَهُ اللَّهُ.

a) Terjemahan

Dari Abū Hurayrah r.a dari Nabi SAW bersabda, “Sesiapa yang mengambil harta manusia dan ingin membayarnya, maka Allah akan (menolong) untuk membayarnya, dan sesiapa yang mengambilnya dan ingin membinasakannya, maka Allah akan (menolong) untuk membinasakannya.”²¹⁷

b) Takhrij Hadith 1

1. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Istiqrāḍ wa Adā’ al-Duyūn wa al-Ḥajar wa al-Taflīs, Bāb Man akhadha Amwāl al-Nas yurid Adā’ahā aw Itlafāhā.²¹⁸
2. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Sadaqāt, Bāb Man adāna Daynan wa huwa yanwī qadā’ah. Hukum: Ṣaḥīḥ.²¹⁹

c) Tumpuan Hadith

Seseorang itu akan mendapat pertolongan daripada Allah jika ia berniat untuk mengembalikan pinjaman tersebut.

²¹⁷ Ibn Ḥajar al-Asqalani, *Fathul Bari*, Amiruddin (terj.), (Jakarta: Pustaka Azzam, 2005), 13:367. al-Bukhari, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 2387, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah, 1403H.), 2:171.

²¹⁹ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 2408, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 141 dari jalur riwayat Umm al-Mu’minīn Maymūnah dengan lafaz yang berbeza (مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَدَانِ دَيْنًا يَغْلَمُ اللَّهُ مِنْهُ أَنَّهُ يُرِيدُ أَدَاءَهُ إِلَّا أَكَاهُ اللَّهُ (عَنْهُ فِي الدُّنْيَا).

2. Hadith 2

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ شَيْبٍ بْنِ سَعِيدٍ حَدَّثَنَا أَبِي عَنْ يُونُسَ قَالَ ابْنُ شِهَابٍ حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُتْبَةَ قَالَ قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَوْ كَانَ لِي مِثْلُ أُحُدٍ ذَهَبًا مَا يَسُرُّنِي أَنْ لَا يَمُرَّ عَلَيَّ ثَلَاثٌ وَعِنْدِي مِنْهُ شَيْءٌ إِلَّا شَيْءٌ أُرْصِدُهُ لِدِينٍ. رَوَاهُ صَالِحٌ وَعُقَيْلٌ عَنِ الرَّهْرِيِّ.

a) Terjemahan

Dari Abū Hurayrah r.a., Rasūl Allāh SAW bersabda, “Seandainya aku memiliki emas sebesar bukit Uhud maka aku tidak senang seandainya emas itu masih ada padaku selama tiga hari, kecuali apa yang aku siapkan untuk melunasi hutang.”²²⁰

b) Takhrij Hadith 2

1. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Istiqrāḍ wa Adā’ al-Duyūn wa al-Ḥajar wa al-Taflīs, Bāb Istiqrāḍ al-Ibil.²²¹
2. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Riqāq, Bāb Qawl al-Nabī Mā Uḥḥib Anna li Mithl Uhud Dhahaban.²²²
3. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Tamannī, Bāb Tamannī al-Khayr wa Qawl al-Nabī law kan li Uhud Dhahaban.²²³
4. Imām Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Zakāh, Bāb Taghlīz ‘Uqūbah ma la yu’addī al-Zakāh.²²⁴
5. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Zuhd, Bāb fī al-Mukthirīn. Hukum: Ḥasan Ṣaḥīḥ.²²⁵

²²⁰ Ibn Ḥajar al-Asqalani, *Fathul Bari*, Amiruddin (terj.), (Jakarta: Pustaka Azzam, 2005), 13:374.

²²¹ al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 2389, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyah, 1403H.), 2:172.

²²² Ibid., no. hadith 6444, 4:181.

²²³ Ibid., no. hadith 7228, 4:349.

²²⁴ Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. hadith 991, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1991), 1:686.

²²⁵ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 4132, (Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 688.

c) Tumpuan Hadith

Penghutang hendaklah segera membayar hutang. Jika ia memiliki kelebihan harta, ia hendaklah menggunakannya untuk segera melunaskan hutang sekalipun lebih awal dari tempoh matang dan keazaman tinggi untuk membayar hutang.

3. Hadith 3

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ التُّفَيْلِيُّ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الْمُبَارَكِ عَنْ وَبْرِ بْنِ أَبِي دُيَيْلَةَ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ مَيْمُونٍ عَنْ عَمْرِو بْنِ الشَّرِيدِ عَنْ أَبِيهِ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ
يَا الْوَاجِدِ يُجَلُّ عِرْضُهُ وَعُقُوبَتُهُ.

a) Terjemahan

Dari ‘Amr bin al-Sharīd²²⁶ dari ayahnya dari Rasūl Allāh bersabda, “Penundaan oleh orang yang mampu membayar hutang menghalalkan dia dipermalukan dan dihukum.”

b) Takhrij Hadith 3

1. Imām Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Aqḍiyah, Bāb al-Ḥabs fī al-Dayn wa ghayrih. Hukum: Ḥasan.²²⁷
2. Imām al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, Kitāb al-Buyū’, Bāb Maṭl al-Ghani. Hukum: Ṣaḥīḥ.²²⁸
3. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Ṣadaqāt, Bāb al-Ḥabs fī al-Dayn wa al-Mulāzamah. Hukum: Ḥasan.²²⁹

²²⁶ ‘Amr bin al-Sharīd bin Suwayd al-Thaqafī Abū al-Walīd al-Ṭā’ifī. Beliau meriwayatkan daripada ayahnya, al-Sharīd bin Suwayd, Abū Rāfi’, Sa’d bin Abī Waqqās, Ibn ‘Abbās dan lain-lain.

²²⁷ Abū Dawūd, *Sunan Abī Dāwūd*, no. hadith 3628, (Riyad: Maktabah al-Ma’ārif, t.t.), 651.

²²⁸ Ibid., dari jalur riwayat Sufyān bin ‘Uyaynah, no. hadith 4688, 714.

²²⁹ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 2427, (Riyād: Maktabah al-Ma’ārif, t.t.), 414.

c) Tumpuan Hadith

Menghukum penghutang yang sengaja menunda bayaran. Jika penghutang sengaja lewat-lewatkan bayaran atau menunda-nunda pembayaran setelah tempoh matang sedangkan ia mampu, pihak pemiutang berhak memaparkan namanya di akhbar dan mengenakan tindakan mahkamah ke atasnya. Walau bagaimana pun dilarang mengenakan hukuman berbentuk harta kepada penghutang tersebut kerana itu adalah riba; dan tegahan penundaan bayaran hutang oleh penghutang yang berkemampuan.

4. Hadith 4

حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ عَلِيٍّ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ عَنْ سُفْيَانَ عَنْ إِسْمَاعِيلَ بْنِ إِبْرَاهِيمَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي رَبِيعَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ اسْتَفْرَضَ مِنِّي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَرْبَعِينَ أَلْفًا فَجَاءَهُ مَالٌ فَدَفَعَهُ إِلَيَّ وَقَالَ بَارَكَ اللَّهُ لَكَ فِي أَهْلِكَ وَمَالِكَ إِنَّمَا جَزَاءُ السَّلْفِ الْحَمْدُ وَالْأَدَاءُ.

a) Terjemahan

Dari Abī Rabi‘ah dari bapanya dari datuknya berkata Nabi SAW pernah meminjam sebanyak empat puluh ribu (dinar) daripadanya. Apabila baginda datang untuk membayar balik hutang tersebut, baginda bersabda: Semoga Allah memberkati kamu dalam urusan keluarga kamu dan harta kamu, sesungguhnya balasan dari pinjaman tidak lain adalah pujian dan pembayaran.

b) Takhrij Hadith 4

1. Imām al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, Kitāb al-Buyū‘, Bāb al-Istiqrād. Hukum: Ṣaḥīḥ.²³⁰
2. Imam Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Ṣadaqāt, Bāb Ḥusn al-Qadā’. Hukum: Sahih.²³¹

²³⁰ al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, no. hadith 4683, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 713.

c) Tumpuan Hadith

Anjuran mendoakan pemiutang.

5. Hadith 5

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ حَلْفٍ الْعَسْقَلَانِيُّ وَمُحَمَّدُ بْنُ يَحْيَى قَالََا حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي مَرْزَمٍ حَدَّثَنَا يَحْيَى
بْنُ أَيُّوبَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي جَعْفَرٍ عَنْ نَافِعٍ عَنْ ابْنِ عُمَرَ وَعَائِشَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ طَالَبَ حَقًّا فَلْيَطْلُبْهُ فِي عَفَافٍ وَافٍ أَوْ غَيْرِ وَافٍ.

a) Terjemahan

Dari Nāfi‘ dari Ibn ‘Umar dan ‘Ā’ishah r.a. bahawa Rasūl Allāh SAW bersabda, “Sesiapa yang menuntut satu haknya (seperti hutang) maka tuntutlah dengan cara yang baik tanpa mengira (orang yang berhutang itu) membayar balik atau tidak membayarnya.”

b) Takhrij Hadith 5

1. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Ṣadaqah, Bāb Ḥusn al-Muṭālabah wa Akhdh al-Ḥaqq fi ‘Afāf. Hukum: Ṣaḥīḥ²³²

c) Tumpuan Hadith

Mengutip hutang dengan akhlak yang mulia.

6. Hadith 6

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَيَّاشٍ حَدَّثَنَا أَبُو غَسَّانَ مُحَمَّدُ بْنُ مُطَرِّفٍ قَالَ حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ الْمُنْكَدِرِ
عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ رَجِمَ اللَّهُ
رَجُلًا سَمَحًا إِذَا بَاعَ وَإِذَا اشْتَرَى وَإِذَا اقْتَضَى.

²³¹ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 2424, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 413.

²³² Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 2421, (Riyād: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 413.

a) Terjemahan

Dari Jābir bin ‘Abd Allāh r.a bahawa Rasūl Allāh bersabda, “*Allāh merahmati seseorang yang bersikap lapang dada apabila membeli, menjual dan mengutip hutang.*”

b) Takhrij Hadith 6

1. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Buyū‘, Bāb al-Suḥūlah wa al-Samāḥah fī al-Shirā’ wa al-Bay‘.²³³
2. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Tijārāt, Bāb al-Samāḥah fī al-Bay‘. Hukum: Ṣaḥīḥ.²³⁴

c) Tumpuan Hadith

Memberi tangguh kepada penghutang.

7. Hadith 7

أَخْبَرَنَا عَيْسَى بْنُ حَمَّادٍ قَالَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ ابْنِ عَجَلَانَ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ عَنْ أَبِي صَالِحٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ رَجُلًا لَمْ يَعْمَلْ خَيْرًا قَطُّ وَكَانَ يُدَايِنُ النَّاسَ فَيَقُولُ لِرَسُولِهِ خُذْ مَا تَيْسَّرَ وَاتْرُكْ مَا عَسَرَ وَتَجَاوَزْ لَعَلَّ اللَّهَ تَعَالَى أَنْ يَتَجَاوَزَ عَنَّا فَلَمَّا هَلَكَ قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ لَهُ هَلْ عَمِلْتَ خَيْرًا قَطُّ قَالَ لَا إِلَّا أَنَّهُ كَانَ لِي عُلَامٌ وَكُنْتُ أُدَايِنُ النَّاسَ فَإِذَا بَعَثْتُهُ لِيَتَقَاضَى قُلْتُ لَهُ خُذْ مَا تَيْسَّرَ وَاتْرُكْ مَا عَسَرَ وَتَجَاوَزْ لَعَلَّ اللَّهَ يَتَجَاوَزَ عَنَّا قَالَ اللَّهُ تَعَالَى قَدْ تَجَاوَزْتُ عَنْكَ.

a) Terjemahan

Dari Abū Ṣāliḥ dari Abū Hurayrah r.a. dari Rasūl Allāh SAW bersabda, “*Sesungguhnya terdapat seseorang yang tidak pernah melakukan apa jual amal kebaikan kecuali dia selalu memberi hutang kepada orang ramai (yang berada dalam kesukaran kewangan). (Apabila mengutip hutang) dia berkata kepada pembantunya: Ambillah apa yang mudah (daripada orang yang dapat membayar hutang) dan tinggalkanlah apa*

²³³ al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. hadith 2076, (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah, 1403H.), 2:81.

²³⁴ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 2203, (Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 379.

yang sukar (daripada orang yang tidak mampu membayar hutang) dan maafkanlah (hapuskanlah membayar hutang), mudah-mudahan Allāh Ta‘ālā memaafkan kita. Kemudian apabila dia meninggal dunia, Allāh berfirman kepadanya (padahal Allāh sudah sedia mengetahui): Apakah kamu tidak melakukan apa jua kebaikan?” Dia menjawab: Tidak (ada apa-apa kebaikan) kecuali aku memiliki seorang pembantu dan aku selalu memberi hutang kepada orang ramai. Apabila aku mengutusnyanya untuk mengutip hutang aku berkata kepadanya: Ambillah apa yang mudah (daripada orang yang dapat membayar hutang) dan tinggalkanlah apa yang sukar (daripada orang yang tidak mampu membayar hutang) dan maafkanlah (hapuskanlah membayar hutang), mudah-mudahan Allāh Ta‘ālā memaafkan kita. (Maka) Allāh Ta‘ālā berfirman: Sungguh Aku memaafkan kamu.”

b) Takhrij Hadith 7

1. Imām al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, Kitāb al-Buyū‘, Bāb Ḥusn al-Mu‘āmalah wa Rifq fī al-Muṭālabah. Hukum: Ḥasan Ṣaḥīḥ.²³⁵

c) Tumpuan Hadith

Menjadikan hutang sebagai modal pelaburan.

8. Hadith 8

حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ الْمُنْدَرِ قَالَ: حَدَّثَنَا ابْنُ أَبِي فُدَيْكٍ قَالَ: حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ سُوَيْبَانَ، مَوْلَى الْأَسْلَمِيِّينَ، عَنْ جَعْفَرِ بْنِ مُحَمَّدٍ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ جَعْفَرٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِنَّ اللَّهَ مَعَ الدَّائِنِ حَتَّى يَفْضِيَ دَيْنَهُ، مَا لَمْ يَكُنْ فِيهِمَا يَكْرَهُهُ اللَّهُ» قَالَ: فَكَانَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ جَعْفَرٍ يَقُولُ لِجَارِنِهِ: «أَذْهَبْ فَخُذْ لِي بَدِينٍ، فَإِنِّي أَكْرَهُ أَنْ أَيْتَ لَيْلَةً إِلَّا وَاللَّهِ مَعِي، بَعْدَ الَّذِي سَمِعْتُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ».

a) Terjemahan

Dari Ja‘far bin Muḥammad dari ayahnya, dari ‘Abd Allāh bin Ja‘far katanya, Rasūl Allāh bersabda, “*Sesungguhnya Allāh bersama orang yang berhutang sehingga ia membayar hutangnya, selagi mana ia tidak melakukan perkara yang Allah benci.*” Ia berkata, ‘Abd Allāh bin Ja‘far

²³⁵ al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, no. hadith 4694, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 715.

berkata kepada pegawainya, “Pergilah dan berikan aku hutang, sesungguhnya aku tidak suka bermalam satu malam (pun) melainkan Allah bersamaku, selepas aku mendengar dari Rasūl Allāh SAW.”

b) Takhrij Hadith 8

1. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Sadaqāt, Bāb Man addāna Daynan wa huwa yanwī qadā’ah. Hukum: Ṣaḥīḥ.²³⁶

c) Tumpuan Hadith

Allah bersama orang yang berhutang yang berniat membayarnya semula.

9. Hadith 9

حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ عَمَّارٍ قَالَ: حَدَّثَنَا يُوسُفُ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنِ صَيْفِيٍّ بْنِ صُهَيْبِ الْحِزْرِيِّ قَالَ: حَدَّثَنِي عَبْدُ الْحَمِيدِ بْنُ زِيَادٍ بْنُ صَيْفِيٍّ بْنِ صُهَيْبٍ، عَنْ شُعَيْبِ بْنِ عَمْرِو قَالَ: حَدَّثَنَا صُهَيْبُ الْحِزْرِيِّ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: «أَيُّمَا رَجُلٍ تَدَيَّنَ دَيْنًا، وَهُوَ مُجْمِعٌ أَنْ لَا يُؤْفِقِيَهُ إِيَّاهُ، لَقِيَ اللَّهَ سَارِقًا»، حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ الْمُنْذِرِ الْحِزَامِيُّ قَالَ: حَدَّثَنَا يُوسُفُ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنِ صَيْفِيٍّ، عَنْ عَبْدِ الْحَمِيدِ بْنِ زِيَادٍ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ صُهَيْبٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَحْوَهُ.

a) Terjemahan

Dari Suhayb dari Rasūl Allāh SAW bersabda, “*Mana-mana lelaki yang berhutang suatu hutang sedangkan dia tidak berniat untuk membayarnya semula, nescaya ia akan bertemu dengan Allah sebagai seorang pencuri.*”

b) Takhrij Hadith 9

1. Imām Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Sadaqāt, Bāb Man addāna Daynan wa lam yanwī qadā’ah. Hukum: Ḥasan Ṣaḥīḥ.²³⁷

²³⁶ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 2409, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 411.

c) Tumpuan Hadith

Balasan buruk kepada penghutang yang berniat tidak membayar hutang.

Perbincangan Hadith

Terdapat juga dalam riwayat hadith lain seperti riwayat Imam Aḥmad bin Ḥanbal yang melaporkan bahawa ‘Ā’ishah r.a menyebut, “*Sesungguhnya Rasūl Allāh SAW bersabda: Tiada seorang hamba yang selalu berniat untuk melangsaikan hutangnya melainkan akan mendapat pertolongan dari Allah, maka saya minta pertolongan itu.*”²³⁸

Dapat difahami daripada hadith di atas bahawa seseorang yang meminjam atau berhutang dengan niat yang baik (dengan niat akan mengembalikan hutang tersebut), kemudian dia berusaha untuk mengembalikannya dalam tempoh yang ditetapkan, maka Allah SWT akan memudahkannya untuk mengembalikan hutang tersebut.

Bagi penghutang pula, hadith-hadith dengan tema berhutang dengan niat membayarnya, terbaik dalam pelunasan hutang, berdoa kepada pemiutang dan panduan kepada orang yang tidak mampu membayar hutang menjadi garis panduan dalam berinteraksi dengan hutang. Apabila seseorang berada dalam kesempitan dan diberi peluang untuk berhutang daripada seorang yang lain, Islam menyarankan agar beliau berazam dengan niat murni untuk melunaskan hutang seberapa segera yang boleh. Ia bukan sekadar menjaga maruah kedua belah pihak yang berhutang malah lebih utama lagi menjaga nama baik dan imej Islam sebagai agama yang *marhamah* dan bertolak ansur.

²³⁷ Ibid., no. hadith 2410, 411.

²³⁸ Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad*, no. hadith 24560, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1995), 17:401.

Penghutang berkewajipan melunaskan hutang pada tempoh yang ditetapkan. Justeru, mereka disaran agar dapat mengatur jadual pembayaran hutang secara berterusan dan konsisten mengikut jadual serta menepati syarat perjanjian supaya tidak menimbulkan masalah pada kemudian hari. Peminjam tidak digalakkan dalam Islam untuk melambat-lambatkan pembayaran hutang walaupun ia mampu melunaskan pada tempoh yang ditetapkan kerana ia bukan sahaja menyusahkan diri sendiri malah kepada orang yang memberi hutang. Apatah lagi menunda bayaran atau membayar sebahagian daripada jumlah yang dihutangi jika ia mampu membayar kesemua hutangnya pada masa yang dijanjikan.

Terdapat juga hadith lain yang menyebut bahawa apabila seseorang itu berhutang, kemudian dia berniat untuk tidak mengembalikannya, maka di akhirat nanti dia akan bertemu Allah SWT dengan memikul beban yang dianggap sebagai pencuri. Sabda Rasūl Allāh SAW:

أَيُّمَا رَجُلٍ تَدَيَّنَ دَيْنًا وَهُوَ مُجْمِعٌ أَنْ لَا يُؤْفِيَهُ إِلَّاهُ لَقِيَ اللَّهَ سَارِقًا

Terjemahan:

“Sesiapa sahaja yang berhutang, sedang ia sengaja tidak membayarnya, maka ia akan bertemu dengan Allah SWT sebagai pencuri.”²³⁹

Sesungguhnya dapat difahami daripada hadith-hadith mengenai hutang ini saling melengkapi dalam memberikan penjelasan tentang niat baik ketika berhutang serta usaha yang bersungguh-sungguh untuk melunaskan hutang yang menjadi tanggungannya. Menunaikan hutang dalam hadith tersebut juga dapat difahami tidak hanya difahami membayarnya sahaja, malah di pihak penghutang juga boleh meminta

²³⁹ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, no. hadith 2409, (Riyad: Maktabah al-Ma‘ārif, t.t.), 411.

kepada pemiutang agar dapat mengikhlaskan dirinya ketika memberikan hutang kepada penghutang dengan tujuan untuk membantu menyelesaikan keperluan hidupnya.²⁴⁰

Sebelum itu, peminjam perlu memastikan agar urusan hutang piutang dalam kerangka patuh syarak dan tiada sebarang unsur riba, faedah dan bunga yang diharamkan dalam Islam kerana ia akan membebankannya apatah lagi jika kadar faedah yang terlalu tinggi dan menzalimi pihak peminjam yang berada dalam kesempitan.

Berdasarkan hadith-hadith mengenai penghutang yang dikemukakan di atas, sebahagian daripada intipati hadith tersebut dijadikan sebagai kerangka untuk membentuk soal selidik bagi mengukur tahap kefahaman dan amalan berhutang responden kajian. Tiga aspek yang telah dipilih dari sudut kefahaman untuk dijadikan kajian mengenainya adalah hukum berhutang, proses berhutang dan tanggungjawab berhutang. Sementara untuk mengukur tahap amalan berhutang pula, tiga aspek dicerakinkan daripada hadith-hadith yang telah dikemukakan pada awal bab lagi dan aspek tersebut ialah keprihatinan terhadap pelunasan hutang, pemilihan skim patuh syar'i, dan ketiga sikap bersegera dalam melunaskan hutang.

3.5 Analisis Taburan Hadith *al-Dayn* Dalam *al-Kutub al-Sittah*

Sebanyak 95 buah hadith menerusi dua tema iaitu *al-Wafā' di al-Dayn* dan *Ādāb al-Dā'in wa al-Madīn* telah dikumpulkan. Bagi tema pertama, 50 buah hadith dikumpulkan manakala tema kedua 45 buah hadith yang terdiri dari dua subtema iaitu

²⁴⁰ Eko Rahmanto, Kewajipan Seorang Mukmin Melunasi Hutang: Studi Ma'ani Alhadith, *Jurnal Pemikiran Islam dan Filsafat*, 84-108.

hadith adab-adab penghutang sebanyak 27 buah dan hadith adab-adab pemiutang sebanyak 18 buah.

3.5.1 Taburan Hadith al-Wafā' bi al-Dayn

Bagi menganalisis dan merumuskan taburan dan bilangan hadith mengenai tema *al-Wafā' bi al-Dayn*, Jadual 3.4 di bawah memaparkan butiran secara detail.

Jadual 3.4 Taburan Hadith *al-Wafā' bi al-Dayn*

Bil.	Matan Hadith	Hadith Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>						Jumlah Hadith
		B	M	AD	T	N	IM	
1	لَوْ كَانَ لِي مِثْلُ أُحُدٍ ذَهَبًا	1	1	-	-	-	1	3
2	مَا أَحَبُّ أَنَّهُ تَحَوَّلَ لِي ذَهَبًا	4	2	-	-	-	-	6
3	أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَضَى بِالَّذِينَ قَبْلَ الْوَصِيَّةِ	-	-	-	2	-	2	4
4	مَطْلُ الْعَيِّ طُلْمٌ، فَإِذَا أُتْبِعَ أَحَدُكُمْ عَلَى مَلِيٍّ فَلْيَتَّبِعْ	3	2	1	1	2	1	10
5	مَطْلُ الْعَيِّ طُلْمٌ، وَإِذَا أُحِلَّتْ عَلَى مَلِيٍّ فَاتَّبِعْهُ، وَلَا تَبِعْ بَيْعَتَيْنِ فِي بَيْعَةٍ	-	-	-	1	-	-	1
6	لِيُؤَاجِدَ يُحِلُّ عَرْضَهُ وَعُقُوبَتَهُ	-	-	1	-	2	1	4
7	الرِّزْمُ	-	-	1	-	-	1	2
8	مَنْ أَدْرَكَ مَالَهُ بِعَيْنِهِ عِنْدَ رَجُلٍ - أَوْ إِنْسَانٍ - قَدْ أَفْلَسَ فَهُوَ أَحَقُّ بِهِ مِنْ غَيْرِهِ	1	1	1	1	-	1	5
9	خُذُوا مَا وَجَدْتُمْ، وَلَيْسَ لَكُمْ إِلَّا ذَلِكَ	-	1	1	1	2	1	6
10	إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَخْلَصَنِي بِمَالِي، ثُمَّ اسْتَعْمَلَنِي	-	-	-	-	-	1	1
11	من نفس عن مؤمن كربة من كرب الدنيا	-	1	-	-	-	-	1
12	تصدقوا عليه فتصدق الناس عليه فلم يبلغ	-	-	-	1	-	-	1

ذلك وفاء دينه						
13	من يشتري هذا المجلس والقدح	1	1	1	1	4
14	لَا تَحِلُّ الصَّدَقَةُ لِعَيْنِي إِلَّا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ ابْنِ السَّبِيلِ أَوْ جَارٍ فَقِيرٍ يُتَصَدَّقُ عَلَيْهِ فَيُهْدِي	1			1	2
Jumlah Keseluruhan						50

Singkatan Abjad: B: (al-Bukhari), M (Muslim), AD (Abu Dawud), T (Tirmidhi), N (Nasa'i) dan IM (Ibn Majah)

3.5.2 Taburan Hadith *Ādāb al-Dā'in wa al-Madīn*

Bagi hadith-hadith tema *Ādāb al-Dā'in wa al-Madīn* pula, sebanyak 27 buah hadith *al-Dā'in* dan 18 buah hadith tema *al-Madīn* dikumpulkan. Jadual 3.5 dan Jadual 3.6 menunjukkan taburan hadith-hadith tersebut dalam *al-Kutub al-Sittah*.

Jadual 3.5 Taburan Hadith *Ādāb al-Dā'in*

Bil.	Matan Hadith	Hadith Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>						Jumlah Hadith
		B	M	AD	T	N	IM	
1	رَحِمَ اللَّهُ رَجُلًا سَمَحًا إِذَا بَاعَ، وَإِذَا اشْتَرَى، وَإِذَا افْتَضَى	1	1				1	3
2	مَنْ طَلَبَ حَقًّا فَلْيَطْلُبْهُ فِي عَقَافٍ وَافٍ، أَوْ غَيْرِ وَافٍ						1	1
3	خُذْ حَقَّكَ فِي عَقَافٍ وَافٍ، أَوْ غَيْرِ وَافٍ						1	1
4	تَلَقَّتِ الْمَلَائِكَةُ رُوحَ رَجُلٍ مِمَّنْ كَانَ قَبْلَكُمْ	4	1				1	5
5	كَانَ تَاجِرٌ يُدَايِنُ النَّاسَ، فَإِذَا رَأَى مُعْسِرًا قَالَ لِفَتْيَانِهِ: بَجَاوِرُوا عَنْهُ	2	1			1		4
6	مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُنَجِّيَهُ اللَّهُ مِنْ كُرْبٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، فَلْيُنْفِسْ عَنْ مُعْسِرٍ، أَوْ يَضَعْ عَنْهُ		1					1
7	مَنْ أَنْظَرَ مُعْسِرًا أَوْ وَضَعَ عَنْهُ، أَظَلَّهُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ		1					1
8	مَنْ أَنْظَرَ مُعْسِرًا كَانَ لَهُ بِكُلِّ يَوْمٍ صَدَقَةٌ، وَمَنْ						1	1

9	أَنْظَرَهُ بَعْدَ حِلِّهِ كَانَ لَهُ مِثْلُهُ، فِي كُلِّ يَوْمٍ صَدَقَةٌ فُمْ فَأَقْضِهِ	4	1	1	1	1	8	
10	أَيُّنَ الْمَتَأَلِّي عَلَى اللَّهِ، لَا يَفْعَلُ الْمَعْرُوفَ	1					1	
11	هَلَّا مَعَ صَاحِبِ الْحَقِّ كُنْتُمْ؟» ثُمَّ أَرْسَلَ إِلَى حَوْلَةَ بِنْتِ قَيْسٍ					1	1	
Jumlah Keseluruhan								27

Singkatan Abjad: B: (al-Bukhari), M (Muslim), AD (Abu Dawud), T (Tirmidhi), N (Nasa'i) dan IM (Ibn Majah)

Jadual 3.6 Taburan Hadith *Ādāb al-Madīn*

Bil.	Matan Hadith	Hadith Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>						Jumlah Hadith
		B	M	AD	T	N	IM	
1	مَنْ أَحَذَ أَمْوَالَ النَّاسِ يُرِيدُ أَدَاءَهَا أَدَى اللَّهُ عَنْهُ وَمَنْ أَحَذَ يُرِيدُ إِنْثَالَفَهَا أَتْلَفَهُ اللَّهُ	1					1	2
2	لَوْ كَانَ لِي مِثْلُ أَحَدٍ ذَهَبًا مَا يَسُرُّنِي أَنْ لَا يَمُرَّ عَلَيَّ ثَلَاثٌ	3	1				1	5
3	لِي الْوَاجِدِ يُحِلُّ عِرْضَهُ وَعُقُوبَتَهُ			1		1	1	3
4	بَارَكَ اللَّهُ لَكَ فِي أَهْلِكَ وَمَالِكَ إِنَّمَا جَزَاءُ السَّلْفِ الْحَمْدُ وَالْأَدَاءُ					1	1	2
5	مَنْ طَلَبَ حَقًّا فَلْيَطُوبُهُ فِي عَفَافٍ وَافٍ أَوْ غَيْرِ وَافٍ						1	1
6	رَحِمَ اللَّهُ رَجُلًا سَمَحًا إِذَا بَاعَ وَإِذَا اشْتَرَى وَإِذَا أَقْتَضَى	1					1	2
7	قَالَ إِنَّ رَجُلًا لَمْ يَعْمَلْ خَيْرًا قَطُّ وَكَانَ يُدَايِنُ النَّاسَ					1		1
8	إِنَّ اللَّهَ مَعَ الدَّائِنِ حَتَّى يَفْضِي دَيْنَهُ						1	1
9	أَيُّمَا رَجُلٍ تَدَيَّنَ دَيْنًا، وَهُوَ مُجْمِعٌ أَنْ لَا يُؤْفِيَهُ إِيَّاهُ، لَقِيَ اللَّهَ سَارِقًا						1	1
Jumlah Keseluruhan		5	1	1		3	9	18

Singkatan Abjad: B: (al-Bukhari), M (Muslim), AD (Abu Dawud), T (Tirmidhi), N (Nasa'i) dan IM (Ibn Majah)

3.6 Status Hadith-hadith *al-Dayn* Dalam *al-Kutub al-Sittah*

Pengkaji telah mengumpulkan sebanyak 95 hadith berkaitan dengan *al-Dayn* melalui dua tema iaitu *al-Wafā' bi al-Dayn* dan *Ādāb al-Dā'in wa al-Madīn*. Hadith-hadith *al-Wafā' bi al-Dayn* sebanyak 50 hadith, manakala hadith-hadith *Ādāb al-Dā'in wa al-Madīn* sebanyak 45 hadith.

Hasil penelitian terhadap 50 buah hadith bagi tema *al-Wafā' bi al-Dayn* didapati tiga buah hadith berstatus Hasan dan empat buah hadith Da'if manakala bakinya 43 buah hadith adalah hadith Sahih. Jadual 3.7 di bawah memaparkan keberadaan hadith tersebut.

Jadual 3.7 Taburan Stautus Hadith Bagi Tema *al-Wafā' bi al-Dayn*

Bil.	Matan Hadith	Hadith Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>						Jumlah Hadith
		B	M	AD	T	N	IM	
1	لَوْ كَانَ لِي مِثْلُ أُحُدٍ ذَهَبًا	S	S	-	-	-	S	3
2	مَا أَحَبُّ أَنَّهُ تَحَوَّلَ لِي ذَهَبًا	S	S	-	-	-	-	6
3	أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَضَى بِالَّذِينَ قَبْلَ الْوَصِيَّةِ	-	-	-	2	-	S	4
4	مَطْلُ الْعَيِّ ظُلْمٌ، فَإِذَا اتَّبَعَ أَحَدُكُمْ عَلَى مَلِيٍّ فَلْيَتَّبِعْ	S	S	S	S	S	S	10
5	مَطْلُ الْعَيِّ ظُلْمٌ، وَإِذَا أُحِلَّتْ عَلَى مَلِيٍّ فَاتَّبِعْهُ، وَلَا تَبِعْ بَيْعَتَيْنِ فِي بَيْعَةٍ	-	-	-	S	-	-	1
6	لِي الْوَأَجِدِ يُجَلُّ عِرْضُهُ وَعُقُوبَتُهُ	-	-	H	-	S H	S	4
7	الرِّزْمَةُ	-	-	D	-	-	H	2
8	مَنْ أَدْرَكَ مَالَهُ بِعَيْنِهِ عِنْدَ رَجُلٍ - أَوْ إِنْسَانٍ - قَدْ أَفْلَسَ فَهُوَ أَحَقُّ بِهِ مِنْ غَيْرِهِ	S	S	S	S	-	S	5

9	حُدُوا مَا وَجَدْتُمْ، وَلَيْسَ لَكُمْ إِلَّا ذَلِكَ	-	S	S	S	S	S	S	6
10	إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَخْلَصَنِي بِمَا لِي							S	1
11	من نفس عن مؤمن كربة من كرب الدنيا	S							1
12	تصدقوا عليه فتصدق الناس عليه فلم يبلغ ذلك وفاء دينه					S			1
13	من يشتري هذا الحلس والقدح			S	S	S	D		4
14	لَا تَحِلُّ الصَّدَقَةُ لِعَنِي إِلَّا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ ابْنِ السَّبِيلِ أَوْ جَارٍ فَقِيرٍ يُتَصَدَّقُ عَلَيْهِ فَيُهْدِي		S				D		2
Jumlah Keseluruhan									50

Singkatan Abjad: B: (al-Bukhari), M (Muslim), AD (Abu Dawud), T (Tirmidhi), N (Nasa'i) dan IM (Ibn Majah)

S (Sahih), H (Hasan) dan D (Da'if)

Bagi tema kedua, *Ādāb al-Dā'in wa al-Madīn* pula daripada 27 buah hadith bagi subtema *Ādāb al-Dā'in*, penelitian mendapati semua hadith yang dikemukakan adalah hadith Sahih. Sementara bagi subtema *Ādāb al-Madīn* pula dengan 18 buah hadith, didapati dua hadith Hasan dan tiada hadis Da'if ditemui. Kedua hadith Hasan tersebut pada Hadith Ketiga dan ada satu lagi hadith Sahih dalam kelompok tersebut. Jadual 3.8 dan Jadual 3.9 menunjukkan taburan hadith-hadith tersebut dalam *al-Kutub al-Sittah*.

Jadual 3.8 Taburan Status Hadith *Ādāb al-Dā'in*

Bil.	Matan Hadith	Hadith Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>						Jumlah Hadith
		B	M	AD	T	N	IM	
1	رَحِمَ اللَّهُ رَجُلًا سَمَحًا إِذَا بَاعَ، وَإِذَا اشْتَرَى، وَإِذَا افْتَضَى	1	1				1	3
2	مَنْ طَلَبَ حَقًّا فَلْيَطْلُبْهُ فِي عَفَافٍ وَافٍ، أَوْ غَيْرِ وَافٍ						1	1
3	حُذِّ حَقُّكَ فِي عَفَافٍ وَافٍ، أَوْ غَيْرِ وَافٍ						1	1

4	تَلَقَّتِ الْمَلَائِكَةُ رُوحَ رَجُلٍ مِمَّنْ كَانَ قَبْلَكُمْ	4	1			1	5
5	كَانَ تَاجِرٌ يُدَايِنُ النَّاسَ، فَإِذَا رَأَى مُعْسِرًا قَالَ لِفَتِيَانِهِ: تَجَاوَزُوا عَنْهُ	2	1		1		4
6	مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُنَجِّيَهُ اللَّهُ مِنْ كُرْبٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، فَلْيُنْفِسْ عَن مُعْسِرٍ، أَوْ يَضَعْ عَنْهُ		1				1
7	مَنْ أَنْظَرَ مُعْسِرًا أَوْ وَضَعَ عَنْهُ، أَظَلَّهُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ		1				1
8	مَنْ أَنْظَرَ مُعْسِرًا كَانَ لَهُ بِكُلِّ يَوْمٍ صَدَقَةٌ، وَمَنْ أَنْظَرَهُ بَعْدَ حِلِّهِ كَانَ لَهُ مِثْلُهُ، فِي كُلِّ يَوْمٍ صَدَقَةٌ					1	1
9	فَمُ فَافِضِهِ	4	1	1		1	8
10	أَيُّنَ الْمُتَأَلَّى عَلَى اللَّهِ، لَا يَفْعَلُ الْمَعْرُوفَ	1					1
11	هَلَا مَعَ صَاحِبِ الْحَقِّ كُنْتُمْ؟» ثُمَّ أَرْسَلَ إِلَى حَوَلَةَ بِنْتِ قَيْسٍ					1	1
Jumlah Keseluruhan							27

Singkatan Abjad: B: (al-Bukhari), M (Muslim), AD (Abu Dawud), T (Tirmidhi), N (Nasa'i) dan IM (Ibn Majah)

Jadual 3.9: Taburan Status Hadith Bagi Tema *Ādāb al-Madin*

Bil.	Matan Hadith	Hadith Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>					Jumlah Hadith	
		B	M	AD	T	N		IM
1	مَنْ أَحَدَ أَمْوَالَ النَّاسِ يُرِيدُ أَدَاءَهَا أَدَى اللَّهُ عَنْهُ وَمَنْ أَحَدَ يُرِيدُ إِتْلَافَهَا أَتْلَفَهُ اللَّهُ	S					S	2
2	لَوْ كَانَ لِي مِثْلُ أُحُدٍ ذَهَبًا مَا يَسُرُّنِي أَنْ لَا يَمُرَّ عَلَيَّ ثَلَاثٌ	S	S				S	5
3	لِيُ الْوَالِدِ يُحِلُّ عِرْضَهُ وَعُقُوبَتَهُ			H		S	H	3
4	بَارَكَ اللَّهُ لَكَ فِي أَهْلِكَ وَمَالِكَ إِنَّمَا جَزَاءُ السَّلْفِ الْحَمْدُ وَالْأَدَاءُ					S	S	2
5	مَنْ طَالَ بِ حَقًّا فَلْيَطْلُبْهُ فِي عَفَافٍ وَافٍ أَوْ غَيْرِ وَافٍ						S	1
6	رَحِمَ اللَّهُ رَجُلًا سَمَحًا إِذَا بَاعَ وَإِذَا اشْتَرَى وَإِذَا أَقْتَضَى	S					S	2

7	قَالَ إِنَّ رَجُلًا لَمْ يَعْمَلْ خَيْرًا فَطُ وَكَانَ يُدَايِنُ النَّاسَ	S	1
8	إِنَّ اللَّهَ مَعَ الدَّائِنِ حَتَّى يُقْضِيَ دَيْنَهُ	S	1
9	أَيُّمَا رَجُلٍ تَدَيَّنَ دَيْنًا، وَهُوَ مُجْمَعٌ أَنْ لَا يُؤْفِيَهُ إِيَّاهُ، لَقِيَ اللَّهَ سَارِقًا	S	1
Jumlah Keseluruhan			18

Singkatan Abjad: B: (al-Bukhari), M (Muslim), AD (Abu Dawud), T (Tirmidhi), N (Nasa'i) dan IM (Ibn Majah)

S (Sahih), H (Hasan) dan D (Da'if)

3.7 Kesimpulan

Berdasarkan penelitian terhadap hadith-hadith *al-dayn* dengan dua tema iaitu *al-Wafā' bi al-Dayn* dan *Ādāb al-Dā'in wa al-Madīn* dalam *al-Kutub al-Sittah*, pengkaji mengemukakan lima tema yang boleh dijadikan prinsip ketika berinteraksi dengan hutang dan juga oleh penghutang atau pemiutang. Lima tema tersebut ialah bersegera menunaikan hutang, pengharaman penundaan membayar hutang, keadaan hutang tertunda kerana menyegerakan janji, keharusan pemindahan hutang dan galakan membantu penghutang yang menghadapi kesukaran.

Bagi subtema kedua mengenai pemiutang, pengkaji menemukan sejumlah hadith dengan beberapa prinsip seperti bertolak ansur ketika menuntut hutang, memberi tangguh kepada penghutang yang berada dalam kesempitan dan pelupusan sebahagian hutang. Begitu juga dengan hadith-hadith mengenai penghutang, ia mengandungi aspek berhutang dengan niat membayarnya, terbaik dalam pelunasan hutang, berdoa kepada pemiutang dan panduan kepada orang yang tidak mampu membayar hutang.

Penelitian juga mendapati 95 buah hadith yang dikumpulkan, sebanyak 86 buah hadith Sahih, 5 buah hadith Hasan dan 4 buah hadith Da'if. Justeru, perbincangan mengenai pelunasan hutang dan adab-adab penghutang dan pemiutang adalah berlandaskan hadith-hadith yang sahih.

Daripada hadith-hadith kedua tema inilah, ia dijadikan sebagai landasan teori kepada kajian ini untuk objektif yang selanjutnya iaitu mengenalpasti tahap kefahaman dan amalan berhutang dalam kalangan masyarakat atau responden yang dikaji. Poin-poin daripada kedua tema ini dicerakinkan dan dibentuk soalan-soal selidik untuk mengetahui dan mengenal pasti tahap kefahaman dan amalan berhutang masyarakat. Justeru, subtema dalam aspek kefahaman daripada hadith-hadith pelunasan hutang dibentuk menjadi rangka kepada soalan-soal selidik. Konstruk tersebut adalah kefahaman terhadap hukum berhutang, proses berhutang dan tanggungjawab terhadap hutang.

Untuk mengetahui tahap amalan pula, tiga konstruk yang telah diekstrak dan dibina daripada hadith-hadith pemiutang dan penghutang iaitu keprihatinan terhadap hutang, pemilihan skim patuh syarak dan sikap bersegera dalam melunaskan hutang.

Jelasnya, perbincangan mengenai hutang atau *dayn* secara keseluruhannya dengan dua tema yang dikaji iaitu pelunasan hutang dan adab-adab penghutang dan pemiutang dalam bahagian pertama kajian ini adalah 96 % berdasarkan kepada hadith-hadith Sahih dan Hasan yang telah diperakukan oleh para ulama hadith dan hanya empat buah hadith atau 4 % sahaja yang dikategorikan sebagai Da'if.

BAB 4: AMALAN BERHUTANG DALAM KALANGAN MASYARAKAT MALAYSIA

4.1 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji membincangkan amalan berhutang dalam kalangan masyarakat di negara kita. Dalam kajian ini, hutang yang dalam bahasa Arabnya disebut sebagai *al-Dayn* merujuk kepada liabiliti yang perlu dibayar balik oleh penghutang kepada pihak pemiutang mengikut tempoh yang dipersetujui antara kedua pihak yang berakad. Hutang boleh dibuat dalam bentuk formal seperti berhutang daripada institusi kewangan berlesen yang memerlukan syarat tertentu dan dokumen yang lengkap, manakala secara tidak formal melalui individu yang biasanya tidak memerlukan syarat dan dokumen yang lengkap. Liabiliti tersebut berupa pinjaman daripada pihak institusi kewangan untuk pembelian hartanah dan sekuriti, pinjaman untuk pembelian kenderaan bermotor, pinjaman peribadi dan kemudahan kad kredit. Dalam konteks Islam, hutang disebut 'pembiayaan', manakala istilah '*loan*' atau 'pinjaman' lebih sesuai digunakan untuk kemudahan sistem konvensional.

Amalan berhutang menular dalam kalangan masyarakat bukan sahaja melibatkan golongan tertentu, malahan melibatkan semua golongan masyarakat pada setiap peringkat umur, tidak kira tua atau muda, golongan berpendapatan rendah atau berpendapatan

tinggi, dan juga tidak mengira taraf pekerjaan sama ada pekerja am ataupun profesional, yang bekerja dengan sektor awam, sektor swasta mahupun bekerja sendiri.¹ Lazimnya, kebanyakan masyarakat Malaysia terlibat dengan hutang kepenggunaan seperti pembelian kediaman dan kenderaan, penggunaan kad kredit, pembiayaan pendidikan dan sebagainya.²

4.2 Amalan Hutang Masyarakat Malaysia Sebelum Merdeka dan Selepas Merdeka

Malaysia terdiri daripada tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India yang mempunyai sejarah kelangsungan kehidupan yang tersendiri. Perbincangan dalam subtajuk ini akan menyentuh secara ringkas mengenai amalan berhutang dalam kalangan masyarakat Malaysia sebelum merdeka dan pasca merdeka.

4.2.1 Amalan Berhutang Masyarakat Malaysia Sebelum Merdeka

Orang Melayu merupakan penduduk asal yang mendominasi rantau Asia Tenggara. Berdasarkan kajian dan catatan para sarjana, pelbagai gelagat orang Melayu dirakamkan sama ada yang baik atau sebaliknya. Ia dianalisis dan dikemukakan secara berbeza-beza selari dengan perbezaan latar belakang sarjana yang membincangkannya. Antara sarjana awal yang dikesan merakamkan gelagat orang Melayu ialah Frank Swettenham dalam *The Malay Sketches* yang diterbitkan pada tahun 1895 yang menyebut bahawa gelagat orang Melayu boleh dilihat dari dua perspektif sama ada positif atau negatif. Aspek positif

¹ Nor Asmat Ismail & Hainnur Aqma Rahim, Susur Galur Amalan Berhutang Dalam Kalangan Masyarakat Melayu, *Jurnal Antrabangsa Dunia Melayu*, (2018), 11:1, 110-127.

² Mohd. Amin Othman, Husniyah Abd. Rahim & Ab. Mumin Ab. Ghani, Perancangan Kewangan Dan Kesejahteraan Kewangan Dalam Kalangan Penjawat Awam Beragama Islam, *Jurnal Pengguna Malaysia*, (2015), 24, 96-112.

lebih terarah kepada adab kesantunan dan budi bahasa orang Melayu yang amat tinggi, tidak suka menunjuk-nunjuk dan bersifat amanah. Manakala aspek negatif mereka digambarkan dengan sikap bermewah-mewah, suka berbelanja, suka meminjam wang tetapi lambat pula membayar balik, sikap bertangguh, fanatik dalam agama, mempercayai karut marut, malas dan tidak mengutamakan waktu.³

Sikap suka bermewah-mewah dan gemar meminjam memberikan peluang kepada golongan yang mempunyai wang seperti Ceti⁴ atau *Chettiar* yang meminjamkan wang kepada orang Melayu. Sikap sukar membayar hutang dalam kalangan orang Melayu membuka ruang dan peluang kepada golongan *Chettiar* merampas harta yang dimiliki oleh orang Melayu bagi tujuan melangsaikan hutang. Golongan *Chettiar* ini bukan sahaja memberikan pinjaman kepada orang Melayu, malah kepada pengusaha perdagangan dalam kalangan orang Cina.

Sehubungan itu, sejarah membuktikan masyarakat Melayu tradisional terlibat dengan amalan berhutang. Mereka dikenali sebagai '*hamba orang berhutang*' (*debt-slave*) yang terpaksa bekerja untuk membayar hutang kepada pemiutang yang dikenali sebagai 'Tuan Mas'.⁵ Amalan hamba orang berhutang ini diamalkan dalam masyarakat Melayu dahulu berdasarkan enakmen yang dikuatkuasakan pada tahun 1328 Hijrah. Dua sifat orang Melayu yang terlibat dengan hutang iaitu kerana ingin bermewah dan kurang menyimpan telah dirakamkan oleh pihak British.

³ Sir Frank Swettenham, *Perihal Orang Melayu*, Terj. Zubaidah Ibrahim, c. 2. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007), 1.

⁴ Ceti adalah peminjam (pelepas) wang (biasanya) berketurunan India yang mengenakan bunga yang tinggi. *Kamus Dewan*, 1994, 238. Masyarakat *Chettiar* dikenali sebagai masyarakat Hindu Peranakan yang berasal daripada Tamil Nadu, India. Mereka adalah para pedagang yang kaya raya yang datang ke Melaka sejak abad ke-15. Lihat Rahilah Omar, Nasrun Alias dan Teo Kok Seong, Pemilihan Bahasa Masyarakat Chetti di Melaka, *Jurnal Melayu*, (2016), 15(2), 210-222.

⁵ A Rahman Tang Abdullah, Economic Change and Transition of Malay Society in Malaya in Late Nineteenth and Early Twentieth Centuries, *Jurnal Sejarah*, (2012), 20:71-95.

Pihak British yang menguasai Tanah Melayu ketika itu juga pernah menawarkan skim pinjaman kecil (*Small Credit Scheme*) kepada para orang Melayu untuk tujuan memajukan bidang pertanian.⁶ Sejarah membuktikan budaya berhutang dalam kalangan orang Melayu berkait rapat dengan ekonomi pertanian. Pada zaman feudal, sektor pertanian adalah tunjang utama kepada aktiviti ekonomi serta politik. Namun pada zaman penjajahan British mereka mengasingkan sektor pertanian kepada dua kategori iaitu pertanian komersil dan pertanian sara diri. Keadaan inilah yang menjadi antara faktor penyebab kemunduran dan kemiskinan orang Melayu yang mewujudkan budaya berhutang.⁷

Sebahagian daripada orang Melayu terpaksa berhutang akibat kemelesetan ekonomi yang berlaku di Tanah Melayu sekitar tahun 1930-an dan ia membawa kepada tindakan mencagar tanah milik mereka kepada golongan *Chettiar*.⁸ Ini kerana sebahagian besar tulisan dan rujukan tentang aktiviti orang Melayu sekitar abad ke-19 mentakrifkan bentuk ekonomi mereka sebagai bersifat sara diri yang berkeadaan tertutup, secara tradisional, kurang berdaya saing dan hasil pengeluaran yang berskala kecil yang berada pada tahap produktiviti yang rendah.⁹

⁶ Pihak British melalui Kerajaan Selangor pada tahun 1884 menawarkan pinjaman pertanian sebanyak RM 1000.00 setahun. Kemudian pada tahun 1985, pihak Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan skim pinjaman pertanian kepada para petani yang layak. Pihak British melalui Residen Perak dan Selangor menawarkan pinjaman minimum sebanyak RM 1000.00 kepada setiap petani yang layak. Lihat A Rahman Tang Abdullah, *Economic Change and Transition of Malay Society in Malaya in Late Nineteenth and Early Twentieth Centuries*, *Jurnal Sejarah*, (2012), 20:71-95.

⁷ Ishak Saat, *Malaysia (1945-2000)*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd., (2009), 275.

⁸ Ibid.

⁹ Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, *Warisan Kesultanan Melayu: Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid dan Ekonomi Kedah*, *Sari- International Journal of the Malay World and Civilisation*, 29, (2011), 2,46.

Kajian menunjukkan bahawa amalan berhutang orang Melayu luar bandar kerana barangan dapur dan hutang wang yang menjurus kepada amalan riba.¹⁰ Pihak yang menjadi pemiutang adalah pembesar Melayu yang kaya raya, *Chettiar* dan tauke Cina. *Chettiar* sebagai pemiutang amat sinonim dalam masyarakat Melayu sehingga istilah ceti merujuk kepada golongan yang memberikan pinjaman wang dengan kadar bunga yang tinggi.¹¹ *Chettiar* menjadi tempat mendapatkan hutang kerana mereka dikenali dengan golongan yang baik hati dan melayan pelanggan dengan ramah. Malah apabila hubungan *Chettiar* dengan peminjam ini terlalu rapat, hutang yang diberikan tidak dikenakan cagaran. Keadaan ini menyebabkan aktiviti mengambil hutang meningkat dalam masyarakat Melayu. Catatan sejarah menunjukkan di Parit Buntar, Perak satu pertiga daripada penduduk kampung berhutang dengan *Chettiar*. Kesan dari berhutang ini menyebabkan tanah orang Melayu terlepas kepada golongan *Chettiar*.¹²

Amalan berhutang dalam kalangan masyarakat Melayu bukan melibatkan masyarakat biasa sahaja, akan tetapi turut dilakukan oleh golongan bangsawan. Ini dapat dibuktikan misalnya di Kedah, amalan berhutang dapat dikesan daripada sikap sultan dan golongan kerabat diraja yang biasa hidup mewah terlibat dengan aktiviti perjudian yang kemudiannya mendorong mereka meminjam wang daripada golongan *Chettiar* dan saudagar Cina.¹³

¹⁰ Mokhzani bin Abdul Rahim, *Credit in the Malay Peasant Economy*, (Kuala Lumpur: Arus Intelek Sdn Bhd. & Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Malaya, 2006), 386 . Lihat juga Kee-Cheok Cheong, *Book Review Mokhzani, Abdul Rahim (2006). Credit in a Malay Peasant Economy*, Kuala Lumpur: Arus Intelek and the Faculty of Economics and Administration, University of Malaya, *Malaysian Journal of Economic Studies*, (2016), 53(1),165-168,

¹¹ Azharudin Mohd Dali, *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012), 133.

¹² *Ibid.*, 146.

¹³ Nor Asmat Ismail & Hainnur Aqma Rahim, *Susur Galur Amalan Berhutang Dalam Kalangan Masyarakat Melayu*, *Jurnal Antrabangsa Dunia Melayu*, (2018), 11:1, 110-127.

Bagi masyarakat Cina pula, pada abad ke-19 dan 20, mereka banyak terlibat dalam kegiatan perlombongan bijih timah dan sektor pertanian komersial atau untuk eksport, iaitu lada hitam dan gambir. Keadaan ini menjadikan mereka mempunyai asas kewangan yang lebih kukuh berbanding orang Melayu terlibat dalam pertanian sara diri. Justeru, kemelesetan ekonomi tidak banyak memberikan kesan besar kepada mereka. Menurut catatan sejarah, masyarakat Cina menggunakan khidmat *Chettiar* ini untuk meningkatkan kegiatan ekonomi mereka. Contohnya golongan *Chettiar* membiayai sepenuhnya perdagangan candu di Singapura dan Pulau Pinang antara tahun 1870-an hingga 1880-an. Begitu juga pada akhir abad ke-19 hingga pertengahan abad ke-20, mereka mendapat bekalan kredit daripada *Chettiar* untuk membuka hutan di Tanah Melayu bagi mengusahakan tanaman getah di Melaka dan melombong bijih timah.¹⁴

Amalan berhutang dalam masyarakat Cina berbeza daripada amalan berhutang masyarakat Melayu. Orang Melayu berhutang bukan sahaja untuk mendapatkan keperluan harian tetapi juga untuk bermewah-mewah. Misalnya di Perak, catatan sejarah merakamkan bahawa orang Melayu berhutang daripada Ceti bukan sahaja untuk mendapatkan keperluan harian tetapi juga untuk mengadakan upacara tertentu yang dapat menaikkan taraf sosial mereka.¹⁵

Sementara kaum India pula, kegiatan ekonomi banyak dikuasai oleh golongan *Chettiar* yang antara lain menguruskan perniagaan pinjaman wang secara berlesen dan

¹⁴ Uqbah Iqbal, Nordin Hussin, dan Ahmad Ali Seman. Sejarah perkembangan ekonomi Semenanjung Tanah Melayu dan sifat ekonomi masyarakat Melayu era pra-kolonial. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)* 3, (2015), 2, 95-119; Nor Asmat Ismail & Hainnur Aqma Rahim, Susur Galur Amalan Berhutang Dalam Kalangan Masyarakat Melayu, *Jurnal Antrabangsa Dunia Melayu*, (2018), 11:1, 110-127.

¹⁵ Nor Asmat Ismail & Hainnur Aqma Rahim, Susur Galur Amalan Berhutang Dalam Kalangan Masyarakat Melayu, *Jurnal Antrabangsa Dunia Melayu*, (2018), 11:1, 110-127.

perbankan. Golongan *Chettiar* ini dikatakan memiliki estet-estet getah, sawah padi, ladang-ladang pokok kelapa dan sedikit tanah perlombongan bijih timah.¹⁶

Sebahagian daripada masyarakat India terutama pekerja ladang turut terlibat dengan gejala dan bebanan hutang yang tinggi. Antaranya golongan peminum todi. Gejala ini muncul dan berleluasa sejak era penjajahan British di Tanah Melayu lagi. Justeru, kerajaan British ketika itu melarang pemilik kedai todi menjual todi secara hutang.¹⁷ Ia bertujuan untuk mengelakkan orang India daripada menanggung beban hutang yang tinggi. Walau bagaimanapun, kebanyakan pemilik kedai todi menjual todi secara hutang kepada orang India. Ini kerana, mereka sentiasa menghadapi kesempitan wang pada setiap hujung bulan. Jika pemilik kedai tidak menjual todi secara hutang, orang India akan pergi ke ladang yang berdekatan untuk mendapatkan todi. Pemilik kedai todi tidak mahu menanggung kerugian. Pemilik kedai todi juga mengenakan kadar bunga yang tinggi kepada penghutang. Sekiranya orang India berhutang RM 1.00 dengan pemilik kedai todi, jadi mereka harus membayar balik sebanyak RM 1.50 selepas mereka menerima gaji. Orang India harus melangsaikan hutang apabila mereka menerima gaji pada awal bulan. Ini menyebabkan, orang India tidak mempunyai wang yang cukup untuk menyara keluarga mereka.¹⁸

Jelasnya, amalan berhutang menjadi amalan tradisi masyarakat di Tanah Melayu sebelum merdeka atas pelbagai tujuan sama ada untuk keperluan kehidupan, bermewah-mewah dan sebagainya.

¹⁶ M. Elangko A/L Muniandy. *Perkembangan Sosioekonomi Masyarakat India Sebelum Dan Selepas Dasar Ekonomi Baru (1957-2000)*. Tesis PhD Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (2015), 11.

¹⁷ Parameswari Krishnan & J. Hinduja Jayer Raman, Kesan-kesan todi dalam kalangan buruh India ladang di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, 1900-1957, Kertas kerja yang dibentangkan dalam International Multidisciplinary Conference (IMC 2017), Anjuran Institute of Malaysia-Indonesia Studies (IKMI) – UNISEL, Universitas Muhammadiyah Purwokerto, International Academic Research and Technology Center (IARTC) and Computing ICF, UNISEL, Bestari Jaya Campus, Selangor, 27-28 Julai 2017, 1-17.

¹⁸ Ibid.

4.2.2 Amalan Berhutang Masyarakat Malaysia Pasca Merdeka

Era pasca merdeka pula, amalan berhutang lebih dikaitkan dengan pinjaman atau pembiayaan daripada institusi kewangan dan perbankan untuk memiliki aset seperti kediaman dan kenderaan, dan juga aspek pembiayaan pengajian di kolej atau universiti.

Justeru, penubuhan sistem kewangan di Malaysia seperti juga di negara-negara lain, dapat dikatakan melalui empat peringkat asas. Peringkat pertama, ialah apabila sesebuah ekonomi itu berkembang daripada sistem perdagangan barter, maka unit pertukaran asas dalam sistem kewangan tersebut berbentuk wang 'komoditi' yang terdiri daripada 'token'. Biasanya 'token' ini diperbuat daripada logam yang bernilai yang dijadikan sebagai unit akaun dan ukuran nilai yang piawai bagi tujuan memudahkan perdagangan.¹⁹

Peringkat kedua ialah apabila munculnya amalan perminjaman iaitu apabila dana yang terkumpul dalam kalangan golongan yang kaya dipinjamkan kepada individu atau perusahaan yang memerlukan dana dan mampu menggunakannya dengan dikenakan bayaran atau bunga.²⁰

Manakala peringkat terakhir sejarah perkembangan sistem kewangan di Malaysia apabila institusi kewangan melangkah menuju ke arah kematangan dengan munculnya sekumpulan pengantara kewangan yang menawarkan pelbagai instrumen kewangan

¹⁹ Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999), 65.

²⁰ Ibid.

sebagai media tabungan bagi unit lebih tunai dan juga pelbagai jenis kemudahan kredit dan pelaburan untuk memenuhi keperluan pembiayaan unit kurangan.²¹

Daripada sinilah tertubuh institusi kewangan atau lebih dikenali sebagai bank yang memberikan pelbagai perkhidmatan seperti simpanan, pelaburan dan pinjaman atau pembiayaan kepada masyarakat pengguna.

Amalan pembiayaan hutang di institusi kewangan dan perbankan hari ini menggunakan kontrak pertukaran. Antara kontrak pertukaran tersebut ialah *al-Bay'*, *Bithaman Ajil*, *al-Murabahah*, *al-Ijarah*, *al-Istisna'*, *al-Salam* dan lain-lain. Asas pemakaian kontrak pertukaran dalam institusi kewangan dapat disimpulkan berasaskan dua sebab iaitu sejarah amalan kontrak ini dan kedua, hukum harus menggunakannya berdasarkan al-Quran dan hadith Nabi SAW.

Bagi memenuhi keperluan dalam pelbagai peringkat ekonomi sama ada peringkat individu mahupun peringkat negara, peranan pembiayaan hutang amat penting. Hari ini pembiayaan hutang ini terbahagi kepada enam jenis iaitu pembiayaan pengguna, pembiayaan perdagangan dalam negeri, pembiayaan perdagangan antarabangsa, pembiayaan korporat, pembiayaan antarabangsa dan operasi kewangan kerajaan.

Dengan kewujudan pelbagai jenis pembiayaan hutang ini, segala keperluan kehidupan masyarakat di negara kita dapat dipenuhi. Ia akan dapat dimanfaatkan di semua peringkat sama ada pihak pengguna atau pihak pengusaha dan peniaga, sektor awam atau sektor swasta, dan untuk dalam atau luar negara. Dalam kajian ini, fokus kajian kepada

²¹ Ibid, 67.

aspek kefahaman dan amalan masyarakat terhadap hutang kepenggunaan. Aspek kefahaman menjurus kepada tiga item pilihan iaitu hukum berhutang, proses berhutang dan tanggungjawab berhutang. Manakala aspek amalan pula tertumpu kepada amalan keprihatinan terhadap pelunasan hutang, amalan pemilihan skim patuh syar'i dan sikap bersegera dalam melunaskan hutang.

4.3 Instrumen Pembiayaan Hutang Pengguna

Di Malaysia, terdapat pelbagai sumber pembiayaan bagi pengguna sama ada yang berlesen atau sebaliknya. Sumber pembiayaan hutang yang paling utama dan sah bagi rakyat Malaysia termasuk kakitangan awam adalah daripada institusi kewangan seperti bank, koperasi dan perbendaharaan negara. Selain itu, ada juga sumber lain untuk seseorang itu meminjam atau berhutang seperti orang perseorangan sama ada beliau adalah adik beradik, saudara mara, rakan sekerja dan sebagainya. Begitu juga masih terdapat sebahagian kedai seperti kedai runcit yang menawarkan pembiayaan hutang terhadap barangan keperluan pengguna, atau dalam lain perkataan, pihak pekedai membenarkan pembeli mendapatkan barangan keperluan secara kredit dan dibayar pada hujung bulan atau apabila mendapat gaji. Fenomena itu masih wujud sama ada di kampung-kampung, pekan-pekan kecil dan taman-taman perumahan.

Di samping itu, terdapat juga syarikat-syarikat besar yang menawarkan pembiayaan hutang dalam bentuk ansuran mudah seperti pasar raya Court Mammoth dan Seng Heng. Ini bermakna masyarakat pengguna mempunyai kemudahan untuk berhutang dalam erti kata memiliki barangan keperluan secara mudah daripada pelbagai jenis perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak peniaga.

Di samping kewujudan agensi kewangan atau kredit yang sah dan berlesen atau Pemberi Pinjam Berlesen (PPW),²² terdapat juga pemberi pinjam wang yang tidak berlesen atau lebih popular dikenali sebagai “Ah Long” atau “Lintah Darat”. Penglibatan dengan pihak yang tidak berlesen adalah tidak sah dan salah di sisi undang-undang dan boleh mengakibatkan kesan yang negatif kepada pihak pengguna.

Dalam pada itu, mengikut peraturan yang ditetapkan untuk pinjaman tak bercagar, mereka (syarikat pemberi pinjaman wang – PPW) hanya boleh mengenakan kadar faedah maksimum 18% setahun (p.a) manakala bagi pinjaman bercagar kadar faedah yang boleh dikenakan ialah tidak melebihi 12% setahun (p.a).²³ Berdasarkan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400) Pindaan 2011, Seksyen 17 (A), menyatakan kadar faedah yang dibenarkan adalah 12% setahun bagi pinjaman bercagar dan 18% bagi pinjaman tidak bercagar. Bagi pemberi pinjam wang yang didapati melakukan kesalahan di Seksyen ini boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 20,000 atau penjara 18 bulan atau kedua-duanya sekali. Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai (BPWG) telah menjalankan aktiviti pencegahan melalui pemantauan secara berterusan ke premis perniagaan pemberi pinjam wang (PPW) berlesen dan sepanjang tahun 2011 sejumlah 373 premis PPW telah diperiksa.²⁴

Instrumen pembiayaan hutang pengguna melibatkan kad kredit, pembiayaan peribadi, perumahan dan kenderaan yang ditawarkan oleh institusi-institusi yang melibatkan kakitangan UTM Kuala Lumpur. Ia terdiri daripada institusi perbankan Islam,

²² Peminjam Wang Berlesen beroperasi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menawarkan pinjaman kepada orang ramai. Ia tidak boleh menerima deposit berbeza dengan institusi kewangan seperti bank yang boleh menerima deposit. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), *Money Sense Getting Smart with Your Money*, (Kuala Lumpur: APKP), 2008, 77.

²³ Akta Pemberi Pinjam Wang (1951)

²⁴ http://www.kpkt.gov.my/resources/index/user_1/siaran_media/2012/apr12/bpwg_21042012.pdf atas talian 30 Jun 2017.

Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad (KUTMB) dan Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia. Pengkaji tidak membincangkan mengenai instrumen pembiayaan seperti kad kredit, pembiayaan peribadi (*personal loan*) mahupun pembiayaan perumahan dan kenderaan yang melibatkan pihak institusi kewangan seperti bank kerana ia tidak termasuk dalam fokus kajian ini. Sebaliknya akan membincangkan beberapa jenis pembiayaan yang disediakan oleh pihak UTM kepada kakitangan seperti pembiayaan perumahan, kenderaan dan sebagainya.

4.4 Pola Hutang Isi Rumah Malaysia

Hutang isi rumah (*household debt*) didefinisikan sebagai jumlah hutang yang perlu dibayar oleh isi rumah kepada institusi-institusi kewangan. Ini termasuk hutang rumah dan hutang persendirian.

Banyak kajian dilakukan terhadap amalan keberhutangan warga Malaysia dan boleh dikatakan lebih separuh daripada pendapatan isi rumah digunakan untuk pembayaran balik hutang. Pola hutang isi rumah yang meningkat saban tahun menjadikan negara kita berada pada kedudukan teratas dalam kalangan negara ASEAN.²⁵ Ini terbukti apabila nisbah hutang isi rumah di negara ini mencecah 140 peratus. Kadar tersebut jauh mengatasi negara jiran Singapura (105 peratus), Thailand (53 peratus) dan Indonesia (38 peratus).²⁶ Kebanyakan mereka dikenal pasti berhutang apabila mula memasuki pasaran kerja sewaktu pertengahan usia 20-an. Kemudian, mereka dibelenggu kemelut hutang apabila usia menjangkau 30-an. Keadaan ini amat membimbangkan apabila mereka yang

²⁵ Maryam Dikko & Ahmad K. Madi, *Casualties and Effects of Household Debt in Asean Countries*, *International Journal of Economics, Commerce and Management* 3 (2015), Feb 2015, 2, 1-8.

²⁶ Suyatno & Ismail Suardi Wekke, *Governance in Southeast Asia: Indonesia-Malaysia Perspective on Politics and Social Studies*, (Yogyakarta: Deepublish, 2018), 53-54.

berada dalam usia belia dan produktif sewajarnya menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan ekonomi negara, tetapi sebaliknya terpaksa berhadapan dengan isu berhutang.

Sehubungan itu, Laporan Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 2010 merekodkan nisbah hutang isi rumah terhadap pendapatan negara telah meningkat dengan mendadak kepada 76.6 peratus pada tahun 2009 di mana ia merupakan tertinggi di Asia (tidak termasuk Jepun). Nisbah hutang isi rumah terhadap pendapatan boleh guna individu mencatatkan 140.4 % pada tahun 2009, iaitu lebih tinggi daripada Singapura (105.3%) dan Amerika Syarikat (123.3%). Nisbah hutang isi rumah yang tinggi ini merupakan sesuatu yang membimbangkan kerana nisbah hutang isi rumah yang tinggi terhadap pendapatan boleh guna adalah penentu kepada *financial distress*.²⁷

Sementara Laporan Bank Negara Malaysia pada tahun 2015 pula, walaupun agregat nisbah aset kewangan isi rumah kepada hutang tetap kekal dua kali sejak lima tahun yang lalu (2011 hingga 2015), namun paras leveraj (yakni nisbah hutang terkumpul kepada pendapatan tahunan) pada tahun 2015 ternyata tinggi dalam kalangan isi rumah berpendapatan RM3,000 sebulan (23.6%) dan lebih tinggi lagi bagi isi rumah dengan pendapatan melebihi RM5,000 (55.2%). Namun, trend bagi paras leveraj sektor isi rumah dengan pendapatan bulanan rendah (RM3,000) ini dilihat semakin menurun daripada 24.3% (2014) kepada 23.6% (2015). Hal ini mencerminkan kemampuan membayar balik pinjaman yang lebih baik walaupun pada kadar pembayaran yang rendah. Dalam masa yang sama, didapati juga 48.6% hutang isi rumah di Malaysia dicagarkan kepada pembiayaan hartanah, sewa beli (15.5%), pembiayaan peribadi (15%), harta bukan

²⁷ Nurshahirah Azman, Roza Hazli Zakaria & Sabitha Marican, Sikap Isi Rumah Terhadap Hutang dan Keberhutangan: Kajian Kes di Lembah Klang, Malaysia, *The Malaysian Journal of Social Administration* 9 (2013), 1, 59-86.

kediaman (7.6%), sekuriti (6.1%) dan kad kredit (3.5%). Kepelbagaian jenis hutang ini menunjukkan kemudahan kredit sememangnya membolehkan isi rumah membeli harta, kenderaan dan barangan pengguna serta membuat pelaburan.²⁸

Menurut Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2015 lagi, kadar hutang isi rumah berbanding dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ialah 81 peratus pada tahun 2014. Keadaan ini bermaksud, hutang yang ditanggung oleh rakyat Malaysia adalah sebanyak 81 peratus daripada pendapatan yang diterima pada tahun 2015. Statistik juga menunjukkan bahawa Malaysia merupakan negara yang mempunyai paras hutang isi rumah kedua tertinggi di rantau Asia Pasifik selepas Korea Selatan (86%), diikuti oleh Singapura (77%), Thailand (72%), Jepun (66%), Hong Kong (63%), Taiwan (47%), China (35%), India (19%), Indonesia (18%) dan Filipina (6%). Berdasarkan statistik dunia pula, Malaysia menduduki tangga ke-5 selepas Korea Selatan.

Hutang isi rumah telah berkembang dengan ketara dalam kedua-dua negara maju dan negara membangun dalam dua dekad terakhir. Ia mempunyai pertumbuhan penggunaan yang berterusan dan seterusnya menyumbang kepada penurunan dalam tabungan isi rumah.²⁹

Statistik daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kewangan (AKPK) pada tahun 2014 mendapati punca utama peminjam memohon menyertai program pengurusan kredit adalah disebabkan oleh tiada kewangan (22.8%), diikuti oleh perbelanjaan

²⁸ Norain Mohd Asri, Fariza Ahmad, Norlaila Abu Bakar, Rozarina Izura Tukiran & Fadhilah Hairol Zaman, Pola Perbelanjaan Dan Tabungan, Serta Status Pembiayaan Dalam Kalangan Pemiutang Kenderaan, Peribadi Dan Kad Kredit Di Selangor, *Jurnal Pengguna Malaysia* 26 (2015), 94-111.

²⁹ Siti Noor Akmal Mat Jusoh, Implikasi Hutang Isi Rumah Terhadap Pertumbuhan Ekonomi Di Malaysia, dlm. *Conference Proceedings of Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS)*, School of Social Sciences, Pulau Pinang, Malaysia, (2015), 313-323.

kesihatan yang tinggi (17.7%), gagal dalam perniagaan (15.5%), hilang kawalan dalam penggunaan kad kredit (11.0%) dan kos sara hidup yang tinggi (4.8%).³⁰

Kajian oleh Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan Untuk Pengguna, Malaysia (ERA Consumer Malaysia) dan Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC) yang mensasarkan pekerja muda yang berusia dari 18 tahun hingga 35 tahun di sekitar wilayah tengah semenanjung Malaysia (Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya) telah dijalankan pada tahun 2012. Kajian ini menunjukkan lebih kurang 47% pekerja muda mempunyai hutang yang serius, iaitu lebih daripada 30% daripada gaji bulanan digunakan untuk membayar hutang. Melalui kajian tersebut juga, didapati bahawa 37% pekerja muda mengaku bahawa mereka berbelanja melebihi daripada tahap kemampuan mereka.³¹ Hal ini merupakan salah satu punca utama yang boleh mengakibatkan golongan muda individu menghadapi masalah dalam pengurusan kewangan mereka.

Kajian Rokiah Talib³² pada tahun 1995 dan Nur Aisyatul Radiah, Sanep, Mohd. Ali dan Mohammed Rizki³³ pada tahun 2015 menunjukkan secara purata masyarakat Melayu mempunyai tahap hutang yang lebih tinggi berbanding dengan masyarakat Cina. Kajian mendapati masyarakat Melayu berhutang untuk membeli kenderaan, kegunaan peribadi, membeli rumah dan kad kredit, manakala masyarakat Cina berhutang hanya untuk membeli kenderaan, membeli rumah dan kad kredit.

³⁰ Mohamad Fazli Sabri, Beban Hutang: Implikasi Kepada Kebajikan Isi Rumah dan Ekonomi Keluarga, dlm. Nor Hartini Saari & Muhamad Azhar Hashim (pnyt.), *Hutang Isi Rumah Malaysia: Cabaran dan Penyelesaian*, (Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 2016), 107-108.

³¹ Abdul Basit Hodari, Tamat Sarmidi & Norlida Hanim Mohd Salleh. Hutang dan Golongan Muda di Malaysia: Satu Kajian Awal, *Prosiding PERKEM ke-9*, (2014), 833-844.

³² Rokiah Talib. Credit and customer culture in Malaysia. Dlm. Rokiah Talib & Tan Chee Beng (ed.), *Dimension of tradition and development in Malaysia*. (Selangor: Pelanduk Publication, 1995), 203-221.

³³ Nur Aisyatul Radiah Alidaniah, Sanep Ahmad, Mohd. Ali Mohd. Noor & Mohammed Rizki Moi. Gelagat hutang isi rumah mengikut kaum di Bandar Baru Bangi, Selangor. *Malaysian Journal of Society and Space* 11 (2015), 11, 110-119.

Kajian Nur Aisyatul Radiah et. al. pada tahun 2015³⁴ pula menunjukkan bahawa masyarakat Melayu lebih gemar berhutang berbanding dengan masyarakat Cina, terutama pinjaman peribadi. Tidak mustahil berlaku kegagalan membayar balik hutang jika tidak mempunyai kemahiran menguruskan kewangan dengan baik. Justeru, perkara ini tidak seharusnya dipandang ringan kerana kegagalan membayar balik hutang bukan sahaja akan memberikan kesan buruk pada psikologi masyarakat, seterusnya mengundang masalah tekanan mental, depresi, bunuh diri dan pergaduhan dengan ahli keluarga.

Dalam konteks perbelanjaan isi rumah pula, perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata Malaysia telah meningkat daripada RM3,578 pada 2014 kepada RM4,033 pada 2016 iaitu pertumbuhan 6.0 peratus setahun pada nilai nominal. Manakala pada nilai benar, kadar pertumbuhan tahunan adalah 3.9 peratus bagi tempoh yang sama. Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata di bandar telah menunjukkan peningkatan pada kadar 5.8 peratus setahun daripada RM3,921 kepada RM4,402 manakala di luar bandar juga meningkat pada kadar 5.7 peratus setahun daripada RM2,431 kepada RM2,725 bagi tempoh 2014 hingga 2016.³⁵

Pada tahun 2016, Wilayah Persekutuan Putrajaya merekodkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata tertinggi (RM6,971), diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (RM6,214), Selangor (RM5,183), Melaka (RM4,374), Pulau Pinang (RM4,190), Johor (RM4,148) dan Wilayah Persekutuan Labuan (RM4,069). Negeri-negeri lain merekodkan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata di bawah paras nasional (RM4,033). Semua negeri mencatatkan peningkatan dalam

³⁴ Ibid.

³⁵ Jabatan Perangkaan Malaysia. Siaran Akhbar Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016, <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=V3R4SHBmeUhdUWIETjZUbXdWbXB2dz09> atas talian 1 Ogos 2018.

perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata. Dalam tempoh tersebut, lapan negeri telah merekodkan kadar pertumbuhan melebihi kadar pertumbuhan nasional iaitu 6.0 peratus. Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan kadar pertumbuhan tertinggi iaitu 10.7 peratus, diikuti oleh Terengganu (10.4%), Perlis (9.0%), Pulau Pinang (8.9%), Negeri Sembilan (8.4%), Perak (7.9%), Wilayah Persekutuan Labuan (7.6%) dan Melaka (6.9%).³⁶

Jelasnya, pola hutang isi rumah menunjukkan peningkatan saban tahun dan menjadi fenomena yang agak membimbangkan ini perlu ditangani segera sebelum ia menjadi semakin parah apatah lagi mendatangkan kesan buruk kepada masyarakat pengguna dan negara amnya.

4.5 Amalan Berhutang Dalam Kalangan Penjawat Awam

Menurut Omar Osman,³⁷ Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), sebahagian besar daripada 1.2 juta orang kakitangan awam di negara ini berhutang, menyebabkan ada di antaranya membawa pulang hanya 40 peratus sahaja daripada gaji mereka setiap bulan. Tambah beliau, ada dalam kalangan kakitangan awam memperoleh pendapatan boleh guna yang sedikit, malah ada yang mencapai tahap teruk. Ada kes di mana mereka yang berumur 50 tahun belum habis membayar hutang, malah lebih teruk lagi ada yang kehabisan bayaran gratuiti kerana menjelaskan pinjaman.³⁸

³⁶ Ibid.

³⁷ Omar Osman adalah Presiden CUEPACS ketika kajian ini dijalankan. Bagi Sesi 2013-2016, En. Azih Muda yang selaku Presiden Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Semanjung Malaysia (ANULAE) telah dipilih sebagai Presiden yang baharu menggantikan Datuk Omar Osman. Beliau sebelum itu adalah Timbalan Presiden I CUEPACS. <http://cuepacs.blogspot.com/2013/12/utusan-malaysia-19122013-omar-osman.html>. Atas talian 1 Jun 2018.

³⁸ <http://cuepacs.blogspot.com/2009/08/kakitangan-awam-dibebani-hutang.html>. Lihat Utusan Malaysia, 8 Ogos 2009. Atas talian 1 Jun 2018.

Terdapat banyak laporan dalam media massa sejak 30 tahun kebelakangan ini. Antaranya seperti laporan akhbar Utusan Online pada 1 Mac 2011 yang menyatakan bahawa 1,086 penjawat awam bankrap, ramai dibelenggu hutang.³⁹

“Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong hari ini mendedahkan ramai penjawat awam di negara ini dibelenggu masalah keterhutangan yang serius yang mungkin membawa kepada kebangkrutan. Beliau berkata, pada tahun 2009 sahaja, Jabatan Insolvensi Malaysia melaporkan seramai 1,086 penjawat awam diisytiharkan bankrap di mana 72.74 peratus daripadanya adalah lelaki.”

Begitu juga laporan akhbar Kosmo Online 1 Mei 2017 yang menyebut,

“Lebih 60,000 daripada 1.6 juta penjawat awam berdepan risiko muflis berikutan kegagalan menguruskan hutang pinjaman yang dibuat melebihi kemampuan mereka. Presiden Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Azih Muda berkata, penjawat awam terbabit didapati melakukan beberapa pinjaman peribadi daripada institusi kewangan yang mudah meluluskan permohonan mereka.”⁴⁰

Begitu juga portal Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang turut memuatkan laporan akhbar Kosmo Online di atas dalam laman rasmi mereka.⁴¹

Malah pada akhir bulan Februari 2018, jumlah hutang terkumpul penjawat awam adalah sebanyak RM236 bilion. Jumlah ini bersamaan dengan 20% daripada jumlah hutang isi rumah atau 17% daripada KDNK, lebih tinggi daripada tahap yang dicatat pada tahun 2012 (18% daripada jumlah hutang isi rumah atau 15% daripada KDNK). Hampir kesemua penjawat awam (97%) ada membuat pinjaman tertentu, dengan 62% daripada

³⁹ 1,086 penjawat awam bangkrap, ramai dibelenggu hutang, Utusan Online 2 Mac 2011. http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0302&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_12.htm. Atas talian 11 Ogos 2018.

⁴⁰ Penjawat awam banyak hutang, Kosmo Online, 1 Mei 2017. http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=0501&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_01.htm. Atas talian 11 Ogos 2018.

⁴¹ <https://www.skm.gov.my/index.php/my/188-keratan-akhbar/keratan-akhbar-2017/mei2017/2078-penjawat-awam-banyak-hutang>. Atas talian 11 Ogos 2018.

kredit diperoleh daripada IKBB (purata negara: 18%). Hampir separuh daripada peminjaman penjawat awam adalah untuk tujuan penggunaan (pembiayaan peribadi, kenderaan bermotor, kad kredit dan lain-lain) yang jauh lebih tinggi daripada purata negara pada 35%. Dari segi lokasi geografi, hampir separuh daripada mereka yang berhutang menetap di empat negeri utama yang telah mencapai tahap pembangunan yang tinggi (*key urbanised states*), dengan kos sara hidup yang secara relatif lebih tinggi. Kira-kira dua pertiga daripada penjawat awam berpendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan.⁴²

Terdapat juga laporan media massa seperti *The Malaysian Insider* yang menyebut wujud pemberi pinjaman wang secara haram atau “Ah Long” yang beroperasi di dalam perkhidmatan awam, dengan beberapa kakitangan kerajaan bekerja separuh masa sebagai agen mereka. Keadaan ini sekali gus menurut Presiden CUEPACS, Datuk Azih Muda membuatkan trend penjawat awam membuat pinjaman dengan lintah darat sukar dibendung. Pihak media massa juga melaporkan Azih Muda sebagai berkata, kira-kira 150,000 penjawat awam atau 12% daripada tenaga kerja kerajaan meminjam wang daripada skim pinjaman mudah tidak sah dan “Ah Long”. Kebanyakannya kakitangan berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan dan bergelut dengan kenaikan kos sara hidup.⁴³

Namun laporan pihak media massa yang menyebut terdapat sebilangan penjawat awam terlibat dengan pinjaman secara haram atau “Ah Long” terutamanya dalam kalangan berpendapatan bawah RM3,000 merupakan kenyataan yang tidak dapat

⁴² Ramai kakitangan awam berhutang, *Sinar Harian* 1 Oktober 2018.

<https://www.sinarharian.com.my/nasional/ramai-kakitangan-awam-berhutang-1.886031>.

⁴³ <https://www.malaysianreview.com/156952/saksi-beritahu-nampak-myvi-kuning-dan-putih-langgar-pajero/> atas talian 15 Oktober 2018.

dibuktikan dengan data, kata Ketua Setiausaha Negara (KSN) Tan Sri Ali Hamsa. “Jika ia benar-benar berlaku, pihaknya memandang serius perkara itu dan akan cuba meminta bantuan daripada Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Ceupacs) bagi mengesahkan perkara itu,” tambah beliau.⁴⁴

Masalah keberhutangan serius banyak melibatkan masyarakat Melayu Muslim sama ada mereka adalah kakitangan kerajaan atau swasta. Seramai 450,000 orang daripada 1.2 juta kakitangan awam di negara kita menghadapi masalah hutang. Jumlah hutang mereka sebanyak 60 peratus dan mempunyai baki pendapatan setelah ditolak hutang hanya tinggal 40 peratus daripada gaji mereka.⁴⁵ Sementara itu, menurut Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), jumlah pembayaran balik semua jenis hutang tidak boleh melebihi 40 peratus dari gaji kasar bulanan.⁴⁶

Kes-kes berberhutangan serius juga telah memberi imej negatif kepada perkhidmatan kakitangan awam di Malaysia. Berdasarkan Laporan Pengurusan Tatatertib Perkhidmatan Awam, suku pertama tahun 2009 iaitu dari Januari hingga Mac, terdapat kes melibatkan kesalahan keberhutangan kewangan yang serius. Sebanyak 80 peratus kes keberhutangan yang serius melibatkan kumpulan sokongan, manakala sebanyak 20 peratus lagi melibatkan kumpulan pengurusan dan profesional. Lebih parah lagi, pada tahun yang sama iaitu 2009 juga seramai 1,086 penjawat awam telah diisytiharkan bankrap oleh Jabatan Insolvensi dengan 72.74 peratus adalah dalam kakitangan lelaki.⁴⁷ Kewujudan kes muflis selain mencemarkan imej sektor awam, ia juga memberi kesan

⁴⁴ Ibid.

⁴⁵ Utusan Malaysia, 30 Jun 2009.

⁴⁶ Pecahan untuk pendapatan bulanan yang disyorkan ialah 1/3 diperuntukkan untuk perbelanjaan, 1/3 untuk hutang dan 1/3 lagi untuk tabungan. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), *Power! Pengurusan Wang Ringgit Anda*, (Kuala Lumpur, AKPK, 2011), 31.

⁴⁷ Mohd Kamal Azman bin Jusoh, *Konsep Hutang Dalam Islam: Satu Kajian Terhadap Kefahaman dan Amalan Kakitangan UiTM*, Tesis PhD Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, (2014), 14.

besar kepada individu terbabit. Kakitangan awam yang muflis akan kehilangan kemudahan pencen apabila bersara dan kebebasan akan dihadkan serta akan terikat dengan peraturan-peraturan dari Jabatan Insolvensi.⁴⁸

4.6 UTM dan Kemudahan Pinjaman Kepada Staf

Sebagai badan berkanun, pihak UTM juga menyediakan pelbagai bentuk kemudahan kepada staf. Antara kemudahan yang disediakan ialah kemudahan perubatan, klinik panel, sukan, kemudahan Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ) dan skim pinjaman. Dalam kajian ini, pengkaji hanya mengemukakan aspek skim pinjaman sahaja yang dilihat mempunyai kaitan dengan tajuk kajian.

Pihak Universiti telah menyediakan tiga skim pinjaman kepada kakitangan yang layak iaitu Skim Pinjaman Kenderaan, Pinjaman Perumahan Kerajaan dan Skim Pinjaman Komputer.⁴⁹ Berikut dikemukakan tiga skim pinjaman tersebut.

4.6.1 Skim Pinjaman Kenderaan

Terdapat beberapa syarat pembiayaan yang perlu dipenuhi oleh staf Universiti bagi mendapatkan pinjaman kenderaan iaitu

- i. Ditawar kepada staf bertaraf Tetap / Kontrak kecuali staf sambilan dan sementara.
- ii. Jumlah potongan termasuk potongan pinjaman tidak melebihi 60% dari gaji & elaun.

⁴⁸ Ibid.

⁴⁹ http://registrar.utm.my/bpo/?page_id=1230

- iii. Ada lesen memandu yang sah.
- iv. Penjamin bertaraf Tetap dari Kumpulan A & B.
- v. Salinan geran (kereta terpakai) / sebutharga (kereta baru).
- vi. Serta surat tawaran / surat sah jawatan dan slip gaji terkini.
- vii. Bayaran balik melalui potongan gaji.
- viii. Boleh memohon pinjaman kedua selepas 5 tahun setelah pinjaman pertama selesai.

Jadual 4.1 Amaun dan Tempoh Pembiayaan Pinjaman Kenderaan

Amaun Dan Tempoh Pembiayaan Pinjaman Kenderaan	
Gred/Kategori	Jumlah Had Kategori
Gred Utama/Khas 'A' dan ke atas / JUSA	RM70,000.00
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	RM65,000.00
Kumpulan Sokongan (Kelulusan Khas bagi gaji RM 1620 ke bawah)	RM55,000.00
Pembelian Motosikal	RM 5,000.00

* Pembiayaan dan bayaran perkhidmatan hendaklah dibayar balik pada tiap-tiap bulan:

a) Bagi kereta baru tidak melebihi 108 bulan (9 tahun)

b) Bagi kereta terpakai tidak melebihi 96 bulan (8 tahun) bergantung pada nilai JKR

Sementara bagi bayaran balik pinjaman pula Jadual 4.2 di bawah ada butirannya:

Jadual 4.2: Bayaran Balik Pembiayaan

Jadual Bayaran Balik Pembiayaan	
Tempoh Pembiayaan (Tahun)	Bayaran Balik Bulanan Bagi Pinjaman Setiap RM 1,000
1	85.15
2	43.42
3	29.52
4	22.58
5	18.42

6	15.65
7	13.67
8	12.19
9	11.04

4.6.2 Pinjaman Perumahan Kerajaan

Pihak UTM menyediakan pinjaman perumahan untuk tiga jenis pemilikan iaitu harta pertama, harta kedua dan untuk ubahsuai rumah berdasarkan beberapa syarat yang tertentu.

a) PINJAMAN / PEMBIAYAAN PERUMAHAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA (HARTA PERTAMA), berikut dikemukakan butirannya.

Semua staf yang dilantik di UTM layak menerima kemudahan pinjaman perumahan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Semua staf berjawatan tetap
- ii. Warganegara Malaysia
- iii. Borang Permohonan dikemukakan 6 bulan sebelum bersara/ tamat perkhidmatan
- iv. Berkhidmat sekurang-kurangnya 1 tahun
- v. Telah disahkan dalam jawatan
- vi. Bukan seorang bankrap, si berhutang hukuman, pemakan gaji tidak berkemampuan, sedang dalam tindakan tatatertib.

Jenis-Jenis Pinjaman/ Pembiayaan

- i. Membeli rumah yang telah siap (Jenis 1)
- ii. Membina rumah di atas tanah sendiri (Jenis 2)
- iii. Membeli rumah yang di dalam pembinaan (Jenis 3)
- iv. Membeli tanah (Jenis 4)
- v. Menyelesaikan pinjaman perumahan dari bank atau institusi kewangan (Jenis 5)

Skim Pinjaman

- i. Skim Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia (SPPP)
- ii. Skim Pembiayaan Perumahan Secara Islam (SPPPI)

Jadual 4.3 Kadar Kelayakan Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia

Bil.	Gaji Bulanan Hakiki (RM)	Kelayakan Pinjaman (RM)
1	6,500 ke atas	450,000
2	5,500 ke 6,499	420,000
3	4,500 ke 5,499	400,000
4	3,500 ke 4,499	380,000
5	3,000 ke 3,499	320,000
6	2,500 ke 2,999	280,000
7	2,000 ke 2,499	255,000
8	1,500 ke 1,999	205,000
9	1,200 ke 1,499	168,000
10	1,000 ke 1,199	130,000
11	800 ke 999	105,000
12	799 ke bawah	80,000

Rujukan: Surat Pekeliling Pindaan ke-2 kepada Pekeliling Perbendaharaan

Bil. 5/2011. Kadar kelayakan Pinjaman Perumahan

- iii. Kadar bayaran balik pembiayaan/ pinjaman adalah 4% setahun.
- iv. Tempoh bayaran adalah selama 300 bulan (25 tahun) bagi peminjam yang memilih skim pencen manakala peminjam yang memilih skim KWSP tempoh bayaran balik adalah sehingga umur persaraan wajib.
- v. Bayaran wang proses adalah RM1.00 bagi setiap RM1,000.00 pembiayaan/ pinjaman yang dipohon.

b) PEMBIAYAAN / PINJAMAN BAGI HARTA KEDUA

Syarat-syarat Pembiayaan/ Pinjaman Harta Kedua

- i. Telah menyelesaikan keseluruhan baki hutang pembiayaan/pinjaman perumahan bagi harta pertama.
- ii. Bagi yang telah membuat pinjaman untuk kerja-kerja ubahsuai rumah tidak layak memohon pinjaman harta kedua.
- iii. Amaun pinjaman harta kedua adalah perbezaan diantara kelayakan semasa dengan amaun yang telah diambil atas pembelian harta pertama.
- iv. Tempoh maksimum bayaran balik adalah 20 tahun (240 bulan) bagi peminjam yang memilih skim pencen manakala bagi peminjam yang memilih skim KWSP tempoh bayaran balik adalah sehingga umur persaraan wajib.
- v. Kadar bayaran balik pinjaman adalah 4% setahun.
- vi. Wajib mengambil insuran gadaijanji / takaful gadaijanji serta insuran kebakaran.
- vii. Bayaran wang proses adalah RM2.00 bagi setiap RM1,000.00 pinjaman yang dipohon.

Rujukan: Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 2005 berkuatkuasa mulai 1 Januari 2006

Bagi staf yang ingin membuat pinjaman atau pembiayaan untuk mengubahsui rumah, pihak Universiti juga ada menyediakan kemudahan pinjaman tersebut, iaitu

c) PINJAMAN / PEMBIAYAAN UNTUK KERJA UBAHSUAI RUMAH

Berikut dikemukakan syarat-syarat pinjaman / pembiayaan bagi kerja-kerja ubahsui rumah:

- i. Permohonan membuat pinjaman / pembiayaan untuk kerja-kerja ubahsui rumah hanya dibenarkan bagi harta yang telah dibeli melalui pinjaman / pembiayaan perumahan perbendaharaan sahaja.
- ii. Permohonan hanya boleh dibuat selepas 5 tahun dari tarikh surat kelulusan bagi pinjaman pembiayaan Jenis 1 dan Jenis 5 ATAU 5 tahun dari tarikh pengeluaran bayaran 95%/100% dikeluarkan bagi pinjaman / pembiayaan Jenis 2 dan Jenis 3.
- iii. Pemohon atau '*spouse*' (bagi pinjaman / pembiayaan bersama) yang masih mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman / pembiayaan tidak layak dipertimbangkan.
- iv. Permohonan pinjaman / pembiayaan bagi kerja-kerja ubahsui rumah hanya dibenarkan sekali sahaja.
- v. Amaun pinjaman / pembiayaan adalah perbezaan di antara kelayakan semasa (mengikut gaji hakiki) dengan amaun yang telah diambil atas pembelian harta

terdahulu, tidak termasuk Perlindungan Takaful/Insurans Gadaijanji dan Pemilik Rumah.

- vi. Bagi pemohon yang memilih skim jawatan tetap dan berpencen, tempoh maksima bayaran adalah tidak lebih dari 25 tahun.
- vii. Bagi pemohon yang memilih skim jawatan tetap dan mencarum KWSP, tempoh maksima bayaran balik adalah baki tempoh berkhidmat sebelum tarikh umur persaraan wajib.
- viii. Kerja-kerja ubahsuai rumah hanya boleh dimulakan selepas surat tawaran kelulusan pinjaman/pembiayaan dikeluarkan oleh Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan.
- ix. Permohonan ubahsuai rumah bagi pembiayaan bersama (SPPI), hendaklah dipohon secara bersama oleh suami isteri.
- x. Permohonan hendaklah sampai ke Bahagian Pinjaman Perbendaharaan (BPP) tidak lewat dari enam (6) bulan sebelum tarikh bersara bagi pemohon yang memiliki skim jawatan tetap dan berpencen.
- xi. Pinjaman kerja-kerja ubahsuai tidak dibenarkan untuk pembelian ataupun pembinaan aksesori rumah.⁵⁰

(Staf boleh melayari laman web Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan Malaysia <http://bpp.treasury.gov.my>)

4.6.3 Skim Pinjaman Komputer

Di samping pembiayaan kenderaan dan perumahan, pihak Universiti juga menyediakan kemudahan skim pinjaman komputer kepada staf yang layak.

⁵⁰ http://registrar.utm.my/bpo/?page_id=1232

Syarat pembiayaan bagi skim pinjaman komputer adalah:

- i. Ditawar kepada staf bertaraf Tetap / Kontrak kecuali staf sambilan dan sementara.
- ii. Jumlah potongan termasuk potongan pinjaman tidak melebihi 60% dari gaji dan elaun.
- iii. Dua penjamin bertaraf tetap & slip gaji terkini
- iv. Sebutharga komputer
- v. Bayaran balik melalui potongan gaji
- vi. Boleh memohon pinjaman kedua selepas 3 tahun setelah pinjaman pertama selesai – Pinjaman pembelian komputer termasuk perkakasan dan perisian semasa pembelian dibuat
- vii. Surat tawaran / surat sah jawatan.

Jadual 4.4 Amaun dan Tempoh Pembiayaan Pinjaman Komputer

Gred/Kategori	Jumlah Had Kategori
Gred Utama/Khas 'A' dan ke atas/JUSA	RM5,000.00
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	RM5,000.00
Kumpulan Sokongan	RM5,000.00
Tempoh pembiayaan	1 – 4 tahun

Jadual 4.5 Potongan Bulanan Pinjaman Komputer

Jenis Pinjaman	Tempoh (Bulan)	Potongan (RM)
5,000	48 bulan	112.90
5,000	36 bulan	147.62
5,000	24 bulan	217.12
4,000	48 bulan	90.32
4,000	36 bulan	118.10
4,000	24 bulan	173.70

Pekeliling

Kenderaan: Pek. Perb. Bil. 5/94, 4/94, 8/94, 7/93 & 12/08

Surat Pek. Perb Bil 17/96, 1/01, 5/01, 9/00

Komputer: Pek. Perb. Bil. 8/00, 8/92 & 10/09⁵¹

4.7 Koperasi UTM Berhad (KUTMB)

Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad telah ditubuhkan pada 8 Jun 1974 (No Pendaftaran 4935) di bawah Ordinan Syarikat Kerjasama 1948 dengan nama Koperatif Institut Teknologi Kebangsaan Malaysia (KOPITK). Mulai 21 Disember 1981, namanya telah ditukar kepada Koperasi Universiti Teknologi Malaysia Berhad⁵² dan digunakan sehingga hari ini. Ibu Pejabat Koperasi UTM Berhad (KUTMB) ini di alamat No. 16A, Jalan Besi 2, Taman Sri Putri, 81300 Skudai, Johor Bahru, Johor Darul Takzim.

Antara perkhidmatan yang disediakan oleh pihak KUTMB⁵³ adalah:

- a) Pinjaman peribadi
- b) Pinjaman kebajikan⁵⁴
- c) Anugerah kecemerlangan pelajar
- d) Sumbangan bencana

⁵¹ http://registrar.utm.my/bpo/?page_id=1236

⁵² Nur Iliawani Mohamad, *Pembangunan E-Shopping Berdasarkan Kajian Trust Dalam Aplikasi Perdagangan Elektronik. Kajian Kes: Kedai Buku Koperasi UTM Berhad*, Tesis Sarjana Sains (Teknologi Maklumat-Pengurusan), Tidak diterbitkan. Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat, (Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2006), 68.

⁵³ <http://www.kutmb.coop/>

⁵⁴ Ia lebih dikenali dengan Pinjaman al-Qard.

- e) Sumbangan perkahwinan (pertama)
- f) Sumbangan menunaikan haji (pertama)
- g) Sumbangan masuk wad (3 hari berturut-turut)

Keanggotaan KUTMB adalah terbuka kepada kakitangan UTM termasuk di kampus Kuala Lumpur. Dua bentuk pinjaman disediakan iaitu pinjaman peribadi dan pinjaman kebajikan.

Dari sudut keanggotaan KUTMB, jumlah anggota KUTMB dari Kuala Lumpur seramai 349 orang dan di kampus induk Skudai seramai 2369 orang. Manakala dari sudut dana pembiayaan pula, KUTMB memperoleh dana dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi tahun 2015 untuk Pembiayaan Peribadi (Bai Al-Innah) sebanyak RM1,873,000.00. Sementara bagi tahun 2016, pihak pengurusan KUTMB melaporkan bahawa tiada dana disalurkan oleh SKM untuk sebarang pembiayaan tahun 2016.⁵⁵

Menurut Puan Zahidatun Najah Md Abas, Pengurus Kewangan & Pentadbiran di Ibu Pejabat Koperasi UTM Berhad (KUTMB) Johor Bahru,⁵⁶ jumlah pembiayaan peribadi ahli koperasi yang melibatkan kakitangan daripada kampus Skudai dan Kuala Lumpur adalah sebanyak RM 10,457,415.00 bagi tahun 2015 dan RM 13,182,900.00 bagi tahun 2016. Pinjaman Al-Qard pula berjumlah RM 887,650.00 bagi tahun 2015 dan RM 978,050.00 bagi tahun 2016. Sementara pinjaman pelaburan sebanyak RM 36,485,000.00 bagi tahun 2015 dan RM 2,585,000.00 bagi tahun 2016.

⁵⁵ Puan Zahidatun Najah Md Abas adalah Pengurus Kewangan & Pentadbiran, Ibu Pejabat Koperasi UTM Berhad (KUTMB), No. 16A, Jalan Besi 2, Taman Sri Putri, 81300 Skudai, Johor Bahru, Johor Darul Takzim. Sumber emel najah@kutmb.coop pada 15 Februari 2017.

⁵⁶ Ibid.

Berdasarkan tiga jenis jumlah pembiayaan di atas bagi tahun 2015 dan 2016, ia menunjukkan peningkatan jumlah pinjaman dalam kalangan ahli koperasi. Ini bermakna keperluan dan kehendak pengguna khususnya kakitangan UTM semakin meningkat dan permintaan terhadap pembiayaan atau pinjaman juga semakin meningkat. Pengkaji tidak memperoleh data yang khusus mengenai jumlah pinjaman ahli koperasi bagi setiap kampus. Jawapan yang diterima daripada pegawai KUTMB yang terlibat bahawa pihak mereka tidak mengasingkan data antara ahli koperasi daripada Kuala Lumpur dan Johor Bahru.

Sehubungan itu, pengkaji juga ada mendapatkan maklum balas daripada beberapa orang staf UTM Kuala Lumpur⁵⁷ pelbagai gred mengenai penyertaan mereka sebagai ahli KUTMB. Antara jawapan yang diterima ialah mereka menjadi ahli KUTMB untuk membuat pinjaman sama ada pinjaman kenderaan iaitu motorsikal dan pinjaman peribadi. Pinjaman peribadi tidak disyaratkan ada penjamin. Ini kerana pihak KUTMB akan menilai kelayakan kakitangan yang memohon dan sekiranya layak, permohonan tersebut diluluskan dan jumlah pinjaman akan dikreditkan ke dalam akaun bank yang membayar gaji kakitangan di UTM. Pembayaran gaji kepada kakitangan dibuat menerusi akaun Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan Commerce International Merchant Bankers (CIMB).

Dari sudut pembayaran balik pinjaman ahli koperasi pula, pihak KUTMB tidak menghadapi masalah kerana ia diperolehi menerusi potongan gaji bulanan. Ertinya setiap ahli koperasi yang membuat pinjaman atau pembiayaan dengan KUTMB, tiada masalah tunggakan atau kelewatan dalam bayaran balik pinjaman tersebut. Di pihak KUTMB juga

⁵⁷ Antara mereka adalah Encik Zulkurnain Hussin, Pembantu Tadbir di Fakulti Tamadun Islam Kuala Lumpur, Puan Latifah Mohd Yatim, Pembantu Tadbir Kanan di Pejabat Pendaftar UTM Kuala Lumpur, dan Dr Mazlan Ali, pensyarah kanan di Perdana School UTM Kuala Lumpur.

tiada masalah kemungkiran atau kelewatan pinjaman yang berlaku dalam kalangan ahli koperasi.

4.8 Pinjaman Menerusi Institusi Kewangan

Selain daripada meminjam atau membuat pembiayaan dengan pihak Universiti dan KUTMB, kakitangan UTM Kuala Lumpur juga ada yang meminjam dengan pihak institusi kewangan. Berdasarkan temubual pengkaji dengan beberapa orang staf pelbagai gred, didapati bahawa ada kalangan mereka yang membuat pinjaman peribadi. Antara tujuan pinjaman peribadi tersebut untuk menyelesaikan hutang tertunggak dengan pihak lain, menguruskan persekolahan anak-anak, tambahan kepada pembiayaan perumahan dan sebagainya.

Mengenai pinjaman pembelian kenderaan khususnya kereta, rata-rata staf yang ditemui menjelaskan mereka meminjam dengan pihak bank atas beberapa sebab seperti mudah dan cepat untuk mendapatkan kelulusan, tidak cerewet dan tidak banyak prosedur sebagaimana pinjaman dengan pihak Universiti, serta jumlah pinjaman yang agak tinggi berbanding dengan had tertentu yang telah ditetapkan oleh pihak UTM berdasarkan gred perkhidmatan.⁵⁸ Namun pinjaman dengan pihak bank ini, ada risiko dan implikasinya yang tersendiri kepada staf sekiranya beliau tidak dapat menjelaskan bayaran hutang tersebut pada masa yang ditetapkan berbanding pinjaman dengan pihak UTM dan KUTMB yang memotong gaji secara tetap dan bulan bagi staf yang terbabit.

⁵⁸ Lihat 4.6.1 Skim Pinjaman Kenderaan dan Jadual 4.2 Amaun dan Tempoh Pembiayaan Pinjaman Kenderaan.

4.9 Kesimpulan

Perbincangan bab ini berkisar mengenai amalan berhutang dalam kalangan masyarakat Malaysia sebelum dan selepas merdeka. Apa yang jelas bahawa amalan berhutang adalah amalan dan fenomena global yang wujud dan berlaku dalam pelbagai lapisan masyarakat dan tempat. Fenomena ini juga turut meresapi kakitangan awam. Dalam konteks badan berkanun seperti UTM, pihak universiti juga menyediakan kemudahan kredit kepada kakitangan sebagai tanggungjawab membantu kakitangan dalam memiliki aset dan memenuhi keperluan kehidupan.

Antara kemudahan yang disediakan oleh pihak UTM kepada kakitangannya termasuk kemudahan pinjaman dengan tiga jenis pinjaman atau pembiayaan iaitu pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan dan pinjaman ubahsuai kediaman. Oleh yang demikian, kakitangan UTM di kedua-dua kampus iaitu kampus Skudai dan kampus Kuala Lumpur sepertimana kakitangan awam dan badan berkanun yang lain menikmati pelbagai kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan dan universiti sebagai tanggungjawab mewujudkan kakitangan yang benar-benar kompeten dalam menjalankan tugas demi memajukan anak bangsa dan negara. Kakitangan UTM juga berpeluang membuat pinjaman menerusi koperasi yang ditubuhkan oleh kakitangan UTM sendiri. Penubuhan koperasi tersebut antara lain bertujuan membantu para ahli yang selaku kakitangan UTM yang memerlukan pembiayaan kewangan sama ada pembiayaan peribadi atau pembiayaan kenderaan dan sebagainya.

BAB 5: ANALISIS KEFAHAMAN DAN AMALAN KAKITANGAN UTM KL TERHADAP HUTANG

5.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji mengemukakan dapatan kajian responden kakitangan UTM Kuala Lumpur. Dengan menggunakan kaedah persampelan rawak, soal selidik telah diajukan kepada responden menerusi aplikasi atas talian seperti emel rasmi UTM dan WhatsApp.

Untuk itu, perbincangan dalam bab ini disusun dalam tiga bahagian. Bahagian pertama bab ini mengemukakan dapatan kajian bagi demografi responden dengan menggunakan kaedah taburan frekuensi. Setelah itu, akan dikemukakan tahap kefahaman keseluruhan responden secara deskriptif terhadap tiga aspek kefahaman yang diukur iaitu hukum berhutang, proses berhutang dan tanggungjawab berhutang. Ia disusuli oleh tahap amalan keseluruhan responden yang mengukur tiga aspek iaitu amalan keprihatinan terhadap pelunasan hutang, amalan pemilihan skim patuh syar'i, dan ketiga sikap bersegera dalam melunaskan hutang dengan menggunakan skor min. Makna nilai min lima skala Likert dianalisis kepada tiga tahap iaitu,

- i. Skor min 1.00 hingga 2.33 adalah tahap kefahaman yang rendah.
- ii. Skor min 2.34 hingga 3.67 adalah tahap kefahaman yang sederhana.
- iii. Skor min 3.68 hingga 5.00 adalah tahap kefahaman yang tinggi.

Sampel data adalah dianggap mempunyai pengagihan normal, jadi ujian berparameter dapat digunakan untuk menguji tahap kefahaman dan amalan dalam berhutang dalam kalangan responden. Tahap kefahaman ini berdasarkan pemboleh ubah demografi dianalisis menggunakan Ujian-t (*t-test*) bagi konstruk yang mempunyai dua kategori dan Ujian ANOVA Sehala (*One Way ANOVA*) iaitu *F-test* bagi konstruk yang mempunyai lebih daripada dua kategori.

Bahagian kedua Bab ini akan mengemukakan dapatan kajian mengenai tahap perbezaan kefahaman dan amalan berhutang kakitangan UTM Kuala Lumpur berdasarkan demografi dan juga hubungan tahap kefahaman berhutang dengan tahap amalan berhutang kakitangan UTM Kuala Lumpur. Kolerasi tahap kefahaman ini berdasarkan pemboleh ubah demografi dianalisis menggunakan analisis inferensi, Ujian *t* (*t-test*) dan ANNOVA sehala (*One Way ANOVA*).

5.2 Demografi Responden

Demografi responden yang dikemukakan dalam kajian ini adalah merujuk kepada latar belakang responden yang dikaji iaitu jantina, umur, kumpulan jawatan, status perkahwinan, status jawatan, gred jawatan, bilangan isi rumah, taraf pendidikan, aliran pendidikan, pendapatan bulanan responden dan pasangan dan juga pengisytiharan muflis.

Kajian mendapati bahawa jumlah responden yang melihat kajian ini secara online adalah seramai 419 orang. Mereka yang menjawab soal selidik adalah seramai 228 orang (54.4%) dan hanya 169 yang orang responden sahaja atau 40.33% yang berjaya melengkapkan soal selidik. Berdasarkan kajian oleh Nulty, purata kadar responden bagi kajian atas talian adalah 33%, jadi kajian ini memperolehi kadar responden melebihi kadar minimum bagi kajian yang dibuat atas talian.¹

Jadual 5.1: Demografi Responden

Profil Diri / Angkubah	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	88	52.1
Perempuan	79	46.7
Jumlah	167	100.0
Umur		
21-29	52	30.8
30-39	51	30.2
40-49	35	20.7
50 ke atas	31	18.3
Jumlah	169	100
Kumpulan Jawatan		
Akademik	99	60.7
Pentadiran	64	39.3
Jumlah	163	100.0
Status Perkahwinan		
Berkahwin	48	28.4
Bujang	116	68.6
Bercerai/ lain-lain	5	3.0
Jumlah	102	100.0
Status Jawatan		
Tetap	132	78.1
Tidak tetap	37	21.9
Jumlah	169	100.0
Gred Jawatan		
1-16	19	12.8
17-26	28	18.9
27-40	42	28.4
41-48	23	15.5
51-54	31	20.9
JUSA	5	3.4
Jumlah	148	100
Bilangan Isi Rumah		
1-3 orang	51	33.8
4-6 orang	77	51.0

¹ Nulty, D. D. The adequacy of response rates to online and paper surveys: what can be done?, *Assessment & Evaluation In Higher Education*, (2008), 33(3), 301-314.

7-9 orang	20	13.2
10 orang ke atas	3	2.0
Jumlah	151	100
Taraf Pendidikan		
SRP	1	0.6
SPM	16	9.5
STPM	6	3.6
Diploma	41	24.4
Sarjana Muda	54	32.1
Sarjana	23	13.7
PhD	27	16.1
Jumlah	168	100
Aliran Pendidikan		
Aliran Kebangsaan	52	30.8
Aliran Teknikal	69	40.8
Aliran Agama	27	16.0
Lain-lain	21	12.4
Jumlah	169	100
Pendapatan Bulanan		
< RM 1500	18	10.7
RM 1501 – RM 3000	32	18.9
RM 3001 – RM 5000	36	21.3
RM 5001 – RM 7000	14	8.3
RM 7001 – RM 9000	28	16.6
Lain-lain	41	24.3
Jumlah	169	100
Pernah Muflis		
Ya	3	1.8
Tidak	163	96.4
Jumlah	166	100

Sumber: Soal Selidik 2017

Jadual 5.1 di atas memaparkan maklumat demografi responden yang terdiri daripada jantina, umur, status perkahwinan, tahap pendidikan, gred jawatan, pendapatan bulanan isi rumah individu dan pasangan.

Berdasarkan jantina kakitangan, Jadual 5.1 menunjukkan seramai 88 orang responden (52.1%) adalah kakitangan lelaki, manakala seramai 79 (46.7 %) adalah responden wanita. Seramai 2 orang responden tidak menyatakan jantina mereka. Ini menunjukkan bahawa responden kakitangan lelaki melebihi kakitangan wanita dalam kajian ini. Bagi tahap usia pula, responden yang berusia antara 21 hingga 29 tahun seramai 52 orang (30.8%) adalah yang paling tinggi, manakala kumpulan umur 30-39

adalah kumpulan responden yang kedua teramai iaitu 51 orang (30.2 %). Responden berumur 40 hingga 49 tahun adalah seramai 35 orang (20.7%) dan responden yang berusia 50 tahun ke atas adalah 31 orang (18.3 %). Mereka yang berusia di bawah 30 tahun adalah responden paling ramai memberikan respons terhadap soal selidik yang dikemukakan berbanding dengan mereka yang berusia 50 tahun ke atas.

Bagi kumpulan jawatan pula, kakitangan akademik seramai 67 orang mewakili 66.7%, manakala kakitangan pentadbiran pula seramai 35 (34.3%). Seramai 6 orang responden tidak menyatakan kumpulan jawatan mereka. Ini menunjukkan responden daripada kakitangan akademik lebih ramai sedikit berbanding kakitangan pentadbiran.

Sementara bagi status perkahwinan, kakitangan yang belum berkahwin seramai 48 orang atau 28.4% dan responden yang telah berkahwin adalah seramai 116 orang atau 68.6%. Sementara responden yang telah berpisah daripada pasangan masing-masing atau lain-lain adalah seramai 5 orang atau 3.0% daripada keseluruhan responden dalam kajian ini.

Bagi status jawatan tetap atau tidak (kontrak, sementara), staf yang berjawatan tetap adalah seramai 132 orang (78.1 %) manakala jumlah staf tidak berjawatan tetap adalah seramai 37 orang (21.9%). Sementara itu, mengenai gred jawatan pula, bagi jawatan 1-16, seramai 19 orang atau mewakili 12.8% daripada keseluruhan jawatan. Sementara jawatan gred 17-26 pula, seramai 28 orang atau 18.9%. Kumpulan ketiga dalam perjawatan di UTM Kuala Lumpur adalah gred 27-40 iaitu seramai 42 orang staf atau mewakili 28.4 % responden. Ia disusuli oleh gred 41-48 dengan jumlah 23 orang atau 15.5 %. Bagi gred 51-54, seramai 31 orang atau 20.9 % dan gred Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) adalah seramai 5 orang atau 3.4 %. Seramai 21 orang responden

tidak menyatakan gred jawatan mereka. Staf yang paling ramai memberikan respons terhadap kajian ini adalah gred 27-40 iaitu seramai 42 orang staf atau mewakili 28.4% responden. Bagi gred 51-54 pula, berada pada ranking kedua dengan jumlah responden 31 orang.

Mengenai bilangan isi rumah pula, isi rumah 1 hingga 3 orang seramai 51 orang (33.8%), manakala 4 hingga 6 orang bagi keluarga pula adalah seramai 77 orang (51.0%). Sementara bagi bilangan isi rumah 7 hingga 9 orang seramai 20 orang (13.2%) dan isi rumah yang melebihi 10 orang adalah seramai 3 orang. Seramai 18 orang responden tidak menyatakan bilangan isi rumah mereka. Berdasarkan dapatan kajian, bilangan isi rumah antara 4 hingga 6 orang adalah yang paling tinggi diberikan oleh responden. Ertinya mereka mempunyai keluarga yang bersaiz sederhana jika dibandingkan dengan bilangan isi rumah 1-3 orang yang dimiliki oleh 33.8% responden.

Bagi tahap pendidikan pula, lepasan SRP seramai 1 orang, SPM seramai 16 orang atau 9.5% dan STPM seramai 6 orang atau 3.6%. Sementara pemegang diploma pula 41 orang (24.4%), pemegang ijazah sarjana muda 54 orang (32.1%), ijazah sarjana 23 orang (13.7) dan ijazah PhD adalah seramai 27 orang atau 16.1 %. Seorang responden tidak menyatakan taraf pendidikan mereka. Pemegang ijazah sarjana muda adalah jumlah responden yang teramai dalam kajian ini dengan bilangan 54 orang dan bilangan responden yang paling minimum adalah lepasan SRP iaitu hanya seorang sahaja.

Bagi aliran pengajian di peringkat sekolah menengah, dapatan kajian menunjukkan bahawa aliran teknikal adalah bilangan teramai responden iaitu 69 orang atau 40.8% berbanding aliran kebangsaan (sekolah menengah biasa) seramai 52 orang atau 30.8%. Bagi aliran agama (sekolah beraliran agama) pula, mereka seramai 27 orang

atau 16.0%, manakala lain-lain aliran seramai 21 orang. Jelasnya aliran teknikal adalah aliran yang paling tinggi dalam kalangan responden di UTM Kuala Lumpur.

Sementara bagi bilangan Responden Mengikut Pendapatan Bulanan Suami di atas, seramai 18 orang responden yang memperoleh pendapatan kurang daripada RM 1500 sebulan, pendapatan RM 1501-RM 3000 seramai 32 orang atau 18.9%, pendapatan RM 3001 hingga RM 5000 seramai 36 orang atau 21.3 %, pendapatan RM 5001 hingga RM 7000 seramai 14 orang atau 18.3 % dan pendapatan RM 7001 hingga RM 9000 sebulan adalah seramai 28 orang atau 16.6%. Sementara itu, bagi responden yang memberikan jawapan “*Lain-lain*” mengenai pendapatan bulanan ini, seramai 41 orang menjelaskan bahawa pendapatan mereka melebihi RM 10 ribu sebulan sehingga mencecah RM 30 ribu sebulan.

Mengenai muflis pula, terdapat 3 orang responden menyatakan bahawa mereka pernah diisytiharkan muflis. Majoriti responden yang seramai 163 orang adalah bebas daripada muflis. Sementara seramai 3 orang responden tidak menyatakan status muflis mereka.

5.3 Analisis Kefahaman Terhadap Hutang

Kefahaman terhadap hutang dalam kajian ini dianalisis berdasarkan jawapan responden kepada tiga aspek yang diukur iaitu hukum berhutang, proses berhutang dan tanggungjawab berhutang. Responden diberi 5 pilihan jawapan untuk setiap soalan iaitu: Sangat Tidak Pasti, Tidak Pasti, Kurang Pasti, Pasti, Sangat Pasti. Skor untuk jawapan-jawapan tersebut bernilai 1 hingga 5 secara turutan.

Tahap kefahaman secara keseluruhan dinilai dengan mencampurkan min-min bagi semua tiga aspek kefahaman dan jumlahnya dibahagikan kepada tiga. Untuk itu, dikemukakan dapatan kefahaman secara deskriptif menggunakan skor min. Kemudian dilakukan perbandingan tahap kefahaman berdasarkan pemboleh ubah tertentu seperti umur, kumpulan jawatan dan sebagainya. Perbandingan tahap kefahaman ini menggunakan Ujian-t (*t-test*) dan Ujian ANOVA Sehalu (*One Way ANOVA*).

5.3.1 Analisis Kefahaman Terhadap Hutang Keseluruhan

Jadual 5.2: Kefahaman Terhadap Hutang

Kefahaman Terhadap Hutang	Minimum	Maksimum	Saiz Sampel	Min	Sisihan Piawai
Hukum Berhutang	20	40	169	31.20	4.06
Proses Berhutang	7	25	169	20.12	3.00
Tanggungjawab Terhadap Hutang	7	25	169	20.57	3.13
Keseluruhan	11.33	30.00	169	23.96	3.40

Sumber: Soal Selidik 2017

Berdasarkan Jadual 5.2 di atas, dapat disimpulkan bahawa ukuran terhadap hukum berhutang berada pada nilai paling tinggi iaitu 31.20 berbanding dengan dua lagi item iaitu proses berhutang pada nilai 20.12 dan tanggungjawab terhadap hutang pada nilai 20.57. Tegasnya, tahap kefahaman kakitangan UTM Kuala Lumpur terhadap hutang secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi. Ini dapat dikuatkan lagi dengan hasil dari sisihan piawai yang menunjukkan skor tertinggi iaitu 4.06 berbanding dengan dua lagi item. Ini juga dapat disimpulkan purata bagi hukum berhutang mempunyai perubahan yang besar yang mempengaruhi hasil sisihan piawai yang tinggi.

5.3.2 Analisis Kefahaman Terhadap Hutang Mengikut Konstruk

5.3.2.1 Konstruk Hukum Berhutang

Jadual 5.3: Kefahaman Terhadap Hutang Mengikut Konstruk Hukum Berhutang

Bil.	Kefahaman Terhadap Hutang	Minimum	Maksimum	Saiz Sampel	Min	Sisihan Piawai
1	Amalan berhutang harus dalam Islam	1	5	169	4.44	0.999
2	Wajib beri hutang kepada orang dalam kesusahan	1	5	169	3.49	0.859
3	Tidak wajib beri hutang kepada orang yang ingin buat maksiat	1	5	169	4.34	0.938
4	Hutang perlu dilunaskan pewaris jika penghutang meninggal	1	5	169	3.40	0.736
5	Hutang perlu dilunaskan sebelum tunai haji dan wasiat	1	5	169	4.02	0.906
6	Tunda bayar hutang adalah haram	1	5	169	3.46	0.880
7	Harus pindah hutang si mati	1	5	169	3.61	0.991
8	Umat Islam wajar pilih pembiayaan Islam	1	5	169	4.30	0.790
	Keseluruhan	1	5	169	3.90	0.887

Sumber: Soal Selidik 2017

Berdasarkan Jadual 5.3 di atas, min paling tinggi bagi kefahaman berhutang adalah 4.44 iaitu item bagi amalan “Hutang perlu dilunaskan pewaris jika penghutang meninggal” dan item paling rendah skor min adalah “Tunda bayar hutang adalah haram” iaitu 3.46. Manakala sisihan piawai paling tinggi iaitu 0.999 adalah item “Amalan berhutang harus dalam Islam”. Hal ini menunjukkan responden lebih memahami “Amalan berhutang harus dalam Islam” yang mana nilai sisihan piawai menghampiri kepada nilai 1

berbanding “Hutang perlu dilunaskan pewaris jika penghutang meninggal” yang mana nilainya 0.736.

5.3.2.2 Konstruk Proses Berhutang

Jadual 5.4: Kefahaman Terhadap Hutang Mengikut Konstruk Proses Berhutang

Bil.	Kefahaman Terhadap Hutang	Minimum	Maksimum	Saiz Sampel	Min	Sisihan Piawai
1	Setiap hutang perlu didahului dengan akad	1	5	169	4.20	0.805
2	Setiap terma dalam akad perjanjian hutang mesti diteliti dan difahami dengan sebaik mungkin	1	5	169	3.64	0.731
3	Setiap butiran perjanjian hutang mestilah jelas dan terang	2	5	169	3.92	0.742
4	Setiap akad perjanjian hutang perlukan saksi	1	5	169	4.23	0.955
5	Setiap hutang perlu direkod dan disimpan dokumennya	1	5	169	4.02	0.758
	Keseluruhan	1	5	169	4.14	0.800

Sumber: Soal Selidik 2017

Jadual 5.4 di atas memaparkan kefahaman responden terhadap hutang mengikut konstruk proses berhutang dengan min keseluruhan adalah 4.23. Item “Setiap akad perjanjian hutang perlukan saksi” adalah min tertinggi iaitu 4.23 dan yang paling rendah adalah item “Setiap terma dalam akad perjanjian hutang mesti diteliti dan difahami dengan sebaik mungkin” dengan 3.68. Sisihan piawai yang paling tinggi adalah adalah item ‘Setiap akad perjanjian hutang perlukan saksi’ dengan nilai 0.999. Manakala sisihan piawai yang yang rendah adalah ‘Setiap terma dalam akad perjanjian hutang mesti diteliti dan difahami dengan sebaik mungkin’ dengan nilai 0.731.

5.3.2.3 Konstruk Tanggungjawab Terhadap Hutang

Jadual 5.5: Kefahaman Terhadap Hutang Mengikut Konstruk Tanggungjawab Terhadap Hutang

Bil.	Kefahaman Terhadap Hutang	Minimum	Maksimum	Saiz Sampel	Min	Sisihan Piawai
1	Mendahulukan pelunasan hutang daripada perkara lain	1	5	169	4.03	0.775
2	Hutang perlu dijelaskan bila tiba masanya	1	5	169	4.08	0.748
3	Pemiutang perlu dimaklumkan jika penghutang tidak mampu jelaskan hutang pada masanya	1	5	169	4.02	0.732
4	Kedua pihak (pemiutang dan penghutang) perlu patuh pada kontrak hutang	2	5	169	4.16	0.751
5	Hutang perlu dibayar walaupun secara beransur-ansur	1	5	169	4.28	0.821
	Keseluruhan	1	5	169	4.11	0.765

Sumber: Soal Selidik 2017

Jadual 5.5 di atas menunjukkan hasil dapatan kajian terhadap kefahaman responden terhadap hutang mengikut konstruk tanggungjawab terhadap hutang yang tertinggi adalah “Hutang perlu dibayar walaupun secara beransur-ansur” dengan skor min 4.28 dan yang terendah adalah item “Pemiutang perlu dimaklumkan jika penghutang tidak mampu jelaskan hutang pada masanya” iaitu 4.02. Sementara min keseluruhan ialah 4.11 berada pada tahap yang tinggi. Bagi sisihan piawai tertinggi pula, item ‘Hutang perlu dibayar walaupun secara beransur-ansur’ dengan nilai 0.821 berbanding dengan item terendah iaitu ‘Pemiutang perlu dimaklumkan jika penghutang tidak mampu jelaskan hutang pada masanya’ dengan nilai 0.732.

5.4 Analisis Kefahaman Terhadap Hutang

Berikut dipaparkan dapatan dan analisis kajian mengenai kefahaman kakitangan UTM Kuala Lumpur terhadap konsep hutang berdasarkan demografi iaitu jantina, umur, kumpulan jawatan, status perkahwinan, gred jawatan, bilangan isi rumah, tahap pendidikan, aliran pendidikan dan pendapatan bulanan responden dan pasangan..

5.4.1 Kefahaman Konsep Hutang Mengikut Jantina

Jadual 5.6: Kefahaman Konsep Hutang Mengikut Jantina

Kefahaman	Jantina	Min Skor	Saiz sampel	Sisihan Piawai	Nilai-t	Sig. $\alpha = 0.05$
Hukum Berhutang	Lelaki	30.62	88	4.227	-1.867	0.064
	Perempuan	31.79	79	3.817		
Proses Berhutang	Lelaki	19.83	88	3.195	-1.184	0.238
	Perempuan	20.40	79	3.065		
Tanggungjawab Terhadap Hutang	Lelaki	20.01	88	3.153	-2.374	0.019*
	Perempuan	21.10	79	2.712		
Keseluruhan	Lelaki	23.48	88	3.525	-2.099	0.037*
	Perempuan	24.43	79	3.198		

Data di atas menunjukkan bahawa kakitangan wanita di UTM Kuala Lumpur yang mendapat lebih tinggi tahap min skor kefahaman berbanding kakitangan lelaki. Kajian ini juga mendapati bahawa staf wanita lebih memahami aspek berhutang berbanding dengan kakitangan lelaki dalam semua aspek yang dikaji iaitu aspek kefahaman terhadap hukum berhutang, proses berhutang dan tanggungjawab terhadap hutang. Data ini tidak selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Caren Grown et. al² di Ecuador, Ghana dan

² Caren Grown, Carmen Diana Deere, Zachary Catanzarite, Abena D. Oduro, Suchitra J.Y., Hema Swaminathan dan Louis Boakye-Yiadom (2015), *Who Borrows? An Analysis of Gender, Debt and Assets in Ecuador, Ghana and Karnataka, India*, Laporan yang disediakan untuk Seksyen Pemberdayaan Ekonomi, Wanita PBB, New York, di bawah TOR "Projek Dasar Berasaskan Bukti mengenai Pengagihan Aset Merentas Jantina", New York: UN Women, 1-91.

India pada tahun 2015 yang menunjukkan perbezaan tahap kefahaman antara jantina di ketiga-tiga negara. Namun kajian tesis ini adalah selari dengan kajian yang dilakukan oleh Dwyer et. al³ mendapati bahawa wanita lebih memahami perihal hutang berbanding lelaki. Jelasnya, terdapat perbezaan dalam kalangan jantina dalam memahami konsep berhutang berdasarkan lokasi atau negara yang dikaji.

5.4.2 Analisis Kefahaman Berhutang Mengikut Umur

Jadual 5.7: Kefahaman Konsep Hutang Mengikut Umur

Kefahaman	Umur	Min Skor	Saiz sampel	Sisihan Piawai	Nilai-F	Sig. $\alpha = 0.05$
Hukum Berhutang	21-29	30.22	52	4.229	4.24	0.006*
	30-39	30.49	51	4.212		
	40-49	32.84	35	3.602		
	50 ke atas	32.16	31	3.293		
Proses Berhutang	21-29	19.05	52	2.535	3.97	0.009*
	30-39	20.08	51	3.770		
	40-49	20.89	35	2.777		
	50 ke atas	21.12	31	2.821		
Tanggungjawab Terhadap Hutang	21-29	19.52	52	2.801	3.37	0.020*
	30-39	20.88	51	3.479		
	40-49	20.93	35	2.385		
	50 ke atas	21.39	31	2.753		
Keseluruhan	21-29	22.93	52	3.188	4.67	0.004*
	30-39	23.82	51	3.820		
	40-49	24.89	35	2.921		
	50 ke atas	24.89	31	2.955		

Analisis pada Jadual 5.7 di atas menunjukkan yang umur responden juga turut berperanan dalam menentukan tahap kefahaman kakitangan. Dapatan menunjukkan kakitangan muda yang berusia 21 hingga 29 tahun adalah yang paling rendah skor min kefahaman hutang berbanding dengan kakitangan yang lebih berusia daripada mereka. Tiga konstruk yang dikaji mendapati skor yang paling rendah kesemuanya datang daripada kumpulan

³ Rachel E. Dwyer, Randy Hodson dan Laura McCloud, Gender, Debt and Dropping Out of College, 2012, *Sage Journal*, 27 (1), 30-55.

kakitangan yang berusia 21 hingga 29 tahun, iaitu aspek hukum hutang dengan min skor 30.22, proses berhutang dengan min skor 19.05 dan tanggungjawab terhadap hutang dengan min skor 19.52 dan min keseluruhan adalah 22.93 juga paling rendah antara kumpulan usia kakitangan yang lain.

Justeru, dapat dirumuskan bahawa dapatan kajian juga menunjukkan bahawa semakin usia meningkat semakin tinggi tahap kefahaman kakitangan terhadap semua konstruk yang dikaji.

5.4.3 Analisis Kefahaman Berhutang Mengikut Kumpulan Jawatan

Jadual 5.8: Kefahaman Konsep Hutang Mengikut Kumpulan Jawatan

Kefahaman	Kumpulan Jawatan	Min Skor	Saiz sampel	Sisihan Piawai	Nilai-t	Sig. $\alpha = 0.05$
Hukum	Akademik	31.19	99	4.241	-0.050	0.960
Berhutang	Pentadbiran	31.22	64	3.825		
Proses Berhutang	Akademik	20.30	99	2.971	0.613	0.541
	Pentadbiran	19.98	64	3.434		
Tanggungjawab Terhadap Hutang	Akademik	20.53	99	2.940	-0.627	0.532
	Pentadbiran	20.83	64	3.119		
Keseluruhan	Akademik	24.00	99	3.384		
	Pentadbiran	24.01	64	3.459	-0.017	0.986

Jadual 5.8 di atas menunjukkan dapatan kajian bagi kefahaman konsep hutang berdasarkan kumpulan jawatan. Ahli akademik dilihat mempunyai tahap kefahaman yang lebih kurang sama berbanding dengan mereka yang bukan kakitangan akademik. Ini dapat dilihat sebagai contoh pada item hukum berhutang iaitu skor min bagi ahli akademik adalah 31.19 berbanding dengan skor min 31.22 bagi staf pentadbiran. Begitu juga dengan konstruk kedua, proses berhutang dengan min skor 20:53 berbanding 20.83 bagi staf pentadbiran dan ketiga, min skor 24.00 dan 20.01 antara kedua jenis kakitangan. Dapatan

tertinggi adalah 0.986 dalam perkataan lain ia tidak mempunyai banyak perbezaan antara kedua jenis kumpulan jawatan tersebut.

5.4.4 Analisis Kefahaman Berhutang Mengikut Status Perkahwinan

Jadual 5.9 Kefahaman Konsep Hutang Mengikut Status Perkahwinan

Kefahaman	Status Perkahwinan	Min Skor	Saiz sampel	Sisihan Piawai	Nilai-F	Sig. $\alpha = 0.05$
Hukum Berhutang	Berkahwin	31.61	116	3.961	3.859	0.023*
	Bujang	29.95	48	4.143		
Proses Berhutang	Bercerai	33.60	5	2.702	3.549	0.031*
	Berkahwin	20.51	116	3.188		
	Bujang	19.12	48	2.722		
Tanggungjawab Terhadap Hutang	Bercerai	20.77	5	4.056	4.355	0.014*
	Berkahwin	20.93	116	2.953		
	Bujang	19.55	48	2.907		
Keseluruhan	Bercerai	22.00	5	3.082	5.229	0.006*
	Berkahwin	24.35	116	3.367		
	Bujang	22.87	48	3.257		
	Bercerai	25.46	5	3.280		

Jadual 5.9 di atas pula menunjukkan tahap kefahaman kakitangan terhadap konsep hutang mengikut status perkahwinan. Semua ketiga-tiga konstruk kefahaman kakitangan terhadap konsep hutang mengikut status perkahwinan menunjukkan kakitangan yang bercerai mempunyai min skor paling tinggi, iaitu 33.60 bagi hukum berhutang, 20.77 bagi proses berhutang dan 22.00 bagi tanggungjawab terhadap hutang dengan min keseluruhan adalah 25.46.

Antara ketiga-tiga konstruk itu pula, konstruk kedua, iaitu proses berhutang didapati mempunyai signifikansi tertinggi berbanding dua lagi konstruk, iaitu 0.031*. Ia disusuli oleh konstruk pertama, hukum berhutang dengan signifikan 0.023*. Justeru, ia menunjukkan bahawa hipotesis tersebut dapat diterima oleh responden.

5.4.5 Analisis Amalan Berhutang Mengikut Gred Jawatan

Jadual 5.10: Kefahaman Konsep Hutang Mengikut Gred Jawatan

Kefahaman	Gred Jawatan	Min Skor	Saiz sampel	Sisihan Piawai	Nilai-F	Sig. $\alpha = 0.05$
Hukum Berhutang	1-16	29.61	19	4.342	5.809	0.000*
	17-26	31.31	28	3.405		
	27-40	30.94	42	3.958		
	41-48	33.96	23	2.990		
	51-54	31.91	31	3.746		
Proses Berhutang	JUSA	24.29	5	3.941	5.205	0.000*
	1-16	18.11	19	2.378		
	17-26	20.39	28	3.359		
	27-40	19.76	42	3.089		
	41-48	22.34	23	2.418		
Tanggungjawab Terhadap Hutang	51-54	21.02	31	2.823	3.641	0.002*
	JUSA	18.93	5	4.869		
	1-16	19.05	19	2.972		
	17-26	20.54	28	3.554		
	27-40	20.87	42	2.537		
Keseluruhan	41-48	22.39	23	2.148	6.181	0.000*
	51-54	20.90	31	2.891		
	JUSA	18.43	5	4.324		
	1-16	22.25	19	3.230		
	17-26	24.08	28	3.439		
	27-40	23.86	42	3.194		
	41-48	26.23	23	2.519		
	51-54	24.61	31	3.153		
	JUSA	20.55	5	4.378		

Jadual 5.10 di atas mempamerkan bahawa kakitangan yang bergred 41 hingga 48 mempunyai tahap kefahaman yang lebih baik berbanding dengan yang lain. Ini dapat dilihat menerusi konstruk hukum berhutang min skor mereka adalah 33.96 berbanding dengan kakitangan lain terutama dengan dua gred yang lebih atas daripada mereka iaitu gred 51-54 (min skor 31.91) dan gred JUSA (min skor 24.29) pula adalah paling rendah antara kumpulan gred berjawatan. Sementara bagi konstruk kedua iaitu proses berhutang, min skor bagi gred 41 hingga 48 ini adalah 22.34. Skor paling rendah adalah daripada kumpulan gred 1 hingga 16 dengan min skor sebanyak 18.11. Bagi konstruk ketiga pula, tanggungjawab terhadap hutang, min skor bagi gred 41 hingga 48 ini adalah 22.39

berbanding dengan min skor paling rendah datang daripada kumpulan gred JUSA iaitu 18.43. Sementara itu, hasil signifikasi tertinggi adalah 0.002 berbanding dua item yang lain adalah nilai 0.000.

Secara keseluruhannya, sebagaimana disebutkan di atas, gred 41 hingga 48 adalah kumpulan yang paling tinggi mempunyai kefahaman terhadap hutang dan gred JUSA pada kedudukan yang paling rendah. Kesimpulannya, tiada perbezaan yang ketara antara kefahaman dalam hutang dan gred jawatan dalam kalangan kakitangan UTM Kuala Lumpur.

5.4.6 Analisis Kefahaman Berhutang Mengikut Bilangan Isi Rumah

Jadual 5.11 Kefahaman Konsep Hutang Mengikut Bilangan Isi Rumah

Kefahaman	Bilangan Isi Rumah	Min Skor	Saiz sampel	Sisihan Piawai	Nilai-F	Sig. $\alpha = 0.05$
Hukum Berhutang	1-3 orang	30.47	51	4.329	1.360	0.257
	4-6 orang	31.49	77	3.878		
	7-9 orang	31.88	20	3.874		
	10 ke atas	34.00	3	1.000		
Proses Berhutang	1-3 orang	19.49	51	3.615	2.010	0.115
	4-6 orang	20.81	77	3.009		
	7-9 orang	20.54	20	1.903		
	10 ke atas	19.29	3	2.154		
Tanggungjawab Terhadap Hutang	1-3 orang	20.39	51	3.311	0.399	0.754
	4-6 orang	20.96	77	2.817		
	7-9 orang	20.90	20	2.594		
	10 ke atas	21.00	3	1.732		
Keseluruhan	1-3 orang	23.45	51	3.752	1.312	0.273
	4-6 orang	24.42	77	3.235		
	7-9 orang	24.44	20	2.790		
	10 ke atas	24.76	3	1.629		

Berdasarkan Jadual 5.11 di atas, tiada perbezaan yang ketara antara kefahaman terhadap hutang dan bilangan ahli keluarga. Jadual di atas juga menunjukkan sisihan piawai paling tinggi iaitu datang daripada kakitangan yang mempunyai ahli keluarga antara 1 hingga 3

orang bagi kesemua konstruk. Ertinya mereka yang kurang memahami konsep hutang sebagaimana dapatan kajian berbanding dengan jumlah isi rumah bagi kakitangan yang lain. Dalam pada itu, hasil signifikansi kajian menunjukkan item ‘Tanggungjawab Terhadap Hutang’ adalah paling tinggi dengan nilai 0.754 dan ia menunjukkan keyakinan dan penerimaan responden terhadap item tersebut berbanding dengan dua lagi item.

5.4.7 Analisis Kefahaman Berhutang Mengikut Taraf Pendidikan

Jadual 5.12: Kefahaman Konsep Hutang Mengikut Taraf Pendidikan

Kefahaman	Taraf Pendidikan	Min Skor	Saiz sampel	Sisihan Piawai	Nilai-F	Sig. $\alpha = 0.05$
Hukum Berhutang	SRP	24.00	1	-	2.864	0.011*
	SPM	31.80	16	3.655		
	STPM	29.67	6	5.086		
	Diploma	30.16	41	3.606		
	Sarjana Muda	31.03	54	4.229		
	Sarjana	33.57	23	3.285		
Proses Berhutang	PhD	31.75	27	3.656	4.750	0.000*
	SRP	15.00	1	-		
	SPM	20.00	16	2.530		
	STPM	18.33	6	3.445		
	Diploma	18.94	41	3.400		
	Sarjana Muda	19.94	54	2.736		
Tanggungjawab Terhadap Hutang	Sarjana	22.11	23	2.801	2.573	0.021*
	PhD	21.44	27	2.651		
	SRP	15.00	1	-		
	SPM	19.81	16	2.228		
	STPM	19.50	6	3.271		
	Diploma	19.76	41	3.024		
Keseluruhan	Sarjana Muda	20.80	54	3.011	4.313	0.000*
	Sarjana	21.74	23	2.615		
	PhD	21.44	27	2.887		
	SRP	18.00	1	-		
	SPM	23.87	16	2.804		
	STPM	22.50	6	3.934		
	Diploma	22.95	41	3.343		
	Sarjana Muda	23.93	54	3.326		
	Sarjana	25.81	23	2.900		
	PhD	24.88	27	3.065		

Analisis kefahaman berdasarkan tahap pendidikan mendapati semakin tinggi tahap pendidikan kakitangan, semakin baik tahap kefahaman terhadap konsep berhutang dan begitulah sebaliknya. Ini bermakna peri pentingnya pendidikan tinggi dalam kalangan masyarakat hari ini. Namun begitu, pengkaji berpandangan pendidikan tinggi sahaja tidak cukup atau memadai untuk menjadikan seseorang itu mempunyai kefahaman terhadap sesuatu perkara apatah lagi jika ia dihubungkan pula dengan amalan.

Dalam konteks hasil signifikasi, didapati item ‘Tanggungjawab Terhadap Hutang’ juga menunjukkan nilai paling tinggi antara item yang dikaji dengan nilai 0.021. Ia juga membuktikan penerimaan dan keyakinan responden terhadap aspek yang dikaji.

5.4.8 Analisis Kefahaman Berhutang Mengikut Aliran Pendidikan

Jadual 5.13: Kefahaman Konsep Hutang Mengikut Aliran Pendidikan

Kefahaman	Aliran Pendidikan	Min Skor	Saiz sampel	Sisihan Piawai	Nilai-F	Sig. $\alpha = 0.05$
Hukum Berhutang	Kebangsaan	32.19	52	4.106	5.416	0.001*
	Teknikal	29.92	69	4.019		
	Agama	32.92	27	3.454		
	Lain-lain	30.72	21	3.516		
Proses Berhutang	Kebangsaan	20.43	52	3.008	2.289	0.080
	Teknikal	19.85	69	3.323		
	Agama	21.12	27	2.764		
	Lain-lain	18.95	21	2.941		
Tanggungjawab Terhadap Hutang	Kebangsaan	20.85	52	2.965	1.510	0.214
	Teknikal	20.31	69	3.311		
	Agama	21.34	27	2.243		
	Lain-lain	19.71	21	2.723		
Keseluruhan	Kebangsaan	24.49	52	3.360	3.700	0.013*
	Teknikal	23.36	69	3.551		
	Agama	25.13	27	2.820		
	Lain-lain	23.13	21	3.060		

Bagi aliran pendidikan pula, hasil kajian mendapati aliran agama yang paling tinggi skor min berbanding dengan dua aliran lagi dalam kalangan kakitangan UTM Kuala Lumpur.

Ertinya dalam kajian ini, kakitangan yang mendapat pendidikan menengah di sekolah agama mempunyai tahap kefahaman yang lebih baik berbanding kakitangan lain. Sejar dengan itu juga, kakitangan yang mempunyai latar belakang sekolah agama dilihat mempunyai sisihan piawai yang paling rendah dalam semua tiga konstruk yang dikaji. Ini menunjukkan pendidikan agama di peringkat sekolah menengah juga turut mempengaruhi tahap kefahaman kakitangan terhadap aspek berhutang ini.

Sehubungan itu, hasil signifikansi mendapati item 'Tanggungjawab Terhadap Hutang' juga menunjukkan nilai paling tinggi antara item yang dikaji dengan nilai 0.214. Ia juga membuktikan penerimaan dan keyakinan responden terhadap aspek yang dikaji.

5.4.9 Analisis Kefahaman Berhutang Mengikut Pendapatan Bulanan

Berdasarkan kepada analisis varian (ANOVA) antara kumpulan pendapatan dengan tahap kefahaman terhadap hutang secara keseluruhan, hukum berhutang, proses berhutang dan tanggungjawab terhadap hutang didapati terdapat perbezaan yang jelas mengikut pendapatan responden terhadap tahap kefahaman secara keseluruhan dengan nilai $F=4.376$ dan paras keertian berada pada 0.001, dan ini adalah berada di bawah tahap pengujian $\alpha=0.05$ (selang keyakinan 95%). Sementara bagi tahap pendapatan dengan kefahaman terhadap hukum berhutang, nilai $F=3.109$ dan paras keertian pada 0.010 juga menunjukkan ia berada di bawah tahap pengujian atau dalam lain perkataan, terdapat perbezaan tahap kefahaman hukum berhutang mengikut tahap pendapatan. Bagi kefahaman terhadap proses berhutang pula, nilai $F=3.288$ dan paras keertian berada pada 0.007. Dapatan ini juga menunjukkan terdapat perbezaan yang jelas antara tahap pendapatan dengan kefahaman dalam proses berhutang. Bagi aspek kefahaman terhadap

tanggungjawab hutang mengikut pendapatan didapati nilai $F=3.705$ dan paras keertian ialah pada 0.003 dan ini jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang jelas antara kumpulan pendapatan dengan tahap berhutang.

Jadual 5.14 Analisis Perbezaan Tahap Kefahaman Terhadap Konsep Hutang Mengikut Pendapatan

Tahap Kefahaman	Nilai F	Tahap Pengujian $\alpha=0.05$
Keseluruhan	4.376	0.001 (Bererti)
Hukum Berhutang	2.198	0.007
Proses Berhutang	7.430	0.003
Tanggungjawab Terhadap Hutang	1.653	0.001

Jadual 5.15 Kefahaman Konsep Hutang Mengikut Pendapatan Bulanan Responden

Kefahaman	Pendapatan Bulanan	Min Skor	Saiz sampel	Sisihan Piawai	Nilai-F	Sig. $\alpha = 0.05$
Hukum Berhutang	< RM 1500	30.86	18	3.661	1.602	0.162
	RM 1501 – RM 3000	29.79	32	5.255		
	RM 3001 – RM 5000	31.16	36	3.661		
	RM 5001 – RM 7000	33.10	14	3.146		
	RM 7001 – RM 9000	31.87	28	3.532		
	Lain-lain	31.36	41	3.922		
Proses Berhutang	< RM 1500	19.28	18	2.081	2.103	0.068
	RM 1501 – RM 3000	19.21	32	3.994		
	RM 3001 – RM 5000	20.19	36	2.824		
	RM 5001 – RM 7000	21.28	14	2.855		
	RM 7001 – RM 9000	21.32	28	2.730		
	Lain-lain	20.57	41	2.768		
Tanggungjawab Terhadap Hutang	< RM 1500	19.92	41	3.145	1.491	0.196
	RM 1501 – RM 3000	19.28	18	2.516		
	RM 3001 – RM 5000	20.16	32	3.907		
	RM 5001 – RM 7000	21.35	36	2.531		
	RM 7001 – RM 9000	21.36	14	2.341		
	Lain-lain	20.57	41	2.768		
Keseluruhan	< RM 1500	20.49	41	3.018		

	RM 1501 – RM 3000	23.14	18	2.753	1.794	0.117
	RM 3001 – RM 5000	23.05	32	4.385		
	RM 5001 – RM 7000	24.23	36	3.005		
	RM 7001 – RM 9000	25.24	14	2.781		
	Lain-lain	24.59	28	3.010		

Jadual 5.16 Kefahaman Konsep Hutang Mengikut Pendapatan Bulanan Pasangan

Kefahaman	Pendapatan Bulanan	Min Skor	Saiz sampel	Sisihan Piawai	Nilai-F	Sig. $\alpha = 0.05$
Hukum Berhutang	< RM 1500	29.69	16	4.299	3.109	0.010*
	RM 1501 – RM 3000	30.33	40	4.215		
Proses Berhutang	RM 3001 – RM 5000	31.68	24	3.662	3.288	0.007*
	RM 5001 – RM 7000	33.16	13	3.361		
	RM 7001 – RM 9000	33.45	21	3.487		
	Lain-lain	30.74	55	4.003		
	< RM 1500	19.49	16	2.906		
	RM 1501 – RM 3000	19.29	40	3.541		
	RM 3001 – RM 5000	20.05	24	2.445		
	RM 5001 – RM 7000	22.07	13	2.241		
	RM 7001 – RM 9000	21.85	21	3.330		
	Lain-lain	22.00	21	2.324		
Tanggungjawab Terhadap Hutang	< RM 1500	19.81	55	2.930	3.705	0.003*
	RM 1501 – RM 3000	19.50	16	3.162		
Keseluruhan	RM 3001 – RM 5000	20.08	40	3.654	4.376	0.001*
	RM 5001 – RM 7000	21.51	24	2.008		
	RM 7001 – RM 9000	22.23	13	2.315		
	< RM 1500	19.88	55	2.800		
	RM 1501 – RM 3000	22.89	16	3.456		
	RM 3001 – RM 5000	23.23	40	3.804		
	RM 5001 – RM 7000	24.41	24	2.705		
	RM 7001 – RM 9000	25.82	13	2.639		
Lain-lain	25.77	21	3.047			

Merujuk kepada Jadual 5.15, kefahaman terhadap konsep berhutang mengikut pendapatan bulanan, bagi aspek hukum berhutang mengikut pendapatan didapati bagi kumpulan pendapatan RM1500 dan ke bawah, purata kefahamannya berada pada 29.69 dan bagi kumpulan berpendapatan RM1501 ke RM3000, nilai purata kefahamannya berada pada 30.33. Sementara itu bagi kumpulan berpendapatan RM3001 ke RM 5000, purata kefahaman ialah pada 31.68 dan bagi kumpulan berpendapatan RM 5001 ke RM7000, nilai purata kefahaman adalah pada 33.16. Sementara itu, bagi kumpulan berpendapatan RM7001 ke RM 9000 dan kumpulan lain-lain pendapatan, nilai purata kefahaman adalah pada 33.45 dan 30.74. Merujuk kepada data ini, jelas menunjukkan bahawa semakin tinggi kumpulan pendapatan, semakin tinggi tahap kefahaman mereka terhadap kefahaman terhadap hukum berhutang. Kumpulan yang paling tinggi tahap kefahaman mereka adalah dari kumpulan berpendapatan RM7000 ke RM9000 dan yang paling rendah ialah kumpulan berpendapatan di bawah RM1500.

Berdasarkan Jadual 5.15 dan Jadual 5.16 juga, kefahaman terhadap konsep hutang mengikut pendapatan, bagi aspek proses berhutang pula didapati kumpulan pendapatan bulanan RM1500 dan ke bawah purata kefahamannya berada pada 19.29 dan bagi kumpulan pendapatan RM1501 ke RM3000, nilai purata kefahaman berada pada 20.05. Sehubungan itu, bagi kumpulan berpendapatan RM3001 ke RM5000 pula, purata kefahaman ialah pada 22.07 dan bagi kumpulan berpendapatan RM5001 ke RM7000, nilai purata kefahaman adalah pada 21.85. Sementara itu, bagi kumpulan berpendapatan RM7001 ke RM9000 dan lain-lain kumpulan pendapatan, nilai purata kefahaman adalah pada 19.81. Oleh itu, dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa semakin tinggi kumpulan pendapatan semakin tinggi tahap kefahaman mereka terhadap hutang dari aspek proses berhutang, namun terdapat perbezaan antara kumpulan berpendapatan RM5001 ke RM7000 adalah yang paling tinggi, berbanding dengan kumpulan berpendapatan

RM7001 ke RM9000 yang berada di bawahnya. Kumpulan yang paling tinggi tahap kefahaman mereka adalah dari kumpulan berpendapatan RM7001 ke RM9000 manakala yang lain rendah adalah kumpulan berpendapatan di bawah RM1500. Merujuk kepada data-data di atas, dapat dirumuskan bahawa semakin tinggi pendapatan, semakin kefahaman terhadap konsep hutang.

Bagi aspek ketiga pula, tanggungjawab terhadap hutang mengikut pendapatan didapati kumpulan berpendapatan RM1500 dan ke bawah, nilai purata kefahamannya berada pada 19.81 dan bagi kumpulan pendapatan RM1501 ke RM3000, nilai purata kefahaman berada pada 19.50. Sementara itu, bagi kumpulan berpendapatan RM3001 ke RM5000 pula, purata kefahaman ialah pada 20.08 dan bagi kumpulan berpendapatan RM5001 ke RM7000, nilai purata kefahaman adalah pada 21.51. Sementara itu, bagi kumpulan berpendapatan RM7001 ke RM9000 dan lain-lain kumpulan pendapatan, nilai purata kefahaman adalah pada 22.23 dan 22.00.

5.5 Analisis Terhadap Amalan Pelunasan Hutang

Amalan terhadap hutang dalam kajian ini dianalisis berdasarkan jawapan responden kepada tiga aspek yang diukur iaitu amalan keprihatinan terhadap hutang, amalan pemilihan skim patuh syar'i dan sikap bersegera melunaskan hutang. Tahap amalan secara keseluruhan dinilai dengan mencampurkan min bagi semua tiga aspek amalan dan jumlahnya dibahagikan kepada tiga. Untuk itu, dikemukakan dapatan amalan secara deskriptif menggunakan skor min. Kemudian dilakukan perbandingan tahap amalan berdasarkan pemboleh ubah tertentu seperti umur, kumpulan jawatan dan sebagainya. Perbandingan tahap amalan ini menggunakan Ujian-t (*t-test*) bagi konstruk yang

mempunyai dua kategori dan Ujian ANOVA Sehalu (*One Way ANOVA*) iaitu F-test bagi konstruk yang mempunyai lebih daripada dua kategori.

5.5.1 Analisis Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Keseluruhan

Jadual 5.17: Amalan Terhadap Pelunasan Hutang

Amalan Terhadap Hutang	Minimum	Maksimum	Saiz Sampel	Min	Sisihan Piawai
Amalan Keprihatinan Terhadap Hutang	5	25	169	19.87 (3.9)	4.327
Amalan Pemilihan Skim Patuh Syar'i	7	35	169	30.47 (3.8)	5.497
Amalan Sikap Bersegera Melunaskan Hutang	21	65	169	50.98 (3.9)	7.467
Keseluruhan	33	125	169	101.31 (3.9)	14.193

Sumber: Soal Selidik 2017
(Angka dalam kurungan adalah min item)

Bagi aspek keseluruhan amalan terhadap pelunasan hutang, nilai min berada pada 101.31 dan min item berada pada 3.88. Dapatan ini menjelaskan bahawa amalan terhadap pelunasan hutang adalah berada pada tahap yang memuaskan pada pandangan responden. Sementara bagi aspek keprihatinan terhadap hutang, nilai min berada pada 19.87 dan min item pada 3.97. Bagi aspek pemilihan skim patuh syari'e, nilai min pada 30.4 dan min item ialah pada 3.8. Sementara bagi aspek sikap bersegera melunaskan hutang, nilai min pada 50.98 dan min item pada 3.9. Dapatan ini menunjukkan bahawa aspek-aspek yang dikaji adalah menghampiri pasti atau dengan kata lain, bagi aspek keprihatinan, mereka adalah prihatin terhadap hutang, sementara bagi pemilihan skip patuh syar'i para responden adalah menekankan kepada skim yang patuh syariah. Sementara bagi amalan bersegera melunaskan hutang, responden berpandangan bahawa mereka bersikap bersegera melunaskan hutang.

R.H. Behrens menyatakan bahawa sikap dikenalpasti sebagai faktor terpenting dalam masalah pembayaran balik pinjaman. Kajian menunjukkan bahawa walaupun peminjam mempunyai keupayaan untuk membayar balik pinjaman pendidikan tetapi ia tidak mempunyai rasa tanggungjawab untuk membayarnya.⁴ Sementara kajian K. Subashini dan S. Duraisamy pada tahun 2016 pula⁵ mendapati faktor niat untuk membayar balik pinjaman berada pada tahap yang tinggi iaitu min 5.22. Namun dapatan kajian pertama di atas dilihat tidak menyokong sepenuhnya dapatan ini. Manakala kajian kedua lebih tertumpu kepada persoalan konsep yang belum diterjemahkan dalam bentuk tindakan.

5.5.2 Analisis Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Jantina

Jadual 5.18 di bawah dan jadual-jadual yang berikutnya menunjukkan dapatan dan analisis kajian terhadap amalan pelunasan hutang berdasarkan demografi kakitangan UTM Kuala Lumpur yang dimulai dengan dapatan dan analisis mengenai jantina dan diakhir dengan dapatan dan analisis mengenai pendapatan bulanan responden dan pasangan.

Jadual 5.18 Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Jantina

Amalan	Jantina	Min Skor	Saiz sampel	Sisihan Piawai	Nilai-F	Sig. $\alpha=0.05$
Amalan Keprihatinan Terhadap Hutang	Lelaki	19.39	88	4.429	2.198	0.140
	Perempuan	20.38	79	4.180		
Amalan Pemilihan Skim Patuh Syar'i	Lelaki	29.45	88	5.807	7.430	0.007*
	Perempuan	31.70	79	4.743	1.653	0.200
	Lelaki	50.26	88	8.420		

⁴ Behrens, R. H. (1992), *Commercial Loan Officer's Handbook*, Japan: Bankers Publishing Company, Toppan Company, Limited, 65.

⁵ K. Subashini dan S. Duraisamy, A Study on Student's Attitude towards Educational Loan Repayment, *International Journal of Electronic Marketing and Retailing (IJEMR)*, 6 (2016), 4, 1-5.

Amalan Sikap Bersegera Melunaskan Hutang	Perempuan	51.75	79	6.306		
	Lelaki	33.03	88	6.219	4.736	0.031
Keseluruhan	Perempuan	34.61	79	5.076		

Sumber: Soal Selidik 2017

Jadual 5.19 Analisis Perbezaan Tahap Amalan Mengikut Jantina

Tahap Kefahaman	Nilai F	Tahap Pengujian $\alpha=0.05$
Keseluruhan	4.736	0.031
Amalan Keprihatinan Terhadap Hutang	2.198	0.140
Amalan Pemilihan Skim Patuh Syar'i	7.430	0.007*
Amalan Sikap Bersegera Melunaskan Hutang	1.653	0.200

Sumber: Soal Selidik 2017

Berdasarkan kepada ujian-t antara jantina dengan tahap amalan Keprihatinan Terhadap Hutang, amalan Pemilihan Skim Patuh Syar'i dan amalan Sikap Bersegera Melunaskan Hutang didapati terdapat perbezaan yang jelas mengikut jantina responden terhadap tahap amalan Pemilihan Skim Patuh Syar'i dengan nilai t adalah 7.430 dan paras keertian berada pada 0.007 dan ini adalah berada di atas tahap pengujian $\alpha=0.05$ (selang keyakinan 95%). Sementara bagi tahap jantina dengan amalan berhutang terhadap amalan keprihatinan terhadap hutang dan Sikap Bersegera Melunaskan Hutang tidak signifikan dengan $t = 2.198$ dan $t = 1.653$ masing-masing. Ini menunjukkan tiada perbezaan antara jantina dengan dua amalan tersebut.

Berpandukan Jadual 5.19 di atas, didapati kakitangan wanita adalah lebih prihatin berbanding kaum lelaki dalam salah satu aspek yang dikaji.

Dalam hal ini wujud perbezaan dengan kajian Leila Falahati dan Laily Hj. Paim dan kajian Wagland dan Taylor⁶ yang menunjukkan responden lelaki lebih prihatin mengenai hutang berbanding kaum wanita.⁷ Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa wujud kepelbagaian amalan terhadap hutang mengikut jantina bagi sesetengah kes didapati lelaki lebih tinggi dan perempuan lebih tinggi.

5.5.3 Analisis Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Umur

Jadual 5.20 Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Umur

Amalan	Umur	Min Skor	Saiz sampel	Sisihan Piawai	Nilai-F	Sig.
Keprihatinan Terhadap Hutang	21-29	18.22	52	4.331	5.255	0.002*
	30-39	19.90	51	4.709		
	40-49	20.59	35	4.024		
	50 ke atas	21.79	31	2.915		
Pemilihan Skim Patuh Syar'i	21-29	28.54	52	6.305	4.987	0.002*
	30-39	30.16	51	6.013		
	40-49	31.71	35	4.288		
	50 ke atas	32.81	31	2.538		
Sikap Bersegera Melunaskan Hutang	21-29	50.16	52	9.711	1.028	0.382
	30-39	50.21	51	7.691		
	40-49	51.90	35	5.252		
	50 ke atas	52.55	31	4.044		
Keseluruhan	21-29	32.31	52	6.782	4.214	0.007*
	30-39	33.42	51	6.137		
	40-49	34.73	35	4.521		
	50 ke atas	35.72	31	3.166		

Bagi amalan pelunasan hutang mengikut usia pula, Jadual 5.20 memperlihatkan bahawa semakin seorang itu berusia, sikap prihatin dan tanggungjawab itu semakin terserlah. Ini dibuktikan menerusi dapatan kajian di atas yang mana responden yang berusia 50 tahun ke atas didapati mempunyai min skor paling tinggi bagi keseluruhan dan juga tiga aspek

⁶ Wagland, S. P. dan Taylor. S. When it comes to financial literacy, is gender really an Issue? *Journal of Australian Accounting Business and Finance*, 3 (2009), 1,13-25.

⁷ Leila Falahati & Laily Hj. Paim, A comparative study in Money Attitude among University Students: A Gendered View, *Journal of American Science*, 7 (2011), 6, 1144-1148.

yang dikaji. Sementara min skor yang paling corot adalah mereka yang berusia muda, iaitu antara 21 hingga 29 tahun yang mana semua aspek berada pada kedudukan yang paling rendah. Dapati kajian ini selari dengan kajian Abdul Basit Hodari, Tamat Sarmidi & Norlida Hanim Mohd Salleh⁸ yang menunjukkan bahawa golongan pekerja muda paling kurang membayar komitmen hutang pinjaman berbanding dengan golongan lain. Sementara kajian Muhammad Izzat Mohamed dan Tamat Sarmidi pada tahun 2014⁹ mendapati sikap responden terhadap kepatuhan untuk membayar balik pinjaman, di mana lebih ramai yang sedar dan prihatin bahawa seorang peminjam perlu mengikut jadual bayaran yang telah ditetapkan. Sebanyak 84.3 peratus yang mengatakan perlu membayar balik pinjaman PTPTN apabila sampai tempohnya manakala hanya 15.7 peratus yang mengatakan tidak. Walaubagaimanapun, peratus yang telah mula membuat pembayaran adalah rendah berbanding peratus sikap yang ditunjukkan. Sebanyak 52.9 peratus yang telah mula membuat pembayaran PTPTN manakala 47.1 peratus belum mula membuat pembayaran PTPTN.

Sementara itu, hasil signifikansi dalam Jadual 5.20 di atas memaparkan item ‘Sikap Bersegera Melunaskan Hutang’ adalah item paling tinggi dengan nilai 0.832 dan nilai F adalah 7.691 yang datang daripada golongan yang berusia antara 30 hingga 39 tahun.

⁸Abdul Basit Hodari, Tamat Sarmidi & Norlida Hanim Mohd Salleh. Hutang dan Golongan Muda di Malaysia: Satu Kajian Awal. *Prosiding PERKEM ke-9*. (2014), 833-844.

⁹ Muhammad Izzat Mohamed dan Tamat Sarmidi, Faktor Kemungkinan Membayar Balik Hutang Pengajian: Skop Kajian Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, *Prosiding PERKEM ke-9*. (2014), 813-818.

5.5.4 Analisis Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Kumpulan Jawatan

Jadual 5.21 Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Kumpulan Jawatan

Amalan	Kumpulan Jawatan	Min Skor	Saiz sampel	Sisihan Piawai	Nilai-F	Sig. $\alpha=0.05$
Keprihatinan Terhadap Hutang	Akademik	19.65	99	4.262	1.360	0.245
Pemilihan Skim Patuh Syar'i	Pentadbiran	20.46	64	4.416		
	Akademik	30.21	99	5.603	0.661	0.418
	Pentadbiran	30.94	64	5.456		
Sikap Bersegera Melunaskan Hutang	Akademik	51.05	99	7.646	0.041	0.905
	Pentadbiran	50.91	64	7.509		
Keseluruhan	Akademik	33.64	99	5.837	0.359	0.550
	Pentadbiran	34.10	64	5.794		

Hasil kajian mendapati amalan terhadap pelunasan hutang mengikut kumpulan jawatan adalah tidak signifikan. Bagi amalan pelunasan hutang mengikut jawatan pula, Jadual 5.21 mempunyai butirannya. Hasil kajian mendapati bahawa secara keseluruhan staf bukan akademik mempunyai tahap amalan yang lebih baik berbanding dengan staf akademik dengan min skor 34.10 berbanding dengan ahli akademik iaitu min skor 33.64. Namun, ahli akademik didapati mempunyai sikap yang lebih baik berbanding staf bukan akademik dalam perkara bersegera membayar hutang dengan skor 51.05. Adapun dua aspek lagi yang dikaji iaitu aspek keprihatinan terhadap hutang dan aspek pemilihan skim patuh syar'i, dapatan kajian memperlihatkan bahawa staf bukan akademik adalah lebih baik sedikit berbanding dengan ahli akademik. Kajian juga membuktikan bahawa tiada perbezaan ketara antara keduanya dalam perkara ini dan skor 20.46 dan 30.94.

Hasil kajian mendapati tiada perbezaan secara signifikan antara amalan terhadap pelunasan hutang mengikut kumpulan jawatan.

5.5.5 Analisis Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Status Perkahwinan

Jadual 5.22 Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Status Perkahwinan

Amalan	Status Perkahwinan	Min Skor	Saiz sampel	Sisihan Piawai	Nilai-F	Sig. $\alpha= 0.05$
Keprihatinan Terhadap Hutang	Bujang	20.42	116	4.111	6.231	0.002*
	Berkahwin	18.19	48	4.527		
	Bercerai	24.00	3	1.732		
Pemilihan Skim Patuh Syar'i	Bujang	31.23	116	4.870	6.492	0.002*
	Berkahwin	28.23	48	6.451		
	Bercerai	35.00	3	0.000		
Sikap Bersegera Melunaskan Hutang	Bujang	50.81	116	6.730	0.379	0.685
	Berkahwin	50.91	48	9.269		
	Bercerai	54.64	3	2.838		
Keseluruhan	Bujang	34.16	116	5.237	3.487	0.033*
	Berkahwin	32.44	48	6.749		
	Bercerai	37.88	3	1.523		

Pada Jadual 5.22 pula dipaparkan amalan terhadap pelunasan hutang berdasarkan status perkahwinan. Hasil kajian mendapati bahawa orang bujang dilihat lebih prihatin dalam melunaskan hutang berbanding dengan mereka yang telah berkeluarga dengan min skor bagi orang bujang 20.42 dan mereka yang telah berkeluarga dengan min skor 18.19. Sementara bagi responden yang bercerai, kajian mendapati mereka mempunyai tahap prihatin yang tinggi berbanding dua jenis status perkahwinan lagi, bujang dan berkahwin, min mereka adalah 24.00. Sementara hasil signifikansi pula mendapati nilai tertinggi adalah 0.685 iaitu item 'Sikap Bersegera Melunaskan Hutang' yang menunjukkan amalan tersebut diamalkan dengan baik oleh responden.

5.5.6 Analisis Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Gred Jawatan

Jadual 5.23 Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Gred Jawatan

Amalan	Gred Jawatan	Min Skor	Saiz sampel	Sisihan Piawai	Nilai-F	Sig. $\alpha= 0.05$
Keprihatinan Terhadap Hutang	1-16	18.17	19	4.637	2.853	0.011*
	17-26	19.79	28	4.826		
	27-40	19.94	42	4.438		
	41-48	21.65	23	3.446		
	51-54	21.23	31	3.354		
	JUSA	19.40	5	5.413		
Pemilihan Skim Patuh Syar'i	1-16	29.23	19	5.850	2.373	0.032*
	17-26	30.45	28	6.223		
	27-40	31.15	42	4.545		
	41-48	31.93	23	4.246		
	51-54	31.78	31	4.243		
	JUSA	29.04	5	8.190		
Sikap Bersegera Melunaskan Hutang	1-16	49.77	19	8.740	1.378	0.227
	17-26	49.48	28	8.888		
	27-40	50.65	42	6.628		
	41-48	52.76	23	4.447		
	51-54	53.35	31	3.452		
	JUSA	52.71	5	14.718		
Keseluruhan	1-16	32.39	19	6.409	2.715	0.015*
	17-26	33.24	28	6.645		
	27-40	33.91	42	5.204		
	41-48	35.45	23	4.047		
	51-54	35.45	31	3.683		
	JUSA	33.72	5	9.440		

Bagi gred jawatan pula, hasil kajian mendapati kakitangan yang berada pada gred 41 hingga 48 dan gred 51 hingga 54 mempunyai min skor tertinggi iaitu 35.45, dan kumpulan gred 1 hingga 16 memperoleh min skor yang paling rendah.

Bagi amalan pertama yang diukur, keprihatinan terhadap hutang, min skor paling tinggi adalah pada gred 41 hingga 48 dan disusuli oleh gred 51 hingga 54, iaitu 21.65 dan 21.23. Sementara yang paling rendah adalah gred 1- hingga 16 dengan min skor 18.17. Bagi aspek kedua yang diukur, min skor paling tinggi pada gred 41 hingga 48 adalah 31.93 dan disusuli oleh gred 51 hingga 54 dengan min skor 31.78. Bagi aspek ketiga pula,

Jadual di atas mempamerkan kumpulan gred 41 hingga 48 juga dilihat lebih baik dalam perkara bersegera menjelaskan hutang dan diikuti oleh kumpulan gred 51 hingga 54.

Berdasarkan kepada ujian ANOVA didapati bahawa bagi aspek keprihatinan terhadap hutang dan aspek pematuhan terhadap skim syar'i adalah signifikan mengikut tahap gred jawatan. Bagi aspek keprihatinan terhadap hutang, paras keertian berada pada paras 0.011, dan bagi aspek pematuhan terhadap skim syari', paras keertian berada pada 0.032. Data ini menunjukkan bahawa ia berada di bawah tahap pengujian 0.05, atau dalam lain perkataan, terdapat perbezaan yang bererti antara gred jawatan responden dengan kedua aspek berkenaan.

Sementara bagi aspek sikap bersegera melunaskan hutang, paras keertian berada pada 0.227 dan ia berada di pada tahap pengujian 0.05. Nilai $p= 0.027$ dan dapatan ini menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang bererti antara gred jawatan dengan amalan sikap bersegera melunaskan hutang. Kajian oleh Megan T. Hayes pada tahun 2000 menunjukkan kesejajaran antara dapatan kajian ini dengan kajian beliau iaitu semakin tinggi gred seseorang semakin baik sikap terhadap hutang, yakni sikap segera menjelaskan hutang.¹⁰

5.5.7 Analisis Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Bilangan Isi Rumah

Jadual 5.24 Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Bilangan Isi Rumah

Amalan	Bilangan Isi Rumah	Min Skor	Saiz sampel	Sisihan Piawai	Nilai-F	Sig. $\alpha= 0.05$
Keprihatinan Terhadap Hutang	1-3 orang	19.46	51	4.691	1.272	0.286
	4-6 orang	20.75	77	4.207		

¹⁰ Megan T. Hayes, The relationship between gender, grade level, and attitude toward reading for first through fourth grade students, Master of Science in Teaching Degree, Graduate School, Rowan University, 2000.

	7-9 orang	19.45	20	3.410		
	10 ke atas	21.67	3	1.155		
Pemilihan Skim Patuh Syar'i	1-3 orang	30.26	51	5.974	0.456	0.713
	4-6 orang	31.01	77	4.971		
	7-9 orang	31.30	20	5.500		
	10 ke atas	28.33	3	8.327		
Sikap Bersegera Melunaskan Hutang	1-3 orang	50.76	51	8.373	0.973	0.407
	4-6 orang	51.58	77	6.475		
	7-9 orang	51.74	20	5.494		
	10 ke atas	57.70	3	2.858		
Keseluruhan	1-3 orang	33.49	51	6.346	0.612	0.608
	4-6 orang	34.45	77	5.218		
	7-9 orang	34.16	20	4.801		
	10 ke atas	35.90	3	4.113		

Jadual 5.24 di atas menunjukkan dapatan kajian mengenai amalan pelunasan hutang mengikut isi rumah. Secara keseluruhan, responden yang mempunyai jumlah isi rumah yang ramai iaitu 10 orang ke atas dilihat lebih prihatin dan lebih bertanggungjawab dalam menjelaskan hutang piutang mereka berbanding mereka yang lain. Namun, bagi responden yang punyai ahli keluarga yang ramai ini dalam aspek kedua yang diukur, mereka dilihat kurang prihatin dan sensitif terhadap pemilihan skim pembiayaan yang patuh syar'i di mana min skor mereka (28.33) adalah paling rendah sedangkan dalam dua aspek lain merekalah yang memiliki min skor yang paling tinggi, 21.67 bagi aspek keprihatinan terhadap hutang dan aspek bersegera dalam menjelaskan hutang dengan min skor 57.70.

Hasil ujian ANOVA sehalu di atas menunjukkan bahawa bagi kesemua aspek yang diuji adalah berada di atas tahap pengujian 0.05. Paras keertian bagi keprihatinan terhadap hutang pada 0.286, bagi pemilihan skim patuh syar'i ialah pada 0.713, bagi sikap bersegera melunaskan hutang ialah pada 0.407 dan bagi keseluruhan ialah pada 0.608. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa tiada perhubungan yang bererti antara bilangan isi rumah responden dengan aspek yang dikaji. Kajian ini juga dilihat selari dengan kajian

Nurshahirah Azman, Roza Hazli Zakaria & Sabitha Merican yang mendapati tiada perhubungan yang signifikan isi rumah terhadap hutang.¹¹

5.5.8 Analisis Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Taraf Pendidikan

Jadual 5.25: Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Taraf Pendidikan

Amalan	Taraf Pendidikan	Min Skor	Saiz sampel	Sisihan Piawai	Nilai-F	Sig. $\alpha= 0.05$
Keprihatinan Terhadap Hutang	SRP	14.00	1	-	2.392	0.031*
	SPM	21.13	16	4.485		
	STPM	19.38	6	2.637		
	Diploma	18.55	41	4.896		
	Degree	19.38	54	4.506		
	Master	21.09	23	3.059		
	PhD	21.56	27	3.378		
Pemilihan Skim Patuh Syar'i	SRP	21.00	1	-	2.412	0.029*
	SPM	32.23	16	4.851		
	STPM	29.84	6	3.871		
	Diploma	28.93	41	6.216		
	Degree	30.00	54	5.956		
	Master	32.74	23	2.476		
	PhD	31.67	27	4.603		
Sikap Bersegera Melunaskan Hutang	SRP	38.00	1	-	1.600	0.150
	SPM	52.35	16	5.684		
	STPM	48.43	6	4.557		
	Diploma	49.26	41	8.039		
	Degree	51.35	54	9.171		
	Master	52.01	23	3.736		
	PhD	53.01	27	4.039		
Keseluruhan	SRP	24.33	1	-	2.920	0.010*
	SPM	35.24	16	5.007		
	STPM	32.55	6	3.688		
	Diploma	32.25	41	6.384		
	Degree	33.57	54	6.544		
	Master	35.28	23	3.090		
	PhD	35.41	27	4.006		

¹¹Nurshahirah Azman, Roza Hazli Zakaria & Sabitha Merican. Sikap isi rumah terhadap hutang dan keberhutangan: Kajian di Lembah Klang, Malaysia. *The Malaysia Journal of Social Administration* 9, (2013) 1, 59-86.

Daripada Jadual 5.25 di atas, dapat disimpulkan bahawa analisis kefahaman berdasarkan tahap pendidikan mendapati semakin tinggi tahap pendidikan kakitangan, semakin baik tahap kefahaman terhadap konsep dan amalan berhutang dan begitulah sebaliknya. Ini terbukti pada min skor yang diperolehi bagi setiap tahap pendidikan yang pada dapatan kajian, min skor semakin meningkat selari dengan peningkatan tahap pendidikan kakitangan.

Daripada ujian ANOVA sehalu didapati bahawa paras keertian berada pada nilai 0.150, dan ia berada di atas tahap pengujian 0.05. Dapatan ini menunjukkan tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara 'Sikap bersegera melunaskan hutang' berdasarkan kepada taraf pendidikan responden.

Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian Kim dan De Vaney¹² yang menyatakan individu yang memiliki tahap pendidikan yang tinggi cenderung untuk memiliki kepercayaan kredit yang tinggi dan yakin terhadap status kewangan mereka pada masa depan.

5.5.9 Analisis Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Aliran Pendidikan

Jadual 5.26: Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Aliran Pendidikan

Kefahaman	Aliran Pendidikan	Min Skor	Saiz sampel	Sisihan Piawai	Nilai-F	Sig. $\alpha= 0.05$
Keprihatinan Terhadap Hutang	Kebangsaan	20.28	52	3.820	2.476	0.063
	Teknikal	19.19	69	4.830		
	Agama	21.56	27	3.203		
	Lain-lain	18.93	21	4.539		
Pemilihan Skim Patuh Syar'i	Kebangsaan	31.03	52	5.010	3.104	0.028*
	Teknikal	29.19	69	6.265		

¹² Kim, H., & DeVaney, S.A. The determinants of outstanding balances among credit card revolvers. *Association for Financial Counseling and Planning*, 12 (2001), 1,67-77.

Sikap Bersegera Melunaskan Hutang	Agama	32.76	27	4.185	0.682	0.564
	Lain-lain	30.31	21	4.468		
	Kebangsaan	51.43	52	6.739		
	Teknikal	50.92	69	8.444		
Keseluruhan	Agama	51.80	27	5.891	2.035	0.111
	Lain-lain	48.96	21	7.698		
	Kebangsaan	34.25	52	5.190		
	Teknikal	33.10	69	6.513		
	Agama	35.37	27	4.426		
	Lain-lain	32.73	21	5.569		

Bagi aliran pendidikan pula, hasil kajian mendapati aliran agama yang paling tinggi skor min berbanding dengan dua aliran lagi dalam kalangan kakitangan UTM Kuala Lumpur dalam aspek amalan kakitangan terhadap amalan pelunasan hutang. Aliran agama yang dimaksudkan di sini ialah mereka yang mendapat bersekolah agama di peringkat sekolah menengah. Daripada ujian ANOVA sehalu didapati paras keertian berada pada nilai 0.564 dan ia adalah berada di atas tahap pengujian 0.05. Dengan kata lain tidak terdapat perhubungan yang bererti antara aliran pendidikan dengan amalan pelunasan hutang.

5.5.10 Analisis Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Pendapatan

Bulanan

Jadual 5.27 Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Pendapatan Bulanan Responden

Amalan	Pendapatan Bulanan	Min Skor	Saiz sampel	Sisihan Piawai	Nilai-F	Sig. $\alpha= 0.05$
Keprihatinan Terhadap Hutang	< RM 1500	19.52	18	3.852	0.842	0.522
	RM 1501 – RM 3000	19.56	32	5.564		
	RM 3001 – RM 5000	20.21	36	4.243		
	RM 5001 – RM 7000	19.79	14	3.620		
	RM 7001 – RM 9000	21.16	28	3.440		
	Lain-lain	19.12	41	4.283		
	< RM 1500	32.03	18	3.681		

Pemilihan Skim Patuh Syar'i	RM 1501 – RM 3000	29.90	32	6.655	1.421	0.219
	RM 3001 – RM 5000	30.30	36	4.648		
	RM 5001 – RM 7000	31.53	14	4.729		
	RM 7001 – RM 9000	31.89	28	4.157		
Sikap Bersegera Melunaskan Hutang	< RM 1500	29.03	41	6.608	1.564	0.173
	RM 1501 – RM 3000	53.99	18	6.436		
	RM 3001 – RM 5000	48.71	32	10.103		
	RM 5001 – RM 7000	51.00	36	6.211		
	RM 7001 – RM 9000	50.11	14	6.201		
Keseluruhan	Lain-lain	52.68	28	3.711	1.483	0.198
	< RM 1500	50.53	41	8.437		
	RM 1501 – RM 3000	35.18	18	4.656		
	RM 3001 – RM 5000	32.72	32	7.441		
	RM 5001 – RM 7000	33.84	36	5.034		
	RM 7001 – RM 9000	33.81	14	4.850		
	Lain-lain	35.24	28	3.769		

Jadual 5.28 Amalan Terhadap Pelunasan Hutang Mengikut Pendapatan Bulanan Pasangan

Amalan	Pendapatan Bulanan	Min Skor	Saiz sampel	Sisihan Piawai	Nilai-F	Sig. $\alpha= 0.05$
Keprihatinan Terhadap Hutang	< RM 1500	20.71	16	3.965	1.391	0.230
	RM 1501 – RM 3000	18.43	40	5.138		
	RM 3001 – RM 5000	20.31	24	3.215		
	RM 5001 – RM 7000	20.69	13	3.545		
	RM 7001 – RM 9000	20.86	21	3.812		
	Lain-lain	19.91	55	4.455		
Pemilihan Skim Patuh Syar'i	< RM 1500	30.81	16	4.461	2.667	0.024
	RM 1501 – RM 3000	29.00	40	5.994		
	RM 3001 – RM 5000	32.16	24	4.496		
	RM 5001 – RM 7000	33.14	13	2.361		
	RM 7001 – RM 9000	32.26	21	4.839		
	< RM 1500	29.37	55	6.073		

Sikap Bersegera Melunaskan Hutang	RM 1501 – RM 3000	54.08	16	7.074	3.412	0.006*
	RM 3001 – RM 5000	47.13	40	8.874		
	RM 5001 – RM 7000	51.62	24	5.153		
	RM 7001 – RM 9000	52.27	13	5.366		
	Lain-lain	53.15	21	3.913		
	< RM 1500	51.45	55	7.929		
	RM 1501 – RM 3000	35.20	16	5.167		
Keseluruhan	RM 3001 – RM 5000	31.52	40	6.669	3.331	0.007*
	RM 5001 – RM 7000	34.70	24	4.288		
	RM 7001 – RM 9000	35.37	13	3.757		
	Lain-lain	35.42	21	4.188		

Dapatan kajian dalam dua jadual iaitu Jadual 5.27 dan Jadual 5.28 di atas menunjukkan bahawa semakin tinggi pendapatan kakitangan dan pasangannya, maka semakin baik kefahaman dan amalan mereka terhadap konsep hutang. Sebaliknya semakin rendah pendapatan bulanan, tahap kefahaman terhadap hutang juga sederhana dan boleh membawa kepada perkara-perkara yang tidak diingini atau kes penundaan pembayaran hutang mahupun kes keberhutangan yang serius.

Jelasnya, bagi mereka yang berpendapatan tinggi dan mempunyai kefahaman yang baik terhadap konsep dan amalan berhutang ini, ternyata akan lebih cenderung kepada pematuhan kontrak pelunasan hutang pada tempoh dan masa yang ditetapkan dan sebagainya. Mereka juga dilihat sebagai berisiko rendah untuk terjerumus dalam kes-kes berhutangan serius dan sebagainya.

Berdasarkan kepada ujian ANOVA sehala, didapati bahawa paras keertian berada pada nilai 0.230 dan ia adalah berada di atas tahap pengujian 0.05. Dapatan ini

menunjukkan bahawa tidak terdapat perhubungan yang bererti antara pendapatan bulanan pasangan terhadap sikap pelunasan hutang.

5.6 Analisis Tahap Perbezaan Kefahaman Terhadap Hutang dengan Tahap Amalan Pelunasan Hutang Dalam Kalangan Kakitangan UTM Kuala Lumpur

Berdasarkan dapatan kajian, dapatlah dibuat rumusan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kefahaman dan tahap amalan tertentu bagi konstruk yang dikaji.

Jadual 5.29: Perbandingan Antara Kefahaman dan Amalan Hutang

Kefahaman Berhutang	Min setiap item	Sisihan Piawai	Amalan Berhutang	Min setiap item	Sisihan Piawai	Nilai-F	Sig. $\alpha=0.05$
Hukum berhutang	3.90	0.508	Keprihatinan Terhadap Hutang	3.97	0.866	0.891	0.346
Proses berhutang	4.02	0.866	Pemilihan Skim Patuh Syar'i Sikap	4.35	0.785	17.903	0.000*
Tanggungjawab terhadap hutang	4.11	0.710	Bersegera Melunaskan Hutang	3.92	0.728	8.817	0.003*

Disebabkan ada signifikan statistik antara kefahaman dan amalan dalam konstruk proses dan tanggungjawab terhadap berhutang, jadi secara keseluruhan, kefahaman dan amalan responden terhadap proses dan tanggungjawab terhadap berhutang hutang adalah berbeza. Manakala kefahaman dan amalan dalam hukum berhutang responden adalah sama.

Dapatan analisis perbandingan dalam Jadual 5.29 di atas menemukan satu dapatan menarik bagi tanggungjawab membayar hutang bagi konstruk kefahaman terhadap

hutang dengan bersegera membayar hutang bagi konstruk amalan berhutang. Antaranya ialah kefahaman responden agak baik dalam item tanggungjawab membayar hutang namun ia agak kurang baik ketika item bersegera membayar hutang. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kakitangan UTM Kuala Lumpur mempunyai tahap kefahaman yang baik dalam aspek kefahaman terhadap hutang namun aspek membayarnya agak mendukacitakan dengan sisihan piawai pada 0.728, dan hasil signifikasi mengenai ‘Pemilihan Skim Patuh Syar’i’ adalah signifikan iaitu dengan nilai 0.000*.

Amalan berhutang yang dipengaruhi oleh tahap kefahaman yang baik namun ia dipengaruhi oleh aspek usia yang muda di mana kakitangan yang bawah 30 tahun didapati mempunyai skor min yang paling rendah iaitu min 3.50 berbanding dengan staf yang lain. Begitu juga dengan banyak item atau aspek yang lain memperlihatkan kakitangan yang muda mempunyai masalah dalam perkara ini dan semoga ada solusi untuk membantu mereka dalam hal ini.

5.7 Hubungan Kefahaman Dengan Amalan Kakitangan UTM Kuala Lumpur

Jadual 5.30 Hubungan Kefahaman Dengan Amalan Kakitangan UTM Kuala Lumpur

	Proses hutang	Hukum berhutang	Tanggungjawab	Keprihatinan	Pemilihan Skim	Bersegera
Proses hutang	1	.558**	.737**	.359**	.418**	.317**
		.000	.000	.000	.000	.000
Hukum berhutang	.558**	1	.572**	.317**	.422**	.298**
	.000		.000	.000	.000	.000
Tanggungjawab	.737**	.572**	1	.336**	.442**	.337**
	.000	.000		.000	.000	.000
Keprihatinan	.359**	.317**	.336**	1	.419**	.585**
	.000	.000	.000		.000	.000
Pemilihan Skim	.418**	.422**	.442**	.419**	1	.476**

	.000	.000	.000	.000	.000	.000
Bersegera	.317**	.298**	.337**	.585**	.476**	1
	.000	.000	.000	.000	.000	

** . Korelasi signifikan pada asara keertian 0.01 (2 hujung)

Berdasarkan Jadual 5.30 di atas, kajian mendapati terdapat hubungan yang positif antara Kefahaman dan Amalan Kakitangan UTM Kuala Lumpur. Responden yang memahami proses berhutang dengan amalan keprihatinan terhadap hutang ($r=.359$, $p<.05$). Ini bermaksud semakin tinggi kefahaman mereka mengenai proses berhutang, semakin tinggi amalan keprihatinan mereka untuk menjelaskan hutang.

Sementara kefahaman responden terhadap proses berhutang dengan amalan Pemilihan Skim Patuh Syar'i pula adalah ($r=.418$, $p<.05$). Ini bermakna semakin tinggi kefahaman mereka mengenai proses berhutang, semakin tinggi pula amalan pemilihan skim patuh syar'i dalam kalangan mereka. Demikian juga dengan dapatan bagi kefahaman responden terhadap proses berhutang dengan amalan bersegera dalam menjelaskan hutang iaitu ($r=.317$, $p<.05$), yang menunjukkan semakin tinggi kefahaman responden terhadap proses berhutang dan semakin tinggi amalan mereka untuk bersegera membayar hutang.

Bagi hubungan antara kefahaman dan amalan mengenai hukum berhutang pula, responden yang memahami hukum berhutang didapati prihatin terhadap pelunasan hutang ($r=.317$, $p<.05$). Ini bermaksud semakin tinggi kefahaman mereka tentang hukum hutang, semakin tinggi amalan keprihatinan mereka untuk melunaskan hutang.

Sementara bagi hubungan antara kefahaman terhadap hukum berhutang dengan amalan pemilihan skim patuh syar'i pula adalah ($r=.422, p<.05$), dan ia menunjukkan semakin tinggi kefahaman mereka mengenai hukum berhutang maka semakin tinggi juga amalan memilih skim yang patuh syar'i dalam kalangan responden.

Responden yang memahami hukum berhutang didapati bersegera dalam menjelaskan hutang ($r=.298, p<.05$). Dapatan ini juga membawa maksud semakin tinggi kefahaman terhadap hukum berhutang maka semakin tinggi juga amalan untuk segera membayar hutang dalam kalangan responden.

Dalam pada itu, responden yang memahami akan tanggungjawab terhadap hutang dengan amalan keprihatinan terhadap hutang adalah ($r=.336, p<.05$) dan ia menunjukkan semakin tinggi kefahaman terhadap tanggungjawab kepada hutang maka semakin tinggi juga amalan keprihatinan mereka dalam melunaskan hutang. Begitu juga dengan responden yang memahami akan tanggungjawab terhadap hutang dengan amalan memilih skim yang patuh syar'i adalah ($r=.442, p<.05$). Ini bermakna semakin tinggi tahap kefahaman responden terhadap tanggungjawab kepada hutang, semakin tinggi juga amalan mereka dalam memilih skim yang patuh syar'i.

Begitu juga dengan kefahaman responden mengenai tanggungjawab terhadap hutang dengan amalan bersegera membayar hutang adalah ($r=.337, p<.05$). Ia juga menunjukkan bahawa semakin tinggi kefahaman terhadap tanggungjawab kepada hutang, dengan amalan bersegera membayar hutang dalam kalangan responden.

Berdasarkan analisis berbentuk empirikal ia menunjukkan hubungan dan perkaitan yang erat antara kefahaman yang melibatkan akal dengan amalan atau tingkah

laku manusia. Kefahaman terhadap konsep hutang dalam Islam juga mempunyai pengaruh kepada amalan berhutang kakitangan UTM Kuala Lumpur. Tegasnya, semakin tinggi kefahaman terhadap konsep berhutang yang melibatkan tiga aspek iaitu hukum, proses dan tanggungjawab berhutang dalam kalangan kakitangan, maka semakin kurang risiko untuk berhutang dan mungkir terhadap pelunasan hutang. Ia menunjukkan tahap kefahaman mengenai aspek hukum, proses dan tanggungjawab berhutang mempengaruhi amalan atau tabiat berhutang kakitangan yang dikaji.

Jelas bahawa kefahaman dan amalan manusia dalam Islam mempunyai hubungan dan kaitan yang erat lantaran manusia adalah makhluk yang terdiri daripada dua unsur iaitu unsur roh dan unsur jasad. Kefahaman dikaitkan dengan unsur roh manakala amalan pula adalah unsur jasad manusia. Ini sejajar dengan firman Allah SWT dalam al-Quran, antaranya seperti ayat 28 Surah Fatir yang bermaksud: *“Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui?”*

Ringkasnya kefahaman seseorang mengenai sesuatu perkara akan membentuk dan mempengaruhi pemikiran dan amalannya. Malah ia juga boleh memberikan kesan sama ada baik atau buruk kepadanya dan masyarakat sekitarnya juga.

5.8 Kesimpulan

Bab ini mengemukakan dapatan kajian mengenai tahap kefahaman dan amalan berhutang dalam kalangan kakitangan UTM Kuala Lumpur. Selain daripada dapatan kefahaman dan amalan secara keseluruhan, pengkaji juga mengemukakan dapatan kajian berdasarkan demografi yang terdiri daripada sebelas item seperti jantina, umur, kumpulan jawatan, gred dan status jawatan, status perkahwinan dan juga bilangan isi rumah, taraf dan aliran

pendidikan dan juga pendapatan bulanan responden serta pengisytiharan muflis. Dari sudut kefahaman kakitangan terhadap hutang yang merangkumi tiga aspek iaitu hukum, proses berhutang dan tanggungjawab terhadap hutang berada pada tahap yang tinggi iaitu min skor 3.71.

Sementara dari sudut amalan pula yang meliputi keprihatinan terhadap hutang, pemilihan skim patuh syarak dan sikap bersegera dalam melunaskan hutang berada pada tahap yang baik dan tinggi dengan konstruk ketiga, sikap bersegera dalam melunaskan hutang mempunyai min yang paling rendah berbanding dengan dua konstruk yang lain iaitu pemilihan skim patuh syarak dan sikap bersegera dalam melunaskan hutang.

Kajian juga mendapati bahawa wujud perbezaan yang signifikan antara kefahaman dan amalan kakitangan UTM Kuala Lumpur terutama dalam kalangan mereka yang berusia bawah 40-tahun. Mereka didapati lebih banyak terlibat dengan masalah pelunasan hutang walaupun pada tahap kefahaman kebanyakan kakitangan berada pada tahap yang baik. Apa yang pasti dapatan kajian menunjukkan bahawa responden tetap melunaskan hutang mereka sebagaimana yang dimeterai dengan pihak pemiutang.

Hasil kajian yang terakhir iaitu mengenai hubungan antara kefahaman dengan amalan berhutang dalam kalangan kakitangan UTM Kuala Lumpur menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara keduanya.

Kajian ini mendapati bahawa wujud signifikan antara tahap kefahaman dan amalan berhutang dalam kalangan responden, atau dalam lain perkataan, semakin tinggi kefahaman seseorang maka semakin tinggi amalannya terhadap konsep hutang dan perkara yang berkaitan dengannya.

BAB 6: PENUTUP

6.1 Pengenalan

Berhutang merupakan amalan yang menjadi kebiasaan kepada sebahagian masyarakat sejak dahulu lagi. Mereka meminjam atau berhutang sesuatu daripada orang lain atas pelbagai sebab dan keperluan. Perkembangan zaman memperlihatkan trend berhutang dalam kalangan masyarakat ini semakin meluas dan adakala membimbangkan. Islam sebagai agama yang bersifat sarjawajat dan menyeluruh mengharuskan amalan ini dengan beberapa tatacara dan syarat yang perlu dipatuhi untuk kebaikan semua pihak yang terlibat.

Dalam Islam, persoalan mengenai hutang atau *al-dayn* ini telah dirakamkan dengan jelas dan terang oleh Allah SWT menerusi ayat 282 Surah al-Baqarah. Penurunan ayat terpanjang ini atau juga dikenali sebagai ayat hutang merupakan kesinambungan daripada tema riba yang telahpun dikemukakan pada ayat 275 sebelumnya. Pelbagai perkara yang melibatkan tatacara berhutang dinyatakan oleh al-Quran. Perutusan Rasul Allah SAW antara lain untuk menerang dan menghuraikan isi kandungan al-Quran. Justeru, banyak sabda Rasūl Allāh SAW yang berkaitan dengan tema hutang ini dilaporkan oleh para Sahabat dan kemudian dibukukan oleh Imām -imām hadith seperti Imām al-Bukhārī, Imām Muslim dan lain-lain. Imām al-Bukhārī misalnya mewujudkan

satu tajuk khusus dalam *Sahīh al-Bukhārī* mengenai hutang ini iaitu *Kitāb al-Istiqrāḍ wa Adā' al-Duyūn wa al-Ḥajar wa al-Taflīs*. Ini membuktikan bahawa tema hutang juga antara tema yang cukup penting sehingga diwujudkan satu *Kitāb* khusus yang mengandungi 20 *Bāb* di dalamnya.

Pengamatan mengenai hutang dalam al-Quran dan al-Hadith menemukan kita beberapa istilah yang membawa makna yang hampir sama dengan *al-dayn* iaitu *al-qarḍ* dan *al-salaf* namun ia berbeza dari sudut ruang lingkup atau skop. Istilah *al-dayn* itu lebih umum daripada istilah *al-qarḍ* dan *al-salaf*.

6.2 Pencapaian Kajian

Tumpuan kajian pengkaji adalah hadith-hadith *al-Wafā' bi al-Dayn* dan *Ādāb al-Dā'in wa al-Madīn* dalam *al-Kutub al-Sittah*. Hasil kajian mendapati terdapat sejumlah hadith mengenai dua tema di atas ini bertebaran dalam *al-Kutub al-Sittah* dan pengkaji berjaya mengumpulkan dalam satu penulisan yang sistematik. Hadith-hadith yang dikumpulkan mengenai tema pertama, pelunasan hutang ini merangkumi lima subtema iaitu bersegera menunaikan hutang, pengharaman penundaan membayar hutang, keadaan hutang tertunda kerana menyegerakan janji, keharusan pemindahan hutang dan galakan membantu penghutang yang menghadapi kesukaran.

Manakala tema kedua pula mengenai adab pemiutang dan pemiutang dipecahkan kepada dua subtema iaitu *al-dā'in* (pemiutang) dan *al-madīn* (penghutang). Subtema pertama mengenai pemiutang meliputi hadith-hadith bertolak ansur ketika menuntut hutang, memberi tangguh kepada penghutang yang berada dalam kesempitan dan pelupusan sebahagian hutang. Sementara subtema kedua mengenai penghutang pula

merangkumi hadith-hadith berhutang dengan niat membayarnya, terbaik dalam pelunasan hutang, berdoa kepada pemiutang dan panduan kepada orang yang tidak mampu membayar hutang.

Kajian ini secara umum bertujuan mengenalpasti hadith-hadith *al-dayn* atau hutang dari sudut pelunasan hutang dan adab-adab penghutang dan pemiutang dalam *al-Kutub al-Sittah*. Manakala secara khusus ia bertujuan ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama membincangkan konsep *al-dayn* menurut perspektif Islam dan menganalisis hadith-hadith pelunasan hutang dan adab-adab pemiutang dan penghutang. sementara bahagian kedua pula untuk menganalisis tahap kefahaman dan amalan berhutang dalam kalangan kakitangan UTM Kuala Lumpur, mengenalpasti tahap perbezaan kefahaman dan amalan berhutang kakitangan UTM Kuala Lumpur berdasarkan demografi dan menilai hubungan tahap kefahaman berhutang dengan tahap amalan berhutang kakitangan UTM Kuala Lumpur.

Tegasnya, kajian ini yang dilakukan ini berupaya menjawab kesemua objektif kajian yang telah ditetapkan. Untuk itu dikemukakan jawapan ringkas atau kesimpulan bagi setiap objektif yang dikaji.

Bagi objektif pertama iaitu mengenai konsep *al-dayn* menurut perspektif Islam dikemukakan pada Bab 1 kajian. Ia merangkumi definisi *dayn* dan *qard* dari sudut bahasa dan istilah, dalil-dalil pensyarian *dayn* berdasarkan empat sumber utama perundangan Islam, iaitu al-Quran al-Karim, al-Hadith, ijmak dan qiyas. Turut dikemukakan juga dalam bab ini ialah aspek pembahagian hutang dan faktor-faktor kewujudannya sama ada secara langsung atau secara tidak langsung.

Sementara bagi menjawab objektif kedua iaitu menganalisis hadith-hadith pelunasan hutang dan adab-adab pemiutang dan penghutang yang berautoriti. Pengkaji telah membincangkan perihal objektif kedua dalam Bab 3 kajian di bawah tajuk *Analisis hadith-hadith al-Dayn Dalam al-Kutub al-Sittah*. Sebanyak 95 buah hadith dengan dua tema iaitu *al-Wafā' bi al-Dayn* dan *Ādāb al-Dā'in wa al-Madīn* telah dikemukakan. Sebanyak 50 buah hadith bagi tema pertama dan 45 buah hadith bagi tema kedua telah berjaya dikumpul dan dianalisis. Perbincangan dalam Bab 3 juga meliputi fiqh al-hadith bagi kedua tema di atas. Antara perkara yang dibincangkan ialah dalam aspek hukum berhutang seperti keharusan berhutang, kewajipan memberikan hutang kepada orang yang berada dalam kesempitan, pelunasan hutang oleh waris jika berlaku kematian penghutang, pelunasan hutang didahulukan daripada penunaian ibadah haji dan wasiat, juga pemindahan hutang kepada pihak ketiga. Bagi aspek kedua pula, proses berhutang, antara perkara yang disentuh ialah keperluan akad dan terma yang jelas antara kedua belah pihak, pendokumentasian hutang. Sementara aspek ketiga pula tanggungjawab terhadap hutang, antara perkara yang dibincang seperti mendahulukan pelunasan hutang daripada perkara lain dan pelunasan hutang perlu pada tempoh yang ditetapkan sebagaimana dalam butiran akad.

Bagi amalan berhutang pula antara perkara yang disentuh dalam aspek prihatin terhadap hutang ialah catatan setiap akad atau transaksi hutang, keazaman menjelaskan hutang dan juga wasiat kepada waris bila penghutang meninggal dunia. Bagi aspek kedua pemilihan produk patuh syariah, beberapa jenis pembiayaan seperti kediaman dan kenderaan diketengahkan, dan aspek terakhir ialah sikap bersegera dalam menjelaskan hutang dengan beberapa perkara turut disentuh.

Menjawab objektif ketiga iaitu menganalisis tahap kefahaman dan amalan berhutang dalam kalangan kakitangan UTM Kuala Lumpur juga telah dibentangkan dalam Bab 5 kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa kakitangan UTM Kuala Lumpur mempunyai tahap kefahaman yang baik dan tinggi terhadap aspek berhutang berdasarkan kepada tiga aspek yang dikaji iaitu hukum berhutang, proses berhutang dan tanggungjawab terhadap hutang. Bagi kajian terhadap amalan pula, kakitangan UTM Kuala Lumpur juga dilihat mempunyai tahap amalan yang baik dan tinggi juga tetapi rendah sedikit berbanding dengan aspek kefahaman mereka terhadap konsep berhutang.

Bagi objektif keempat pula, mengenalpasti tahap perbezaan kefahaman dan amalan berhutang kakitangan UTM Kuala Lumpur berdasarkan demografi juga telah dikemukakan dapatannya dalam Bab 5 kajian. Dapatan kajian menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan antara tahap kefahaman dan amalan kakitangan UTM Kuala Lumpur terutama dalam kalangan mereka yang berumur bawah 40 tahun.

Sementara bagi objektif kelima pula iaitu menilai hubungan tahap kefahaman berhutang dengan tahap amalan berhutang kakitangan UTM Kuala Lumpur juga telah dikemukakan dalam Bab 5 kajian. Dalam lain perkataan, semakin tinggi tahap kefahaman seseorang terhadap konsep hutang, semakin tinggi juga amalannya terhadap konsep hutang dan perkara yang berkaitan dengannya.

Apa yang jelas bahawa amalan sesuatu perkara itu berkait rapat dengan tahap kefahaman seseorang. Tahap amalan itu pula dipengaruhi oleh pelbagai faktor angkuabah seperti usia, gred jawatan, tahap pendidikan dan lain-lain. Hasil kajian menunjukkan wujud kesejajaran antara keduanya dan sebaliknya sebagaimana dinyatakan dijelaskan pada Bab 5. Ertinya wujud sebahagian staf mempunyai tahap kefahaman dan amalan yang

baik dan seimbang antara keduanya manakala sebahagian lagi adalah sebaliknya, yang tidak selari atau tidak seimbang antara tahap kefahaman dan amalan terhadap konsep hutang.

Oleh yang demikian, untuk memastikan setiap kakitangan awam berada pada tahap yang terbaik sepanjang masa dan sentiasa dapat memberikan perkhidmatan cemerlang unsur dalaman seperti pembinaan kerohanian yang mantap amatlah perlu diperkasakan seiring dengan kemantapan pembangunan fizikal dan emosi serta intelektual.

6.3 Cadangan dan Saranan Berdasarkan Hasil Kajian

Berdasarkan kajian, terdapat beberapa kesan yang signifikan yang boleh diketengahkan sebagai cadangan kepada beberapa pihak yang berkaitan. Untuk itu, pengkaji merumuskan beberapa saranan dan cadangan untuk diajukan kepada pihak yang berkenaan. Antaranya ialah:

a. Pihak Universiti

- i. Meningkatkan pembinaan unsur dalaman kakitangan iaitu elemen kerohanian yang mantap kakitangan amat perlu ditekan dan dititikberatkan untuk melahirkan pekerja yang benar-benar ampuh dari semua aspek terutama aspek dalaman yang menjadi benteng bagi setiap insan Muslim. Sebagai contoh, program Membangun Personaliti Unggul (MPU) yang dianjurkan oleh pihak universiti secara berkala adalah satu usaha murni untuk yang bertujuan untuk memberikan pendedahan pelbagai tema keagamaan kepada kakitangan

universiti. Program yang melibatkan kehadiran seluruh warga kampus ini sewajarnya dilakukan secara bulanan dengan memastikan kehadiran dan komitmen audiens terutama golongan sasaran agar dapat memanfaatkannya dengan sebaik mungkin. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, sebahagian daripada kakitangan (terutama gred 27 ke bawah) meninggalkan majlis ilmu (sama ada diadakan di Dewan Tan Sri Azman Hashim Menara Razak atau di Dewan Tan Sri Ainuddin Wahid) setelah mereka mengesahkan kehadiran pada skrin komputer atas sebab-sebab yang tidak diketahui.

- ii. Program-program pembinaan dalam diri perlu dilakukan secara lebih kerap dan serius melibatkan semua staf terutama mereka yang dikenal pasti memiliki potensi bermasalah yang akan mengundang masalah kepada pihak majikan juga. Justeru, pihak Pusat Islam UTM Kuala Lumpur juga disarankan mengadakan pelbagai program atau kursus jangka pendek kepada semua kakitangan untuk membantu mereka memahami agama Islam dengan lebih dekat. Program atau kursus tersebut perlu sesuai dan mesra staf seajar tahap pendidikan dan jawatan mereka di universiti.
- iii. Pihak Pusat Islam UTM Kuala Lumpur dan Fakulti Tamadun Islam Kuala Lumpur juga disarankan agar banyak '*turun padang*' bertemu dengan kakitangan di pelbagai pusat tanggungjawab untuk mendengar dan memberikan respons terhadap sebarang isu keagamaan yang dibangkitkan oleh mereka. Program mingguan setiap hari Rabu kendalian Pusat Islam UTM Kuala Lumpur iaitu Tazkirah Budaya Ilmu dan Al-Quran perlu diperkasakan lagi dan penyertaan serta kefahaman staf secara menyeluruh perlu dipertingkatkan lagi.
- iv. Pihak universiti juga menerusi PTJ masing-masing disarankan lebih akrab '*turun padang*', mengambil berat kepada semua kakitangan terutama kakitangan sokongan kerana biasanya merekalah yang mudah terjebak dengan gejala

keberhutangan yang serius ini. Fokus juga perlu diberikan kepada kakitangan muda dan pasangan muda. Ertinya mereka yang berada di bawah usia 40 tahun kerana dapatan kajian menunjukkan ada signifikan masalah pelunasan hutang pada usia tersebut. Bantuan kewangan dirasakan boleh diusahakan untuk membantu kakitangan yang mungkin menghadapi masalah kewangan untuk mengelakkan dirinya terjebak dengan pemberi pinjam tidak berlesen dan sebagainya.

b. Pihak Kakitangan UTM Kuala Lumpur

- i. Kakitangan UTM Kuala Lumpur juga disaran agar meningkatkan ilmu pengetahuan keagamaan dari masa ke semasa dengan menghadiri pelbagai jenis majlis ilmu sama ada secara rasmi atau tidak rasmi. Banyak institusi keagamaan yang menganjurkan program keilmuan sekitar Lembah Klang ini seperti masjid dan surau, organisasi keagamaan dan juga pihak NGO. Justeru, ruang terbuka luas untuk sesiapa sahaja yang mahu meningkatkan ilmu pengetahuan dari masa ke semasa di mana sahaja berada.
- ii. Kakitangan UTM Kuala Lumpur juga disarankan mewujudkan kumpulan perbincangan sesama mereka sama secara fizikal menerusi pertemuan berkala seperti pertemuan dwi mingguan antara pihak FTI Kuala Lumpur dengan staf di Pejabat Keselamatan UTM Kuala Lumpur, atau menerusi jaringan media sosial seperti group aplikasi Whatsapp dan lain-lain.

6.4 Implikasi Kajian Lanjutan

Kajian ini berkaitan kefahaman dan amalan berhutang dalam kalangan kakitangan UTM Kuala Lumpur berdasarkan rumusan yang dibuat terhadap hadith-hadith tema pelunasan hutang dan adab-adab penghutang dan pemiutang. Untuk itu, untuk melengkapkan lagi kajian ini adalah disarankan kepada para penyelidik lain sebagaimana berikut:

- a. Fokus kajian ini sewajarnya diperluaskan lagi kepada skop yang lebih besar dan menyeluruh bagi tema hutang dan juga lebih berdasarkan kepada isu-isu semasa yang timbul daripada masalah hutang.
- b. Responden kajian juga sewajarnya diperluaskan kepada seluruh UTM iaitu merangkumi kampus Kuala Lumpur dan kampus induk di Skudai dengan tujuan untuk mendapatkan hasil kajian yang lebih menepati kajian dan tema kajian.
- c. Kajian ini hanya mensasarkan kakitangan UTM Kuala Lumpur secara umum tanpa menfokuskan kepada kumpulan atau gred jawatan tertentu. Kemungkinan jika ada isu-isu atau kes-kes keberhutangan yang serius maka ia memerlukan kajian kes terhadap isu atau masalah tersebut untuk mencari punca dan mengemukakan solusi terhadap permasalahan yang wujud.

6.5 Penutup

Secara keseluruhan, pengkaji berpandangan bahawa penerapan konsep berinteraksi dengan *dayn* atau hutang menurut perspektif al-Quran dan al-Hadith memerlukan komitmen dan usaha yang jitu dan bersungguh-sungguh dari semua pihak agar wujud suasana saling membantu dan saling merahmati dalam kalangan umat Islam di sepanjang

zaman. Pemahaman terhadap konsep berhutang dalam Islam menerusi dua sumber utama seharusnya dikembangkan kepada disiplin ilmu yang lain juga agar setiap ilmu ilmu mempunyai jaringan yang kukuh dengan sumber utama dalam Islam. Penggalan terhadap sumber kedua dalam Islam mengenai *dayn* perlu diteruskan secara bersungguh-sungguh untuk mewujudkan satu bentuk atau kerangka model interaksi dengan *dayn* yang menepati acuan maqasid Sunnah dan juga maqasid Shari'ah.

Akhir kata, pengkaji mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT dan memohon keampunan daripada-Nya semoga usaha kecil ini dikira sebagai amal jariah yang berkekalan dan dapat dimanfaatkan oleh banyak pihak. Justeru, pengkaji mengharapkan usaha kerdil ini mampu menyumbang kepada agama Islam dan ummah khususnya. Sebagai yang baik itu dari Allah SWT dan segala kelemahan kekurangan itu dari diri pengkaji sendiri.

BIBLIOGRAFI:

Al-Quran al-Karim.

<https://sunnah.com>

www.waqfeya.com

www.dorar.net

‘Abd al-‘Azīz ‘Abd Allāh al-Rajhī. *al-Ifhām fī Sharh Bulūgh al-Marām*. Riyāḍ: Dār al-‘Asimah, 1425H.

‘Abd Allāh Lām Ibrāhīm. *Ahkām al-Aghniyā*. Jordan: Dār al-Nafā’is, 2003.

‘Alawi ‘Abbas al-Maliki et. al. *Ibanah al-Ahkam Syarah Bulugh al-Maram*. Terj. Nor Hasanuddin H.M Fauzi. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications, 2011.

‘Alī, Ḥumayd Sayyid Ḥasan. *Al-Ittijāh al-Fiqhī al-Imām al-Nasā’i min Khilāl Sunanihi fī Daw’ al-Madhāhib*. Kaherah: Dār al-Kalimah, 2014.

‘Ammār Aḥmad ‘Abd Allāh. *Athar al-Taḥawwul al-Masrifī fī al-‘Uqūd al-Ribawiyah*. Riyāḍ: Dār Kunūz Ishbīliyā li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1430H./2009.

‘Āshūr, al-Imām al-Shaykh Muḥammad Ṭāhir bin. *Tafsīr al-Taḥrīr wan al-Tanwīr*. Tunis: al-Dār al-Tūnisīyyah li al-Nashr, 1984.

‘Aynī, Badr al-Dīn Abī Muḥammad Mahmūd bin Aḥmad al-. *‘Umdah al-Qārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Taḥqīq ‘Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1421H./2001.

‘Azīz, Amīr ‘Abd al-. *Fiqh al-Kitāb wa al-Sunnah*. Kaherah: Dār al-Salām, 1419H./1999.

A Rahman Tang Abdullah, Economic Change and Transition of Malay Society in Malaya in Late Nineteenth and Early Twentieth Centuries. *Jurnal Sejarah* 20 (2012), 71-95.

Ab Mumin Ab Ghani, *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999.

Abādī, Abū ‘Abd al-Raḥmān Sharf al-Ḥaqq al-‘Azīm Abādī. *‘Awn al-Ma‘būd ‘alā Sharh Sunan Abī Dāwūd*. Taḥqīq Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 1426H./2005.

- Abdul Basit Hodari, Tamat Sarmidi & Norlida Hanim Mohd Salleh. Hutang dan Golongan Muda di Malaysia: Satu Kajian Awal. *Prosiding PERKEM ke-9*. (2014), 833-844.
- Abdullah Alwi Hasan, *Sales and Contracts in Early Islamic Commercial Law*. Petaling Jaya: The Other Press Sdn. Bhd, 2007.
- Abī Ḥayyān, Muḥammad Yusūf Abī Ḥayyān al-Andālūsī, *Tafsīr Baḥr al-Muḥīṭ*. Taḥqīq ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd, Aḥmad al-Najūlī al-Jamal. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1413H./1993.
- Abū ‘Abd al-Raḥmān Sharf al-Ḥaqq al-‘Azīm Ābādī Muḥammad Ashraf bin Amīr bin ‘Alī bin Ḥaydar al-Ṣiddīqī. *‘Awn al-Ma‘būd ‘Alā Sharḥ Sunan Abī Dāwūd*. Taḥqīq Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 1426H./ 2005.
- Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al-Māwardī al-Basrī, *al-Ḥāwī al-Kabīr*. Taḥqīq Shaykh ‘Ali Muḥammad Mu’awwiḍ & ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994.
- Abū al-Su‘ūd, Muḥammad bin Muḥammad al-‘Amādī. *Tafsīr Abū al-Su‘ūd*. Beirut: Dar Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.
- Abū Shahbah, Muḥammad bin Muḥammad. *A’lām al-Muḥaddithīn*. Miṣr: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, t.t.
- Abū Ṭayyib Ṣiddīq Ḥassān ‘Alī al-Ḥusaynī al-Qānūhī al-Bukhārī. *‘Awn al-Bārī li Ḥall Adillah al-Bukhārī*. Ḥalab: Dār al-Rashīd, t.t.
- Abū Zuhrah, Muḥammad. *Zuhrah al-Tafāsīr*. Beirut: Dār al-Fikr al-‘Arabī, t.t.
- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). *Power! Pengurusan Wang Ringgit Anda*. Kuala Lumpur: AKPK, 2011.
- Ahmad bin Hanbal. *Musnad*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1995.
- Ahmad Muḥammad Shakir. Muqaddimah al-Taḥqīq dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kaherah: Dar Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, t.t.
- Ainul Huda Mohamed Saaid. *Urus Hutang Anda Dengan Bijak*. (2015). <http://kpdnkk.bernama.com/featuresBm.php?id=1227430> atas talian 20 Oktober 2016.
- Akhbar Berita Harian.
- Akhbar The Edge.

Akhbar The Star.

Akhbar Utusan Malaysia.

Akhbar Utusan Pengguna, Julai-Ogos 2011.

Al-Hafidz Al Mundziriy. *Tarjamah Sunan Abi Daud*. Terj. Bey Arifn dkk. c. 1. Semarang: Penerbit CV. Asy Syifa', 1993.

Alūsī, Abū al-Fadl Shihāb al-Din al-Sayyid Maḥmūd al-Andalūsī al-Baghdādi al-. *Tafsir Ruh al-Ma'ani*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi, t.t.

Al-Wizārah al-Awqāf wa Shu'ūn al-Islāmiyyah. *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*. c. 2, Kuwait: al-Wizārah al-Awqāf wa Shu'ūn al-Islāmiyyah Mawsū'ah al-Fiqhiyyah, 1412H./1992.

Ananda Kumar Palaniapan. *Penyelidikan dan SPSS (PASW)*. Kuala Lumpur: Prentice Hall, 2009.

Asfahāni, al-Rāghib al-. *Mufrādāt fi Alfaz al-Qur'ān*. Taḥqīq Şafwān 'Adnān Dāwūdī, c. 2. Damsyik: Dār al-Qalam, 1418H./1997.

Ashqar, Muḥammad Sulaymān al-. "al-Usus wa al-Qawā'id allatī taḥkum al-Naṣḥat al-Tijārī fī al-Islām," dlm. Muḥammad Sulaymān al-Ashqar *et. al. Buḥūth Fiqhiyyah fī Qadāyā Iqtisādiyyah Mu'āṣirah*. Jordan: Dār al-Nafā'is li al-Nashr wa al-Tawzī'. t.t.

Attas, Syed Muhammad Naquib al-. *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: ISTAC, 2001.

Azharudin Mohd Dali. *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012.

Azila Ahmad Sarkawi. Akad-akad Muamalah Dalam Fiqh: Satu Analisis. *Jurnal Syariah* 6 (1998), 37-42.

Azira Abdul Adzis, Juhaida Abu Bakar & Hanita Kadir Shahr. Factors influencing young adult's debt in Malaysia, *Journal of Business and Retail Management Research (JBMMR)* 12, no. 1 (2017), 76-85.

Azira binti Azmi. *Masalah-Masalah Kutipan Balik Pinjaman Perniagaan: Satu Kajian di Majlis Agama Islam Melaka, Bahagian Agihan Zakat*. (Latihan Ilmiah Sarjana Muda Perbankan dan Kewangan Islam (Kepujian), Kolej Universiti Islam Melaka Akademik Pengajian Islam, Melaka, 2015).

- Azizi Che Seman, Peranan *Bay' al-'Inah* Dalam Sekuriti Hutang Swasta Islam di Malaysia. dlm. Abdullah Alwi Hasan et. al. (ed.). *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2005.
- Azlina Zainal Abidin, Tamat Sarmidi & Abu Hassan Shaari Md Nor. Jurang pendapatan dan hutang isi rumah. *Prosiding PERKEM VIII*. Jilid 1. 2013.
- Azrina Sobian dan Fatimah Abdul Rahman. *Pinjaman Peribadi Hasil Kajian Terhadap Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: IKIM, 2010.
- Baalbaki, Dr Rohi. *al-Mawrid A Moden Arabic-English Dictionary*. c. 4. Beirut: Dar el-Ilm lilMalayin, 1992.
- Badawi, Elsaïd M. & Haleem, Muhammad Abdel. *HdO Arabic-English Dictionary of Qur'anic Usage*. Leiden: Koninklijke Brill NV, 2008.
- Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-'Aynī. *'Umdah al-Qārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Taḥqīq 'Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad 'Umar. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1421H./2001.
- Baghawī, Abū Muḥammad al-Ḥusayn bin Mas'ūd al-. *Maṣābiḥ al-Sunnah*. Taḥqīq Dr Yūsuf 'Abd al-Raḥmān al-Mar'ashlī. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1407H./1987.
- _____. *Sharh al-Sunnah*. Taḥqīq 'Alī Muḥammad Mu'awwaḍ & 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1412H./1992.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) <http://www2.islam.gov.my/muamalat/glossary/d 1 September 2010>.
- Bank Muamalat Malaysia Berhad. *Kewajipan Membayar Hutang*. t. tpt.: t. pt., t.t.
- Bank Negara Malaysia. *Laporan Tahunan 2013*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2013.
- Bank Negara Malaysia. *Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam*. Edisi kedua. Bank Negara Malaysia. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, 2010.
- Bassām, 'Abd Allāh bin 'Abd al-Raḥmān al-. *Tawdih al-Aḥkam min Bulugh al-Maram*. Taḥqīq Bassām bin 'Abd Allāh al-Bassām. Riyāḍ: Dār al-Mayman li al-Nashr wa al-Tawzī', 2009.
- Bayhaqī, Abū Bakar Aḥmad bin al-Ḥusayn. *Ma'rifah al-Sunan wa al-Athār*. Taḥqīq Dr 'Abd al-Mu'tī Amīn Qal'ajī. Kaherah: Dār al-Wa'y, 1412H./1991.

Behrens, R. H. *Commercial Loan Officer's Handbook*. Japan: Bankers Publishing Company, Toppan Company Limited, 1992.

Beri, G. C. *Marketing Research*. (Edisi Keempat). New Delhi: Tata McGraw-Hill, 2007.

Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Taḥqīq Muḥib al-Dīn al-Khatīb et. al. Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, 1400H.

_____. *Ṣaḥīḥ al-Bukhari*. Taḥqīq Muḥib al-Dīn al-Khatīb et. al. Kaherah: al-Maktabah al-Salafiyyah, 1403H.

Chapra, M. Umer. *Ke Arah Sistem Kewangan Yang Adil*. terj. Ismail bin Omar. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

Chua Yan Piaw. *Kaedah Penyelidikan (Buku 1)*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill, 2006.

Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. *Research methods in education*. (Edisi Keenam). (New York: Routledge Falmer, 2007).

Dikko, Maryam & Madi, Ahmad K. Casualties and Effects of Household Debt in Asean Countries. *International Journal of Economics, Commerce and Management* 3 (2015), Feb 2015, 2, 1-8.

Dwyer, Rachel E., Randy Hodson, Laura McCloud, Gender, Debt, and Dropping Out of College, *Sage Journal* 27, no. 1 (2012), 30-55.

Eko Rahmanto, Kewajipan Seorang Mukmin Melunasi Hutang: Studi Ma’ani Alhadith, *Jurnal Al-A’raf* 13, no. 1 (2016), 84-108.

Faḍl al-Rahīm bin Muḥammad ‘Uthmān. *Aḥkām al-I’sār al-Mālī fī al-Fiqh al-Islāmī*. Riyāḍ: Dār Kunūz Ishbīliyyā li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2010.

Fakhr al-Rāzī, Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn bin Ḍiyā’ al-Dīn ‘Umar. *Tafsīr al-Kabīr Fakhr al-Rāzī*. Beirut: Dār al-Fikr, 1401H./1981.

Fattāh, Ibrāhīm Ahmad ‘Abd al-. *al-Qāmūs al-Qawīm li al-Qur’ān al-Karīm*. Manṣūrah: Dār al-Kalimāt li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1427H./2006.

Ghuddah, ‘Abd al-Sattār Abū. *al-Bay‘ al-Mu’ajjal*. Jeddah: al-Ma‘had al-Islāmī li al-Buḥūth wa al-Tadrīb, 1419H./1999.

Glossary of Financial Terms, atas talian 30 Dis 2009, http://www.islamic-banking.com/glossary_D.aspx

Grown, C., Carmen Diana Deere, Zachary Catanzarite, Abena D. Oduro, Suchitra J.Y., Hema Swaminathan and Louis Boakye-Yiadom. *Who Borrows? An Analysis of*

Gender, Debt and Assets in Ecuador, Ghana and Karnataka, India. Laporan yang disediakan untuk Seksyen Pemberdayaan Ekonomi, Wanita PBB, New York, di bawah TOR “Projek Dasar Berasaskan Bukti mengenai Pengagihan Aset merentas Jantina”. New York: UN Women, 2015. 1-91.

Hafiz Firdaus Abdullah. *Fiqh Harta Satu Pengenalan*. Johor Bahru: Jahabersa, 2008.

Hailani Muji Tahir & Sanep Ahmad. *Aplikasi Fiqh Muamalat Dalam Kewangan Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti, UiTM, 2009.

Hammām ‘Abd al-Raḥīm Sa‘īd, Dr & Muḥammad Hammām ‘Abd al-Raḥīm, Dr. *Mawsū‘ah Aḥādīth Aḥkām al-Mu‘āmalat al-Māliyah*. Riyāḍ: Dār al-Kauthar, 1431H.

Ḥamd, ‘Abd al-Qādir Shaybah al-Ḥamd. *Fiqh al-Islām Sharh Bulūgh al-Marām*. Madīnah: Maṭābi‘ al-Rashīd, 1402H./1982.

Hasliza Talib et al. Maqāṣid Al-Shārī‘ah Dalam Pelaksanaan Wasiat. *Jurnal Sultan Alaudin Sulaiman Shah* 3, no. 1 (2016), 1-22.
<http://journal.kuis.edu.my/jsass/jsass-vol-3-bil-1-2016>

Hayes, Megan T. The relationship between gender, grade level, and attitude toward reading for first through fourth grade students, (Master of Science in Teaching Degree of Graduate School, Rowan University, 2000).

https://www.ubl.com.pk/ameen/pdf/Glossary_Islamic_Banking.pdf atas talian 15 Sept 2009.

Howard, P., Rainie, L., & Jones, S., Days and nights on the Internet: The impact of a diffusing technology. *American Behavioral Scientist* 45, no. 3 (2001), 383–404.

Husaini Mansur dan Dhani Gunawan Idat. *Dimensi Perbankan Dalam Al-Qur’an*. Jakarta: PT. Visi Cita Kreasi, 2007.

Ibn ‘Abd al-Barr, Abū ‘Umar. *Fath al-Barr fi Tartīb al-Fiqhī li Tamhīd Ibn ‘Abd al-Barr*. Taḥqīq Muḥammad bin ‘Abd al-Raḥmān al-Maghrawī, Riyāḍ: Majmū‘ al-Tuḥaf al-Nafā’is al-Dawliyyah li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1416H./1996.

Ibn Abī Ḥātim, ‘Abd al-Raḥmān bin Muḥammad Ibn Idrīs al-Rāzī Ibn Abī Ḥātim. *Tafsir Tafsir al-Qur’an al-‘Azīm Musnad ‘an Rasūl Allāh ṣallā Allāh alayh wa sallam wa al-Ṣaḥābah wa al-Ṭābi‘īn*. Taḥqīq As‘ad Muḥammad al-Ṭayyib. Makkah: Maktabah Nazār Muṣṭafā al-Bāb. 1417H./1997.

Ibn ‘Abd al-Barr, Abū ‘Umar Yūsuf bin ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Barr al-Qurtubī al-Namari. *al-Ijmā‘*. Taḥqīq Fu‘ād ‘Abd al-‘Azīz Shalhub & ‘Abd al-Wahhāb bin Zāfir al-Shaharī. Riyāḍ: Dār al-Qāsim li al-Nashr, t.t.

_____ . *al-Istī'āb fī Ma'rifah al-Aṣḥāb*. Jordan: Dār al-I'lām, 1423H./ 2002.

Ibn al-'Arabī, Abū Bakr Muḥammad bin 'Abd Allāh. *Aḥkām al-Qur'ān*. Taḥqīq Muḥammad 'Abd al-Qādir 'Aṭā. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.

Ibn Baṭṭāl, Abū al-Ḥasan bin 'Alī bin Khalf bin 'Abd al-Mālik Ibn Baṭṭāl. *Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Taḥqīq Abū Tamīm Yasīr bin Ibrāhīm. Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, t.t.

Ibn Fāris, Abū al-Ḥusayn Aḥmad bin Fāris bin Zakariyyā. *Mu'jam Maqāyis al-Lughah*. Taḥqīq 'Abd al-Salām Muhammad Hārun. Beirut: Dār al-Jayl, t.t.

Ibn Ḥajar al-'Asqalānī. *Bulūgh al-Marām min Adillah al-Aḥkām*. Taḥqīq Usāmah Ṣalāh al-Dīn Manīmanah. Beirut: Dār Ihyā' al-'Ulūm, 1412H./ 1991.

Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Taḥqīq 'Abd al-'Azīz bin 'Abd Allāh bin Bāz. Kaherah: al-Maktabah al-Salafīyyah, t.t.

_____ . *al-Iṣābah fī Tamyīz al-Saḥābah*. Taḥqīq 'Alī Muḥammad al-Bijāwi. Kaherah: Dār al-Nahḍah Miṣr li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr, t.t.

_____ . *Fath al-Bārī bi Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Taḥqīq Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī, t.tp.: al-Maktabah al-Salafīyyah, t.t.

_____ . *Hady al-Sāri Muqaddimah Fath al-Bārī bi Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Taḥqīq Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī, t.tp.: al-Maktabah al-Salafīyyah, t.t.

Ibn Ḥajar al-'Asqalānī. *Fathul Baari Penjelasan Kitab Shahih Al Bukhari*. Amiruddin (terj.). c.1. Jakarta: Pustaka Azzam, 2005.

_____ . *Fathul Baari Penjelasan Kitab Shahih Al Bukhari*. Amiruddin (terj.). c.1. Jakarta: Pustaka Azzam, 2009.

_____ . *Fathul Baari Penjelasan Kitab Shahih Al Bukhari*. Amiruddin (terj.). c.1. Jakarta: Pustaka Azzam, 2010.

Ibn Ḥazm, Abū Muḥammad 'Alī bin Aḥmad bin Sa'id bin Ḥazm al-Andalūsī al-Qurṭubī al-Zāhiri. *al-Maḥallā*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.

Ibn Kathīr, 'Imād al-Dīn Abī al-Fidā' Ismā'il bin Kathīr al-Dimshiqī. *Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm*. Taḥqīq Muṣṭafā al-Sayyid Muḥammad et. al. Kaherah: Mu'assasah Qurṭubah, 2000.

Ibn Mājah, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī. *Sunan Ibn Mājah*. Taḥqīq Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī. Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘. t.t.

Ibn Manzūr, Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin al-Mukarram bin Manzūr. *Lisān al-‘Arab*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1423H./2003.

Ibn al-Mundhir, Muḥammad bin Ibrāhīm bin al-Mundhir al-Nīsābūrī. *al-Ijmā‘*. Taḥqīq Dr Abū Hammād Ṣaghīr Aḥmad bin Muḥammad Ḥanīf. c. 2. ‘Ajman: Maktabah al-Furqān, 1420H./1999.

_____. *al-Ijmā‘*. Taḥqīq Abū ‘Abd al-A‘lā Khālīd bin Muḥammad bin ‘Uthmān. Kaherah: Dār al-Āthār. 1425H./2004.

Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad Muwaffīq al-Dīn ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Muḥammad bin Qudāmah. *al-Mūghnī*. t.pt.: Maktabah al-Qāhirah, 1388H./1968.

Ibn Rajab al-Ḥanbalī. *Jāmi‘ fī al-‘Ulūm wa al-Ḥikam fī Sharh Khamsīn Ḥadīthan min Jawāmi‘ al-Kalim*. Taḥqīq Abū ‘Amru ‘Imād Zakī al-Bārūdī. Kaherah: Maktabah al-Tawfīqiyyah, t.t.

_____. *al-Qawā‘id*. Makkah: Maktabah Nazār Mustafā al-Bāz, 1999.

Idris Awang, Dr. *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, 2001.

Imam Bukhary. *Terjemahan Hadis Shahih Bukhary*. c. 4. Kuala Lumpur: Victoria Agencie, 2009.

Ishak Saat. *Malaysia (1945-2000)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2009.

Jalāl al-Dīn al-Suyūtī. *Sunan al-Nasā‘ī bi Sharh al-Ḥāfīz Jalāl al-Dīn al-Suyūtī wa Ḥāshiyah al-Imām al-Sindi*. Taḥqīq Maktab al-Taḥqīq al-Turāth al-Islāmī,. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t.

Jammāl, Dr Muḥammad Maḥmūd al-. *al-Qīmah al-Iqtisādiyyah li al-zaman fī al-Mu‘āmalāt al-Māliyah al-Mu‘āṣirah*. Qaṭar: Wazārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, 1430H./2009.

Jaṣṣāṣ, Abū Bakr Aḥmad bin ‘Alī al-Rāzī al-. *Aḥkām al-Qur‘ān*. Taḥqīq Muḥammad al-Ṣādiq Qamḥawī. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1412H./1992.

Jawhari, Abū Naṣr Ismā'īl bin Ḥammād al-. *al-Siḥah Taj al-Lughah wa Ṣiḥāḥ al-'Arabiyyah*. Taḥqīq Imil Badī' Ya'qūb dan Muḥammad Nabil Tarifi. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1420H./1999.

_____. *al-Ṣiḥāḥ Tāj al-Lughah wa Ṣiḥāḥ al-'Arabiyyah*. Taḥqīq Aḥmad 'Abd al-Ghaffūr 'Atā'. c. 3. Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, 1404H./1984.

Jumu'ah Fathī 'Abd al-Ḥalīm. *Riwāyāt al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ wa Nuskhahu: Dirāsāt Nazariyyah Taṭbiqīyyah*. Qatar: Dār al-Falāh, 2013.

Jurjanī, 'Alī bin Muḥammad bin al-Sayyid al-Sharīf al-. *Mu'jam al-Ta'rīfāt*. Taḥqīq Muḥammad Siddīq al-Minshāqī. Kaherah: Dār al-Faḍīlah, t.t.

Kamus Dewan, Edisi Ketiga. c. 5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.

Kee-Cheok Cheong. Book Review Mokhzani, Abdul Rahim (2006). Credit in a Malay Peasant Economy. Kuala Lumpur: Arus Intelek and the Faculty of Economics and Administration, University of Malaya. *Malaysian Journal of Economic Studies* 53, no. 1 (2016), 165-168.

Khairudin Ali. *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kesedaran Menangani Masalah Keberhutangan Serius di Kalangan Penjawat Awam di Kuala Lumpur*. (Tesis Sarjana Sains (Pengurusan), Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia, 2011).

Khumedi Ja'far. *Hukum Perdata Islam di Indonesia*. Bandar Lampung: IAIN Raden Intan Lampung, 2015.

Krejcie, R. V. & Morgan, D.W. Determining Sample Size for Research Activities. *Education Psychological Measurement* 30, (1970).

Khan, M. Muhsin, atas talian 24 Mei 2011, <http://www.iium.edu.my/deed/hadith/abudawood/index.html>

_____, atas talian 20 April 2010, <http://www.iium.edu.my/deed/hadith/bukhari/index.html>

_____, atas talian 28 April 2011. <http://www.iium.edu.my/deed/hadith/muslim/index.html>

Khatīb, Muḥammad 'Ajāj al-. *Uṣūl al-Ḥadīth*. Beirut: Dār al-Fikr, 1989.

Kim, H., & DeVaney, S.A. The determinants of outstanding balances among credit card revolvers. *Association for Financial Counseling and Planning* 12, no. 1, (2001), 67-77.

- La Cava, Gianni & Simon, John. *A Tale of Two Surveys: Household Debt and Financial Constraints in Australia*. Reserve Bank of Australia. Research Discussion Paper 2003-08 (July), 2003.
- Lam, Kai Chee. *Sikap komuniti cina atas-talian terhadap variasi Bahasa Cina*. (Tesis Master, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011).
- Leila Falahati & Laily Hj. Paim, A comparative study in Money Attitude among University Students: A Gendered View, *Journal of American Science* 7, no. 6 (2011), 1144-1148.
- Ma'rūf, Muḥammad Nāyif. *al-Mu'jam al-Mufahras li Mawāḍi' al-Qur'ān al-Karīm*. Beirut: Dār al-Nafā'is, 1420H./2000
- Magri, Silvia. *Italian Households Debt: Determinations of Demand and Supply*. Bank of Italy. Discussion Paper No. 454 (October), (2003).
- Majalah Ringgit*. Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia, Petaling Jaya, 2012.
- Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah. *al-Mu'jam al-Wajīz*. Miṣr: Wizārat al-Tarbiyyah wa al-Ta'lim, 1994.
- Manṣūr, 'Abd al-Ḥalīm dan Luṭfī, Aḥmad Muḥammad. *Fiqh al-Mu'āmalāt al-Tijāriyyah fī Mizān al-Sharī'ah al-Islāmiyyah Dirāsah Muqāranah*. Iskandariyah: Dār al-Fikr al-Jāmi'ī, 2010.
- al-Maqdisī, al-Imām al-Ḥāfiẓ 'Abd al-Ghanī. *Umdah al-Aḥkām min Kalām Khayr al-Anām*. Taḥqīq Maḥmūd al-Arna'uṭ. c. 2. Dimashq: Dār al-Thaqāfah al-'Arabiyyah, 1408 H./1988.
- Marks David & Yardley, Lucy, (ed.). *Research Methods for Clinical and Health Psychology*. London: Sage, 2004.
- Marzūq, 'Abd al-Ṣabbūr. *Mu'jam al-'A'lām wa al-Mawḍū'āt fī al-Qur'ān*. Kaherah: Dār al-Shurūq, 1995/1415H.
- Mashhūr Ḥassan Maḥmūd. *al-Imām al-Qurtubī*. Dimashq: Dār al-Qalam, 1413H./1993.
- Mas'ūd, Jubrān. *al-Rā'id Mu'jam Lughawī 'Asrī*. c. 9. Beirut: Dār al-'Ilm li al-Malāyīn, 1992.
- Mazīd bin Ibrāhim bin Ṣāliḥ al-Mazīd. *Istīfā' al-Duyūn fī al-Fiqh al-Islāmī Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah*. Ḍammām: Dār Ibn al-Jawzī, 1431H.

- Maznita Mokhtar & Azman Ismail, Shariah issues in managing household debt: the case of Malaysia (isu-isu shariah dalam pengurusan pinjaman seisi rumah: kes Malaysia). *Jurnal Pengurusan* 37 (2013), 63-76.
- McAuliffe, Jane Dammen (General Editor). *Encyclopaedia of Quran*. Volume One A-D, Brill. Leiden: Koninklijke Brill NV, 2001.
- Miṣrī, Rāfiq Yūnus. *Buḥūth fī Fiqh al-Mu‘āmalāt al-Māliyah*. c. 2. Dimashq: Dār al-Maktabī, 1430H./2009.
- Mohd. Amin Othman, Husniyah Abd. Rahim & Ab. Mumin Ab. Ghani. Perancangan Kewangan Dan Kesejahteraan Kewangan Dalam Kalangan Penjawat Awam Beragama Islam. *Jurnal Pengguna Malaysia* 24, (2015), 96-112.
- Mohd Azizi Ibrahim, Yusof Haji Othman & Wan Nazjmi Mohamad Fisol. Customer Intention on Islamic Home Financing Products: An Application of Theory of Planned Behavior (TPB). *Mediterranean Journal of Social Sciences* 8, no 2 (2017), 77-86
- Mohd Kamal Azman bin Jusoh. *Konsep Hutang Dalam Islam: Satu Kajian Terhadap Kefahaman dan Amalan Kakitangan UiTM*. (Tesis PhD, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2014).
- Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. Warisan Kesultanan Melayu: Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid dan Ekonomi Kedah. *Sari- International Journal of the Malay World and Civilisation* 29, (2011), 2, 46.
- Mohd Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. c. 8. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.
- Mohd Murshidi Mohd Noor. *Analisis Hadith al-Khiyar Menurut Perspektif Fiqh al-Shafi'i dan Fiqh al-Bukhari*. (Tesis PhD, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012).
- Mohd Puzi Usop et. al. *Kamus al-Farid Arab-Arab-Inggeris-Melayu*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2009.
- Mohd Sheffie Abu Bakar. *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: Penerbit UKM, 1987.
- Mohd Sollehudin Shuib, Mohammad Taqiuddin Mohamad & Ahmad Azam Sulaiman, Kemungkiran Pemaju dalam Produk Pembiayaan Perumahan Secara Islam: Analisis Pendekatan Penyelesaian. *Jurnal Pengurusan* 38, (2013), 141-149.
- Mohd. Khafidz bin Soroni, *Sahih Al-Bukhari Versi Al-Yununi: Sejarah, Kepentingan dan Keunikannya*. *Jurnal Hadis* 4, (2012), 7-39.

- Mokhzani bin Abdul Rahim. *Credit in the Malay Peasant Economy*. Kuala Lumpur: Arus Intelek Sdn Bhd. & Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Malaya, 2006.
- Moustapha, Sano Koutou. *The Sale of Debt as Implemented by the Islamic Financial Institutions in Malaysia*. Kuala Lumpur: IIUM Press, 2001.
- al-Muzani, Abū Ibrāhīm Ismā‘īl bin Yaḥyā bin Ismā‘īl al-Miṣrī. *Mukhtaṣar al-Muzani fi Furū‘ al-Shāfi‘iyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998.
- Muḥammad al-Rāzi Fakhri al-Din bin Diyā’ al-Dīn ‘Umar, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī al-Tafsīr al-Kabīr wa Mafātiḥ al-Ghayb*. t.tp.: Dār al-Fikr, 1401H./1981.
- Muḥammad Ḥasan Abū Yaḥyā. *al-Istidānah fi al-Fiqh al-Islāmī*. ‘Ammān: Maktabah al-Risālah al-Ḥadīthiyyah, 1990.
- Muhammad Hisyam Mohamad. Pandangan Alam dan Hubungkaitnya Dengan Peningkatan Hutang Isi Rumah. dlm. Nor Hartini Saari & Mohamad Azhar Hashim (pnyt.). *Hutang Isi Rumah Malaysia Cabaran dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM, 2016.
- Muhammad Izzat Mohamed & Tamat Sarmidi. Faktor Kemungkiran Membayar Balik Hutang Pengajian: Skop Kajian Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, *Prosiding PERKEM ke-9*. (2014), 813-818.
- Muḥammad Luqmān al-Salafī, Dr. *Tuhfah al-Kiram Sharh Bulūgh al-Marām*. c. 2. Riyāḍ: Dār al-Dā‘ī, 1423H.
- Muḥammad Yusrī Ibrāhīm. *Fath al-Bārī ‘Alā Mukhtaṣar al-Bukhārī*. c. 3. Kaherah: Dār al-Yusr, 2014/1435H.
- _____. *Ghanīmah al-Mu‘min min Mukhtaṣar Muslim*. c. 1. 2 jil. Kaherah: Dār al-Yusr. 2015/1436H.
- Muḥammad al-Zuḥaylī. *al-Mu‘tamad fi Fiqh al-Shāfi‘ī*. Dimashq: Dār al-Qalam, 1432H./2011.
- _____. *al-Imām al-Ṭabari*. Dimashq: Dār al-Qalam, 1420H./1999.
- Muḥammad al-Zuḥaylī. *Ibn Kathīr al-Dimshiqī*. Dimashq: Dār al-Qalam, 1415H./1995).
- Munazzamah al-Mu‘tamar al-Islāmī. *Majallah Majma‘ al-Fiqh al-Islāmī*. Jiddah: Munazzamah al-Mu‘tamar al-Islāmī, t.t.
- Muqri, Aḥmad bin Muḥammad bin ‘Alī al-Fayyūmī al-, *al-Misbāh al-Munīr*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1421H./2000.

- Muslim, Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, taḥqīq Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī. Beirut: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, 1991.
- Muti'ī, Muḥammad Najīb al-. *al-Majmū' Sharḥ al-Muḥadhdhab li al-Shirāzī*, c. 2, Jiddah: Maktabah al-Irshād, t.t.
- Nasā'ī, Abū 'Abd al-Raḥmān Aḥmad bin Shu'ayb bin 'Alī al-, *Sunan al-Nasā'ī*, ed. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī. Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī', t.t.
- Nadesan, Vasanthi. *Perkembangan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India di pantai barat Semenanjung Malaysia sebelum merdeka*. (Tesis Master, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2003).
- Nashwā, Nāṣir Aḥmad Ibrahim al-. *Bay' al-Dayn Dirāsah fi Fiqh al-Sharī'ah al-Islamiyyah*. Iskandariyyah: Dār al-Fikr al-Jāmi'ī, 2007.
- Nazni Noordin, Zaherawati Zakaria, Mohd Zool Hilmie Mohamed Sawal, Kamarudin Ngah & Zaliha Hj Hussin, Bankruptcy among young executives in Malaysia. *International Conference on Economics Marketing and Management 28*, (2012), 132-136.
- Nīsābūrī, Muḥammad bin Ibrāhīm bin al-Mundhir al-. *al-Ijmā'*, taḥqīq Dr Abū Ḥammād Ṣaghīr Aḥmad bin Muḥammad Ḥanīf. c. 2. 'Ajmān: Maktabah al-Furqān, 1420H./1999.
- Norain Mohd Asri, Fariza Ahmad, Norlaila Abu Bakar, Rozarina Izura Tukiran & Fadhilah Hairol Zaman. Pola Perbelanjaan dan Tabungan, Serta Status Pembiayaan Dalam Kalangan Pemiutang Kenderaan, Peribadi dan Kad Kredit di Selangor. *Jurnal Pengguna Malaysia 26* (2015), 94-111.
- Nor Aini Ali, Nor 'Azzah Kamri & Suhaili Sarif. Hubungan Penghutang dan Pemiutang Menurut Perspektif Hadith. *Jurnal Al-Bayan 15*, no. 1 (2017), 90-114.
- Nor Asmat Ismail & Hainnur Aqma Rahim, Susur Galur Amalan Berhutang Dalam Kalangan Masyarakat Melayu. *Jurnal Antrabangsa Dunia Melayu 11*, no. 1 (2018), 110-127.
- Norhana Endut & Toh Geok Hua. *Household debt in Malaysia*. BIS Papers No 46. (2009), 107-116.
- Norhasni Binti Zainal Abiddin. *Pembayaran Balik Pinjaman Pelajaran MARA*. (Tesis Sarjana Sains Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, 2000).

- Norwajia Umi Ismail, Mat Nor Mat Zain & Salmi Edawati Yaacob. Kaedah Penyelesaian Kemungkiran Kontrak (*Default Payment*) dalam Islam: Sorotan Literatur. *Islāmmiyyāt* 36, no. 1 (2014), 41-48.
- Nulty, D. D. The adequacy of response rates to online and paper surveys: what can be done? *Assessment & Evaluation in Higher Education* 33, no. 3 (2008), 301-314.
- Nur Aisyatul Radiah Alidaniah, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Noor & Mohammed Rizki Moi. Gelagat hutang isi rumah mengikut kaum di Bandar Baru Bangi, Selangor. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space* 11, no. 11 (2015), 110-119.
- Nur Fadhli Bassir, Zarina Zakaria, Haslida Abu Hasan & Ervina Alfian. Factors Influencing the Adoption of Islamic Home Financing in Malaysia. *Transformation in Business and Economic Journal* 13, no. 1 (2014), 155-174.
- Nuraini Abdullah dan Mohamad Fazli Sabri. Faktor peramal pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda. *International Journal of Education and Training (InjET)* 2, no. 2 (2016), 1-19.
- Nurshahirah Azman, Roza Hazli Zakaria & Sabitha Merican. Sikap isi rumah terhadap hutang dan keberhutangan: Kajian di Lembah Klang, Malaysia. *The Malaysia Journal of Social Administration* 9, no. 1 (2013), 59-86.
- Nurul Fardini Zakaria, Laily Paim & Husniyah Abd.Rahim. Perbandingan Literasi Kewangan Siswa Berasaskan Gender. *Jurnal Pengguna Malaysia* 15 (2010), 50-64.
- Osman Sabran. *Urus Niaga al-Qard al-Hasan Dalam Pinjaman Tanpa Riba*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2001.
- Paul Anthony Mariadas & Uma Murthy. Factors Factors Influencing the Adoption of Islamic Banking in Malaysia. *International Journal of Business and Management* 12, no. 11 (2017), 187-193.
- Qāsimi, Muḥammad Jamāl al-Dīn al-. *Tafsīr al-Qāsimī*. Taḥqīq Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī. t.tp.: t.pt., 1387H./1957.
- Qaṣīr, Sulaymān bin 'Abd Allāh bin 'Abd al-'Azīz al-. *Aḥkām al-Dayn Dirāsah Ḥadīthiyyah Fiqhiyyah*. Riyāḍ: Kunūz Ishbīliyā li al-Nashr wa al-Tawzī'. 1426H./2005.
- Qurahdaghi, 'Ali Muḥy al-Dīn 'Alī al-. *Buḥūth fī Fiqh al-Mu'āmalāt al-Māliyah al-Mu'āsirah*. c. 2. Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, 2006.

Qurtubī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-. *al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur’ān*. Taḥqīq Dr ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1427H./2006.

_____. *al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur’ān*. Taḥqīq ‘Imād Dhakī al-Bārudī dan Khayrī Sa‘īd. Kaheerah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah, t.t.

Rā’id Ṣabrī bin Abī ‘Alfah. *Shurūh Sunan Ibn Mājah*. Beirut: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, 2007).

Rahilah Omar, Nasrun Alias dan Teo Kok Seong, Pemilihan Bahasa Masyarakat Chetti di Melaka, *Jurnal Melayu* 15, no. 2 (2016), 210-222.

Raziah Md Tahir & Syarifah Md Yusof. Status Individu Muflis dalam Asnaf Al-Gharimin, *International Journal of Business and Technopreneurship* 4, no. 3 (2014), 477-494.

Rāzī, Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn bin Ḍiyā’ al-Dīn ‘Umar. *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī al-Tafsīr al-Kabīr wa Mafātih al-Ghayb*. t.tp.: Dār al-Fikr, 1401H./1981.

Rāzī, Muḥammad bin Abī Bakr bin ‘Abd al-Qādir al-. *Mukhtār al-Ṣiḥāḥ*. t.tpt.: Dār al-Manār, t.t.

Roberts, Carl. W. *Texts Analysis for the Social Sciences*. Taylor & Francis Group: London & New York, 1997.

Rokiah Talib. *Credit and Consumer in Malaysia* dlm. dlm. Rokiah Talib & Tan Chee Beng (eds.). *Dimensions of Tradition and Development in Malaysia*. Selangor: Pelanduk Publication, 1995.

Roza Hazli Zakaria, Radiah Abdul Kader, Noor Ismawati Mohd Jaafar & Sabitha Marican. Burgeoning household debt: An Islamic economic perspective. *Middle-East Journal of Scientific Research* 12, no. 9 (2012), 1182-1189.

Ṣabbāḥ, Sayf Hishām, *al-Nahy ‘an Bay‘atan fi Bay‘ah*. Tesis Sarjana, Universiti St Clements, Jabatan Ekonomi Islam, 2007.

Sābiq, Sayyid. *Fiqh al-Sunnah*. c. 4. Beirut: Dar al-Fikr, 1403H./ 1983.

Ṣābūnī, Muḥammad ‘Ali al-. *al-Mawāriṭh fi al-Sharī‘ah al-Islamiyyah ‘alā Ḍaw’ al-Kitāb wa al-Sunnah*. t.tpt.: Ḥuqūq al-Taba’ Maḥfūḍah, 1969.

Salām, Nabīl ‘Abd al-. *al-Mu’jam al-Wajīz li Alfaz al-Qur’an al-Karim*. Kaheerah: Dār al-Nashr li Jāmi’at, 1417H./1997.

- Sayyid bin Rajab. *Aḥkām al-Duyūn*. ed. Muṣṭafā al-‘Adawī. c. 3. Mansūrah: Dār Ibn Rajab, 2002.
- Sayyid, Şabīr Muḥammad Muḥammad. *Tab‘iyyah al-Rahn li al-Dayn al-Madmūn*. Mişr: Dār al-Kutub al-Qānūniyyah, 2009.
- Sekaran, Uma. *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. ed. 4. United States: John Wiley & Sons Inc., 2003.
- Sha‘rāwī, Muḥammad Mutawallī al-. *Tafsīr al-Sha‘rāwī*. Taḥqīq Dr Aḥmad ‘Umar Hāshim. t.tp.: Akhbār al-Yawm, t.t.
- Shabīr, Muḥammad ‘Uthmān. Şiyānah al-Madyūniyyat wa Mu’ālijatihā min al-Ta’aththur fī al-Fiqh al-Islāmī. dlm. Muḥammad Sulaymān Ashqar. *Buḥūth Fiqhiyyah fi Qadāya Iqtisādiyyah Mu’āşirah*. Jordan: Dār al-Nafā’is, t.t.
- Shāfi‘ī, Muḥammad al-Amīn bin ‘Abd Allāh al-Uramī al-‘Alawī al-Hararī al-. *Tafsīr Hadā’iq al-Rawh wa al-Rayḥan fi Rawabay ‘Ulūm al-Qur’ān*. Taḥqīq Dr Hashīm Muḥammad ‘Alī bin Ḥusayn Mahdī. Beirut: Dār Tawq al-Najāh, 1421H./2001.
- Shāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs al-. *Tafsīr al-Imām al-Shāfi‘ī*. Taḥqīq Dr Aḥmad Muṣṭafā al-Farrān. Riyāḍ: Dār al-Tadmurayyah, 1427H./2006.
- Shalash, Dr ‘Adnān bin Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-. *al-Imām Ibn Kathīr wa Atharuhu fi ‘Ilm al-Ḥadīth Riwayāyah wa Dirāyah*. Jordan: Dār al-Nafā’is, 1425H./2005.
- Shanqitī, Muḥammad bin Muḥammad al-Mūkḥṭār al-. *Sharh Zād al-Mustaḥsi*. t.pt.: t.pt., t.t.
- Sharbinī, Muḥammad al-Sharbinī al-Khaṭīb al-, *Mughni al-Muhtāj ilā Ma’rifat Ma’ānī Alfāz al-Minhāj*. t. tp.: t.pt., t.t.
- _____. *al-Iqnā’ fi Ḥill Alfāz Abū Sujā’*. Beirut: Dar al-Fikr, 1415H.
- _____. *Mughni al-Muhtāj ilā Ma’rifat Ma’ānī Alfāz al-Minhāj*. Taḥqīq Muḥammad Khalīl ‘Ītānī. c. 1. Beirut: Dār al-Ma’rifah, 1418H./1997.
- Shawkānī, Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al-. *Fath al-Qadīr al-Jāmi’ bayn Fannai al-Riwayāyah wa al-Dirāyah min ‘Ilm al-Tafsīr*. t.tp.: t.pt., t.t.
- _____. *Nayl al-Awṭār min Asrār Muntaqā al-Akhbār*. Taḥqīq Abū Mu’ādh Ṭāriq bin ‘Iwaḍ Allāh bin Muḥammad. Riyāḍ: Dār Ibn al-Qayyim, 1426H./2005.
- Shibillī, Yūsuf ‘Abd Allāh al-. *Fiqh al-Mu‘āmalat al-Maṣrafiyyah*. t.tp.: t.pt., t.t.

- Shirāzī, Abū Ishāq Ibrāhīm bin ‘Alī bin Yūsuf al-. *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Shāfi’i*. Beirut: Dar al-Qalam, t.t.
- Shirāzī, Majd al-Dīn bin Ya‘qūb al-Fayrūz Abādī al-. *al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. c. 2, Miṣr: Maṭba‘ah al-Ḥusayniyyah al-Miṣriyyah, 1344H.
- Sijistānī Abū Dāwūd Sulaymān bin al-‘Ash’ath al-Sijistānī. *Sunan Abī Dāwūd*. Taḥqīq Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī. Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘, t.t.
- Sir Frank Swettenham. *Perihal Orang Melayu*. Terj. Zubaidah Ibrahim. c. 2. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2007.
- Sirāj al-Dīn Abī Ḥafs ‘Umar bin ‘Alī bin Aḥmad al-Anṣārī al-Shāfi‘ī. *al-Tawḍīḥ li Sharh al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ*. Taḥqīq Dār al-Falāh. Qaṭar: Wazārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah, 1429H./2008.
- Siti Noor Akmal Mat Jusoh. *Implikasi Hutang Isi Rumah Terhadap Pertumbuhan Ekonomi Di Malaysia*. In: Conference Proceedings of Social Sciences Postgraduate International Seminar (SSPIS). School of Social Sciences, Pulau Pinang, Malaysia, (2015), 313-323.
- Siti Rahayu Hussin, Salin A Kassim & Nur Aien Jamal. Credit card holders in Malaysia: Customer characteristics and credit card usage. *Journal of Economics and Management* 7, no. 1 (2013), 108-122.
- Subashini, K. dan Duraisamy,S., A Study on Student’s Attitude towards Educational Loan Repayment, 2016, *International Journal of Electronic Marketing and Retailing (IJEMR)*, 6, no. 4, (2016), 1-5.
- Sudā, Abū Muḥammad Isma‘īl bin ‘Abd al-Raḥmān al-Sudā al-Kabīr al-. *Tafsīr al-Sudā al-Kabīr*, ed. Dr Muḥammad ‘Atā Yūsuf. Manṣūrah: Dār al-Wafā’ li al-Tibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1414H./1993.
- Sudin Haron. *Sistem Kewangan dan Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Business School Sdn. Bhd., 2005.
- Sulaiman Masri. *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, 2003.
- Ṣun‘ānī, ‘Abd al-Razzāq bin Hammām bin Naffī‘ al-. *Tafsīr al-Ṣun‘ānī*. Taḥqīq Dr Muṣṭafā Muslim Muḥammad. Riyāḍ: Maktabah al-Rushd, 1410H./ 1989,

Ṣun‘ānī, al-Imām Muḥammad bin Ismā‘īl al-Amīrī al-Yamanī al-. *Subul al-Salam Sharh Bulūgh al-Marām min Adillah al-Aḥkām*. Taḥqīq Ḥāzim ‘Alī Bahjah al-Qāḍī. Riyāḍ: Maktabah Nazār Muṣṭafā al-Bāz, 1415H./1995.

_____. *Subul al-Salam Sharh Bulūgh al-Marām*. Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif, 1427H./ 2006.

_____. *Subul al-Salam Sharh Bulūgh al-Marām*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 1430H./ 2009.

_____. *al-Tanwīr Sharh al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*. Taḥqīq Dr Muḥammad Ishāq Muḥammad Ibrāhīm. Riyāḍ: Maktabah al-Malik Fahd, al-Waṭaniyyah, 1432.

Suyatno & Ismail Suardi Wekke. *Governance in Southeast Asia: Indonesia-Malaysia Perspective on Politics and Social Studies*. Yogyakarta: Deepublish, 2018.

Suyūṭī, Jalāl al-Dīn al-. *al-Durr al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma‘thūr*. Taḥqīq Dr ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī. Kaherah: Markaz li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-‘Arabiyyah wa al-Islāmiyyah, 2003.

Ṭabari, Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr al-. *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta‘wil Āy al-Qur‘ān*. Tṭaḥqīq Dr ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turki. Kaherah: Hajr li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-I‘lān, 1422H./2001.

_____. *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta‘wil Āy al-Qur‘ān*. Taḥqīq Dr ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī. Kaherah: Markaz li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-‘Arabiyyah wa al-Islāmiyyah, 2001.

Ṭabrānī, Abū al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad bin Ayyūb bin Muṭayr al-Lakhmī al-Yamanī al-Ṭabrānī, al-. *Mu‘jam al-Kabīr*. t.tpt.: t.pt., t.t.

Taylor, S.J. & Bogdan, R. *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*. John Wiley & Sons, New York, 1984.

al-Ṭawālabah, Dr Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān. *al-Imām Muslim Manhajuhu fī Ṣaḥīḥih*. c.2. ‘Ammān: Dār ‘Ammār, 1421H./2000.

Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Īsā bin Sūrah al-. *Sunan al-Tirmidh*. Taḥqīq Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī. Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘, t.t.

Uqbah Iqbal, Nordin Hussin, dan Ahmad Ali Seman. Sejarah perkembangan ekonomi Semenanjung Tanah Melayu dan sifat ekonomi masyarakat Melayu era pra-kolonial. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)* 3, no. 2 (2015), 95-119.

- Wagland, S. P. dan Taylor. S. When it comes to financial literacy, is gender really an Issue? *Journal of Australian Accounting Business and Finance*, 3, no. 1 (2009), 13-25.
- Watt, S., C. Simpson, C. McKillop, dan V. Nunn. Electronic course surveys: does automating feedback and reporting give better results? *Assessment & Evaluation in Higher Education* 27, no. 4 (2002), 325–337.
- Yahyā, Ḥasan Abū Yaḥyā. *al-Istidānah fī al-Fiqh al-Islāmī, Maqumātuhā, Aḥkāmuhā, Majālātuhā, Ithbātuhā, Tawthīquhā Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah*. ‘Ammān: Maktabah al-Risālah al-Ḥadīthiyyah, 1410H./1990.
- Yusof Lahir. Presiden Persatuan Pemandu Teksi, Limosin dan Kereta Sewa Malaysia dlm. Mohd Azmi Abdul Hamid. *Di Sebalik Wajah Pembangunan*. Kedah: TERAS, 2007.
- Zafar U. Ahmed, Ishak Ismail, M. Sadiq Sohail, Ibrahim Tabsh & Hasbalaila Alias. Malaysian consumers’ credit card usage behaviour. *Asia Pacific Journal of Marketing and Logistics* 22, no. 4 (2010), 528-544.
- Zaharuddin Abd Rahman. *Panduan Perbankan Islam Kontrak & Produk Asas*. (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2009.
- Zahidatun Najah Md Abas adalah Pengurus Kewangan & Pentadbiran, Ibu Pejabat Koperasi UTM Berhad (KUTMB), No. 16A, Jalan Besi 2, Taman Sri Putri, 81300 Skudai, Johor Bahru, Johor Darul Takzim. Sumber emel najah@kutmb.coop pada 15 Februari 2017.
- Zainal Abidin Hashim & Mohd Shukri Haji Noor. Krisis Kewangan Global dan Pasaran Harta Tanah Kediaman: Perspektif Ekonomi Global, *Prosiding PERKEM IV*. (2009), 2:19-31. <http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemIV/PERKEM2009-2-02.pdf>
- Zamakhsharī, Abū al-Qāsim Jār Allāh Maḥmūd bin ‘Umar bin Aḥmad al-. *Asās al-Balāghah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1418H./1999.
- _____. *Tafsīr al-Kashshāf* taḥqīq ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd & ‘Alī Muḥammad Mu‘awwad. Riyād: Maktabah al-‘Abikān, 1418H./1998.
- Zuhaylī., Wahbah al-. *al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Sharī‘ah wa al-Manhaj*. Dimashq: Dār al-Fikr, 1411H./1991.
- _____. *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Dimashq: Dār al-Fikr, 1405/1985.

Zuroni Md Jusoh & Lim Len Yin. Personal financial knowledge and attitude towards credit card practices among working adults in Malaysia. *International Journal of Business and Social Science* 3, no. 7 (2012), 176-185.
http://www.ijbssnet.com/journals/Vol_3_No_7_April_2012/20.pdf

University of Malaya